SUHAKAM

HAK ASASI UNTUK SEMUA

LAPORAN TAHUNAN 2003

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

ANNUAL REPORT 2003

HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

www.suhakam.org.my

PERPUSTAKAAN SUHAKAM
HAK ASASI UNTUK SEMUA

SUHAKAM

LAPORAN TAHUNAN 2003

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

ANNUAL REPORT 2003

HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

www.suhakam.org.my

SUHAKAM LIBRARY
Laporan Tahunan 2003
SUHAKAM
003386

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2004

Hak cipta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
Copyright Human Rights Commission of Malaysia, 2004

Selain daripada lampiran XIX dan XX, mana-mana bahagian laporan ini boleh disalin dengan syarat perakuan sumber dibuat. Adalah perlu untuk memaklumkan penggunaan. Hakcipta terpelihara.
Apart from appendices XIX and XX, any other portion of this report may be reproduced provided acknowledgement of source is made. Notification of such use is required. All rights reserved.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA/
HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA
Tingkat 29, Menara Tun Razak,
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur,
E-mel: humanrights@suhakam.org.my
URL: http://www.suhakam.org.my

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*

PERCETAKAN WATAN SDN. BHD.
26, Jalan Daud, Kampung Bharu,
50300 Kuala Lumpur, MALAYSIA

ISSN: 1675-1159

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
LAPORAN TAHUNAN 2003

KANDUNGAN

		MUKA SURAT
BAB 1	CABARAN	7
BAB 2	KEADAAN HAK ASASI MANUSIA	15
BAB 3	ISU-ISU DALAM FOKUS	25
	I) KEBOLEHAN AKSES KEPADA KEPERLUAN ASAS	27
	II) HAK ASASI MANUSIA DAN GOLONGAN ORANG KURANG UPAYA	35
	III) PENYELUDUPAN WANITA DAN KANAK-KANAK	43
	IV) PUSAT TAHANAN	47
	V) UNDANG-UNDANG YANG MENYEKAT KEBEBASAN INDIVIDU	53
	VI) CEDAW: HAK, TANGGUNGJAWAB DAN PERLAKSANAAN	57
	VII) HAK ASASI MANUSIA DI SEKOLAH	63
BAB 4	HARI HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA 2003	67
BAB 5	LAPORAN KUMPULAN KERJA PENDIDIKAN DAN PROMOSI HAK ASASI MANUSIA	79
BAB 6	LAPORAN KUMPULAN KERJA PEMBAHARUAN PERUNDANGAN DAN TRITI ANTARABANGSA	87
BAB 7	LAPORAN KUMPULAN KERJA ADUAN DAN SIASATAN	95
BAB 8	LAPORAN KUMPULAN KERJA HAK EKONOMI, SOSIAL AND KEBUDAYAAN	103
BAB 9	LAPORAN SEKRETARIAT	111
BAB 10	KESEDARAN DAN AMALAN HAK ASASI MANUSIA DI SEKOLAH	115
BAB 11	LAPORAN CAWANGAN SUHAKAM DI SABAH AND SARAWAK	127
	I) AKTIVITI-AKTIVITI SUHAKAM DI SABAH	129
	II) AKTIVITI-AKTIVITI SUHAKAM DI SARAWAK	133
BAB 12	MAJU KE HADAPAN	139

LAMPIRAN

I	Roadshow SUHAKAM di Sabah dan Sarawak	147
II	Kenyataan Akhbar Mengenai "Public Inquiry into the Conditions of Detention Under the Internal Security Act 1960"	149
III	Kenyataan Akhbar Mengenai "Review of the Internal Security Act 1960' Calls for New Anti-subversion Law	153
IV	Kenyataan Akhbar Mengenai "Release of ISA Detainees"	157
V	Kenyataan Akhbar Mengenai "Follow Guidelines on Freedom of Assembly"	159
VI	Kenyataan Akhbar Mengenai "Prisons Department Should Take Over Management of More Immigrations Depots"	161
VII	Kenyataan Akhbar Mengenai "Resolve Land Disputes of the Semai Orang Asli"	169
VIII	Kenyataan Akhbar Mengenai "Ensure Human Rights of 13 Students Arrested Under the ISA are Protected"	171
IX	Kenyataan Akhbar Mengenai "Deportation of Eight Achehnese Put on Hold"	173
X	Kenyataan Akhbar Mengenai "Special Counters in Road Transport Department Upholds Rights People With Disabilities"	175
XI	Kenyataan Akhbar Mengenai "Fate of Students Still Detained Under the Internal Security Act (ISA)"	177
XII	Kenyataan Akhbar Mengenai "SUHAKAM to Hold Public Inquiry"	179
XIII	Kenyataan Akhbar Mengenai "Penal Code Amendments – Chapter on Offences Relating to Terrorism"	181
XIV	Kenyataan Akhbar Mengenai "Government Should Protect the Human Rights of Citizens in All Spheres of Life"	185
XV	Ceramah, Seminar dan Persidangan – Kebangsaan	187
XVI	Seminar dan Persidangan – Antarabangsa	188
XVII	Dialog SUHAKAM	189
XVIII	Pelawat SUHAKAM	190
XIX	Maklumbalas Kerajaan terhadap laporan-laporan SUHAKAM pada tahun 2000 and 2001	191
XX	Maklumbalas Kerajaan terhadap laporan-laporan SUHAKAM pada tahun 2002	289
XXI	Akaun yang telah diodit	343

BAB 1

CABARAN

BAB 1:
CABARAN

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) turut bersama rakyat Malaysia mengucapkan tahniah kepada YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi di atas perlantikan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelima dan YAB Dato' Seri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia. SUHAKAM akan terus bekerjasama dengan pihak Kerajaan di bawah kepimpinan baru ini dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia rakyat Malaysia dan juga dalam menggalakkan kerjasama dan koordinasi di peringkat antarabangsa dalam hal-hal hak asasi manusia.

Penubuhan SUHAKAM telah diasaskan semasa Dato' Seri Abdullah menjadi Menteri Luar Negeri. Sokongan beliau memain peranan penting dalam penubuhan SUHAKAM. Dalam ucapan terima kasih beliau kepada YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad sempena persaraannya sebagai Perdana Menteri keempat pada November 2003, Dato' Seri Abdullah mengakui bahawa Kerajaan secara berterusan telah memberi kuasa dan mendukung maruah rakyat Malaysia serta maruah negara-negara membangun melalui inisiatif pelbagai hala, dan bahawa ia telah secara konsisten memperjuangkan keutamaan dan kesucian undang-undang antarabangsa. SUHAKAM mengalu-alukan komitmen berterusan beliau kepada matlamat ini.

STRUKTUR ORGANISASI BARU

Pada awal tahun 2003, struktur organisasi SUHAKAM telah dikaji semula oleh Suruhanjaya bagi membolehkan beban kerja yang bertambah dan pelbagai ditangani dengan lebih berkesan. Kumpulan Kerja Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (ECOSOC) telah mula beroperasi dengan penyusunan semula kakitangan bahagian tersebut. Ketika itu Bahagian ini lebih aktif di dalam mengutarakan hak ekonomi, sosial dan kebudayaan, terutamanya untuk kumpulan terpinggir di Malaysia yang mungkin telah disisihkan daripada aliran utama dalam pembangunan pesat sosio-ekonomi.

Kumpulan Kerja Triti dan Suratcara Antarabangsa telah digabungkan dengan Kumpulan Kerja Pembaharuan Perundangan oleh sebab terdapat banyak pertindihan dan hubungkait di dalam bidang tugas mereka. Bahagian Sekretariat juga telah disusun semula kepada tiga bahagian tugasan iaitu: Bahagian Polisi dan Penyelidikan, Bahagian Aduan dan Siasatan dan Bahagian Pendidikan dan Promosi Hak Asasi Manusia (dahulunya dikenali sebagai Bahagian Pendidikan dan Penyelidikan). Bahagian-bahagian ini adalah sejajar dengan penubuhan kumpulan kerja kecuali bagi Bahagian Polisi dan Penyelidikan yang mengambil alih tugas daripada dua kumpulan kerja, iaitu Kumpulan Kerja Pembaharuan Perundangan dan Triti Antarabangsa dan juga ECOSOC. Ia juga bertanggungjawab mengenalpasti isu nasional yang baru timbul yang memerlukan perhatian Suruhanjaya dan mengikuti perbincangan serta perkembangan mengenai hak asasi manusia di peringkat antarabangsa.

Perubahan selanjutnya dalam SUHAKAM termasuklah nama baru yang diberikan kepada Bahagian Perhubungan yang kini dikenali sebahagai Bahagian Perhubungan Awam.

Peningkatan beban kerja juga menyaksi penubuhan Bahagian Undang-Undang untuk memberi khidmat nasihat undang-undang kepada Suruhanjaya mengenai semua perkara undang-undang dan perundangan. Ia juga memenuhi kesemua keperluan khidmat nasihat undang-undang kesemua Kumpulan Kerja dan mana-mana unit operasi, fungsi atau unit-unit pentadbiran lain di bawah bidang kuasa Suruhanjaya.

MENANGANI PERSEPSI NEGATIF

Walaupun SUHAKAM kini berusia empat tahun, kesannya ke atas keadaan hak asasi manusia di Malaysia masih dipertikaikan. Dari satu sudut ramai di antara aktivis masyarakat awam masih menganggap SUHAKAM sebagai tidak berkesan dan tidak lebih daripada menjalankan aktiviti perhubungan awam bagi pihak Kerajaan. Dari sudut yang lain pula, ramai di dalam Kerajaan menganggap SUHAKAM sebagai musuh dan menuduhnya bertindak seperti sebuah badan bukan kerajaan (non-governmental organisation - NGO).

Walaupun ada di antara pergerakan NGO yang kecewa disebabkan kegagalan SUHAKAM membawa perubahan yang diharapkan dalam isu-isu kebebasan sivil dan politik dan juga dalam isu-isu sosial dan kebudayaan, ada pihak-pihak dalam Kerajaan pula mendapati ianya sukar untuk difahami bagaimana sebuah badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan sendiri boleh bersikap kritikal terhadap tindakan-tindakan Kerajaan. SUHAKAM berharap dengan peningkatan pemahaman rakyat Malaysia mengenai fungsi dan kuasanya sebagai sebuah institusi hak asasi manusia – kekuatan dan kekurangannya – kedua-dua pihak akan mempunyai harapan yang lebih realistik dan seimbang terhadap fungsi dan keupayaan SUHAKAM.

Walau bagaimanapun, SUHAKAM sedar bahawa kewujudan dan tindakannya telah meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai subjek hak asasi manusia dan juga telah meningkatkan harapan terhadap SUHAKAM sebagai sebuah badan yang telah dipertanggungjawabkan untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia diperingkat kebangsaan. Oleh itu, SUHAKAM kekal prihatin tentang kurangnya sambutan positif terhadap syornya bagi pembaharuan undang-undang dan polisi yang terkandung di dalam beberapa laporan utama yang berkepentingan awam, termasuklah Laporan Kebebasan Berhimpun, Siasatan Lebuhraya Kesas dan juga ratifikasi ke atas triti hak asasi manusia yang utama.

Sementara SUHAKAM ingin mengiktiraf bahawa ada di antara agensi-agensi Kerajaan bersikap lebih bekerjasama, terutamanya Badan Kehakiman, Jabatan Penjara, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Pendidikan, agensi-agensi lain masih belum memberi perhatian terhadap laporan dan syor-syor SUHAKAM dengan kadar segera ataupun dengan apa-apa keutamaan.

Adalah menjadi harapan SUHAKAM agar penekanan terhadap kebertanggungjawaban, ketelusan dan sistem penyampaian awam yang lebih berkesan oleh pentadbiran baru ini akan menemui jalan yang lebih berkesan di dalam jangka masa panjang di dalam mengubah salah faham ahli politik dan perkhidmatan awam terhadap tugas dan tanggungjawab SUHAKAM. Tidak perlu diberi penekanan bahawa SUHAKAM diberi mandat untuk melaksanakan fungsinya melalui Akta Parlimen dan oleh yang demikian adalah diharapkan Kerajaan memberi respon yang lebih positif terhadap saranan-saranan SUHAKAM.

SUHAKAM juga merasakan bahawa pihak media, NGO, parti Pembangkang dan penyokong Kerajaan di dalam Parlimen boleh memainkan peranan yang lebih besar dalam mendidik orang ramai mengenai hak asasi manusia dan dalam mengekalkan minat dan pengaruh orang ramai untuk memperbanyakkan lagi pembaharuan melalui penerimaan pelbagai saranan yang terkandung dalam laporan-laporan SUHAKAM dan laporan tahunannya. Ini akan memupuk budaya menghormati hak asasi manusia di Malaysia yang

lebih kukuh dan menggalakkan rakyatnya untuk mengguna SUHAKAM dengan lebih berkesan dalam mencari penyelesaian kepada pencabulan hak asasi manusia.

SUHAKAM lebih daripada bersedia untuk bekerjasama dengan mana-mana agensi atau kumpulan untuk membantu mereka lebih memahami prinsip-prinsip hak asasi manusia dan bagaimana prinsip-prinsip ini mengawal dan memberi kesan terhadap tugas mereka. Dalam hubungan ini, SUHAKAM berpuas hati kerana modul latihan hak asasi manusia untuk Polis telah diuji dan boleh disemak semula untuk memasukkan input para peserta dan akan dilaksanakan sepenuhnya apabila sempurna.

PENERAPAN NILAI HAK ASASI MANUSIA

Di antara matlamat utama SUHAKAM adalah menggalakkan urus tadbir yang baik agar hak asasi manusia diserapkan ke dalam kehidupan harian. Urus tadbir yang baik melibatkan semua sektor masyarakat dalam membuat dan melaksanakan keputusan, melalui pendekatan penyertaan, berorentasikan persetujuan bersama, bertanggungjawab, telus, responsif, berkesan dan cekap, adil dan saksama, yang menghormati kedaulatan undang-undang. Ia juga memastikan bahawa semua peluang rasuah dapat diminimakan jika tidak dihapuskan; pandangan kumpulan minoriti perlu diambil kira sepenuhnya; suara kumpulan minoriti juga dipertimbangkan dengan lebih serius manakala suara atau pendapat kebanyakan kumpulan yang lemah dan terpinggir perlu diberi perhatian.

Satu bidang di mana prinsip-prinsip ini dapat diaplikasikan ialah di dalam proses merangka undang-undang memandangkan di Malaysia proses tersebut masih belum melibatkan semua pihak. Salah satu daripada fungsi SUHAKAM, di bawah Seksyen 4(1) Akta SUHAKAM, ialah untuk menasihati dan membantu Kerajaan dalam merumuskan perundangan dan arahan dan tatacara pentadbiran dan untuk mengesyorkan langkah-langkah perlu diambil untuk perlindungan dan pengutaraan hak asasi manusia. SUHAKAM bersedia dan mampu untuk menyumbang kepada perangkaan undang-undang sekiranya diminta, demi memastikan bahawa undang-undang baru mengambil kira hak asasi manusia dan agar undang-undang sedia ada mematuhi standard antarabangsa dalam hal ini. Deraf undang-undang tidak pernah dirujuk kepada SUHAKAM untuk nasihat. Kerajaan juga tidak memberi maklum balas terhadap syor-syor SUHAKAM pada tahun 2000 agar rang undang-undang yang penting dirujuk kepada satu Jawatankuasa Pilihan selepas bacaan pertama, bahawa ianya tidak patut diklasifikasikan sebagai Rahsia Rasmi, tetapi rang undang-undang tersebut sepatutnya dibentangkan untuk penelitian dan perbahasan awam sebelum ianya dirujukkan kepada badan-badan perundangan.

Selaras dengan Prinsip Paris (Paris Principles) SUHAKAM bersedia bertindak sebagai pengantara dalam pertikaian yang memberi kesan negatif ke atas hak asasi manusia. Suruhanjaya telah beberapa kali menyatukan beberapa pihak yang bertentangan pendapat atau yang gagal mencapai persetujuan disebabkan perbezaan pendapat. Perundingan sedemikian yang melibatkan agensi-agensi Kerajaan, NGO kalangan pemegang-pemegang pelbagai kepentingan yang lain, bertujuan untuk memudahkan pemahaman isu-isu dan kemungkinan penyelesaian pertikaian tersebut. Berhubung dengan hal ini, SUHAKAM meramalkan bahawa tidak lama lagi persetujuan bersama perlu dicapai mengenai bagaimana pelarian dan pemohon perlindungan harus dilayan manakala berada di Malaysia.

Peristiwa yang berlaku sepanjang beberapa tahun yang lalu telah menekankan tentang perlunya kajian mendalam berhubung isu-isu pelarian dan kepentingan respon yang selaras oleh agensi-agensi seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Luar Negeri, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen dan Jabatan Kebajikan Masyarakat, dengan kerjasama

daripada Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-bangsa Besatu bagi Pelarian (United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR).)

SUHAKAM menyedari akan kebimbangan Kerajaan bahawa ada kemungkinan kemasukan mendadak pendatang yang akan memohon status pelarian di Malaysia sedangkan pada hakikatnya mereka adalah pendatang ekonomi. Terdapat kes-kes di mana mereka daripada kategori ini telah ditangkap, ditempatkan di pusat-pusat tahanan sebelum dihantar pulang walaupun telah diberi arahan perlindungan sementara oleh UNHCR. Pengenalan pasti garis panduan polisi yang jelas dan prosedur dapat mengurangkan penderitaan dan ketidakpastian pendatang-pendatang ini serta menyekat pelanggaran hak asasi manusia.

DALAM INGATAN



Tan Sri Harun Mahmud Hashim, Naib Pengerusi SUHAKAM, telah meninggal dunia pada 30 September 2003. Beliau telah dilantik sebagai ahli Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia apabila ianya ditubuhkan pada bulan April 2000 dan telah dilantik semula untuk tempoh perkhidmatan dari 2002-2004. Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau, Tan Sri Harun memberi khidmat yang tidak terhingga kepada SUHAKAM, meluangkan masa untuk berkongsi kewibawaan dan kepintaran dengan gaya tersendiri yang berterus terang. Sebagai mengiktiraf sikap keunggulan beliau, Pesuruhjaya yang lain telah melantik beliau sebagai Naib Pengerusi kepada Suruhanjaya bagi setiap tempoh jawatan. Tan Sri Harun mengekalkan kesopanan dan disiplin tertinggi dan akan diingati kerana wawasan tidak ternilai beliau ke dalam kerja-kerja tersirat undang-undang dan Kerajaan.

Tan Sri Harun merupakan seorang ahli yang terkemuka dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Beliau berkhidmat dalam pelbagai jawatan dan dinaikkan pangkat sehingga menjadi Hakim Mahkamah Agung sehingga persaraan beliau pada tahun 1994. Kejujuran dan ketulusan beliau yang tiada cacat celanya menjadikan beliau pilihan paling sesuai sebagai Ketua Pengarah di Badan Pencegah Rasuah. Beliau juga telah menubuhkan Mahkamah Perusahaan, yang mana beliau telah dilantik Presidennya.

Pendekatan praktikal Tan Sri Harun dalam menyelesaikan masalah telah banyak menyumbang ke arah memudahkan prosedur aduan mengenai pencabulan hak asasi manusia. Tidak berbelah bahagi dalam komitmennya terhadap hak asasi manusia, beliau telah menggunakan sebaik-baiknya setiap peluang untuk menyebarkan mesej hak asasi manusia melalui kolum 'Benchmark' beliau yang disiarkan setiap minggu dalam akhbar New Straits Times dan juga melalui pelbagai jemputan untuk memberikan ceramah di forum, seminar dan konferens dalam dan luar negeri.

Semoga Allah mencucuri Rahmat Nya ke atas roh Allahyarham
dan meletakkannya di dalam golongan
orang-orang yang soleh.

BAB 2

KEADAAN HAK ASASI MANUSIA

BAB 2 :
KEADAAN HAK ASASI MANUSIA

Sama seperti tahun-tahun yang lepas, hak asasi manusia di Malaysia mempunyai rekod yang bercampur-campur. Penonjolan positif pada tahun 2003 termasuklah pengumuman oleh Suruhanjaya Pilihanraya pada bulan September untuk membenarkan parti-parti politik mengadakan perhimpunan terbuka semasa berkempen untuk pilihanraya umum akan datang, dengan syarat mereka mendapat permit polis untuk mengadakan perhimpunan tersebut; pengumuman Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-Lapan 2001 - 2005 pada bulan Oktober yang menunjukkan bahawa secara amnya bilangan rakyat termiskin di Malaysia telah menurun; pengumuman oleh Kerajaan dalam bulan Disember bahawa undang-undang kontroversi seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 yang "kurang dari segi hak asasi manusia" akan diperbaiki dari semasa ke semasa untuk menjadikan undang-undang tersebut lebih berperikemanusiaan; dan pengumuman tentang penubuhan Suruhanjaya Diraja untuk meningkatkan Operasi dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Perkembangan positif ini walau bagaimanapun telah dicemari oleh beberapa peristiwa, termasuklah aduan mengenai ketiadaan tindakan polis, perhatian yang tidak mencukupi terhadap kumpulan-kumpulan yang lemah seperti Orang Kurang Upaya (OKU) dan keengganan awal pihak Polis untuk memberi permit kepada sebuah NGO wanita untuk menganjurkan perhimpunan di Kuala Lumpur bagi menentang kes rogol dan keganasan terhadap wanita.

1. KEBEBASAN BERHIMPUN

Keengganan awal pihak Polis untuk memberi "All Women's Action Society (AWAM)" satu permit pada bulan Julai untuk mengadakan perhimpunan awam di Bangsar untuk menangani isu-isu rogol dan keganasan terhadap wanita, serta kesulitan selanjutnya yang dihadapi oleh AWAM dalam menganjurkan perhimpunan di Mid-valley Megamall dengan itu menyebabkan penangguhan acara tersebut; sungguh merisaukan kerana keganasan terhadap wanita adalah satu isu kepentingan awam yang berterusan. Walaupun permit telah dikeluarkan untuk satu perhimpunan yang serupa di Petaling Jaya dalam bulan Ogos, SUHAKAM masih bimbang tentang kesukaran yang terus dihadapi oleh masyarakat umum di dalam mempraktikkan hak mereka untuk berhimpun secara aman mengenai isu-isu penting dan berkepentingan awam.

Walau bagaimanapun, SUHAKAM mengalu-alukan pengumuman Suruhanjaya Pilihanraya pada bulan September untuk membenarkan parti-parti politik mengadakan perhimpunan terbuka semasa berkempen untuk pilihanraya umum yang akan datang, dengan syarat mereka mendapat permit polis untuk mengadakan perhimpunan tersebut, sebagai satu langkah untuk mendukung hak kebebasan berhimpun. Dalam melaksanakan hak ini, SUHAKAM menggesa semua pihak yang berkenaan mematuhi garis panduan yang telah disyorkan dalam Laporannya mengenai Kebebasan Berhimpun untuk memastikan bahawa hak ini dapat dinikmati secara aman.

2. AKSES KEPADA KEPERLUAN ASAS

Perkara 25 Perisytiharaan Sejagat Hak Asasi Manusia (Universal Declaration of Human Rights - UDHR) menyatakan bahawa:

Setiap orang adalah berhak kepada suatu taraf hidup yang mencukupi bagi kesihatan dan kebajikan diri dan keluarganya, termasuklah makanan, pakaian, perumahan dan penjagaan perubatan serta perkhidmatan sosial yang perlu, dan berhak kepada perlindungan ketika berlakunya pengangguran, kesakitan, hilang upaya, menjadi janda, keuzuran atau kekurangan kehidupan yang lain dalam keadaan di luar kawalannya.

Hak untuk menjalani kehidupan yang bermaruah tidak akan dapat dicapai sekiranya semua keperluan asas tidak disediakan dengan secukupnya dan saksama kepada semua pihak. Keperluan asas termasuklah makanan, pakaian, perumahan dan penjagaan kesihatan, semua yang mana akan lambat launnya susah untuk dicapai sekiranya wujud kemiskinan, terutamanya kemiskinan yang terlampau. Dalam hubungan ini, SUHAKAM perhatikan bahawa Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke Lapan 2001-2005 yang dibentangkan di Parlimen pada bulan Oktober menunjukkan kadar rakyat termiskin di Malaysia telah menurun kepada 1.0% dalam tahun 2002, satu penurunan yang ketara daripada angka 3.9% pada tahun 1990. Kejayaan ini disebabkan oleh "komitmennya kepada polisi dan program jangka panjang yang bukan sahaja tertumpu kepada pembangunan tetapi juga pada masa yang sama menangani ketidaksamarataan sosio-ekonomi." *[Rujuk Bab 8]*

Akan tetapi, angka dalam Kajian Separuh Penggal juga menunjukkan bahawa jumlah rakyat termiskin adalah lebih tinggi di kalangan sesetengah kumpulan yang lemah. Sebagai contoh, pada tahun 2002, rakyat termiskin di kalangan isi rumah yang diketuai oleh golongan warga tua ialah 4.9% manakala isi rumah yang diketuai oleh wanita pula berada pada kadar 9.4%. Tambahan pula, mengikut Rancangan Malaysia ke Lapan, kadar rakyat termiskin di kalangan Orang Asli telah dicatatkan pada 15.4% dalam tahun 1999 berbanding dengan kadar keseluruhan rakyat termiskin sebanyak 1.4% pada tahun yang sama. Oleh itu, program-program menghapuskan kemiskinan harus mengutamakan kumpulan-kumpulan terpinggir ini.

Satu Seminar bertajuk 'Kebolehan Diakses Kepada Keperluan Asas' anjuran SUHAKAM pada bulan Julai berpendapat bahawa tahap kebolehan diakses kepada keperluan asas di Malaysia secara umum adalah menggalakkan kesan daripada pembangunan ekonomi yang pesat sejak Kemerdekaan. Walau bagaimanapun, ia dirasakan bahawa akses kepada keperluan asas khususnya di kalangan kumpulan yang lemah seperti kumpulan Orang Asli, rakyat miskin di bandar dan luar bandar, warga tua dan mereka yang mempunyai kecacatan mental boleh dipertingkatkan. Beberapa cadangan telah dikemukakan berhubung hak berkenaan penjagaan kesihatan dan pemakanan berkhasiat, pendidikan dan maklumat dan perumahan yang wajar dan persekitaran yang boleh dikekalkan. *[Rujuk Bab 3(i)]*

3. PENAHANAN TANPA PERTUDUHAN/PERBICARAAN

SUHAKAM mengikuti dengan penuh minat beberapa perkembangan yang telah berlalu sejak dikeluarkan laporan kajian semulanya ke atas Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA), yang mengesyorkan agar Akta tersebut dimansuhkan dan undang-undang baru yang komprehensif berhubung dengan kegiatan subversif diperkenalkan. Perkembangan yang pertama dalam perkara ini adalah tindakan Parlimen meluluskan Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2003 yang bertujuan memasukkan peruntukan berhubung dengan kesalahan berkaitan keganasan. Selain daripada beberapa kebimbangan, SUHAKAM melihat perkembangan ini sebagai sesuatu yang positif. *[Rujuk Bab 6 dan Apendik XIII)]*

Kedua ialah pengumuman Kerajaan bahawa undang-undang kontroversi seperti ISA akan dikaji semula untuk menjadikannya lebih berperikemanusiaan. Ketiga, selari dengan syor SUHAKAM supaya kuasa untuk menahan tanpa perbicaraan di bawah ISA dilaksanakan dengan berhati-hati dan suci hati, dapat dilihat bahawa ISA telah digunakan dengan lebih terkawal sepanjang tahun 2003. Ini terbukti dengan pembebasan tanpa syarat empat aktivis reformasi pada bulan Jun dan 19 tahanan ISA pada bulan November, terdiri daripada empat orang pelajar yang telah ditangkap atas tuduhan terlibat

dengan Jemaah Islamiah dan 15 orang ahli Al-Maunah. Selain daripada itu, semasa satu acara anjuran SUHAKAM sempena Hari Hak Asasi Manusia Sedunia 2003, Dato' Seri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak, Menteri Pertahanan, berkata dalam ucapan utamanya bertajuk 'Hak Asasi Manusia: Sekarang dan Masa Hadapan' bahawa berkemungkinan mereka yang disyaki sebagai pengganas akan didakwa menurut Kanun Keseksaan dengan berkuatkuasanya Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2003. Walau bagaimanapun, beliau menyatakan bahawa ISA akan terus diguna oleh Kerajaan dalam kes-kes yang bersesuaian di mana keadaan tidak membenarkan penggunaan Kanun Keseksaan. Sehingga 31 Disember, 2003, seramai 97 orang masih lagi ditahan dibawah ISA.

Walau bagaimanapun, perkembangan-perkembangan positif ini telah dicemari oleh beberapa aduan baru-baru ini mengenai layanan terhadap tahanan ISA. Antara aduan termasuklah tuduhan ugutan yang tidak munasabah oleh seorang pegawai untuk tidak membenarkan tahanan-tahanan daripada melakukan aktiviti-aktiviti senaman dan rekreasi yang sesuai; kelewatan mendapat rawatan pakar; larangan tidak munasabah oleh pihak berkuasa di Kem Tahanan Kamunting (KEMTA) berkenaan akses kepada peguam; tindakan pihak Polis menyimpan buku bank dan kad ATM yang menyebabkan masalah kewangan ke atas keluarga tahanan; ahli keluarga yang datang dari jauh tidak dibenarkan berjumpa dengan tahanan; dan keluarga tahanan terpaksa menunggu lama sebelum dibenarkan berjumpa dengan tahanan dan harga makanan yang tidak berpatutan yang dijual di kantin pusat tahanan tersebut. Walaupun tahanan dibenarkan makan bersama keluarga semasa lawatan, hanya makanan yang dibeli dari kantin tersebut sahaja yang dibenarkan.

Pada 15 Disember, SUHAKAM telah melawat KEMTA dan mengemukakan aduan tersebut kepada pihak berkuasa. Berhubungan dengan hak melawat ahli keluarga, pihak berkuasa memaklumkan SUHAKAM bahawa ahli keluarga boleh memaklumkan lebih awal tentang lawatan mereka bagi mengurangkan masa menunggu apabila meraka tiba di sana. Selain daripada itu, sejajar dengan syor-syor SUHAKAM, KEMTA telah membenarkan tahanan untuk berjumpa ahli keluarga tanpa jaringan dawai yang menghalang di antara mereka. Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai KEMTA mengadu bahawa ada di antara tahanan yang telah menyalahgunakan sistem ini dan bersikap 'kurang sopan' dengan isteri mereka yang datang melawat. Para pegawai tersebut juga menyatakan kebimbangan mereka mengenai kemungkinan para pelawat menggunakan peluang tersebut untuk menyeludup barang-barang yang dilarang ke dalam KEMTA.

Banyak tumpuan telah diberikan kepada ISA apabila membincangkan isu tahanan tanpa pertuduhan atau perbicaraan. Undang-undang lain yang memperuntukkan bagi penahanan tanpa perbicaraan termasuklah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Oleh itu SUHAKAM sedang mengkaji semula undang-undang tersebut dan pelaksanaannya. *[Rujuk Bab 3(v)]*

4. PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

SUHAKAM terus menerima aduan tentang tuduhan pencabulan hak asasi manusia oleh agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang, terutamanya pihak Polis. Pada bulan September, Timbalan Menteri Dalam Negeri juga telah dilaporkan sebagai berkata bahawa, aduan-aduan mengenai ketidakcekapan Polis dalam bertindak kepada aduan-aduan dan penyalahgunaan kuasa menunjukkan kadar yang tertinggi di antara aduan-aduan yang telah diterima oleh Kementerian tersebut berhubung 10 jabatan di bawah pengawasannya bagi tujuh bulan pertama tahun 2003.

SUHAKAM dengan itu berpuas hati bahawa usaha sedang dijalankan untuk mempertingkatkan perilaku Polis di dalam menjalankan tugas mereka. Sebagai contoh, modul latihan hak asasi manusia untuk Polis, yang telah disediakan oleh SUHAKAM bersama pihak Polis dan NGO telah berjaya diuji semasa Bengkel selama tiga hari dalam bulan Jun. Adalah juga amat menggembirakan kerana dengan

kerjasama daripada Biro Bantuan Guaman di bawah Bahagian Undang-Undang di Jabatan Perdana Menteri, bengkel-bengkel hak asasi manusia telah dianjurkan untuk pelbagai agensi penguatkuasaan, termasuklah Polis, Jabatan Penjara, Jabatan Imigresen dan Badan Pencegah Rasuah. *[Rujuk Bab 5 dan 7]*

Selain daripada itu, dalam bulan Oktober, Timbalan Menteri Dalam Negeri mengumumkan bahawa sebagai usaha untuk menggalakkan profesionalisme di kalangan anggota berpakaian seragam di bawah Kementerian Dalam Negeri, ia sedang mengkaji penyelerasan gaji permulaan yang minima untuk semua rekrut yang menyertai pasukan berpakaian seragam termasuklah Jabatan Penjara, Polis, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen, Agensi Dadah Negara dan Jabatan Pertahanan Awam.

Peristiwa penting dalam bidang ini pada tahun 2003 adalah pengumuman oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, pada akhir bulan Disember mengenai penubuhan Suruhanjaya Diraja Untuk Mempertingkatkan Operasi Dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia. SUHAKAM mengalu-alukan pengumuman ini dan bersedia untuk bekerjasama sepenuhnya dengan Suruhanjaya tersebut mengenai perkara-perkara berkaitan hak asasi manusia.

(a) Ketiadaan Tindakan Polis

Tahun ini melihat peningkatan dalam aduan yang dibuat kepada SUHAKAM mengenai dakwaan ketiadaan tindakan polis atau penyiasatan yang amat perlahan. SUHAKAM berpendapat bahawa jenayah seperti pembunuhan, rogol dan mencuri merupakan pencabulan hak seseorang untuk hidup dan keselamatan diri seperti yang termaktub dalam Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan dan Perkara 3 Perisytiharan Sejagat Mengenai Hak Asasi Manusia (UDHR). Oleh sebab itu, tuduhan mengenai ketiadaan tindakan polis dilihat sebagai sesuatu yang membimbangkan. SUHAKAM telah membuat beberapa pengesyoran berkaitan hal ini. *[Rujuk Bab 4]*

(b) Perintah Reman Berturut-turut

Dalam Laporan Tahunan 2002, SUHAKAM menekankan isu perintah reman konsekutif. Penggunaan perintah reman berturut-turut oleh pihak Polis, satu amalan yang dikenali di kalangan NGO sebagai "road show remand", telah diutarakan pada persidangan SUHAKAM bertajuk 'Hak Asasi Manusia dan Pentadbiran Undang-Undang', yang telah dianjurkan sempena sambutan ketiga Hari Hak Asasi Manusia Malaysia pada 9-10 September.

SUHAKAM dengan itu menyatakan sekali lagi kebimbangannya tentang amalan ini yang dimungkinkan akibat daripada kegagalan mahkamah memainkan peranan berkesan apabila menimbangkan permohonan reman di bawah Seksyen 117 dalam Kanun Prosedur Jenayah (CPC). SUHAKAM telah membuat beberapa pengesyoran berkaitan perkara ini. *[Rujuk Bab 4]*

(c) Kematian Dalam Tahanan

Kematian dalam tahanan terus berlaku dan dilihat semakin meningkat. Pada bulan Oktober, telah dilaporkan di Parlimen bahawa seramai 425 banduan di penjara telah meninggal dunia di antara tahun 2002 hingga Julai 2003. Daripada jumlah tersebut, seramai 237 meninggal dunia pada tahun 2002 dan 188 meninggal dunia dalam masa tujuh bulan pertama tahun 2003. Telah dilaporkan juga seramai 23 orang telah meninggal dunia di dalam lokap Polis di antara tahun 2002 hingga Julai 2003. Daripada jumlah tersebut, 16 orang meninggal dunia dalam tahun 2002 dan tujuh meninggal dunia dalam tujuh bulan pertama tahun 2003. Ini berbanding 10 kematian pada tahun 2001 dan enam kematian pada tahun 2000.

Jadual 1 : Kematian Dalam Tahanan

NO	NAMA	UMUR	BULAN KEMATIAN	TEMPAT TAHANAN
1.	Prakash Moses	23	Februari	Balai Polis Jalan Hang Tuah, Kuala Lumpur
2.	Kannan Kanthan	45	Februari	Balai Polis Batu Pahat, Johor
3.	Ahmad bin Salleh	42	Jun	Balai PolisKuala Krai, Kelantan
4.	M. Ulaganathan	19	Julai	Balai PolisKajang, Selangor
5.	Ni Chung	35	November	Pusat Tahanan Lenggeng, Negeri Sembilan
6.	G. Veerasamy	52	November	Balai Polis Pandan Indah, Ampang, Selangor
7.	Yoges Rao	22	Disember	Balai Polis Manjung, Perak

SUHAKAM telah menerima beberapa aduan berkaitan dengan kematian dalam tahanan, termasuklah kes-kes di Jadual 1:

Ahli keluarga mangsa yang telah meninggal dunia bersama-sama dengan kumpulan hak asasi manusia telah menyatakan kebimbangan dan syak wasangka kemungkinan kematian tersebut disebabkan oleh penyalahgunaan kuasa oleh pihak berkuasa berkaitan yang menahan mereka.

Pihak polis telah bekerjasama dengan SUHAKAM di dalam perkara ini dan telah menjawab beberapa pertanyaan yang telah dikemukakan. Melalui surat bertarikh 27 Jun, pihak polis memberitahu SUHAKAM bahawa di dalam kes Prakash Moses, Kamar Peguam Negara telah bersetuju menjalankan inkues. Kamar Peguam Negara juga telah mengarahkan satu siasatan dijalankan di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan mengenai kenyataan lisan oleh seorang saksi yang melihat simati dipukul oleh pegawai polis. Selain daripada itu, ia menyatakan bahawa siasatan polis masih berjalan.

Melalui surat yang bertarikh 19 Mei, pihak Polis memberitahu SUHAKAM bahawa berhubung kes Kannan Kanthan, 14 orang (termasuk tiga orang pegawai polis) telah ditahan bagi tujuan siasatan, yang mana hasil siasatan tersebut adalah seperti berikut:

(i) lima orang yang telah ditahan telah di tuduh di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan, dibaca bersama Seksyen 34 Kanun yang sama;

(ii) seorang pegawai polis telah dituduh di bawah Seksyen 109 Kanun Keseksaan, dibaca bersama Seksyen 302 Kanun yang sama;

(iii) dua orang pegawai polis telah dibebaskan dan tindakan disiplin akan diambil ke atas mereka;

(iv) dua orang pegawai polis yang ditahan akan dituduh di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan, dibaca bersama Seksyen 34 Kanun yang sama;

(v) empat orang yang ditahan akan diambil sebagai saksi pihak pendakwa.

Melalui surat bertarikh 30 Ogos, pihak Polis telah memaklumkan SUHAKAM bahawa berhubung kes Ahmad Salleh, yang ditahan berseorangan di dalam sel, telah menggantung dirinya di bahagian tandas di dalam sel tersebut. Telah dinyatakan bahawa prosedur-prosedur di bawah Bab XXXII Kanun Prosedur Jenayah (Siasatan Kematian) telah dipatuhi dan siasatan di pihak Polis masih berjalan. Laporan Kematian Mengejut yang disediakan berhubungan dengan perkara ini akan dipanjangkan ke Timbalan Pendakwa Raya dan Majistret bagi mendapatkan satu keputusan ke atas persoalan samada satu inkues patut dijalankan.

Kumpulan-kumpulan hak asasi telah menggesa agar inkues wajib dijalankan ke atas kesemua kes kematian di dalam tahanan polis. SUHAKAM perhatikan bahawa pada masa ini, menurut Seksyen 334 Kanun Prosedur Jenayah (CPC):

> *Apabila seseorang mati di dalam tahanan polis atau dalam rumah sakit mental ataupun di dalam penjara, maka pegawai*

yang menjaga orang itu, atau penjaga rumah sakit mental atau penjara itu, hendaklah dengan segera memberitahu Majistret yang berhampiran tentang kematian itu. Majistret itu atau Majistret yang lain mestilah, jika kematian itu berlaku dalam tahanan polis, dan dalam keadaan yang lain bolehlah, jika ia berfikir patut, mengadakan suatu siasatan tentang sesuatu kesalahan.

5. PENTADBIRAN KEADILAN

Isu kelewatan dalam penyelesaian kes-kes mahkamah - sivil atau jenayah - juga merupakan salah satu daripada perkara yang menjadi perhatian para peserta di persidangan 'Hak Asasi Manusia dan Pentadbiran Undang-Undang'. SUHAKAM berpegang kepada pendapat yang mengatakan bahawa "keadilan dilambatkan adalah keadilan yang dinafikan". Pada tahap praktikal, kelewatan dalam penyelesaian kes-kes mahkamah boleh menjejaskan mangsa atau punca pendapatan pihak terlibat. Kelewatan sebegitu mungkin mengakibatan peningkatan kos perbicaraan, ingatan saksi yang semakin pudar, kebimbangan berpanjangan dan kemungkinan pelanggaran hak kepada kebebasan tertuduh dalam tahanan tanpa ikat jamin, yang kemudiaannya dibebaskan selepas perbicaraan. Oleh itu, syor-syor telah dikemukakan untuk menangani isu tersebut. *[Rujuk Bab 4]*

6. KEBEBASAN MEDIA

Isu berkenaan kebebasan akhbar terus diperdebatkan dalam tahun 2003. Pada bulan Januari, pembekal berita Internet, Malaysiakini.com, telah diserbu oleh pihak Polis. Pihak Polis bertindak atas satu laporan yang mandakwa bahawa satu surat bertajuk 'Similarities between new Americans and Bumiputera' yang diterbitkan di laman webnya pada 9 Januari bersifat menghasut. Pada bulan November, telah dilaporkan bahawa pihak Polis telah menyerahkan hasil siasatan mereka ke atas kes tersebut kepada Kamar Peguam Negara. Pada bulan Mei, isu kebebasan akhbar telah sekali lagi mendapat perhatian apabila ia dilaporkan bahawa Reporters San Frontieres (Pemberita Tanpa Batasan) meletakkan Malaysia pada tangga ke 110 di dalam Indeks Kebebasan Akhbarnya. Manakala sesetengah pihak menyatakan kebimbangan mereka terhadap kedudukan mengecewakan Malaysia berbanding negara serantau yang lain - Indonesia (57), Thailand (65), Filipina (89) dan Brunei (111) - pihak yang lain pula menekankan kekurangan ketara yang mungkin menjejaskan ketepatan indeks tersebut.

Pada bulan yang sama, isu cadangan penubuhan Majlis Media Malaysia yang bertujuan untuk menggalakkan kewartawanan beretika dan profesional telah muncul semula dengan Timbalan Menteri Penerangan menyatakan bahawa Kerajaan tidak akan memaksa wartawan menerima majlis tersebut sekiranya mereka tidak mahu. Beliau juga berpendapat bahawa satu kajian perlu dijalankan berkenaan perlunya Majlis Media tersebut, dan samada menambahkan kuasa SUHAKAM untuk mengawalselia tingkah laku media adalah memadai untuk tujuan yang sama.

SUHAKAM telah mengikuti perkembangan perbahasan mengenai kebebasan akhbar dengan penuh minat dan mengulangi pendiriannya bahawa hak untuk meluahkan pendapat dan mendapatkan maklumat kekal penting untuk memastikan mana-mana masyarakat demokrasi berfungsi dengan baik. Pihak akhbar mempunyai peranan yang sangat penting dalam memastikan kebebasan aliran maklumat. Walau bagaimanapun pada masa yang sama, adalah diakui bahawa bersama-sama dengan kebebasan sebegitu datangnya tanggungjawab.

Timbangan nyata perlu diwujudkan memandangkan hal-hal berkaitan keselamatan negara dan kewartawanan yang beretika serta profesional merupakan satu perkara yang wajar. Selaras dengan syornya yang dikemukakan hasil daripada Bengkel mengenai Kebebasan Media yang dianjurkan pada 1 Ogos 2002, SUHAKAM menawarkan untuk memudahkan perundingan di kalangan wartawan, pemilik akhbar dan pengarang dan masyarakat umum di dalam penubuhan sebuah Majlis Media yang bebas, adil dan kawalan kendiri dengan Kod

Etika bagi mempertingkatkan standard profesyen dan membolehkan pihak media mempunyai lebih kawalan ke atas profesyen mereka sendiri.

7. HAK KUMPULAN YANG LEMAH

(a) Orang Kurang Upaya

Semasa dialog mengenai hak asasi manusia dan Orang Kurang Upaya, SUHAKAM menerima aduan mengenai hak Orang Kurang Upaya yang kurang diutarakan dan dilindungi sewajarnya atas beberapa alasan. Ini merangkumi hak untuk mendapatkan pendidikan akibat daripada kurangnya khidmat sokongan di sekolah-sekolah untuk kanak-kanak kurang upaya dan kekurangan guru terlatih dalam pelbagai bidang kurang upaya, hak untuk bergerak bebas akibat daripada tiadanya bangunan dan pengangkutan awam yang mesra Orang Kurang Upaya dan hak untuk bekerja akibat daripada kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan. *[Rujuk Bab 3(ii)]*

Walau bagaimanapun, SUHAKAM memuji tindakan Kementerian Pengangkutan atas rancangannya untuk memperkenalkan kaunter khas untuk golongan Orang Kurang Upaya. *[Rujuk Apendik X]* SUHAKAM juga mengalu-alukan langkah yang akan diambil oleh Kerajaan seperti yang telah diumumkan oleh Kerajaan dalam Bajet 2004 pada bulan September untuk mengurangkan lagi kesusahan yang dihadapi oleh Orang Kurang Upaya. Langkah-langkah tersebut termasuklah usaha untuk menaikkan kadar gaji bulanan daripada RM500 kepada RM750 berhubung dengan kelayakan untuk Elaun Pekerja Kurang Upaya sebanyak RM200 sebulan untuk menggalakkan golongan Orang Kurang Upaya untuk terus bekerja; peruntukan elaun bulanan sebanyak RM25 setiap seorang untuk diberikan kepada pelajar kurang upaya di sekolah rendah dan menengah untuk menggalakkan mereka mendapatkan pendidikan; dan membenarkan kakitangan kerajaan yang mempunyai anak kurang upaya untuk mempunyai waktu kerja fleksibel untuk memudahkan mereka menjaga anak mereka.

(b) Wanita dan Kanak-Kanak

Semasa lawatan ke Penjara Wanita Kajang dalam bulan Januari 2003, pasukan dari SUHAKAM mendapati ramai gadis telah ditahan reman selepas ditahan semasa serbuan di pusat-pusat hiburan. SUHAKAM kemudiannya membuat keputusan bahawa masalah penyeludupan wanita dan kanak-kanak di Malaysia perlu dikaji dengan segera.

Jawatankuasa kecil mengenai penyeludupan wanita dan kanak-kanak telah ditubuhkan dan jawatankuasa kecil ini melawat beberapa pusat tahanan untuk menemuramah gadis-gadis dari pelbagai negara. Majoriti daripada gadis-gadis yang ditemuramah mendakwa mereka telah dijanjikan pekerjaan yang lumayan di Malaysia, tetapi sebaliknya telah dipaksa menjadi pekerja seks untuk majikan mereka. Di antara mereka adalah gadis remaja yang telah diseludup masuk ke negara ini. Mereka mendakwa telah dikurung tanpa kerelaan mereka, dikunci di dalam bilik dengan makanan dihantar kepada mereka dua kali sehari dan tanpa diberi apa-apa bayaran ke atas perkhidmatan mereka. Mereka kemudiannya dipindahkan kepada ejen lain dengan bayaran, dan telah didedahkan kepada pusingan eksploitasi yang sama.

Dengan kerjasama pihak berkuasa yang berkaitan seperti Polis dan Jabatan Penjara serta Jabatan Imigresen, SUHAKAM pada masa ini sedang memastikan tahap masalah tersebut dan cuba mencari jalan untuk memeranginya. *[Rujuk Bab 3(iii)]*

8. MAKLUMBALAS KERAJAAN

Dalam Laporan Tahunan 2002, SUHAKAM menonjolkan maklumbalas Kerajaan yang lambat terhadap laporan-laporan penting dan pengesyorannya yang telah dikemukakan. SUHAKAM sukacita menyatakan bahawa dalam 2003, dua maklumbalas yang penting berhubung dengan Laporan Tahunan 2000-2002 dan beberapa laporan khusus yang dikeluarkan sehingga kepenghujung 2003 telah diterima dari Kerajaan.

SUHAKAM mengalu-alukan usaha pelbagai agensi Kerajaan, diselaraskan oleh Kementerian Luar Negeri, yang memberi maklum balas terhadap pelbagai cadangan dan laporan yang dikemukakan. Manakala beberapa agensi adalah lebih terperinci dan teliti dalam maklumbalas mereka terhadap isu yang diketengahkan oleh SUHAKAM - seperti Kementerian Pendidikan, Jabatan Penjara dan Badan Kehakiman - yang lain-lain cenderung untuk menyenaraikan undang-undang sedia ada sebagai jawapan kepada isu-isu seperti sekatan kepada kebebasan untuk berhimpun dan kebebasan media. SUHAKAM berharap agar agensi Kerajaan menjadi lebih peka kepada isu-isu hak asasi manusia dalam memastikan polisi pentadbiran yang baru agar lebih terbuka, bertanggungjawab dan telus, dan bahawa maklumbalas mereka kepada pengesyoran SUHAKAM dan isu-isu yang membimbangkan pada masa akan datang akan lebih spesifik dan disasarkan ke arah mencari penyelesaian kepada masalah yang sekian lama dihadapi. SUHAKAM gembira untuk bekerjasama dengan agensi Kerajaan untuk menjadikan pegawai dan kakitangan masing-masing lebih sensitif dan peka kepada hak asasi manusia. *[Rujuk Lampiran XX dan XXI untuk Maklumbalas Kerajaan]*

BAB 3

ISU-ISU DALAM FOKUS

dan luar bandar, ibu-ibu tunggal, warga tua, orang-orang kurang upaya, pesakit mental dan masyarakat orang asli.

Terdapat banyak pengesyoran yang telah diajukan kepada SUHAKAM. Suruhanjaya akan menjalankan kajian ke atas isu-isu berkaitan pada masa hadapan berdekatan. Berikut adalah cadangan-cadangan yang timbul daripada perbincangan isu dan saranan:

A. HAK UNTUK MENDAPAT PENJAGAAN KESIHATAN

(a) Memastikan penjagaan kesihatan termampu untuk semua

Kebimbangan telah dikemukakan mengenai kemungkinan terdapatnya implikasi negatif yang mungkin timbul akibat daripada pengkorporatan hospital Kerajaan dan cadangan Tabung Kebajikan Kesihatan Kebangsaan (seperti yang diumumkan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh)[1] ke atas kemudahan perubatan yang termampu untuk semua khususnya kepada kumpulan yang lemah seperti rakyat miskin dan pesakit mental.

Oleh itu, disyorkan agar Kerajaan menimbang keperluan rundingan lanjutan dengan kumpulan pemegang pelbagai kepentingan (temasuk syarikat insurans, pembekal penjagaan kesihatan swasta, Badan Bukan Kerajaan, wakil dari kumpulan lemah, ahli-ahli akademik, doktor-doktor individu dan jururawat) tentang cara-cara meningkatkan mutu sistem pembiayaan penjagaan kesihatan awam dan swasta. Rundingan ini adalah bertujuan untuk memastikan sekiranya beban pembiayaan yang dihadapi oleh rakyat disebabkan oleh peningkatan kos penjagaan kesihatan dapat dikurangkan lagi khususnya terhadap kumpulan lemah.

(b) Mengawal jangkitan penyakit yang berasal dari sumber air di kalangan orang asli

Telah ditonjolkan, kira-kira 50% perkampungan orang-orang asli tidak mempunyai kemudahan air yang baik. Ini menyebabkan berlakunya jangkitan penyakit yang berpunca daripada sumber air di kalangan penduduk perkampungan ini.

Oleh itu, Kerajaan disarankan agar menjalankan kajian ke atas status bekalan air di kawasan-kawasan perkampungan orang asli di seluruh negara bagi memastikan perlunya ditingkatkan mutu kemudahan air. Kajian ini boleh membentuk sebahagian daripada Program Pengawasan Mutu Air Minum Kebangsaan dan Program Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekitar (BAKAS).[2]



Ahli panel di Seminar Kemudahan Mengakses Kepada Keperluan Asas

(c) Menangani keperluan kesihatan bagi warga tua

Telah ditekankan bahawa salah satu cabaran yang dihadapi dan akan sentiasa dihadapi oleh sistem penjagaan kesihatan Malaysia ialah untuk memenuhi permintaan perkhidmatan kesihatan oleh warga tua yang semakin bertambah.

---

[1] Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, Kerajsan telah mengumumkan 'skim pembiayaan kesihatan' akan dilaksanakan bagi tujuan memenuhi pembiayaan kos penajaan kesihatan. Akan tetapi, perkhidmatan kesihatan untuk golongan berpendapatan rendah terjamin melalui bantuan Kerajaan: Rujuk perenggan 17.34 Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000, Unit Perancangan Ekonomi, 1996 ('RM7')

[2] Rujuk perenggan 17.35 RM8. BAKAS merupakan program yang bertujuan untuk memastikan peruntukan bekalan air yang selamat bagi kawasan luar bandar dan kawasan terpencil.

Oleh itu, Kerajaan disarankan agar menjalankan kajian bersama-sama dengan pemegang-pemegang pelbagai kepentingan (termasuk pembekal perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta, Badan Bukan Kerajaan, warga tua, ahli-ahli akademik, doktor-doktor individu dan jururawat) tentang pembaharuan perkhidmatan rawatan untuk golongan tua yang boleh dibuat dalam sistem penjagaan kesihatan. Kajian tersebut boleh termasuk mencari jalan penyelesaian untuk keluarga yang memerlukan perkhidmatan bantuan penjagaan di rumah dan kemudahan-kemudahan lain setelah pesakit tua keluar dari hospital. Perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan tersebut boleh bertindak sebagai tambahan kepada usaha Kerajaan dalam usaha mempertingkatkan mutu serta mengembang, perkhidmatan rawatan golongan tua[3], dan untuk memastikan penjagaan orang-orang tua kekal sebagai tanggungjawab sosial keluarga[4].

(d) Menaik taraf kemudahan perubatan di hospital dan klinik ladang

Telah ditonjolkan bahawa sebahagian besar hospital dan klinik ladang tidak mempunyai kelengkapan dan keperluan yang mencukupi. Hospital-hospital dan klinik-klinik ini diurus oleh syarikat-syarikat perladangan masing-masing mengikut Akta Standard Perumahan dan Kemudahan Minimum Pekerja 1990.

Selaras dengan strategi untuk menggalakkan penyelarasan dan kerjasama di antara pembekal perkhidmatan penjagaan kesihatan sektor awam dan swasta[5], Kerajaan disarankan membuat kajian bersama dengan syarikat perladangan yang berkenaan untuk membincangkan tentang kemudahan yang disediakan di hospital dan klinik ladang. Objektif utama bagi kajian ini ialah untuk memastikan kaedah dan cara terbaik untuk meningkatkan mutu keselamatan pekerjaan, dan kesihatan pekerja-pekerja ladang, sejajar dengan program kerajaan yang sedang dijalankan.[6]

(e) Mendidik wanita tentang isu-isu kesihatan

Telah ditonjolkan bahawa wanita memainkan peranan penting dalam meningkatkan mutu khasiat pemakanan dan kesihatan kanak-kanak. Secara lazimnya wanita merupakan pembuat keputusan dalam penyediaan makanan dan penjagaan ahli keluarga yang sakit.

Dengan ini, Kerajaan, pembekal perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta dan masyarakat umum disarankan untuk megendalikan program-program untuk mendidik wanita khasnya di kawasan luar bandar tentang kepentingan penjagaan kesihatan dan khasiat makanan kepada keluarga secara amnya, dan kanak-kanak khasnya. Program tersebut boleh membantu usaha-usaha Kerajaan dalam isu ini menerusi program-program yang berkaitan dengan khasiat pemakanan dan kesihatan keluarga yang sedia ada[7].

(f) Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang isu kesihatan

Telah ditonjolkan bahawa Kerajaan sedang menggalakkan masyarakat supaya lebih bertanggungjawab atas kesihatan masing-masing dengan mendidik masyarakat tentang kelebihan pencegahan berbanding dengan rawatan dalam hal-hal penjagaan kesihatan.[8]

Dengan itu disyorkan agar pembekal perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta dan masyarakat umum,

---

3 Niat Kerajaan untuk menaik taraf perkhidmatan rawatan bagi golongan tua telah diumumkan di Rancangan Malaysia Kelapan : Rujuk perenggan 17.37 RM8

4 Seperti yang telah dinyatakan dalam RM8, "Selaras dengan konsep masyarakat penyayang, ahli keluarga akan terus digalakkan untuk menjaga ahli keluagra yang tua": Rujuk perenggan 18.108 RM8

5 Rujuk perenggan 17.28 RM8

6 Rujuk perenggan 17.36 RM8. Objektif Program keselamatan pekerjaan dan kesihatan yang dianjurkan oleh Kerajaan ialah 'mewujudkan persekitaran dan budaya kerja yang selamat dan sejahtera."

7 Menurut RM8 Majlis Keselamatan Makanan dan Pemakanan Kebangsaan akan diwujudkan yang berperanan sebagai satu badan yang menyatukan dan sebagai pusat sehenti sebagai panduan kepada semua agensi pengeluar bahan makanan; Ia juga akan melaksana dan mengawas Pelan Tindakan Kebangsaan. Penekanan akan terus diberikan terhadap mengutarakan kesihatan wanita dan keluarga mereka: Rujuk perenggan 17.33 dan 20.35 RM8.

8 Adalah diperhatikan bahawa strategi pembangunan sektor kesihatan semasa RM8 termasuk menggalakkan penyelarasan dan kerjasama di antara pembekal penjagaan kesihatan dari sektor awam dan swasta. Kempen kerajaan "Gaya Hidup Sihat" akan diteruskan dalam tempoh RM8, dengan penekanan diberikan terhadap penggalakan sikap yang sihat dan mencegah penyakit: Rujuk perenggan 17.28 dan 17.30 RM8.



Peserta seminar mendengar dengan minat perbincangan mengenai isu-isu keperluan asas.

menimbang keperluan untuk meningkatkan peranan mereka dalam membantu usaha Kerajaan mendidik masyarakat tentang penjagaan kesihatan.

B. HAK UNTUK MENDAPATKAN PENDIDIKAN DAN HAK KEPADA MAKLUMAT

(a) Program latihan tenaga pengajar

Telah ditonjolkan bahawa, walaupun terdapat kesedaran awam tentang wujudnya sekolah dan institusi latihan guru, program-programnya tidak diketahui dan jarang dihebahkan.

Oleh itu, disyorkan bahawa sebagai tambahan kepada usaha berterusan Kerajaan dalam memperbaiki program-program latihan dan pembangunan guru[9], Kerajaan menimbang keperluan untuk mengadakan lebih banyak sesi dialog dengan pemegang-pemegang pelbagai kepentingan (termasuk guru, ibu bapa, pelajar, Badan Bukan Kerajaan, dan ahli akademik). Perbincangan boleh memudahkan pertukaran pendapat tentang bagaimana program boleh dilaksanakan bagi membolehkan tenaga pengajar memenuhi "kehendak profesyen yang semakin mencabar, di mana generasi muda Malaysia membesar dalam persekitaran yang mempunyai nilai dan harapan yang berbeza"[10].

(b) Jadikan sekolah luar bandar sebagai pusat akses masyarakat kepada teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)

Adalah dicadangkan supaya sekolah-sekolah luar bandar dijadikan pusat akses masyarakat kepada ICT, di mana penduduk setempat boleh mengunjungi sekolah selepas waktu persekolahan bagi tujuan menggunakan komputer.

Oleh itu, disyorkan bahawa untuk menambah usaha mempercepatkan perkembangan penggunaan ICT terutamanya di kawasan luar bandar, Kerajaan boleh melalui proses rundingan dengan semua yang terlibat termasuk ibu bapa, guru, dan masyarakat setempat mempertimbangkan cadangan untuk menggunakan sekolah-sekolah luar bandar sebagai pusat bagi mendedahkan masyarakat kepada ICT. Cadangan ini boleh membentuk sebahagian daripada program Infodesa dan Internet Desa yang dikelolakan oleh Kerajaan.[11]

(c) Membentuk dan mengemaskini Laman Web

Telah ditonjolkan bahawa sebahagian besar daripada pihak berkuasa tempatan tidak mempunyai atau tidak mengemaskinikan laman web masing-masing.

Oleh itu disyorkan bahawa sejajar dengan pelancaran Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITA)[12] oleh Kerajaan Pusat, pihak berkuasa tempatan yang tidak mempunyai laman web atau tidak kerap mengemaskini laman web

---

9 Telah diperhatikan bahawa progrtam latihan tenaga pengajar adalah bertujuan untuk melahirkan tenaga pelajar yang cemerlang dalam aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Latihan kurikulum sedang dikaji semula untuk memberikana penekanan kepada etika dan nilai-nilai murni, penggunaan Teknologi Maklumat dan komunikasi serta kaedah pengajaran yang kreatif : Rujuk perenggan 4.42-4.45 dan 4.110 RM8

10 Rujuk perenggan 6.34 Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) 2001-2010, Unit Perancang Ekonomi, 2001.

11 Rujuk perenggan 13.49 RRJP3. Di bawah program infodesa, lapan pusat akan diwujudkan sebagai perintis untuk menyediakan latihan ICT kepada komuniti tempatan, membentuk aplikasi kandungan dan bertindak sebagai pusat sehenti bagi maklumat mengenai perkhidmatan Kerajaan. Program Internet Desa menawarkan kesedaran dan kursus latihan kepada pengguna-pengguna. Pusat-pusat ini akan terletak di pejabat pos.

12 Agenda IT Kebangsaan (NITA) telah dilancarkan pada Disember 1999 dan "menyediakan asas dan rangkakerja bagi penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk menjadikan Malaysia sebuah negaramaju dengan ciri-ciri tersendiri, selaras dengan wawasan 2020" Rujuk http://www.nitc.org.my/nita/indeks.html

masing-masing menimbang keperluan untuk mengambil langkah-langkah yang perlu agar masyarakat dapat mengakses dengan lebih baik perkhidmatan yang disediakan.

(d) Menambah isi kandungan versi Bahasa Malaysia dalam Internet

Telah ditonjolkan bahawa terdapat kandungan Bahasa Malaysia yang terhad di internet. Ini telah mewujudkan keadaan dimana maklumat di internet tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan/ kehendak masyarakat tempatan.

Dengan itu, adalah disyorkan agar Kerajaan melalui proses rundingan dengan semua yang terlibat (termasuk entiti swasta dan Badan Bukan Kerajaan yang terpilih) meningkatkan usaha menggalakkan sektor awam dan swasta untuk menyediakan maklumat dalam versi Bahasa Malaysia di internet.

(e) Meningkatkan keupayaan sektor awam untuk menangani maklumbalas

Telah dicadangkan bahawa, memandangkan kemampuan untuk menangani maklumbalas (positif dan negatif) adalah penting untuk memastikan masyarakat berinformasi, sektor awam mempertingkatkan lagi mutu pengendalian maklumbalas masyarakat, terutamanya maklumbalas negatif.

Bagi menyokong usaha dalam memupuk budaya kerja yang responsif[13] dalam sektor awam, Kerajaan disarankan agar menjalankan program latihan tambahan kepada kakitangan perkhidmatan awam untuk mengendalikan maklumbalas daripada orang awam. Program ini boleh dikendalikan dengan kerjasama pemegang pelbagai kepentingan di sektor swasta dan masyarakat umum. Ini bertujuan untuk meningkatkan persefahaman di antara sektor awam dan pengguna berhubung dengan perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan. Program ini boleh membentuk sebahagian daripada sistem pengurusan aduan masyarakat awam Kerajaan.[14]

C. HAK UNTUK MENDAPATKAN PERUMAHAN YANG MENCUKUPI DAN ALAM SEKITAR YANG SIHAT

(a) Mengkaji semula Undang-undang, polisi dan garis panduan yang mengawal industri perumahan

Telah ditonjolkan bahawa industri perumahan mempunyai terlalu banyak peraturan. Telah diperkatakan bahawa sebahagian daripada undang-undang, polisi dan garis panduan tersebut telah menyebabkan peningkatan kos yang mempunyai kesan negatif terhadap keupayaan untuk menyediakan rumah mampu milik.

Dengan itu adalah disarankan agar Kerajaan melalui proses rundingan dengan semua yang terlibat (termasuk pemaju perumahan, Badan-badan Bukan Kerajaan dan pembeli) mempertimbangkan keperluan untuk menjalankan kajian lanjut untuk mempermudahkan undang-undang, panduan dan polisi industri perumahan. Dalam masa yang sama Kerajaan dapat memastikan perkara-perkara seperti keselamatan pekerja yang terlibat dalam industri perumahan dan hak pembeli dilindungi oleh undang-undang.[15]

---

[13] Adalah diperhatikan bahawa penyemaian budaya kerja lebih responsif ke dalam sektor awam membentuk sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk mempercepatkan perlaksanaan projek dan meningkatkan mutu penyerahan perkhidmatan. Rujuk perenggan 23.67 RM9.

[14] Rujuk perenggan 23.32 RM8. Objektif sistem pengurusan aduan masyarakat awam ialah untuk "meningkatkan kualiti perkhidmatan dan meningkatkan tahap maklumbalas sektor awam".

[15] Rujuk 'Housing the Nation: A Definitive Study', Cagamas Bhd, 1997, Kuala Lumpur, Malaysia, ms.864, di mana Pasukan Kajian Perumahan dari Institut Pengajian Strategik dan Anatarabangsa Malaysia (ISIS) mencadangkan agar satu kumpulan kerja yang dianggotai oleh ahli yang berpangkat tinggi daripada perwakilan yang komprehensif ditubuhkan untuk mengkaji semula perundangan yang secara langsung ataupun secara tidak langsung berkaitan dengan isu perumahan, di mana objektifnya ialah "merasionalkan peruntukan melibatkan perumahan dalam lebih kurang 30 undang-undang dan peraturan dan memperkenalkan ketelusan ke dalam proses-proses". "Housing the Nation : A Definative Study" merupakan kajian yang komprehensif mengenai industri dan pembiayaan kewangan perumahan Malaysia yang dikomisyenkan oleh Cagamas Bhd pada 1996.

(b) Menyelia pelaksanaan undang-undang perumahan

Telah ditonjolkan bahawa pembeli rumah menghadapi banyak masalah seperti kualiti kerja yang kurang memuaskan, kegagalan pihak pemaju untuk memperbaiki kerosakan dan projek perumahan terbengkalai. Kerajaan dicadangkan agar bertindak lebih proaktif bagi tujuan memastikan pemaju perumahan mematuhi undang-undang.

Dengan itu disyorkan agar:

- Kerajaan melalui proses rundingan dengan pemegang pelbagai kepentingan (termasuk pemaju perumahan, Badan Bukan Kerajaan, pekerja industri perumahan dan pembeli rumah) menimbangkan keperluan untuk bertindak lebih proaktif dalam penyeliaan projek dan penguatkuasaan undang-undang bagi memastikan hak pembeli rumah dilindungi. Ini termasuklah menambahkan jumlah pegawai penguatkuasa yang berkhidmat di Bahagian Pengawasan dan Penguatkuasaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan;[16] dan
- Kerajaan dan masyarakat umum menimbangkan keperluan untuk memesatkan kempen-kempen kesedaran untuk mendidik masyarakat awam, khususnya mereka yang berpendapatan rendah tentang hak mereka sebagai pembeli rumah.

(c) Mengemaskini senarai pembeli rumah kos rendah

Telah ditonjolkan bahawa maklumbalas yang diterima menunjukkan bahawa senarai pembeli yang layak membeli rumah kos rendah, yang diuruskan oleh pihak berkuasa Negeri adalah senarai lapuk dan ini telah menyebabkan berlakunya percanggahan di dalam pengagihan rumah-rumah tersebut.

Dengan itu adalah disarankan:

- Pihak berkuasa Negeri yang berkenaan menimbang keperluan untuk menambah kekerapan pengemaskinian senarai pembeli yang layak membeli rumah kos rendah; dan
- Kerajaan (Persekutuan dan Negeri) dan masyarakat awam menimbang keperluan untuk memesatkan kempen-kempen kesedaran bagi mendidik masyarakat awam, khususnya penduduk miskin, tentang prosedur dan syarat yang mesti dipenuhi bagi melayakkan mereka untuk membeli rumah kos rendah[17]. Langkah-langkah ini dapat membantu usaha Kerajaan Persekutuan dalam "memperkukuhkan sistem dan prosedur pemilihan bagi memastikan kerja-kerja pengagihan unit-unit ko rendah yang betul kepada kumpulan sasaran".[18]

(d) Menyelesaikan masalah peningkatan kos tenaga buruh, bahan binaan dan infrastruktur

Telah ditonjolkan bahawa kos tenaga buruh, bahan binaan dan infrastruktur merupakan 60% daripada kos pembinaan rumah dan peningkatan kos-kos tersebut akan memberi kesan yang kurang baik terhadap rumah mampu dimilik. Usaha untuk mengekalkan kos yang rendah dikatakan merupakan satu cabaran besar dalam industri perumahan.

Dengan itu adalah dicadangkan bahawa sebagai tambahan kepada usaha untuk "terus memperuntukkan polisi dan program bagi memastikan perumahan yang mencukupi mampu dibeli dan berkualiti",[19] Kerajaan melalui rundingan dengan pemegang pelbagai kepentingan (termasuk

---

[16] Mengikut laporan bertajuk 'Ministry Acts Only when there is a Breach of Law', Bahagian Pengawasan dan Penguatkuasaan, yang merupakan sebahagian daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, hanya dapat membuat pemeriksaan rawak disebabkan "jumlah pegawai penguatkuasa yang terhad, dan jumlah besar projek perumahan". Rujuk http://www.kpkt.gov.my/jpn/artikel/perumahan/eng02.html

[17] Ia difahami bahawa Jabatan Perumahan Negara telah mengeluarkan panduan Sistem Pendaftaran Terbuka berhubung dengan rumah kos rendah, yang telah diguna pakai oleh pihak berkuasa Negeri. Rujuk http://kpkt.gov.my/jpn/artikel/arti02.htm

[18] Rujuk perenggan 18.65 RM8

[19] Rujuk perenggan 18.62 RM8

pemaju perumahan, pembekal bahan mentah, jurutera, arkitek dan NGO) menimbang keperluan untuk melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) lanjut, R&D ini harus mencari jalan penyelesaian untuk mengekalkan kos perumahan serendah yang boleh tanpa menjejaskan kualiti unit-unit perumahan. Langkah ini boleh membentuk sebahagian daripada program "Institut Penyelidikan Petempatan Manusia dan Pembandaran Malaysia" (MAHSURI).[20]

(e) Mengkaji keperluan perumahan penduduk setinggan

Kebimbangan tentang kesusahan penduduk rumah setinggan telah disuarakan. Adalah dirasai bahawa matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bebas setinggan akan menyebabkan berlakunya pengusiran secara besar-besaran.

Dengan itu, adalah disyorkan bahawa, untuk memudahkan maklum balas dan pertukaran pendapat, Kerajaan menimbang keperluan untuk menganjurkan sesi dialog dengan semua yang terlibat (termasuk pemaju perumahan, Badan Bukan Kerajaan dan penduduk setinggan). Dialog ini boleh membincangkan hasil siasatan Penyelidikan Peringkat Kebangsaan mengenai Kawalan dan Penempatan Semula Penduduk Setinggan dan polisi serta garispanduan yang bersesuaian yang telah dirumus atau akan dirumus - berasaskan kajian tersebut.[21]

(f) Merumus Polisi Perumahan Kebangsaan

Telah ditonjolkan bahawa terdapat keperluan mengadakan Polisi Perumahan Kebangsaan yang menyeluruh. Oleh itu, sebagai tambahan kepada usahanya dalam bidang ini, Kerajaan disarankan untuk mengendalikan rundingan lanjutan dengan semua yang terlibat (termasuk pemaju perumahan, pembeli, pembekal bahan mentah industri perumahan dan Badan Bukan Kerajaan) bagi mendapatkan cadangan dalam merumus Polisi Perumahan Kebangsaan yang terperinci. Program ini boleh membentuk sebahagian daripada program MAHSURI. [22]

(g) Memupuk kesedaran awam tentang alam sekitar yang sihat

Telah ditonjolkan bahawa kurang terdapat kesedaran masyarakat umum tentang Agenda 21[23]. Dengan itu, selaras dengan pelancaran program "Local Agenda 21" (LA21) pada tahun 1999,[24] Kerajaan dan pertubuhan awam disarankan untuk menimbang keperluan memesatkan usaha dalam mewujudkan kesedaran awam tentang kepentingan alam sekitar yang sihat dan juga objektif-objektif lain yang terdapat di dalam LA21.

---

[20] Rujuk perenggan 18.69 RM8. MAHSURI telah ditubuhkan untuk "menjalankan kegiatan kajian dan penyelidikan (R&D) mengenai isu-isu yang berkaitan dengan penempatan manusia dan urbanisasi". Menurut RM8, kegiatan R&D ini akan mengambil kira reka bentuk dan teknologi rumah, khususnya kajian teknikal atas bahan binaan alternatif serta sistem pembinaan industri. Rujuk laman web Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan: http://www.kpkt.gov.my/mahsuri

[21] Rujuk perenggan 18.62 RM8. Untuk menangani isu setinggan, hasil kajian oleh Kajian Kebangsaan mengenai Kawalan dan Penempatan S3emula Setinggan akan digunakan untuk merumus polisi dan garispanduan yang bersesuaian.

[22] Rujuk perenggan 18.69 RM8. Sebahagian dari tugas yang akan dilaksanakan oleh MAHSURI ialah "merumus polisi komprehensif mengenai perumahan untuk memastikan pembangunan perumahan yang boleh dikekalkan".

[23] Agenda 21 merupakan satu Pelan Tindakan bagi memastikan pembangunan yang boleh dikekalkan dalam milinium baru dan telah disahkan oleh lebih dari 178 Ketua Negeri dan Menteri-menteri di Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu yang membincangkan isu-isu Alam Sekitar dan Pembangunan (UNCED) atau lebih dikenali sebagai Persidangan Kemuncak. Angka '21' merujuk kepada abad ke-21. Rujuk laman web Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan: http://www.kpkt.gov.my/jkt/la21/eng1/engrio.

[24] Agenda Tempatan 21 (LA21) merupakan Agenda 21 pada peringkat tempatan. Objektif LA21 ialah "promosi dan penyertaan pihak berkuasa tempatan, perbandaran dan pemegang pelbagai kepentingan pada peringkat masyarakat tempatan untuk melibatkan diri dalam perancangan dan perlaksanaan pembangunan yang boleh dikekalkan". Rujuk perenggan 1.31 RRJP3 dan perenggan 5.31 dan 5.53 RM8.

(ii) HAK ASASI MANUSIA DAN GOLONGAN KURANG UPAYA

SUHAKAM mengakui bahawa golongan Orang Kurang Upaya adalah di antara golongan yang kurang bernasib baik dan kerap terdedah kepada pencabulan hak asasi. Perkara ini telah diberi penekanan di Persidangan Mengenai Hak Golongan Kurang Bernasib Baik (Conference on the Rights of the Disadvantaged) yang telah diadakan sempena Hari Hak Asasi Manusia Malaysia pertama yang disambut pada 9 September 2001. Susulan kepada isu-isu yang ditimbulkan, Kumpulan Kerja Pendidikan dan Promosi Hak Asasi Manusia mengenal pasti golongan Orang Kurang Upaya sebagai salah satu daripada dua kumpulan yang diberi tumpuan untuk aktiviti-aktivitinya bagi tahun 2003.

Dialog yang telah diadakan oleh SUHAKAM bersama Orang Kurang Upaya adalah sebagai maklum balas terhadap Memorandum mengenai Pendidikan untuk Golongan Kurang Upaya yang dikemukakan oleh Majlis Peguam. Kumpulan Kerja Pendidikan dan Promosi Hak Asasi Manusia dan Kumpulan Kerja Pembaharuan Perundangan dan Triti Antarabangsa telah bekerjasama dalam menganjurkan sesi dialog bersama golongan kurang upaya, jabatan-jabatan kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang bekerja rapat dengan golongan kurang upaya. Ini bertujuan untuk mendengar pandangan dan cadangan daripada golongan kurang upaya dan persatuan-persatuan mereka di samping mendapatkan maklumat daripada pelbagai jabatan dan agensi kerajaan berkenaan polisi-polisi dan program-program kerajaan. Wakil Majlis Peguam serta Pengerusi jawatankuasa yang merangka Rang Undang-undang Golongan Kurang Upaya telah dijemput untuk mengutarakan isu-isu yang diberi penekanan dalam memorandum yang dihantar dan juga perkara-perkara yang terkandung dalam Rang Undang-undang tersebut.

Sebagai menyahut seruan golongan kurang upaya untuk menggalakkan kesedaran mengenai hak OKU di kalangan OKU sendiri dan orang normal serta jabatan-jabatan Kerajaan, SUHAKAM telah menganjurkan enam dialog. Kebanyakan isu yang dibangkitkan oleh OKU dalam sesi dialog ini adalah serupa pada asasnya, yang mana majoritinya adalah berkenaan pencabulan hak mereka merangkumi perkara-perkara penting seperti berikut:

1. PENDIDIKAN

(a) Penggunaan terma 'boleh dididik' dan 'tidak boleh dididik'

Terma-terma ini menimbulkan kesan emosi yang mendalam, terutamanya bagi ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang mengalami kecacatan fizikal yang serius dan kecacatan mental. Kementerian Pendidikan menggunakan terma-terma ini untuk membezakan kanak-kanak yang boleh ditempatkan dalam aliran utama dengan kanak-kanak yang memerlukan pendidikan khas. Sungguhpun Kementerian Pendidikan menyatakan perlunya mengekalkan definisi ini bagi menentukan kesesuaian penempatan kanak-kanak kurang upaya dalam program-program yang berlainan, ibu bapa dan penjaga pula bertegas bahawa terma 'tidak boleh dididik' meninggalkan kesan negatif ke atas kanak-kanak kurang upaya yang mengikuti program-program khas dan menyekat hak mereka terhadap persekitaran yang tidak terhad. Kanak-kanak di sekolah khas ini tidak mempunyai akses kepada persekitaran yang 'normal' dan tidak

terdedah kepada perwatakan normal yang boleh dicontohi dan oleh yang demikian, ini boleh mengakibatkan pencapaian rendah di kalangan mereka.

Ibu bapa dan penjaga juga menegaskan bahawa setiap kanak-kanak mempunyai potensi dan boleh dididik. Kanak-kanak hanya berbeza dari segi kadar pembelajaran dan kadar penguasaan maklumat dalam satu-satu masa. Tambahan pula, penggunaan istilah 'boleh dididik' dan 'tidak boleh dididik di dalam Seksyen 3(1) Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 1997 adalah tidak boleh dibanding dengan Perisytiharan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Hak Orang Kurang Upaya. Mukadimmah Perisytiharan PBB menegaskan wujudnya keperluan untuk membantu golongan kurang upaya "mengembangkan kebolehan mereka di dalam aktiviti yang pelbagai" dan menggalakkan "integrasi mereka di dalam kehidupan normal sebaik mungkin".

Kaedah penilaian kanak-kanak bagi menentukan samada mereka termasuk di dalam golongan 'boleh dididik' atau 'tidak boleh dididik' juga dipersoalkan. Sekiranya penilaian tersebut bukan dilakukan oleh panel yang merangkumi pakar-pakar dari pelbagai bidang berkenaan kurang upaya, seseorang kanak-kanak itu boleh didiagnos dengan salah dan menyebabkannya ditempatkan di tempat yang salah ataupun dimasukkan ke program pendidikan yang tidak sesuai. Sebagai contoh, kanak-kanak yang mempunyai kecacatan fizikal yang mengakibatkan masalah pertuturan kemungkinan tidak mengalami kecacatan mental, tetapi hanya memerlukan masa untuk bertindak balas dan kebolehan seseorang penilai untuk memahami pertuturan mereka.

(b) Isu-isu mengenai pendidikan inklusif

Tren global pada masa ini adalah menjurus kepada pendidikan inklusif bagi golongan kurang upaya. Kementerian Pendidikan turut mengamalkan pendidikan inklusif ini untuk golongan kurang upaya. Namun demikian, timbul masalah dari segi perlaksanaan sistem pendidikan ini. Walaupun kanak-kanak yang kurang upaya (kecuali kanak-kanak yang mempunyai masalah penglihatan) ditempatkan dalam kelas-kelas biasa, mereka tidak disediakan dengan khidmat sokongan yang bersesuaian. Sebagai contoh, kanak-kanak yang mempunyai masalah pendengaran ditempatkan dalam kelas-kelas biasa yang tidak menyediakan bantuan bahasa isyarat. Oleh kerana guru-guru dan rakan-rakan yang lain biasanya tidak mempunyai pengetahuan tentang bahasa isyarat, kanak-kanak yang mempunyai masalah pendengaran ini bukan sahaja tidak berupaya mengikuti sepenuhnya pembelajaran dalam kelas, malah juga terasing disebabkan oleh halangan komunikasi. Kekurangan kemudahan seperti komputer telah menghalang selanjutnya perkembangan kanak-kanak yang mempunyai kecacatan fizikal dalam mengikuti proses pembelajaran seperti mengambil nota dan menyiapkan tugasan.

Walau bagaimanapun, bukan semua pakar di seluruh dunia bersetuju bahawa perlunya pendidikan inklusif ini. Para pengkritik bimbang hak OKU yang diperjuangkan selama ini akan sia-sia. Mereka juga bimbang sekiranya pelajar-pelajar kurang upaya ini tidak mendapat pendidikan yang sesuai jika ditempatkan dalam kelas-kelas biasa.

(c) Kekurangan guru terlatih

Tidak dapat dinafikan bahawa wujudnya pelbagai jenis kecacatan dan perbezaan yang ketara di antara setiap kecacatan yang selalunya bergantung pada tahap keseriusannya. Selain daripada itu, terdapat juga kanak-kanak yang mengalami kecacatan pelbagai. Dalam mengenal pasti kerumitan pendidikan bagi golongan kurang upaya dan usaha-usaha kerajaan dalam menyediakan kemudahan pendidikan bagi mereka, kita harus mengakui bahawa majoriti daripada mereka ini tidak menerima pendidikan yang membantu mengembangkan potensi mereka ke tahap yang tertinggi sebaik mungkin. Salah satu faktor kepada permasalahan ini ialah kekurangan guru terlatih di dalam pelbagai bidang berkaitan kecacatan. Keadaan ini bertambah serius apabila guru-guru ini ditukar, terutamanya kerana kenaikan pangkat, ke sekolah-sekolah yang tidak memerlukan kemahiran mereka.

Satu lagi kekurangan di dalam hal ini adalah kegagalan Kementerian Pendidikan mengambil Orang Kurang Upaya yang berkelayakan untuk mendidik atau melatih golongan kurang upaya ini. Guru-guru kurang upaya lebih memahami pelajar-pelajar kurang upaya. Tambahan pula, keputusan berhubung dengan pendidikan golongan kurang upaya seperti perkembangan kurikulum dan latihan perguruan, jarang melibatkan golongan kurang upaya walaupun mereka berkelayakan. Tidak ada kekurangan Orang Kurang Upaya yang berkelayakan di Malaysia kecuali bahawa mereka ini berkhidmat di institusi-institusi swasta dan juga badan-badan bukan kerajaan.

(d) Ketidakbolehan akses kepada pendidikan

Dalam banyak aspek sistem pendidikan di Malaysia tidak mesra kepada golongan kurang upaya.

(i) Jarang sekali bangunan-bangunan sekolah dibina dengan ciri-ciri mesra OKU. Halangan-halangan fizikal seperti longkang, tangga dan koridor yang sempit menyekat pergerakan mereka yang cacat fizikal dan penglihatan.

(ii) Kanak-kanak yang mempunyai kecacatan mental tidak dibantu dari segi kelas pemulihan, manakala masa tambahan yang diberi sewaktu peperiksaan juga tidak mencukupi. Dalam beberapa kes, kanak-kanak ini ditolak kemasukan mereka oleh pihak sekolah.

(iii) Ketiadaan guru-guru yang mempunyai kepakaran untuk membantu kanak-kanak yang mempunyai kesukaran pembelajaran seperti autisma dan 'Hyperactivity and Attention Deficit Disorder' (HDAD).

(iv) Sesetengah kelas khas diadakan sehingga satu peringkat yang tertentu sahaja, seperti kelas Tingkatan 3, dan menyebabkan pelajar-pelajar terbabit terpaksa meneruskan pendidikan mereka di sekolah lain.

(v) Kerajaan tidak memperuntukkan pendidikan pra-sekolah bagi kanak-kanak yang kurang upaya. Oleh yang demikian, ibu bapa kanak-kanak ini terpaksa menghantar mereka ke tadika yang dikendalikan oleh pihak badan-badan bukan kerajaan (NGO) atau sektor swasta.

Syor-syor

- Sungguhpun hasrat kerajaan untuk menyediakan pendidikan yang sesuai untuk kanak-kanak yang kurang upaya ini dipuji, terma-terma 'boleh dididik' dan 'tidak boleh dididik' ini merupakan satu stigma yang boleh memberi tafsiran yang salah kepada masyarakat bahawa sesetengah kanak-kanak ini tidak boleh diajar. Ini boleh menyekat peluang kanak-kanak tersebut dari menjadi rakyat yang berdikari dan berguna. Oleh yang demikian, adalah disyorkan bahawa terma-terma ini seharusnya tidak lagi dipakai di dalam dokumen-dokumen rasmi.
- Memandangkan Kerajaan telah menyertai Konvensyen Mengenai Kanak-kanak (CRC) pada tahun 1995, pendidikan rendah telah diwajibkan, sekurang-kurangnya enam tahun pertama pendidikan sekolah rendah untuk semua kanak-kanak, termasuk golongan kurang upaya tanpa sebarang halangan dan memastikan segala khidmat sokongan disediakan.
- Sungguhpun konsep pendidikan inklusif ini adalah cemerlang, Kementerian Pendidikan, pakar-pakar pendidikan bagi golongan kurang upaya, badan-badan bukan kerajaan (NGO) berkaitan golongan kurang upaya, dan ibu bapa kanak-kanak kurang upaya patut mengkaji konsep ini dengan teliti terutama dari segi kekurangan khidmat sokongan dan kakitangan terlatih.
- Latihan perguruan dan pertukaran guru terlatih harus dikaji dan diawasi dengan teliti. Ini kerana guru yang terlatih dengan baik dan berkesan serta penggunaan kumpulan pakar-pakar ini adalah penting untuk kemajuan kanak-kanak kurang upaya.

2. KEBOLEHAN MENGAKSES BANGUNAN

Golongan kurang upaya mempunyai hak kebebasan bergerak. Salah satu komponen utama bagi kebolehan mengakses dan bergaul dengan masyarakat setempat adalah akses kepada persekitaran bangunan. Walaupun Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 di bawah "Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974" telah dipinda bagi

mewajibkan kewujudan akses kepada persekitaran bangunan, kelulusan masih diberikan untuk pembinaan bangunan yang tidak mematuhi peruntukan-peruntukan tersebut. Contoh-contoh ketidakpatuhan ini dapat dilihat pada bangunan-bangunan swasta dan awam. Ini telah mengakibatkan kesukaran di dalam hal-hal berkaitan pekerjaan, pendidikan dan aktiviti-aktiviti sosial bagi golongan kurang upaya. Selain itu, golongan ini juga menghadapi kesukaran mendapat akses kepada rawatan kesihatan di samping kesukaran menjalankan urusan-urusan penting seperti pendaftaran kelahiran dan kematian, permohonan dokumen peribadi seperti kad pengenalan diri, pasport dan lesen memandu, serta kesukaran dalam urusan pembayaran bil kemudahan asas atau kompaun.

Syor-syor

- Kesemua pihak berkuasa tempatan patut tegas supaya kesemua bangunan, termasuk yang dibina sebelum pindaan ke atas Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dibuat, mematuhi peraturan ini.

3. PENGANGKUTAN AWAM

Golongan kurang upaya seharusnya diberi akses kepada pengangkutan awam yang mana pada masa ini tidak mesra OKU. Kegagalan untuk menyediakan kemudahan ini menafikan hak mereka mendapat peluang atau layanan sama rata serta menyisihkan mereka daripada masyarakat.

Memandangkan Kerajaan telah memansuhkan bayaran lesen memandu bagi golongan kurang upaya, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan sepatutnya menunjukkan kepekaan terhadap keperluan golongan kurang upaya dengan memastikan bahawa sekolah-sekolah memandu disediakan dengan jurulatih-jurulatih yang berkelayakan untuk melatih golongan kurang upaya memandu serta menyediakan kenderaan yang sesuai untuk kelas latihan memandu mereka.

Tempat letak kereta untuk golongan kurang upaya harus dikhaskan hanya untuk kegunaan mereka. SUHAKAM mengesyorkan agar pihak-pihak berkuasa memastikan peruntukan ini dikuatkuasakan.

Syor-syor

- Kerajaan perlu menyediakan pengangkutan awam yang selamat dan dapat diakses oleh golongan kurang upaya. Ini termasuk latihan kesedaran mengenai golongan kurang upaya kepada kakitangan syarikat-syarikat pengangkutan yang berkenaan, terutamanya dalam aspek memberi bantuan kepada penumpang-penumpang kurang upaya yang menggunakan pengangkutan awam tersebut.
- Langkah segera perlu diambil untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan mengenai tempat letak kereta khas serta mendidik masyarakat menghormati dan tidak menggunakan tempat letak kereta khas yang disediakan untuk golongan kurang upaya.

4. PENJAGAAN KESIHATAN

Halangan untuk mendapatkan rawatan perubatan di klinik-klinik dan hospital-hospital Kerajaan dapat dilihat dalam bentuk fizikal (seperti tiadanya laluan cecondong yang menghubungkan dua paras berbeza atau "ramp") atau sifat kelakuan (sikap tidak sensitif dan tidak ambil berat). Sikap tidak sensitif termasuklah kelakuan kakitangan perubatan yang menjerit kepada orang yang cacat pendengaran apabila orang tersebut tidak memberi respon semasa namanya dipanggil tanpa menyedari orang tersebut tidak dapat mendengar. Begitu juga dengan orang yang cacat penglihatan yang tentunya tidak dapat melihat nombor giliran yang dipaparkan di skrin elektronik. Terdapat juga kes-kes di mana OKU yang tidak diberi keutamaan sewajarnya oleh pihak hospital. Contohnya, pesakit lelaki yang menghidapi palsi serebrum dan memerlukan pembedahan tulang belakang telah diletakkan gilirannya di hujung senarai kerana dianggap mempunyai peluang yang tipis untuk pulih.

Oleh kerana kos perkhidmatan perubatan swasta adalah tinggi, golongan miskin dan kurang upaya

kerap kali mendapatkan rawatan di hospital-hospital kerajaan. Disebabkan keadaan mereka itu, maruah golongan-golongan tersebut sering dijatuhkan.

Dalam kebanyakan dialog yang dianjurkan oleh SUHAKAM, wakil dari Kementerian Kesihatan telah memberi respon yang menggalakkan kepada cadangan-cadangan yang diutarakan oleh golongan kurang upaya. Walau bagaimanapun, mereka berpendapat bahawa dakwaan sikap tidak sensitif kakitangan hospital dan klinik kerajaan bukanlah satu kebiasaan kerana program latihan merangkumi latihan kesedaran terhadap keperluan golongan kurang upaya.

Syor-syor

- Perkhidmatan kesihatan dan pemulihan seharusnya disediakan, mudah diakses dan bayaran berpatutan dikenakan kepada golongan kurang upaya.
- Memandangkan pengesanan awal adalah kritikal, kemudahan bagi pemeriksaan dan diagnosis harus disediakan sekurang-kurangnya di semua hospital, jika tidak pun di semua klinik.
- Kursus perkhidmatan kesihatan profesional perlu memberi penekanan kepada hak OKU kepada kemudahan kesihatan yang memuaskan dan rawatan yang peka kepada keperluan mereka.

5. PEKERJAAN

Meskipun OKU mempunyai hak pekerjaan serta keupayaan bekerja, majoriti daripada mereka menghadapi masalah untuk mendapatkan pekerjaan. Walaupun Kerajaan telah memperuntukkan 1% daripada jawatan perkhidmatan awam untuk golongan kurang upaya, namun menurut golongan ini dan penyokong mereka, kuota ini amat jarang dipenuhi. Mereka mencadangkan agar SUHAKAM menjalankan satu kajian untuk menentukan peratusan sebenar bilangan OKU yang diambil berkhidmat di dalam sektor awam.

Kesukaran mendapatkan pekerjaan ini disebabkan oleh kurangnya peluang untuk mendapatkan latihan bersesuaian. Selain daripada itu, mereka yang menjadi kurang upaya akibat kemalangan atau penyakit juga menghadapi keadaan yang sukar. Selain daripada terpaksa menyesuaikan diri dengan keadaan yang terbatas, mereka juga terpaksa menghadapi masalah untuk mendapatkan latihan vokasional supaya dapat kembali bekerja.

Syor-syor

- Majikan dan masyarakat perlu dididik supaya menerima dan menghargai keupayaan golongan kurang upaya dan memahami bahawa peluang pekerjaan yang diberi kepada golongan ini akan membantu mereka menjadi lebih berdikari dan seterusnya meringankan beban kewangan ke atas Kerajaan dan masyarakat.
- OKU harus dididik supaya mereka dapat mengenal pasti dan menghargai keupayaan atau kebolehan diri, seterusnya menjauhi sindrom bergantung pada orang lain.

6. KEWANGAN

Beberapa aspek kewangan yang secara langsung atau tidak langsung melanggar hak golongan OKU telah diutarakan.

(a) Pihak bank-bank komersial tidak membenarkan orang yang cacat penglihatan membuka atau menguruskan akaun di atas nama mereka sendiri atau menggunakan kemudahan perbankan yang lain atas alasan mereka ini tidak dapat membaca perjanjian yang disediakan.

(b) Permohonan pinjaman perniagaan yang dibuat oleh golongan kurang upaya juga sering ditolak atas sebab kecacatan dan pendapatan mereka yang tidak stabil atau tetap. Ini mungkin disebabkan juga pihak bank merasakan pelaburan tersebut mempunyai risiko kegagalan yang tinggi. Oleh yang demikian, golongan kurang upaya sering didiskriminasi samada dalam usaha mencari pekerjaan ataupun bekerja sendiri.



Dialog SUHAKAM dengan golongan kurang upaya

(c) Golongan kurang upaya menghadapi masalah membeli polisi insurans kerana dikategorikan sebagai golongan berisiko tinggi. Mereka juga tidak berpeluang membeli rumah, apatah lagi mencari pendapatan melalui pelaburan hartanah. Dalam sebarang pembelian hartanah, seseorang pembeli itu perlu mempunyai "Mortgage Reducing Term Asssurance" (MRTA) yang menginsuranskan seseorang itu terhadap kematian dan kecacatan kekal. Namun, MRTA tidak terpakai kepada golongan kurang upaya kerana ia hanya boleh menginsuranskan mereka terhadap kematian.

(d) Melihat kepada pendapatan mereka yang tidak tetap dan stabil, golongan kurang upaya menghadapi masalah mendapatkan pinjaman perumahan. Bagi membantu mereka, Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta pihak berkuasa tempatan boleh menyediakan opsyen perumahan kos rendah dan fleksibel seperti diskaun 50% ke atas penaksiran cukai.

(e) Menurut golongan kurang upaya di Sabah dan Sarawak, wujudnya ketidaksamaan dari segi peruntukan kewangan dan faedah di mana golongan kurang upaya di Semenanjung Malaysia menerima peruntukan kewangan yang lebih berbanding mereka.

Syor-syor

- Bank Negara perlu menyiasat polisi-polisi bank berkaitan dengan golongan kurang upaya supaya tiada diskriminasi atas alasan kurang upaya.

- Bank Negara juga perlu mengkaji dan menilai polisi berkaitan perlindungan insurans Orang Kurang Upaya.

7. PENGKATEGORIAN GOLONGAN KURANG UPAYA

Pengkategorian OKU pada masa kini mendatangkan masalah kepada sesetengah golongan kurang upaya. Sebagai contoh, autisme, sindrom Downs dan palsi serebrum dikategorikan sebagai terencat akal ("mental retardation"). Klasifikasi ini mengakibatkan ketidakadilan, terutamanya ke atas golongan autistik dan mereka yang menghidap palsi serebrum memandangkan sesetengah daripada mereka adalah bijak. Perkara yang menyentuh hati ini telah diluahkan oleh seorang graduan muda yang menghadapi palsi serebrum yang menyertai satu dialog yang dianjurkan. Kategori-kategori ini harus lebih spesifik untuk mengelakkan diagnosis, rawatan dan perkhidmatan yang salah dan tidak sesuai disebabkan klasifikasi yang terlalu umum ini.

Terma-terma 'upaya' dan 'kurang upaya' perlu juga diberi pertimbangan yang teliti memandangkan terdapatnya kepelbagaian dari segi jenis dan tahap seriusnya satu-satu kecacatan atau ketidakupayaan itu. Di dalam konteks pendidikan misalnya, 'ketidakupayaan' sering kali merujuk kepada jurang di antara pelajar dan persekitaran pembelajaran dan bukan kepada pelajar itu sendiri.

Syor

- Kerajaan, terutamanya Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan harus mengumpulkan satu panel yang terdiri dari pakar-pakar untuk merangka satu pengklasifikasian baru berkenaan ketidakupayaan.

8. KEPRIHATINAN TERHADAP HAK GOLONGAN KURANG UPAYA

Pencabulan hak golongan kurang upaya sebahagian besarnya disebabkan oleh sikap kurang sensitif atau ketidakprihatinan. Manakala undang-undang adalah perlu untuk melindungi hak, undang-undang ini secara sendirian tidak memadai untuk memastikan pematuhan. Cadangan dibuat agar Kerajaan, dengan kerjasama badan-badan bukan kerajaan menjalankan pelbagai program dan kempen bagi meningkatkan tahap kesedaran di kalangan masyarakat. Walau bagaimanapun, golongan kurang upaya tidak seharusnya berpuas hati, bergantung atau bersembunyi di sebalik ketidakupayaan mereka sendiri. Mereka harus melibatkan diri secara aktif di dalam menuntut hak mereka dengan berusaha bersungguh-sungguh demi mencapai potensi sebenar mereka dan mencari jalan untuk membantu diri sendiri. SUHAKAM akan mengkaji pencabulan hak mereka terutamanya apabila aduan dibuat kepada SUHAKAM. SUHAKAM juga akan mengkaji dan menilai undang-undang yang sedia ada dan menggesa Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta pihak berkuasa tempatan supaya menguatkuasakan undang-undang yang berkenaan. Pada masa yang sama juga, SUHAKAM akan mengkaji triti dan konvensyen antarabangsa supaya dapat menasihati pihak kerajaan agar menandatangani atau menyertai triti dan konvensyen antarabangsa yang bersesuaian.

9. KESIMPULAN

Dalam beberapa tahun kebelakangan, Kerajaan telah melakukan banyak perkara untuk memperbaiki kemudahan bagi golongan kurang upaya. Cadangan Rang Undang-undang Golongan Kurang Upaya akan menjadi satu langkah ke hadapan yang penting. Walau bagaimanapun, dialog SUHAKAM menunjukkan bahawa Malaysia masih jauh ketinggalan dalam memastikan golongan kurang upaya mendapat akses kepada masyarakat inklusif, tanpa batasan, agar mereka akan dapat berdikari dan menyumbang secara berkesan ke arah kemajuan negara sebagai modal manusia.

(iii) PENYELUDUPAN WANITA DAN KANAK-KANAK

Semasa lawatan ke Penjara Wanita Kajang pada bulan Januari 2003, rombongan SUHAKAM mendapati ramai wanita yang ditahan reman ekoran daripada serbuan di kelab-kelab malam dan beberapa pusat hiburan. Sehubungan itu, Suruhanjaya merasakan masalah penyeludupan wanita dan kanak-kanak di Malaysia perlu dikaji dengan segera.

Bagi melaksanakan kajian tersebut, satu Jawatankuasa Kecil (JKK) ditubuhkan. JKK ini telah melawat beberapa pusat tahanan untuk menemubual gadis-gadis yang berasal dari berbagai negara. Kebanyakan daripada gadis-gadis yang di temubual menyatakan bahawa mereka telah dijanjikan peluang pekerjaan yang lumayan di Malaysia, tetapi sebaliknya mereka telah dipaksa melacurkan diri untuk majikan mereka.

Di kalangan mereka adalah gadis-gadis muda yang telah di seludup masuk ke dalam negara ini. Mereka telah ditahan tanpa kerelaan, dikurung di dalam bilik dan makanan dibawakan kepada mereka sebanyak dua kali sehari dan mereka tidak dibayar untuk perkhidmatan mereka. Mereka kemudiannya dihantar kepada ejen-ejen lain dengan bayaran tertentu, dan terus didedahkan kepada eksploitasi yang sama.

Berdasarkan maklumat tersebut, SUHAKAM membuat keputusan untuk bekerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia, Jabatan Penjara, Jabatan Imigresen dan agensi-agensi lain, untuk menentukan magnitud masalah ini dan membuat syor-syor untuk menyelesaikannya.

1. DIALOG BERSAMA PIHAK BERKUASA

Satu pra-perbincangan meja bulat, yang diadakan pada 26 Ogos, telah disusuli dengan satu perbincangan meja bulat pada 24 September di ibu pejabat SUHAKAM, Kuala Lumpur. Perbincangan ini disertai oleh wakil dari Jabatan Imigresen; Pegawai Polis dari Bukit Aman, Selangor, Melaka dan Johor; serta wakil dari Jabatan Kebajikan Masyarakat; Jabatan Penjara; Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Berdasarkan perbincangan tersebut, SUHAKAM mendapati bahawa pihak Polis mengamalkan polisi 'tidak bertolak ansur' atau 'zero tolerance' terhadap penyeludupan. Penyeludupan tidak terhad kepada wanita sahaja. Menurut pihak Imigresen, kaum lelaki turut di seludup masuk sebagai tenaga buruh yang murah di restoran-restoran, serta sektor perladangan dan sektor pembinaan.

Adalah memberangsangkan untuk mengetahui bahawa pihak berkuasa yang berkaitan menyokong usaha SUHAKAM dalam hal ini. Lebih banyak dialog akan diadakan dengan badan bukan Kerajaan (NGO), pihak yang berminat dan misi diplomatik yang berkaitan sebelum menganjurkan seminar mengenai 'Penyeludupan Wanita dan Kanak-Kanak' pada tahun 2004.

2. TEMURAMAH BERSAMA GADIS-GADIS YANG DITAHAN

Walaupun penyeludupan wanita dan kanak-kanak semakin meningkat dan memperolehi dimensi baru, namun tiada anggaran yang dipersetujui bersama yang dapat menggambarkan dengan tepat magnitud masalah ini di Asia Tenggara, apatah lagi di Malaysia. Sehingga kini, Kerajaan-Kerajaan, agensi-agensi antarabangsa dan NGO sekadar mampu memberi anggaran kasar sahaja. Statistik sukar di kumpul kerana perdagangan ini adalah sensitif dan haram di sisi undang-undang.

Pada tahun 1997, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menganggarkan bahawa orang tengah, penyeludup dan pegawai-pegawai kerajaan yang rasuah mengaut keuntungan sebanyak US$7 billion melalui aktiviti mereka dalam penyeludupan manusia di peringkat antarabangsa.[25] Sekiranya anggaran ini tepat, penyeludupan manusia kini lebih menguntungkan jika dibandingkan dengan perniagaan senjata haram.

Pesuruhjaya SUHAKAM dan beberapa orang pegawai berpeluang menemubual beberapa orang gadis yang ditahan di beberapa pusat tahanan. Mereka telah memberi keterangan bagaimana mereka telah diseludup masuk ke dalam negara ini untuk tujuan pelacuran. Secara keseluruhan, sukar untuk menentukan samada gadis-gadis ini datang secara sukarela atau di seludup. Daripada temubual, ia kelihatan bahawa - walaupun mereka datang atas kerelaan sendiri - mereka masih terdedah kepada risiko ditipu oleh ejen-ejen atau majikan mereka dan dipaksa bekerja di pusat-pusat hiburan atau menyediakan perkhidmatan seks.

Di pusat tahanan Machap Umboo, Melaka, rombongan SUHAKAM telah menemubual lima orang wanita muda warganegara Indonesia yang berasal dari Kalimantan. Mereka telah dibawa ke Kuala Lumpur setelah dijanjikan kerja sebagai pembantu rumah. Setibanya mereka di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), ejen masing-masing telah menunggu mereka dan kemudiannya menghantar mereka ke pusat-pusat hiburan di beberapa buah bandar. Mereka tidak berpeluang melarikan diri kerana mereka dikurung di dalam bilik; makanan dihantar kepada mereka dan mereka dilarang bercakap dengan sesiapa pun. Mereka menanggung penderitaan tersebut selama tujuh bulan sehinggalah mereka ditangkap oleh polis.

Pasukan SUHAKAM juga bercakap dengan gadis-gadis dari Myanmar yang dibawa masuk ke Malaysia dengan janji-janji untuk bekerja sebagai tukang masak, tetapi berakhir di pusat karaoke di Kuala Lumpur. Gadis-gadis ini bekerja sehingga lapan bulan sebagai tukang urut tanpa sebarang gaji. Apabila mereka tidak dapat tahan lagi, mereka lari dan ditangkap oleh polis, tidak lama kemudian. Gadis-gadis muda juga diseludup masuk dari Mongolia, Thailand, China, Vietnam dan Kemboja.

SUHAKAM turut dimaklumkan selanjutnya bahawa ada di antara gadis-gadis tersebut yang telah dijangkiti HIV/AIDS. Salah seorang daripada mereka telah dijual oleh ibu bapanya ketika berusia sembilan tahun dan kemudiannya telah diseludup ke Malaysia. Beliau telah ditangkap dan dipenjarakan dan, semasa menjalani ujian kesihatan, telah disahkan HIV positif. Baru-baru ini beliau meninggal dunia di Hospital Kajang pada usia 16 tahun kerana menghidap AIDS.

3. HASIL SIASATAN JAWATANKUASA KECIL

Daripada dialog dan temu bual yang telah diadakan, didapati terdapat satu tren baru dalam cara gadis-gadis dari pelbagai negara diumpan ke dalam industri seks di Malaysia. Gadis-gadis dan wanita Indonesia biasanya dibawa masuk sebagai pembantu rumah dan kemudiannya 'dijual' oleh ejen-ejen mereka untuk bekerja di disko-disko dan

[25] USAID: Gender Matters Quarterly No. 1, February 1999

pusat-pusat hiburan untuk menghiburkan pelanggan lelaki, termasuklah dipaksa untuk memberikan perkhidmatan seks.

Gadis-gadis dari Thailand pula sering datang atas keinginan mereka untuk bekerja sebagai tukang urut di salon-salon kecantikan dan rumah-rumah urut. Akhirnya, mereka terjebak juga dalam industri pelacuran, kadangkala tanpa kerelaan mereka, setelah dipaksa atau diugut oleh ejen atau majikan mereka. Kemasukan mereka ke Malaysia telah dibantu oleh ejen-ejen dari negara asal mereka. Setibanya mereka di sini, mereka dijemput oleh ejen-ejen tempatan yang menempatkan mereka di kondominium atau pangsapuri mewah dan kemudiannya membawa mereka ke hotel-hotel serta lain-lain tempat di mana mereka dipaksa bekerja.

Gadis-gadis dari China juga biasanya datang secara sukarela sebagai pelancong untuk bertemu dengan teman lelaki warganegara Malaysia yang dikenali semasa di China. Lelaki-lelaki tersebut, kebanyakannya ahli perniagaan, mengirim tambang kapal terbang dan menanti ketibaan teman wanita masing-masing di lapangan terbang. Gadis-gadis ini tinggal bersama teman lelaki mereka di pangsapuri dan dibawa membeli-belah dan bersiar-siar, namun akhirnya mereka ditangkap oleh pihak polis kerana kesalahan tinggal melebihi tempoh yang dibenarkan. Apabila ditahan, kebanyakan daripada mereka tidak dihubungi langsung oleh teman lelaki masing-masing. Sekumpulan lagi gadis-gadis dari China datang sebagai pelancong, tetapi akhirnya bekerja di pusat-pusat hiburan sehinggalah mereka ditangkap semasa serbuan oleh pihak polis.

4. SYOR-SYOR DAN CADANGAN

Melalui dialog dan lawatan-lawatan, Jawatankuasa Kecil telah mengenal pasti beberapa keperluan yang perlu disediakan bagi membolehkan pendekatan menyeluruh untuk mengurangkan, jika tidak dapat membasmi, masalah penyeludupan manusia ke Malaysia.

(a) Menimbangkan Ratifikasi Protokol Palermo

Adalah disyorkan supaya Malaysia mengkaji keperluan untuk menandatangani Protokol Palermo dalam usaha memerangi penyeludupan dan bekerjasama secara global dengan organisasi antarabangsa dan serantau dalam menangani jenayah ini. Para peserta dialog memberikan sokongan padu terhadap syor ini.

(b) Memperketatkan Penguatkuasaan Undang-Undang

Adalah disyorkan supaya undang-undang sedia ada diguna pakai dengan cekap bagi menghalang peluang-peluang penyeludupan manusia. Pihak pengeluar lesen dalam badan berkuasa tempatan masing-masing mengkaji dengan lebih mendalam mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak berkuasa yang menjalankan tugas penangkapan.

(c) Mendapatkan Kerjasama Daripada Kedutaan Asing

Disyorkan agar Kedutaan-kedutaan asing memberikan lebih kerjasama untuk mengurangkan masalah ini, dan juga membantu gadis-gadis yang telah ditahan - terutamanya mereka yang telah di seludup masuk atau dipaksa terjebak dalam industri seks untuk pulang ke negara asal mereka.

(d) Melatih pegawai-pegawai yang berkaitan.

SUHAKAM mengesyorkan agar para pegawai di agensi-agensi penahanan yang berkaitan diberikan latihan yang sesuai, agar mereka berkemampuan untuk bertindak balas dengan lebih prihatin terhadap keperluan wanita-wanita yang lemah dan komuniti yang terlibat.

(e) Merangka strategi undang-undang baru

SUHAKAM melihat adanya keperluan untuk meminda dan/atau menyelaraskan undang-undang tempatan agar selari dengan protokol penyeludupan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan lain-lain piawaian antarabangsa. Terdapat juga keperluan untuk memperkukuhkan kerjasama antara negara-negara (transnasional) untuk membawa pesalah ke muka pengadilan. Undang-undang perlu disediakan

bagi membolehkan harta benda penyeludup disita bagi membantu dan membayar ganti rugi kepada mangsa-mangsa dan saksi kes penyeludupan dilindungi bagi menjaga keselamatan mereka sewaktu prosiding undang-undang.

(f) Langkah-langkah bagi melindungi mereka yang lemah.

Satu garis panduan perlu disediakan bagi mempercepatkan proses mengenal pasti pendatang asing yang menjadi mangsa penyeludupan. Perhatian yang khusus juga perlu diberi kepada keperluan dan masalah kanak-kanak yang di seludup. SUHAKAM mendapati bahawa kanak-kanak, terutamanya bayi, sering dibawa masuk melalui bandar-bandar di sempadan untuk dijual kepada pasangan yang tidak mempunyai anak.

5. KESIMPULAN

Daripada penemuan awal ini, SUHAKAM mencadangkan agar penguatkuasaan yang lebih agresif dapat dilaksanakan berhubung isu yang semakin mendapat perhatian ini. Undang-undang sedia ada dan undang-undang baru hendaklah ditumpukan sepenuhnya ke arah usaha memerangi penyeludupan manusia, dengan kerjasama yang aktif daripada pihak berkuasa kehakiman dan pentadbiran.

Agensi penguatkuasaan juga mesti menunjukkan keprihatinan kepada hak mangsa penyeludupan manusia. Langkah-langkah yang diperkenalkan bagi memerangi jenayah ini hendaklah mengambil kira keperluan untuk melindungi hak asasi mangsa penyeludupan terutamanya yang berkaitan dengan kesihatan dan keselamatan individu.

Langkah terbaik untuk menghalang penyeludup-penyeludup, ejen-ejen dan pembantu mereka adalah dengan cara menakutkan mereka melalui pendakwaan dan hukuman. Mangsa penyeludupan hendaklah dikenal pasti dan diberi galakan untuk tampil dan membuat laporan terhadap penyeludup dan bekerjasama dengan agensi penguatkuasa undang-undang sebagai saksi.

Syor-syor ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam tahun 2004 apabila SUHAKAM menganjurkan seminar peringkat nasional. Adalah diharapkan agar program tersebut akan dapat menghasilkan beberapa cadangan tambahan untuk dipertimbangkan.

(iv) PUSAT TAHANAN

Kumpulan Kerja Aduan dan Siasatan telah melawat sebanyak 25 pusat tahanan. Ia termasuklah Depot Tahanan Imigresen, Lokap Polis dan Penjara, kebanyakannya di Semenanjung Malaysia tetapi lawatan juga dibuat di Sabah dan Sarawak.

Kebanyakan lawatan yang dibuat adalah atas inisiatif SUHAKAM sendiri selaras dengan Seksyen 4(2)(d) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999. Lawatan juga dibuat ekoran daripada aduan-aduan yang diterima mengenai tuduhan berlaku pencabulan hak asasi manusia di pusat-pusat tahanan tersebut.

Tujuan utama lawatan-lawatan tersebut diadakan adalah untuk memastikan samada pusat-pusat tahanan tersebut mematuhi Kaedah-Kaedah Lokap 1953, Peraturan-Peraturan Penjara dan Kaedah-Kaedah Minima Piawaian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Layanan Terhadap Banduan (United Nations Standard Minimum Rules For The Treatment Of Prisoners). Lawatan-lawatan tersebut juga membolehkan SUHAKAM mengesahkan asas segala aduan yang telah diterima.

1. LAWATAN KE LOKAP POLIS

Pesuruhjaya dan pegawai SUHAKAM telah melawat sebanyak dua belas lokap polis, tujuh depot tahanan imigresen, dua wad forensik di hospital dan sebelas penjara dalam tahun 2003. Secara amnya, lokap polis yang dilawati adalah berkeadaan bersih dan memuaskan.

Jadual 1: Lawatan ke Lokap Polis - 2003

NO	TARIKH	TEMPAT
1.	18 Januari	Balai Polis Sentral, Kuching, Sarawak
2.	16 Februari	Balai Polis Jalan Patani, Pulau Pinang
3.	16 Februari	Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang
4.	16 Februari	Balai Polis Sentral, Pulau Pinang
5.	16 Februari	Balai Polis Butterworth, Pulau Pinang
6.	16 Februari	Balai Polis Ayer Tawar, Pulau Pinang
7.	16 Februari	Balai Polis Sungai Dua, Pulau Pinang
8.	24 Mei	IPD Kuala Terengganu, Terengganu
9.	13 Ogos	Balai Polis Seremban, Negri Sembilan
10.	10 Oktober	Balai Polis Sentral, Sibu, Sarawak
11.	16 Oktober	Balai Polis Satok, Kuching, Sarawak
12.	13 November	Balai Polis Batang Padang, Perak

2. LAWATAN KE DEPOT TAHANAN IMIGRESEN

Lawatan telah dibuat ke depot-depot tahanan sepanjang tahun 2003 (Lihat Jadual 2). Wakil SUHAKAM memperolehi maklumat daripada

Jadual 2: Lawatan ke Depoh Tahanan Imigresen – 2003

NO	TARIKH	TEMPAT
1.	8 Ogos	Belantek, Kedah
2.	13 Ogos	Machap Umboo, Melaka
3.	15 Ogos	Lenggeng, Negri Sembilan
4.	15 Ogos	Semenyih, Selangor
5.	22 Ogos	Langkap, Perak
6.	4 Sept	Semuja, Serian, Sarawak
7.	21 Nov	Langkap, Perak

pemerhatian dan penerangan yang diberikan oleh pegawai yang bertugas di depot tahanan tersebut.

Pemerhatian am yang dibuat semasa lawatan ke depot-depot tahanan tersebut mendedahkan beberapa kekurangan.

Antara yang terpenting ialah:
1. Kesesakan - masalah ini paling ketara di Semenyih, Lenggeng dan Machap Umboo tetapi masalah tersebut tidak wujud di depot Langkap dan Semuja.

2. Kawalan Keselamatan Yang Tidak Mencukupi - secara amnya, kawalan keselamatan di depot-depot tersebut adalah memadai tetapi terdapat masalah nisbah pengawal keselamatan yang rendah berbanding jumlah banduan. Nisbah tersebut adalah dalam lingkungan 1:85 (Lenggeng) hingga 1:222 (Semenyih) pada masa lawatan diadakan.

3. Masalah Pengenalan Diri - kebanyakan tahanan didapati mengelak daripada soalan mengenai kewarganegaraan mereka. Ini menyukarkan lagi pihak berkuasa untuk mengenalpasti dan menghantar mereka pulang ke negara asal.

4. Kehadiran Kanak-Kanak - kanak-kanak yang ditahan bersama orang dewasa yang sedang menunggu untuk dihantar pulang memberatkan lagi tanggungan pegawai-pegawai di depot tersebut yang tidak dilatih atau dibekalkan dengan peralatan untuk menguruskan kanak-kanak.

5. Persekitaran Tidak Bersih - Tahanan mendapat akses kepada penjagaan kesihatan dan perubatan yang asas. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh kesesakan dan keadaan tahanan yang lemah sebelum mereka ditahan, kuarters tempat tinggal tahanan-tahanan juga adalah tidak memuaskan. Berdasarkan pemerhatian tersebut, SUHAKAM mengesyorkan agar pihak pengurusan depot berusaha mencari langkah yang lebih baik dalam mempercepatkan proses menghantar pulang tahanan-tahanan tersebut. Ini akan dapat mengurangkan masalah kesesakan di depot-depot yang tertentu. Jumlah pengawal keselamatan yang optimum perlu ditugaskan untuk menjaga sejumlah tahanan yang tertentu sahaja. Pegawai-pegawai di depot tahanan juga perlu diingatkan bahawa mereka, pada setiap masa, perlu peka terhadap kesukaran yang dihadapi oleh tahanan. Peruntukan pemakanan dan kesihatan yang mencukupi harus disediakan terutamanya apabila kanak-kanak ditahan bersama-sama penjaga mereka. Tahap kebersihan yang tinggi perlu dikekalkan. Usaha perlu dijalankan untuk mendapatkan kerjasama daripada kedutaan asing melalui Wisma Putra,

Jadual 3: Lawatan ke Hospital Kerajaan – 2003

NO	TARIKH	TEMPAT
1.	15 Feb	Wad Forensik, Hospital Bahagia, Tanjung Rambutan, Perak
2.	16 Okt	Hospital Sentosa, Kuching, Sarawak

untuk menentukan dengan tepat kewarganegaraan tahanan bagi tujuan menghantar mereka pulang secepat mungkin. Akhir sekali, disarankan agar Jabatan Imigresen mempercepatkan penyerahan pengurusan depot kepada pihak Jabatan Penjara memandangkan Jabatan Penjara memiliki pengalaman dan tenaga kerja terlatih yang diperlukan.

3. LAWATAN KE WAD FORENSIK HOSPITAL

HOSPITAL BAHAGIA, PERAK

SUHAKAM melawat Hospital Bahagia pada 15 Februari 2003. Fokus lawatan tersebut ialah Wad Forensik untuk melihat keadaan pesakit yang ditempatkan di situ di bawah perintah mahkamah. (Lihat Jadual 3)

Berikut adalah pemerhatian dan syor-syor SUHAKAM berdasarkan lawatan tersebut:

1. Kekurangan Kakitangan

Wad Forensik Wanita (Wad 5) mengalami masalah kekurangan kakitangan yang ketara. Wad ini terletak bersebelahan dengan Wad 6 dan 7, yang merupakan wad biasa yang menempatkan seramai 87 orang pesakit. Tiga orang jururawat terlatih dan seorang pembantu hospital bertugas di ketiga-tiga wad pada setiap shif. Daripada jumlah ini, hanya seorang jururawat sahaja yang bertugas menjaga 20 orang pesakit di Wad 5 pada setiap shif.

SUHAKAM mengesyorkan agar jumlah kakitangan ditambah bagi membolehkan pengurusan pesakit yang lebih baik serta meningkatkan kebajikan pekerja.

2. Pesakit Tidak Dituntut Oleh Keluarga Masing-Masing

Daripada maklumat yang diperolehi, SUHAKAM difahamkan bahawa masalah ini timbul disebabkan oleh sesetengah keluarga pesakit yang jahil mengenai prosedur untuk menuntut ahli keluarga mereka yang ditempatkan di Wad Forensik. Pesakit-pesakit ini merupakan pesakit yang boleh dibawa pulang setelah disahkan oleh doktor pakar sebagai "selamat" untuk dibebaskan ke dalam masyarakat.

SUHAKAM mengesyorkan agar pihak pentadbir hospital memainkan peranan yang lebih proaktif dalam memaklumkan keluarga pesakit yang telah bersedia untuk dibebaskan atas nasihat doktor.

3. Perlunya Pengiring Polis

SUHAKAM dimaklumkan bahawa mana-mana pesakit yang ditahan di Hospital Bahagia di bawah perintah mahkamah memerlukan seorang pengiring polis sekiranya pesakit tersebut memerlukan rawatan kecemasan di hospital. Prosedur ini menimbulkan masalah kepada pihak pentadbiran hospital, terutamanya bagi kes-kes yang memerlukan rawatan segera.

SUHAKAM mengesyorkan agar perancangan awal dapat dibuat di antara pihak hospital dan pihak Polis sebagai satu langkah untuk mengendalikan sebarang kecemasan yang mungkin berlaku.

4. LAWATAN KE PENJARA

SUHAKAM telah melakukan sebelas lawatan ke beberapa penjara sepanjang tahun 2003. (Lihat Jadual 4)

Berikut adalah pemerhatian dan syor SUHAKAM hasil daripada lawatan ke penjara-penjara tersebut:

1. Kesesakan

Kesemua penjara yang dilawati mengalami masalah ini. Contohnya, penjara Pulau Pinang menempatkan seramai 2481 orang tahanan sedangkan jumlah yang diwartakan hanyalah seramai 1200 orang sahaja. Penjara Alor Setar pula menempatkan seramai 1993 orang tahanan, yang jauh melebihi jumlah yang diwartakan iaitu seramai 950 orang, manakala penjara Ipoh mempunyai seramai 2345 orang tahanan berbanding jumlah yang diwartakan iaitu seramai 1375 orang.

Jadual 4: Lawatan ke Penjara – 2003

NO	TARIKH	TEMPAT
1.	16 Jan	Penjara Wanita Kajang, Selangor
2.	6 Feb	Penjara Kajang, Selangor
3.	15 Feb	Kem Tahanan Perlindungan Kamunting
4.	16 Feb	Penjara Pulau Pinang, Pulau Pinang
5.	17 Feb	Penjara Alor Setar, Kedah
6.	17 Feb	Penjara Taiping, Perak
7.	13 Mac	Penjara Tawau, Sabah
8.	8 Ogos	Penjara Sungai Petani, Kedah
9.	29 Okt	Penjara Wanita Kajang, Selangor
10.	15 Dis	Kem Tahanan Perlindungan Kamunting
11.	29 Dis	Penjara Sungai Buloh, Selangor

SUHAKAM membuat syor-syor berikut:

- Pusat Kedatangan Wajib (Compulsory Attendance Centre - CAC) perlu diperkenalkan semula. Sistem ini mewajibkan pesalah-pesalah yang melakukan jenayah ringan menghadiri aktiviti harian bengkel CAC dan pulang ke rumah pada waktu malam. Ini akan membantu mengurangkan masalah kesesakan di penjara.
- Sistem Tag Elektronik (Electronic Tagging System - ETS) boleh dijadikan alternatif. Penggunaan sistem ini patut dipertimbangkan untuk pesalah yang disabitkan dengan jenayah ringan. ETS membenarkan pesalah diletak di bawah pengawasan dan tidak perlu ditahan dipenjara. Orang tahanan boleh diawasi melalui sistem komputer yang di pasang di penjara, dengan profil dan maklumat peribadi tahanan didaftarkan dalam sistem tersebut.

Kedua-dua CAC dan ETS adalah langkah yang sesuai dan peruntukan undang-undang harus dibuat untuk melaksanakan saranan ini. Sebagai contoh, untuk pesalah yang melakukan kesalahan ringan di bawah Akta Kesalahan Kecil 1955, mencuri di bawah Seksyen 379 Kanun Keseksaan; mencuri kenderaan bermotor di bawah Seksyen 379A Kanun Keseksaan serta menyebabkan kecederaan di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan, di mana pesalah dikenakan hukuman penjara tujuh tahun atau kurang.

2. Tempoh Tahanan Reman Yang Berpanjangan

Sebab utama yang menyumbang kepada kesesakan di penjara ialah jumlah tahanan reman yang terlalu ramai. Satu perbandingan telah dibuat di antara bilangan tahanan reman berbanding jumlah keseluruhan penghuni di tiga buah penjara semasa lawatan SUHAKAM. (Lihat Jadual 5)

SUHAKAM mendapati kes-kes di mana tertuduh yang telah dihukum masih dikenakan perintah reman oleh mahkamah rendah melebihi dua tahun. Terdapat juga kes-kes Mahkamah Tinggi di mana tertuduh ditahan di bawah perintah reman melebihi tiga tahun. Dalam satu kes, seorang tahanan telah ditahan di bawah perintah reman sehingga tempoh lima tahun.

Jadual 5: Perbandingan Jumlah Tahanan Reman dan Jumlah Keseluruhan Penghuni

	KATEGORI HUKUMAN		
TEMPAT	REMAN	JUMLAH KESELURUHAN	PERATUS (%)
Penjara Pulau Pinang	932	2,481	37.6
Penjara Alor Setar	671	1,993	33.7
Penjara Taiping	859	2,439	35.2

Dalam sesetengah kes, orang tahanan dibenarkan diikat jamin. Walau bagaimanapun, jumlah ikat jamin yang terlalu tinggi menyebabkan kaum keluarga tidak dapat menyediakan wang jaminan untuk membebaskan orang tahanan terbabit daripada penjara. Sebagai contoh, terdapat satu kes kecurian di bawah Seksyen 379 Kanun Keseksaan di mana jumlah ikat jamin dikenakan sebanyak RM5000.00 dan tidak ada sesiapa yang sanggup menjadi penjamin.

Oleh itu, SUHAKAM mencadangkan agar:

- Badan Kehakiman patut menetapkan jumlah ikat jamin yang munasabah agar pihak keluarga mampu menjamin orang tahanan.
- Kes-kes reman diuruskan dengan kadar segera oleh pihak mahkamah.

Maklumbalas daripada orang tahanan menunjukkan bahawa terdapat pelbagai alasan telah diberikan berkenaan kelewatan penyelesaian kes-kes mereka contohnya ketiadaan hakim dan permintaan untuk penangguhan oleh peguam dan pendakwaraya.

3. Tahanan Dalam Kes-Kes Imigresen.

Kes-kes berkaitan imigresen juga menyumbang kepada masalah kesesakan di penjara. SUHAKAM mendapati bahawa masalah ini timbul disebabkan penangguhan penghantaran pulang banduan warga asing yang telah tamat menjalani hukuman. Pada kebiasaannya, Jabatan Imigresen akan mengeluarkan Perintah Tahanan sementara menanti proses penghantaran pulang. Walau bagaimanapun, perintah ini mungkin menjangkau sehingga sebulan atau lebih, dan menyebabkan banduan yang merupakan pendatang tanpa izin ditahan dipenjara pada jangka masa yang lebih lama. SUHAKAM mengesyorkan agar Jabatan Imigresen mempercepatkan penghantaran pulang pendatang tanpa izin sebaik sahaja mereka tamat menjalani hukuman.

4. Kelewatan Dalam Perlaksanaan Hukuman Sebat

Walaupun seseorang pesalah telah tamat menjalani hukuman penjara, namun hukuman sebat terpaksa ditangguhkan sementara menunggu kes rayuan selesai.



Lawatan SUHAKAM ke Depot Tahanan Imigresen di Belantik, Kedah

SUHAKAM mengesyorkan supaya tindakan diambil untuk mempercepatkan penyelesaian kes rayuan agar banduan dihukum sebat semasa menjalani hukuman penjara dan bukannya selepas banduan dibebaskan.

5. Kelewatan Keputusan Lembaga Pengampunan

Kelewatan Lembaga Pengampunan bersidang dan memutuskan kes-kes yang melibatkan hukuman mati adalah amat membimbangkan. Ini menyebabkan banduan-banduan tersebut ditahan di penjara secara berpanjangan untuk satu jangka masa yang tidak menentu. Sebagai contoh, seorang banduan di Penjara Kajang telah berada dalam senarai menunggu hukuman mati sehingga melebihi tempoh lima tahun.

Sehubungan dengan itu, SUHAKAM akan mengumpul segala maklumat yang berkaitan masalah ini daripada Kerajaan Negeri. SUHAKAM menyarankan agar Lembaga Pengampunan bersidang sekerap yang perlu.

5. KESIMPULAN

Lawatan-lawatan SUHAKAM telah mendedahkan bahawa kesesakan di pusat-pusat pemulihan dan kekurangan kakitangan adalah masalah yang telah lama wujud. Ini adalah masalah yang sangat serius dan sekiranya dibiarkan tanpa mencari jalan penyelesaian, ia akan membawa kepada kesan yang tidak diingini dari segi keselamatan, kebersihan dan kesihatan serta akan mencabuli hak asasi banduan-banduan.

Oleh itu, dalam hal Pusat Tahanan dan Penjara, semua pihak yang terlibat harus tampil kehadapan dan memberikan bantuan kepada Jabatan Imigresen dan Jabatan Penjara untuk mengurangkan masalah-masalah tersebut secepat mungkin.

(v) UNDANG-UNDANG YANG MENYEKAT KEBEBASAN INDIVIDU

Pada tahun 2002, SUHAKAM telah menjalankan kajian semula ke atas Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Sebagai sebahagian daripada komitmen yang berterusan dalam mengkaji semula undang-undang yang menyekat kebebasan individu, SUHAKAM pada tahun 2003 menjalankan kajian semula Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 (ADBLPK) dan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (APJ). Objektif kajian semula adalah untuk memastikan samada terdapat keserasian atau percanggahan antara kedua-dua akta tersebut dengan piawaian antarabangsa untuk hak asasi manusia.

Hak kepada kebebasan individu dan keselamatan adalah dijamin oleh Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan dan beberapa surat cara antarabangsa hak asasi manusia yang lain. Walaupun hak untuk kebebasan dan keselamatan adalah hak asasi yang utama, namun, terdapat juga keperluan yang berlawanan untuk menangani orang-orang yang mengancam kesihatan mereka sendiri ataupun orang lain ataupun mereka yang terlibat dalam rangkaian jenayah yang menimbulkan keadaan bahaya di dalam penguatkuasaan undang-undang serta sukar dikawal dengan berkesan melalui prosedur-prosedur yang normal. Antara individu-individu terbabit termasuklah penyeludup dadah dan juga mereka yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti kongsi gelap. Dalam hal ini, SUHAKAM mengaku perlunya ada timbangan di antara penyekatan hak individu dan keperluan untuk melindungi masyarakat dan ketenteraman awam.

1. JURISPRUDENS ANTARABANGSA

Dalam mengkaji peruntukan-peruntukan ADBLPK dan APJ, SUHAKAM akan merujuk kepada peruntukan-peruntukan di dalam Perisytiharan Sejagat Hak Asasi Manusia, Kovenan Antarabangsa Hak Sivil dan Politik, dan juga jurisprudens Mahkamah Hak Asasi Eropah sebagai ukur rujuk hak asasi manusia. Walaupun jurisprudens Kovenan Antarabangsa Hak Sivil dan Politik dan jurisprudens Mahkamah Hak Asasi Eropah tidak mengikat ke atas Malaysia, namun begitu keduanya boleh dijadikan autoriti berpengaruh kerana keduanya telah diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa sebagai ukur rujuk dalam menentukan piawaian antarabangsa yang berkaitan dengan hak asasi manusia.

2. PERUNTUKAN-PERUNTUKAN ADBLPK

ADBLPK berkuatkuasa pada 15 Jun 1985 [P.U. (B) 305/85]. Ia membenarkan Menteri menahan seseorang tanpa bicara, sekiranya beliau berpuas hati yang individu tersebut pernah ataupun masih melibatkan diri dalam aktiviti berkaitan atau melibatkan penyeludupan dadah merbahaya, dan penahannya itu adalah diperlukan untuk menjaga ketenterman awam.

ADBLPK digubal berdasarkan rasional "seseorang yang dikaitkan dengan mana-mana aktiviti berkaitan atau melibatkan penyeludupan dadah merbahaya"[26]

---

[26] Tajuk Panjang dan Mukadimmah Akta Dadah Merbahaya (Langkah Pencegahan Khas) 1985.

"mendatangkan mudarat kepada ketenteraman awam dalam atau keselamatan, Persekutuan atau mana-mana bahagiannya"[27]. ADBLPK 1985 digubal berdasarkan Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan[28]. Perkara ini menyatakan bahawa mana-mana peruntukan undang-undang yang dibuat dengan tujuan untuk menghentikan atau mencegah perbuatan yang tersenarai di bawahnya, maka undang-undang tersebut adalah sah walaupun ianya bertentangan dengan lain-lain peruntukan yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan.

ADBLPK 1985 adalah salah satu undang-undang yang dirujukkan kepada Jawatankuasa Pemilihan Khas sebelum diluluskan sebagai Akta Parlimen. Jawatankuasa Pemilihan Khas tersebut telah membuat beberapa cadangan dan peninjauan yang telah diambil kira oleh Parlimen.

3. PERUNTUKAN-PERUNTUKAN APJ

APJ telah digubal sebagai "langkah pencegahan jenayah yang lebih berkesan dan juga untuk mengawal penjenayah, ahli-ahli kongsi gelap dan juga orang-orang lain yang tidak diingini[29]. APJ membenarkan Polis untuk menangkap tanpa waran sesiapa yang dipercayainya terdapat sebab untuk membuat suatu soal siasat ke atas individu tersebut dibawah Akta ini.

Seksyen 8 Akta ini memberi kuasa kepada Menteri untuk melantik mana-mana orang mengikut nama atau jawatan, untuk menjadi Pegawai Siasatan bagi maksud-maksud Akta ini : dengan syarat bahawa tiada seorang pun pegawai polis boleh dilantik untuk menjadi seorang Pegawai Siasatan.

Menurut Seksyen 9, peranan Pegawai Siasatan adalah untuk menyiasat dan melaporkan secara bertulis kepada Menteri samada terdapat alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa orang yang dibawa kehadapan Pegawai Siasatan ialah seorang anggota mana-mana kategori yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama Akta. Kategori yang boleh didaftarkan seperti yang terkandung dalam Jadual Pertama termasuklah:

(a) Anggota pertubuhan yang menggunakan upacara amal triad;
(b) Orang-orang yang menganggotai mana-mana kumpulan, badan, gang atau persatuan seramai lima orang atau lebih yang bersekutu bagi maksud-maksud yang meliputi perlakuan kesalahan-kesalahan yang melibatkan keganasan atau pemerasan;
(c) Pengedar opium, candu, bhang, atau dadah merbahaya lain;
(d) Pedagang yang mendagangkan wanita dan gadis; dan
(e) Orang yang lazimnya terlibat dalam pengelolaan dan pemajuan judi haram.

Seksyen 12 APJ memperuntukkan pendaftaran orang-orang yang dipercayai menjadi anggota-anggota mana-mana kategori boleh didaftarkan oleh Pendaftar Jenayah. Pendaftar Jenayah ialah

---

[27] Perkara 149 (1) (f) Perlembagaan Persekutuan.

[28] Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan menyatakan:
(1) Jika sesuatu Akta Parlimen menyebut pada permulaannya bahawa tindakan telah diambil atau diancam oleh sebilangan besar orang sama ada dalam atau luar Persekutuan-
(a) untuk menyebabkan merancang kekerasan terhadap orang atau harta, atau menyebabkan sebilangan besar rakyat merasa takut; atau
(b) membangkitkan perasaan tidak suka terhadap Yang Di-Pertuan Agong atau mana-mana Kerajaan dalam Persekutuan; atau
(c) mengembangkan perasaan jahat atau permusuhan antara beberapa kaum atau golongan penduduk yang mungkin menyebabkan kekerasan; atau
(d) untuk mendapatkan diubah, dengan apa-apa cara yang sah, apa-apa jua yang tertubuh menurut undang-undang; atau
(e) yang mendatangkan mudarat kepada penyelenggaraan atau perjalanan apa-apa bekalan atau perkhidmatan kepada orang ramai atau mana-mana golongan orang ramai dalam Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya; atau
(f) yang memudaratkan ketenteraman awam di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya dan yang memudaratkan keselamatannya.
maka apa-apa peruntukan undang-undang itu yang bermaksud untuk memberhentikan atau menegah tindakan itu adalah sah walaupun peruntukan itu tidak selaraskan dengan mana-mana peruntukan Perkara 5, 9, 10 atau 13, atau walaupun, jika tindakan kerana perkara ini, peruntukan itu akan terkeluar daripada kuasa perundangan Parlimen; dan Perkara 79 tidaklah terpakai bagi Rang Undang-undang untuk sesuatu Akta yang sedemikian atau bagi apa-apa pindaan kepada sesuatu Rang Undang-undang yang sedemikian.
(2) Sesuatu undang-undang yang mengandungi sebutan permulaan yang tersebut dalam Fasal (1) jika tidak terlebih dahulu dimansuhkan, hendaklah terhenti berkuatkuasa jika ketetapan diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen membatalkan undang-undang itu, tetapi dengan tidak menyentuh apa-apa yang dilakukan dahulunya menurut undang-undang itu atau dengan tidak menyentuh kuasa Parlimen membuat suatu undang-undang baharu di bawah Perkara ini.

[29] Lihat Tajuk Panjang APJ.

orang yang dilantik menurut seksyen 3 Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang-Orang yang Tak Diingini 1969.

Bahagian IV Akta memperuntukkan akibat pendaftaran tersebut. Ini termasuk Menteri berkuasa untuk mengarahkan mana-mana orang berdaftar dikenakan pengawasan Polis bagi tempoh tidak melebihi lima tahun yang boleh diperbaharui menetap dalam batasan negeri, daerah, mukim, bandar atau kampung sebagaimana ditetapkan; dan ditaklukan kepada sekatan-sekatan lain.

4. KAJIAN BERTERUSAN

Kajian semula ADBLPK dan APJ masih berterusan. SUHAKAM, melalui Kumpulan Kerja Pembaharuan Perundangan dan Triti Antarabangsa bercadang untuk mengadakan perundingan dengan agensi-agensi kerajaan dan NGO untuk mengumpul maklumat berkenaan dengan kedua-dua Akta tersebut. Kajian semula ini dijangka siap dalam tahun 2004. Pandangan umum berkaitan kedua-dua Akta ini adalah dialu-alukan.

(vi) CEDAW: HAK, TANGGUNGJAWAB DAN PELAKSANAAN

Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Menghapuskan Segala Diskriminasi Terhadap Wanita (Convention on The Elimination of All Discrimination Against Women - CEDAW) sejak lapan tahun yang lalu. Namun begitu, CEDAW masih belum digabungkan ke dalam undang-undang tempatan kecuali bagi pindaan dibuat terhadap Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan yang telah memasukkan 'jantina' sebagai satu lagi alasan diskriminasi. Sehingga kini, Malaysia masih belum menghantar laporan negaranya kepada Jawatankuasa Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berkenaan Penghapusan Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW Committee).

Dalam memantau perlaksanaan CEDAW, SUHAKAM telah menganjurkan 'Perbincangan Meja Bulat: Hak dan Tanggungjawab menurut CEDAW' ('Perbincangan Meja Bulat') pada bulan Mac 2003. Objektifnya ialah untuk memajukan hak wanita, mempertingkatkan kesedaran tentang hak wanita di peringkat tempatan dan juga untuk memberikan ruang untuk semua yang terlibat untuk berbincang tentang perlaksanaan CEDAW

Perbincangan Meja Bulat sehari ini telah dihadiri oleh 48 orang wakil daripada pelbagai agensi kerajaan dan NGO. Lima kertas kerja dibentangkan yang kemudiannya disusuli dengan perbincangan kritis tentang isu-isu berbangkit.

Adalah dijangkakan bahawa laporan mengenai Perbincangan Meja Bulat akan diterbitkan dan diedar pada umum pada awal tahun 2004. Berikut adalah ringkasan isu-isu berbangkit sewaktu perbincangan tersebut.

1. HAK WANITA DI MALAYSIA

(a) Pencapaian Semasa

Penceramah pertama daripada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga telah membentangkan kertas kerja berkenaan perlaksanaan CEDAW di Malaysia dengan mengambil pendekatan mengkaji artikel demi artikel yang terkandung dalam CEDAW dan perspektif kerajaan. Beliau menekankan tentang kemajuan yang dicapai terutamanya berkaitan Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan yang melarang diskriminasi berdasarkan jantina, perumusan Polisi Negara untuk Wanita, peruntukan dana bagi pembangunan wanita dan juga ibu-ibu tunggal, penggubalan Kod Etika berkenaan Pencegahan dan Pengawalan gangguan seksual dan pemajuan kesamarataan taraf wanita luar bandar.

(b) Kelemahan dalam Undang-Undang Sivil dan Jenayah Malaysia

Penceramah seterusnya telah mengkaji bagaimana undang-undang sivil dan jenayah Malaysia menggalakkan kesamarataan wanita. Telah diperhatikan bahawa walaupun terdapat kesamarataan *de jure*, perlaksanaannya telah dijejaskan oleh faktor budaya, agama dan sosial serta kurangnya sensitiviti jantina. Antara bidang yang memerlukan perhatian segera termasuk keperluan bagi undang-undang pencegahan gangguan seksual, penubuhan Mahkamah Keluarga, pengiktirafan terhadap sumbangan tanpa rekod oleh isteri-isteri dalam isu hartanah; menambahkan kepekaan badan kehakiman tentang isu jantina terutamanya dalam kes-kes rogol; dan kekurangan penilaian terhadap polisi-polisi tentang isu-isu yang berkaitan wanita.

berkenaan memasukkan CEDAW dalam undang-undang tempatan. Perbincangan turut mengutarakan bahawa walaupun ketiadaaan undang-undang tempatan yang menggabungkan peruntukkan CEDAW, ia tidak patut dilihat sebagai satu halangan. Sebaliknya usaha patut diteruskan oleh semua pihak terutamanya ahli akademik dan pengamal undang-undang untuk meningkatkan kesedaran terhadap hak wanita dan merangka kajian mereka agar CEDAW boleh diserapkan ke dalam perundangan tempatan. Adalah ditekankan bahawa CEDAW telah mempertanggungjawabkan kepada negara anggotanya untuk mengambil langkah pro-aktif dalam memajukan wanita dan menghapuskan segala bentuk diskriminasi.

(b) Reservasi Malaysia terhadap CEDAW

Adalah diakui bahawa terdapat keperluan mengkaji semula reservasi-reservasi terhadap CEDAW, terutamanya yang dikatakan bertentangan dengan undang-undang Syariah.

(c) Keberkesanan Laporan *Shadow* dan perjuangan berterusan

Perbincangan juga menyentuh isu keberkesanan Laporan Shadow (laporan bebas yang dihantar oleh NGO kepada Badan Triti PBB untuk membantu badan tersebut menilai laporan Negara Anggota dengan lebih kritis). Laporan Shadow ini merupakan sesuatu yang amat berguna di dalam mengenal pasti sebarang kekurangan, kesamaran dan salah tafsir. Adalah ditonjolkan bahawa pembelaan berterusan tentang hak wanita dan CEDAW melalui persidangan-persidangan tahunan dan bengkel-bengkel latihan adalah lebih berfaedah dan berkesan daripada menghantar laporan Shadow setiap empat tahun.

4. CEDAW DI NEGARA AHLI ASEAN DAN BEBERAPA NEGARA ISLAM

(a) Negara ASEAN yang merupakan Negara Anggota CEDAW

Sesi 2 Perbincangan Meja Bulat telah mengkaji tentang perlaksanaan CEDAW di negara-negara Asean seperti Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam. Adalah diperhatikan bahawa perlaksanaan CEDAW masih lagi dijalankan secara berperingkat di rantau ASEAN; terutamanya, tiada satu pun negara ASEAN yang mempunyai undang-undang kesamarataan. Budaya, sejarah,sikap berat sebelah dan rasuah dikatakan antara punca yang menyukarkan proses kesamarataan.

(b) Negara-negara Islam

Berkenaan dengan kemajuan di negara-negara Islam seperti Mesir, Iraq, Jordan, Maldives dan Tunisia, adalah diperhatikan di Mesir, amalan menyunat secara keterlaluan kemaluan wanita (female genital mutilation) telah diklasifikasikan sebagai jenayah sementara di Tunisia, penekanan diberi ke atas isu kerjasama samarata dalam keluarga.

5. CEDAW: PENGALAMAN HONG KONG

Penerangan diberikan tentang cabaran-cabaran dan pengalaman yang dihadapi oleh EOC dalam memperjuangkan kesamarataan. Penceramah telah memberikan sejarah ringkas EOC; tiga undang-undang yang ditadbir oleh EOC; kuasa EOC dalam bidang litigasi; kursus-kursus latihan yang dijalankan oleh EOC juga pendaftaran kes-kes yang berjaya diselesaikan. Turut ditekankan ialah fungsi litigasi strategik EOC yang memberi keupayaan kepada EOC untuk memenuhi fungsinya untuk mencari dan menyelesaikan aduan-aduan serta bertemu dengan pihak yang enggan berdamai. Beliau turut menyatakan bahawa kemajuan hak di Hong Kong bukanlah kerana usaha Kerajaannya. Penandatanganan Deklarasi Bersama untuk masa depan Hong Kong dan juga tragedi 4 Jun 1989 (di *Tiananmen Square*) yang menyedarkan rakyat Hong Kong tentang betapa pentingnya hak mereka. Walaupun demikian beliau turut menyatakan bahawa statistik menunjukkan status wanita Hong Kong masih di tahap yang kurang memuaskan.

6. SYOR-SYOR SUHAKAM

(a) Kajian semula tafsiran undang-undang Syariah.

SUHAKAM mengesyorkan supaya pihak berkuasa yang terlibat memastikan keseragaman dalam penggubalan dan perlaksanaan undang-undang Syariah di semua negeri dan mengkaji semula mana-mana bahagian undang-undang Syariah yang mendiskriminasikan wanita demi menegakkan prinsip kesamarataan dan keadilan di dalam Islam. SUHAKAM mengesyorkan bahawa di dalam usaha mentafsir undang-undang syariah, perlu ada jaminan perseimbangan di dalam pengagihan hak dan tanggungjawab antara lelaki dan wanita.

(b) Mengkaji semula reservasi-reservasi terhadap CEDAW

SUHAKAM mengesyorkan agar satu dialog terbuka diadakan antara agensi-agensi kerajaan terlibat dan lain-lain pertubuhan termasuklah SUHAKAM, dengan tujuan untuk mengenalpasti alasan di sebalik reservasi-reservasi ini, dan seterusnya sekiranya perlu mencadangkan penarikan balik reservasi-reservasi ini.

(c) Akta Parlimen yang menggabungkan CEDAW

Untuk menjamin perlaksanaan berkesan CEDAW di Malaysia, SUHAKAM mengesyorkan agar peruntukan-peruntukan CEDAW digabungkan ke dalam undang-undang tempatan. Dalam hal ini, SUHAKAM mengesyorkan agar satu Akta Parlimen yang mengiktiraf hak wanita dan mengikat Kerajaan untuk menjalankan tanggungjawabnya.

(d) Kajian semula undang-undang, polisi-polisi dan amalan-amalan yang bersifat diskriminasi

Satu kajian patut dijalankan ke atas undang-undang, polisi-polisi dan mekanisma-mekanisma termasuklah sistem keadilan jenayah, untuk menangani segala bentuk diskriminasi terhadap wanita yang terkandung di dalamnya. Undang-undang yang neutral dari segi jantina juga patut dikaji selanjutnya untuk memastikan perlaksanaannya tidak menyebabkan diskriminasi terhadap wanita.

(e) Pendekatan menyeluruh terhadap penyelarasan gender

SUHAKAM mencadangkan supaya Kerajaan mengambil langkah yang menyeluruh dan bersepadu terhadap semua polisi serta programnya dalam menangani isu penyelarasan gender ini. Untuk melakukan ini, perlu ada satu kajian yang sistematik ke atas semua polisi dan program Kerajaan serta kesannya terhadap lelaki dan wanita pada peringkat penyediaan, perlaksanaan dan pemantauan. Adalah dikatakan bahawa penyelarasan gender adalah tanggungjawab bersama untuk ditangani oleh semua sektor awam dan juga swasta. Oleh itu, SUHAKAM menekankan tentang perlunya setiap agensi kerajaan merangkumi perspektif gender dalam agenda masing-masing.

(f) Data khusus mengikut jantina

SUHAKAM mencadangkan agar pihak kerajaan, secara khususnya, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga mengumpul, menganalisa dan mengedarkan data khusus mengikut jantina dengan mengambil kira keadaan sebenar dan pengalaman wanita Malaysia.

(g) Penglibatan pemegang pelbagai kepentingan dalam merumuskan Laporan CEDAW Malaysia

Berhubung dengan laporan yang diperlukan oleh Jawatankuasa CEDAW tentang langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia dalam melaksanakan peruntukan-peruntukan CEDAW, SUHAKAM mengesyorkan supaya Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga memasukkan SUHAKAM dan lain-lain ahli masyarakat umum dalam proses perumusan laporan tersebut.

(h) Perundingan tahunan

Perbincangan Meja Bulat berkenaan CEDAW telah memberikan peluang kepada golongan yang berminat untuk menyertai perbincangan yang komprehensif berkenaan hak wanita dan meningkatkan kesedaran tentang perlunya layanan sama rata terhadap wanita dan lelaki. Ini secara tidak langsung telah menguatkan lagi kerjasama di

antara SUHAKAM, NGO dan masyarakat umum. Justeru, SUHAKAM bercadang untuk menganjurkan Perbincangan Meja Bulat seumpama ini pada setiap tahun.

7. KESIMPULAN

Kesedaran mengenai beberapa isu yang penting untuk memajukan hak wanita dan juga saranan-saranan untuk mengatasi amalan-amalan diskriminasi sedia ada dalam Perbincangan Meja Bulat ini merupakan satu langkah awal. Tindakan seterusnya adalah untuk melaksanakan saranan-saranan di atas. Undang-undang dan amalan-amalan yang bersifat diskriminasi dan neutral patut dikaji semula dan dipinda mengikut keperluan gender. Apa yang perlu diakui ialah wanita dan lelaki mempunyai peranan yang sama pentingnya dalam membina masyarakat yang sama rata dan adil. Adalah diharapkan agar laporan ini dapat memainkan peranan sebagai pemangkin untuk dialog-dialog lain demi meningkatkan hak kesamarataan wanita di Malaysia.

(vii) HAK ASASI MANUSIA DI SEKOLAH

Dalam setiap organisasi yang berurusan dengan masyarakat umum di mana interaksi di antara manusia sentiasa berlaku di dalamnya, hak asasi manusia boleh samada dipelihara atau dicabuli. Sekolah adalah salah satu daripada organisasi yang dimaksudkan dan ianya mempunyai beberapa lapisan autoriti. Memandangkan pelajar - sebagai kanak-kanak dan golongan bawah umur - berada di lapisan yang paling bawah, hak mereka akan samada dilindungi oleh mereka yang berada di lapisan hierarki yang lebih atas, atau tidak dipedulikan langsung kerana dianggap tidak penting ataupun lebih teruk lagi, dicabuli.

Pada hakikatnya, kebanyakan masalah sosial yang dialami oleh pelajar sekolah adalah pelanggaran hak pelajar yang lain, justeru itu, perkara tersebut menjurus kepada pencabulan hak asasi manusia. Sebagai contoh, apabila seseorang pelajar merosakkan harta benda sekolah, mereka telah melanggar Perkara 17 UDHR, yang menyatakan bahawa 'Tiada sesiapapun boleh dilucutkan harta bendanya secara sewenang-wenangnya'; dalam hal ini, vandalisme telah menyebabkan sekolah kehilangan harta benda.

Begitu juga, apabila pelajar membuli, menyerang, mencabul atau mengugut untuk mencederakan rakan-rakan lain, mereka telah melanggar hak rakan mereka untuk bebas daripada penyeksaan, kekejaman, layanan dan hukuman yang tidak berperikemanusiaan atau yang menjatuhkan maruah (Perkara 5, UDHR).

Selain daripada itu, setiap manusia, muda atau tua, mempunyai hak untuk dilayan dengan penuh hormat. Perkara 2 (2) dalam Convention on The Rights of The Child (CRC), menuntut Kerajaan (sekolah juga dianggap sebahagian daripada Kerajaan) untuk melindungi setiap kanak-kanak sebagaimana yang dinyatakan: 'Negara Ahli hendaklah mengambil langkah yang perlu untuk memastikan bahawa kanak-kanak dilindungi dan dijaga demi kesejahteraan mereka....'

Dengan menandatangani dan meratifikasi CRC pada tahun 1995, Malaysia telah memberikan persetujuan untuk memastikan kehidupan, perlindungan dan perkembangan kanak-kanak dipelihara sebaik mungkin dan juga untuk memastikan semua tindakan berkaitan kanak-kanak akan mengambil kira kepentingan mereka tanpa mengira kanak-kanak lelaki atau perempuan.

Namun demikian, melalui kajian yang telah dijalankan pada tahun 2003, (Rujuk Bab 10), SUHAKAM mendapati hanya 6.2% guru-guru dan 7% kakitangan pentadbir sekolah telah menerima maklumat mengenai CRC. Data ini juga selari dengan status pengetahuan mengenai hak asasi manusia di kalangan peserta bengkel CRC yang dianjurkan oleh SUHAKAM untuk jurulatih baru-baru ini. Para peserta bengkel terdiri daripada guru-guru, pentadbir-pentadbir dan pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia.

CRC telah diratifikasikan sejak lapan tahun yang lalu. Namun, sebahagian besar daripada guru-guru, pentadbir-pentadbir sekolah dan pegawai-pegawai di Kementerian Pendidikan seperti tidak menyedari mengenai CRC, walaupun kempen 'Katakan Ya Kepada Kanak-Kanak' telah diadakan secara besar-besaran pada tahun 2001.

SUHAKAM mencadangkan supaya mana-mana jurang komunikasi berhubung dengan hak kanak-kanak di antara Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, yang berperanan sebagai Urus Setia CRC di Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pendidikan hendaklah diatasi secepat mungkin.

1. AMALAN YANG MENCABULI HAK ASASI MANUSIA DI SEKOLAH

Pencabulan hak asasi manusia berlaku dengan banyaknya di sekolah. Selain daripada itu, pelbagai masalah tingkah laku seperti vandalisme, menyerang dan membuli serta diskriminasi juga semakin meningkat. SUHAKAM telah menjalankan penyelidikan untuk mengenal pasti sebahagian daripada amalan yang mencabuli hak asasi manusia. Lebih daripada 60% pelajar dan lebih kurang 50% daripada guru-guru yang dikaji mendakwa bahawa diskriminasi berlaku di sekolah mereka. Peratusan ini akan menjadi lebih tinggi sekiranya mereka yang enggan menjawab soalan mengenai perkara tersebut diambil kira.

Lebih membimbangkan ialah data yang menunjukkan 12.9% pelajar dan 5.7% guru-guru menandakan 'sentiasa' sebagai jawapan kepada soalan berkenaan berlakunya kejadian diskriminasi di sekolah mereka. Antara diskriminasi yang berlaku adalah berdasarkan etnik, jantina, kebolehan malah penampilan fizikal. Peratusan mereka yang merasa kesan diskriminasi adalah lebih tinggi di kalangan murid Tingkatan 2 berbanding dengan murid Tingkatan 5, menandakan bahawa semakin muda usia kanak-kanak tersebut, semakin tinggi kemungkinan mereka didiskriminasi. Bilangan yang lebih tinggi (hampir 40% pelajar sendiri) bersetuju bahawa tidak salah untuk guru mempersendakan pelajar untuk memotivasi mereka untuk belajar.

Mempersendakan pelajar sehingga merendahkan maruah mereka seolah-olah diterima oleh sebilangan guru dan pentadbir sekolah asalkan tujuan tersebut adalah untuk kebaikan. Sebanyak 28.8% guru dan 14.1% pentadbir sekolah berpendapat, adalah tidak menjadi kesalahan untuk mempersendakan pelajar andai tujuannya adalah sebagai motivasi kepada mereka untuk belajar.

Mungkin para pelajar sudah terlalu biasa dengan amalan ini menyebabkan mereka menganggap ia adalah perkara biasa yang menjadi sebahagian dari budaya sekolah dan tugas guru-guru. Sebagaimana yang dijangkakan, lebih ramai pelajar sekolah menengah rendah (Tingkatan 2) berbanding dengan sekolah menengah tinggi (Tingkatan 5), bersetuju dengan amalan ini. Tetapi, berlainan dengan apa yang dijangkakan, lebih ramai pelajar lelaki berbanding pelajar perempuan, dan lebih ramai pelajar di bandar berbanding di luar bandar yang bersetuju dengan amalan mempersendakan mereka asalkan niatnya adalah untuk kebaikan. Ini menimbulkan satu persoalan yang menarik. Adakah lebih ramai pelajar lelaki menerima amalan ini disebabkan oleh pendedahan kepada penderaan secara lisan dalam tempoh yang panjang sehingga mereka telah menjadi lali atau adakah pelajar lelaki menjadi kurang kritikal dan tidak banyak menyoal kebelakangan ini?

Pada bulan Ogos dan September 2003, semasa insiden keganasan dan gengsterisme di kalangan pelajar ditonjolkan dalam akhbar, merotan sebagai cara untuk membendung masalah disiplin seolah-olah mendapat sokongan Kementerian Pendidikan. Laporan akhbar menyatakan bahawa Kementerian akan mempertahankan guru-guru sekiranya mereka didakwa di mahkamah kerana merotan murid-murid, selagi mereka mengikut prosedur yang betul.

Berdasarkan kajian SUHAKAM, lebih 50% peratus pelajar menyatakan bahawa merotan merupakan satu amalan biasa di sekolah mereka. Hampir 80% guru-guru dan lebih dari 70% kakitangan pentadbiran sekolah setuju bahawa pelajar yang tidak berdisiplin, perlu dirotan. Tambahan lagi, sebilangan besar daripada mereka bersetuju agar guru kelas diberi kuasa untuk merotan murid-murid yang terlibat dengan masalah disiplin yang serius.

Meskipun SUHAKAM tidak menafikan pentingnya mendisiplinkan pelajar-pelajar, namun perlu dinyatakan bahawa mana-mana hukuman yang kejam, tidak berperikemanusiaan dan tidak adil adalah melanggar Perkara 5, UDHR dan Perkara 37, CRC.

2. PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA DI SEKOLAH

Sungguhpun masalah sosial dan sesetengah amalan di sekolah menggambarkan tahap pencabulan hak asasi manusia di sekolah, namun terdapat beberapa petanda yang memberangsangkan dari pihak Kementerian Pendidikan yang menyedari bahawa ianya penting bagi pelajar mengetahui tentang hak mereka dan tanggungjawab berkaitan. Kesedaran ini dapat dilihat melalui penyisipan hak asasi manusia sebagai salah satu daripada tujuh bidang pendidikan moral di sekolah menengah. Walau bagaimanapun, persepsi pihak Kementerian Pendidikan tentang hak asasi manusia adalah terhad kepada perlindungan hak kanak-kanak, menghormati hak wanita, menghormati hak golongan pekerja, menghormati hak golongan kurang upaya dan melindungi hak pengguna.

Kajian semula ke atas sukatan pelajaran pendidikan moral untuk Tingkatan 2 dan 4 pada 2003 telah menyebabkan liputan yang lebih meluas mengenai hak asasi manusia dan maklumat mengenai SUHAKAM serta fungsinya juga telah disertakan di dalam buku teks. Sebagai tambahan, salah satu aktiviti yang dicadangkan untuk Tingkatan 4 adalah lawatan ke SUHAKAM.

Penilaian semula sukatan mata pelajaran pendidikan moral untuk Tingkatan 1, 3 dan 5 juga akan menjelaskan secara lebih lanjut konsep hak asasi manusia dengan tujuan untuk menggalakkan pemahaman secara lebih mendalam mengenai hak asasi manusia di kalangan pelajar.

3. PEMAHAMAN KANAK-KANAK MENGENAI HAK ASASI MANUSIA

SUHAKAM telah mengadakan pertandingan seni lukis yang terbuka kepada para pelajar sekolah rendah dan menengah seluruh Malaysia bagi membantu meningkatkan kesedaran dan minat terhadap hak asasi manusia di kalangan pelajar sekolah, guru dan juga ibu bapa. Walaupun dari segi kualiti penyertaan lukisan yang dihantar adalah tinggi, namun hasil kerja mereka mendedahkan contoh-contoh pemahaman yang terhad dan konsep yang salah mengenai hak asasi manusia. Terdapat kecenderungan berlakunya kekeliruan untuk membezakan di antara nilai-nilai moral dan hak asasi manusia, yang saling berkaitan namun tidak sama. Perpaduan, kasih sayang dan keamanan merupakan nilai moral yang positif tetapi ia bukanlah merupakan hak asasi manusia.

Hampir satu perempat daripada lukisan yang diterima mempunyai mesej peperangan walaupun ia bukan merupakan satu isu hak asasi manusia. Namun, peperangan biasanya menyebabkan beberapa pencabulan hak asasi manusia seperti hak untuk hidup, kebebasan dan keselamatan (Perkara 3, UDHR). Sekiranya seseorang kanak-kanak dikerah menjadi tentera, ia merupakan satu pelanggaran terhadap Perkara 38 CRC. Hanya sebahagian kecil daripada lukisan berkaitan peperangan yang diterima yang menyentuh mengenai hak tersebut. Kebanyakan yang lain membawa mesej 'tiada peperangan'. Populariti tema atau mesej peperangan ini adalah disebabkan oleh peperangan di Iraq yang berlaku semasa tempoh pertandingan diadakan.

Kekeliruan di dalam memahami maksud hak asasi manusia dengan kebebasan (misalnya bebas seperti burung), menyebabkan ramai peserta melukis burung terbang keluar dari sangkar atau terbang bebas di angkasa. Bagaimanapun, terdapat juga pelajar yang benar-benar faham tentang konsep kebebasan dalam konteks hak asasi manusia - lukisan mereka memaparkan kebebasan

bersuara dan kebebasan bergerak. Beberapa orang kanak-kanak menyamakan hak asasi manusia sebagai hak binatang.

4. SIKAP GURU TERHADAP HAK ASASI MANUSIA

Untuk pelajar mempelajari dan memahami hak asasi manusia, guru-guru mata pelajaran pendidikan moral, pendidikan sivik dan kewarganegaraan hendaklah mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang baik mengenai hak asasi manusia. Walau bagaimanapun, seperti yang didedahkan melalui penyelidikan SUHAKAM, status pengetahuan dan pemahaman hak asasi manusia di kalangan guru-guru dan kakitangan pentadbiran sekolah terutama yang berkaitan dengan hak kanak-kanak adalah membimbangkan.

Meskipun begitu, sikap guru dan pentadbir sekolah terhadap hak asasi manusia adalah positif. Oleh yang demikian, ia memberi semangat dan inspirasi kepada matlamat SUHAKAM bagi membina budaya hak asasi manusia di kalangan generasi muda. Hanya 3.7% guru-guru menyatakan bahawa hak asasi manusia tidak penting untuk diajar di sekolah. 53% lagi mencadangkan supaya ia digabungkan ke dalam kurikulum sedia ada, 15.4% mahukan ianya diajar sebagai satu mata pelajaran dan 23.4% lagi sebagai projek khas. Tidak ada seorang pun daripada pentadbir menyatakan bahawa hak asasi manusia tidak perlu diajar di sekolah. Sebilangan besar daripada mereka mahukan ia digabungkan ke dalam kurikulum, manakala yang lain-lain mahukan ia diajar sebagai mata pelajaran atau projek khas.

Adalah diharapkan agar persidangan SUHAKAM bertajuk 'Kedudukan Hak Asasi Manusia Dalam Pendidikan' (The Place of Human Rights in Education) akan memberikan pemahaman yang lebih baik mengenai hak asasi manusia di kalangan guru-guru, pentadbir-pentadbir sekolah dan pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan. Program ini dijadualkan untuk diadakan pada awal Mac 2004.

5. KESIMPULAN

SUHAKAM percaya bahawa golongan muda adalah ejen terbaik yang akan menghasilkan rakyat Malaysia yang prihatin dan mengetahui hak mereka di samping menghormati hak orang lain. Suruhanjaya amat menghargai kerjasama Kementerian Pendidikan dalam usaha-usaha memperkenalkan hak asasi manusia di kalangan para pelajar dan mengajar mereka tanggungjawab sebagai warganegara yang baik.

BAB 4

HARI HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA 2003

BAB 4:
HARI HAK ASASI MANUSIA 2003

Idea persidangan mengenai undang-undang dan pentadbirannya telah diajukan pada tahun 2002 oleh beberapa peserta persidangan "Hak Asasi Manusia dan Pendidikan" yang telah dianjurkan sempena Hari Hak Asasi Manusia Malaysia yang kedua. Hari Hak Asasi Manusia Malaysia diadakan pada 9 September setiap tahun.

Berpegang kepada kepercayaan bahawa pentadbiran undang-undang berasaskan prinsip-prinsip hak asasi manusia menyumbang kepada kewujudan bangsa yang aman, SUHAKAM telah memutuskan untuk meraikan Hari Hak Asasi Manusia Malaysia bagi tahun 2003 dengan menganjurkan persidangan dua hari pada 9-10 September, dengan tema "Hak Asasi Manusia dan Pentadbiran Undang-Undang".

SUHAKAM juga berpendapat bahawa perbincangan tersebut adalah tepat pada masa atas beberapa alasan:

- Walaupun tumpuan media lebih cenderung kepada pelbagai aspek hak sivil dan politik sejak penubuhan SUHAKAM pada bulan April 2000, peluang hanya timbul pada tahun ini bagi SUHAKAM untuk mendidik masyarakat awam tentang hak tersebut dari perspektif pentadbiran undang-undang.

- Terdapatnya perasaan was-was di kalangan masyarakat tentang ketelusan institusi-institusi penting - seperti pihak Polis dan Badan Kehakiman - yang menegakkan undang-undang dan peraturan serta pentadbiran keadilan di Malaysia.

- Persidangan adalah juga selaras dengan perkembangan semasa menganjurkan program-program untuk meningkat kesedaran tentang isu-isu hak asasi manusia di kalangan ahli institusi-institusi tersebut, khasnya pihak badan kehakiman negara.

Objektif persidangan tersebut adalah untuk menggalakkan kesedaran tentang asas kebebasan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan UDHR); dan menerapkan prinsip-prinsip hak asasi manusia ke dalam sistem penguatkuasaan undang-undang dan kehakiman.

Penceramah pakar dari pelbagai institusi yang dikaitkan dengan pentadbiran undang-undang telah dijemput untuk membincangkan tiga isu utama: hak asasi manusia dan badan kehakiman; hak asasi manusia dan penguatkuasaan undang-undang; dan samada sudah tiba masa bagi anjakan paradigma dalam pentadbiran keadilan. Peserta-peserta terdiri daripada wakil dari pelbagai peringkat masyarakat dan juga dari agensi-agensi Kerajaan, Badan Kehakiman, Majlis Peguam Malaysia, Badan Bukan Kerajaan dan ahli akademik telah berkongsi pendapat masing-masing.

Adalah diharapkan agar persidangan tersebut dapat dijadikan landasan kepada penceramah dan peserta untuk berkongsi pendapat dan seterusnya menyumbang secara positif terhadap pentadbiran undang-undang daripada perspektif hak asasi manusia.

Timbalan Perdana Menteri ketika itu, YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, telah bersetuju untuk

merasmikan persidangan tersebut. Walau bagaimanapun beliau tidak dapat menghadirkan diri kerana terdapat urusan Negara penting pada hari yang sama. Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri membaca ucapannya dan merasmikan persidangan tersebut bagi pihak beliau.

1. PERBINCANGAN MENGIKUT TOPIK

(a) Hak Asasi Manusia dan Badan Kehakiman

Manakala isu-isu berkaitan dengan hak asasi manusia dan Badan Kehakiman telah dibincangkan sepanjang konferen tersebut, topik ini telah menjadi fokus khusus dalam ucapan utama yang pertama dan kedua serta turut menjadi tajuk simposium yang pertama.

Pembentangan tersebut memberi peluang untuk membuat perbandingan terhadap pendekatan yang diambil oleh mahkamah negara yang berbeza, dengan mengambil kira prinsip-prinsip hak asasi manusia dan peranan pelengkap yang dimainkan oleh institusi hak asasi manusia negara, khususnya:

- Hakim J. S. Verma, bekas Ketua Hakim negara India dan juga bekas Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia India, telah menyatakan pengalaman negara India;

- Profesor Gillian Triggs, Pengarah Institute for Comparative and International Law dari Universiti Melbourne, Australia, membincangkan tentang pendekatan yang diambil oleh mahkamah Australia, India, Malaysia, Jepun dan New Zealand;

- Dr. Purificacion Quisumbing, Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Filipina, membincangkan tentang pengalaman negara Filipina;

- Dato' Mahadev Shankar, bekas Hakim Mahkamah Rayuan Malaysia yang juga merupakan bekas Pesuruhjaya SUHAKAM, serta Raja Aziz Addruse, seorang peguam yang berpengalaman, membincangkan tentang pengalaman Malaysia.

Beberapa pemerhatian dapat dibuat dari pembentangan tersebut iaitu:

- Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Badan Kehakiman dalam kebanyakan negara di benua Asia Pasifik lebih bersedia untuk mengiktiraf dan memakai prinsip-prinsip hak asasi manusia antarabangsa. Di Malaysia, masih terdapat ketidakpastian dalam pendekatan mahkamah semasa menggunakan prinsip-prinsip tersebut. Dalam kes *Mohamad Ezam bin Mohd. Noor lwn Ketua Polis Negara* [2002] 4 MLJ 449, walaupun asas utama kepada kes ini diiktiraf sebagai langkah positif menuju ke arah penggunaan prinsip-prinsip hak asasi manusia di mahkamah, akan tetapi, ia juga menjadi salah satu contoh kes yang menunjukkan keengganan Badan Kehakiman menggunakan sebahagian daripada prinsip-pinsip tersebut.

- Sejauh mana penggunaan prinsip-prinsip hak asasi manusia di mahkamah adalah bergantung kepada hakim yang mengadili kes tersebut. Sesetengah hakim akan menggunakan prinsip-prinsip hak asasi manusia, manakala terdapat juga hakim yang jarang atau terlalu berhati-hati menggunakan prinsip-prinsip tersebut. Pendekatan yang amat individu ini telah mengakibatkan elemen ketidak bolehan dipasti dalam penggunaan prinsip hak asasi manusia oleh mahkamah.

- Peranan yang dimainkan oleh Badan Kehakiman dalam banyak bidang kuasa dalam menggunakan prinsip-prinsip hak asasi manusia, selalunya dapat dilakukan dengan kewujudan dasar perundangan (seperti perlindungan dari segi perlembagaan, Bill of Rights atau enakmen perundangan triti hak asasi manusia) dalam undang-undang tempatan.

- Institusi hak asasi manusia negara boleh dan telah memainkan peranan penting dalam melindungi dan menggalakkan hak asasi manusia dalam banyak bidang kuasa.

- Manakala Badan Kehakiman boleh, dan dalam keadaan tertentu seharusnya, mengambil peranan untuk memimpin dalam proses penyepaduan prinsip-prinsip hak asasi manusia antarabangsa ke dalam undang-undang tempatan, peranan penggubal undang-undang hendaklah dihormati.

(b) Hak Asasi Manusia dan Penguatkuasaan Undang-Undang

Isu ini merupakan asas kepada ucapan utama yang ketiga dan simposium kedua:

- Profesor Wu Min Aun, Profesor Undang-undang dan Pengarah Pengasas Pusat bagi Undang-undang Asia Tenggara, Northern Territory University of Darwin, Australia, telah membincangkan isu-isu yang berkaitan hak asasi manusia dan penguatkuasaan undang-undang di peringkat antarabangsa dan Malaysia. Ini termasuklah aspek-aspek seperti sistem keadilan jenayah yang diinginkan, penguatkuasaan undang-undang, prosedur reman, pengawasan terhadap pegawai penguatkuasa dan sistem pengawasan masyarakat;

- Superintenden Ramli Bin Mat Arshad, Timbalan Ketua Bahagian Penyiasatan Jenayah, Kontingen Kuala Lumpur, menumpukan ke atas konsep dan definisi "penahanan", jenis-jenis penahanan dan tuntutan undang-undang berhubung dengan penahanan seseorang. Beliau juga telah membincangkan tentang hak orang yang kena tahan dan remedi yang ada bagi mereka yang telah ditahan secara tidak sah;

- Tuan Zaki Abdul Wahab, Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, membincangkan mengenai kategori penahanan reman, prosedur yang berkaitan dengan penahanan reman, hak tahanan dan juga isu lain yang berkaitan dengan penahanan reman. Ia termasuk samada Majistret boleh menahan seseorang atas tujuan membenarkan beliau melantik peguam (isu ini telah timbul akibat Arahan Amalan Ketua Hakim Negara 3/2003) dan berkenaan kekeliruan berhubung dengan tahanan kanak-kanak.

- Encik Ng Aik Guan, seorang peguam kanan, telah meneliti semula prosedur pra perbicaraan dan perbicaraan. Secara khususnya, beliau telah membincangkan tentang isu mendapatkan nasihat peguam semasa tahanan dan pra perbicaraan, kewujudan dan peluang untuk memeriksa bukti yang disimpan oleh pihak penyiasat dan pendakwa sebelum perbicaraan dan keperluan untuk mengesahkan dan/atau memperolehi bahan bukti yang terbaik, termasuk soal siasat dan kenyataan dari bakal-bakal saksi.

Dari pembentangan tersebut beberapa pemerhatian boleh dibuat:

- Sistem Keadilan Jenayah yang baik, mengandungi peruntukan bagi tujuan pengawasan, penyemakan semula dan pembaharuan (jika didapati perlu) bagi membantu mengurangkan kes-kes jenayah dan untuk memastikan keadilan kepada mangsa, defendan, dan masyarakat. Ia juga bertindak sebagai satu jaminan bahawa ia menyediakan satu sistem perkhidmatan yang masyarakat boleh percaya dan mempunyai keyakinan.

- Sistem perundangan dan keadilan Malaysia dalam banyak aspek adalah selaras dengan piawaian antarabangsa. Akan tetapi undang-undang dan polisi yang kukuh, kadangkala tidak dilaksanakan dengan berkesan. Ini disebabkan oleh kurangnya latihan dan pengawasan serta kelemahan sifat manusia.

- Sebahagian bidang yang berkaitan dengan sistem keadilan jenayah memerlukan penyemakan semula melalui proses rundingan dengan pemegang-pemegang pelbagai kepentingan dan seterusnya membuat pindaan sekiranya perlu, termasuk:
  - Perlunya penjelasan dan mengkanunkan skop berkenaan dengan hak untuk mendapatkan peguam bagi seseorang yang ditangkap semasa berada di dalam tahanan atau dalam prosiding tahanan reman;
  - Perlunya rakaman visual sesi soal siasat. Ini dapat menolak apa-apa dakwaan bahawa pengakuan yang dibuat adalah atas dasar terpaksa atau disebabkan terdapatnya penyalahgunaan kuasa oleh pihak yang mengendalikan sesi soal siasat tersebut;
  - Perlunya peraturan yang dikodifikasi mengenai pendedahan apa-apa dokumen, yang termasuk dalam rangka kerja yang berikut, bagi meningkatkan keadilan prosedur perbicaraan kes jenayah:
    (i) Pegawai penyiasat diletak dibawah kewajipan berkanun merekod dan menyimpan maklumat dan bahan yang dikumpul sepanjang penyiasatan tersebut dijalankan.
    (ii) Pihak Pendakwa diminta untuk membuat 'pendedahan awal' kepada pihak Pembela mengenai beberapa kategori bahan yang tidak akan digunakan oleh pihak Pendakwa dalam perbicaraan tersebut. Bahan-bahan tersebut merupakan bahan yang boleh melemahkan kes terhadap ;
    (iii) Asas pematuhan pihak Pendakwa, pihak Pembela kemudiannya perlu membuat kenyataan kepada pihak Pendakwa tentang sifat umum pembelaan serta menunjukkan perkara-perkara pertikaian di antara pihak Pembela dan Pendakwa dari perspektif pihak pembelaan; dan
    (iv) Setelah pihak Pembela membuat pendedahan tersebut, pihak pendakwa akan membuat "Pendedahan Peringkat Kedua" bahan-bahan pendakwaan yang dijangka boleh membantu pihak pembelaan, sepertimana yang telah didedahkan dalam kenyataan pembelaan;
  - Perlunya bagi semakan pra-perbicaraan dalam jenayah perdagangan yang kompleks dan kesalahan-kesalahan keselamatan untuk menyelesaikan isu-isu seperti bilangan saksi, senarai bahan bukti dan jadual yang perlu diserahkan. Ini termasuk perkara undang-undang bagi memastikan bahan bukti dapat diterima atau sebaliknya. Bahan-bahan ini akan disemak sebelum perbicaraan bagi mengelakkan penangguhan perbicaraan utama; dan
  - Perlunya prosedur yang lebih cepat bagi kes-kes di mana wujudnya alasan tidak siuman. Ini bertujuan untuk mencapai penyelesaian yang lebih adil dan berperikemanusiaan bagi kes-kes sedemikian.

(c) Pentadbiran Sistem Keadilan: Masa untuk Anjakan Paradigma?

Pada sesi terakhir persidangan, penceramah telah mengkaji persoalan kompleks, "Sudah tibakah masanya untuk anjakan paradigma dalam pentadbiran undang-undang?"

- Hakim Dato' Abdul Hamid Bin Haji Mohammad, Hakim Mahkamah Persekutuan, berpendapat bahawa untuk memastikan samada perlunya anjakan paradigma dalam pentadbiran kehakiman, adalah perlu untuk mengetahui jenis anjakan yang dicadangkan. Kegagalan untuk mengenalpasti bidang sebenar dan arah tuju anjakan paradigma tersebut akan mendatangkan akibat yang tidak diingini. Selain itu, persoalan tentang keperluan anjakan paradigma dalam pentadbiran kehakiman adalah perkara yang rumit kerana untuk menemui jalan penyelesaian, perkara-perkara berikut harus dipertimbangkan:
  - Percanggahan pendapat akan kerap berlaku tentang bidang-bidang yang memerlukan anjakan paradigma dan juga arah yang sepatutnya diambil;
  - Menuntut Badan Kehakiman untuk melakukan anjakan paradigma dalam bidang-

bidang dan arah tertentu akan mengganggu kebebasan Badan Kehakiman. Oleh sebab itu, hakim-hakim sepatutnya mengambil jalan penyelesaian yang berpandu kepada fakta dan undang-undang tanpa mengira populariti;
- Sesetengah anjakan paradigma akan mempolitikkan Badan Kehakiman;
- Adalah perlu untuk mengambil kira aspek polisi dan kebudayaan, nilai moral dan keagamaan jika dan bila negara ingin mencontohi anjakan paradigma negara lain. Ini kerana anjakan yang berlaku di negara lain mungkin tidak bersesuaian dengan persekitaran tempatan.

- Cik Umi Kalthum Bt. Abdul Majid, Timbalan Ketua Pertama Bahagian Pendakwa Raya yang mewakili Tan Sri Abdul Gani Patail, Peguam Negara Malaysia, menyatakan bahawa manakala beberapa aspek di dalam pentadbiran kehakiman yang memerlukan pembahagian, terdapat beberapa bidang di mana anjakan paradigma mungkin tidak wajar atau diingini.

Aspek-aspek di mana anjakan paradigma boleh membawa kebaikan adalah temasuk:
- Ke arah meningkatkan tahap ketelusan dalam penyiasatan;
- Perlunya perbicaraan yang lebih cepat;
- Keinginan untuk menggunakan teknologi moden dalam prosiding mahkamah;
- Keperluan bagi perlindungan saksi kanak-kanak;
- Pengurusan yang sesuai dan berkesan terhadap harta dan bahan bukti yang dirampas;
- Usaha ke arah penggunaan mekanisma penyelesaian pertikaian alternatif (Alternative Dispute Resolution - ADR);
- Pertubuhan skim tuntutan kemalangan jalan raya liabiliti tanpa-liabiliti; dan
- Perlunya mengatasi kesan negatif masyarakat yang selalu membuat tuntutan, yang boleh mengakibatkan beban kewangan kepada ekonomi Malaysia.

Aspek-aspek mana anjakan paradigma mungkin tidak sesuai ialah:
- Meningkatkan tahap ketelusan berhubung dengan penggunaan kuasa Peguam Negara, kerana ini boleh mendedahkan Rahsia Negara dan/atau menghalang pen-guatkuasaan undang-undang;
- Pelonggaran prinsip undang-undang berhubung dengan hak untuk mencabar sesuatu keputusan (locus standi), bagi membolehkan NGO membuat pendakwaan terhadap seseorang atau sesebuah badan lain bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan orang ramai. Ini akan menyebabkan berlakunya pengkomersilan tindakan undang-undang, yang boleh mengakibatkan;

(i) Lebih banyak kes yang dihadapkan ke mahkamah oleh individu yang tidak mempunyai kepentingan peribadi langsung ke atas keputusan kes tersebut;
(ii) Membebankan sistem kehakiman yang sudahpun mempunyai masalah sumber yang terhad;
(iii) Memberi peluang kepada warga tempatan yang mempunyai kepentingan yang meragukan atau warga asing untuk mencampuri keputusan yang dibuat oleh Kerajaan atau ketiadaan keputusan oleh kerajaan; dan
(iv) Penyalahgunaan dana dan kemudahan awam.

- Profesor Madya Dr. Badariah Bt. Sahamid, Dekan Fakulti Undang-undang Universiti Malaya, telah menyampaikan pandangan keseluruhan falsafah berhubung dengan isu globalisasi, hak asasi manusia yang universal dan keganasan antarabangsa. Beliau mencadangkan bahawa, anjakan paradigma diperlukan dalam bidang-bidang berikut:
  - Perlunya perhatian yang lebih terhadap hak ekonomi, sosial dan kebudayaan di dalam rangka kerja hak asasi manusia;

- Perlunya mencari keseimbangan perbandingan di antara kebudayaan dan keuniversalan hak asasi manusia; dan
- Perlunya mencari keseimbangan antara isu keselamatan negara dan hak asasi manusia dalam persekitaran di mana wujudnya kebimbangan terhadap keganasan antarabangsa.



Duduk di barisan depan adalah beberapa penceramah terkemuka pada Hari Hak Asasi Manusia Malaysia 2003

2. PEMERHATIAN SUHAKAM

Perjalanan persidangan telah menunjukkan kerumitan dan keseriusan pentadbiran undang-undang dan kepelbagaian pandangan tentang bagaimana undang-undang tersebut harus ditadbir. Ini tidak dapat dielakkan memandangkan undang-undang melibatkan hampir kesemua aspek kehidupan seharian seseorang dan membentuk asas kepada fungsi Kerajaan.

Disebabkan kerumitan dan kepelbagaian ini, prinsip-prinsip hak asasi manusia menuntut supaya terdapat pendekatan di mana rakyat dapat menyuarakan pandangan mereka - samada dari segi kepuasan, ketidakacuhan atau terkilan dengan keadaan yang masih sama (status quo) - secara aman dan membina. Ini boleh dilakukan samada secara formal melalui institusi-institusi seperti mahkamah, institusi hak asasi manusia negara dan biro pengaduan awam, ataupun secara tidak formal, melalui program-program seperti persidangan, seminar dan bengkel.

Berdasarkan perjalanan prosiding tersebut, kesimpulan dapat dibuat bahawa, secara am, undang-undang dan sistem kehakiman di Malaysia menepati piawaian antarabangsa. Walau bagaimanapun, terdapat empat bidang yang mungkin memerlukan anjakan paradigma iaitu:

- Penguatkuasa undang-undang perlu:
  - Melaksanakan undang-undang dan polisi secara lebih telus dan berkesan;
  - Mengekalkan dan memperbaiki cara melaksanakan tugas mereka selaras dengan prinsip-prinsip hak asasi manusia pada sepanjang masa. Ini adalah untuk meminimumkan kejadian seperti keganasan dalam tahanan, ketiadaan tindakan pihak polis dan rasuah; dan
  - Memperbaiki strategi-strategi bagi tujuan mengurangkan kejadian jenayah dan untuk memastikan keadilan bagi pihak mangsa, defendan dan masyarakat;

- Perlunya program-program latihan yang lebih proaktif dan berterusan diberi kepada penggubal, penguatkuasa dan pentafsir undang-undang, terutama sekali bagi aspek undang-undang yang berubah dengan pantas dan pentadbirannya dengan memberi perhatian khusus kepada aspek hak asasi manusia;

- Perlunya kajian dan pembaharuan berkala (di mana perlu) dalam perundangan menerusi proses rundingan dengan pemegang-pemegang pelbagai kepentingan; dan

- Perlunya merangka strategi yang lebih proaktif dan meningkatkan mutu kaedah bekerja bagi memastikan keyakinan dan kepercayaan masyarakat terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh agensi penguatkuasaan undang-undang sentiasa dikekalkan dan dipertingkatkan.

Perlu diperhatikan bahawa isu-isu yang telah dikemukakan bukanlah untuk membatalkan usaha kini dan masa lampau pemegang-pemegang pelbagai kepentingan, tetapi ia adalah bertujuan untuk membantu dalam meningkatkan mutu pentadbiran undang-undang dan kehakiman.

3. SYOR-SYOR

SUHAKAM ingin membuat syor-syor seperti berikut:

(a) Latihan bagi ahli Badan Kehakiman

Keinginan baru, kemajuan saintifik, perubahan persepsi, pemikiran dan idea dalam bidang-bidang seperti hak asasi manusia, harta intelektual, demokrasi, agama, dan persekitaran menunjukkan perlunya anjakan paradigma dalam latihan dan latihan semula ahli-ahli badan kehakiman. Adalah dengan itu dicadangkan agar badan kehakiman secara berterusan meningkatkan pengetahuan tentang bidang yang mengalami perubahan pantas, termasuklah hak asasi manusia.

(b) Fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan

Terdapat tanggapan bahawa Peguam Negara mempunyai kuasa untuk 'mengawal' Majistret kerana Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, yang merupakan perkhidmatan bersama boleh membawa kepada pertukaran dalaman pegawai-pegawai di antara kedua-dua perkhidmatan tersebut. Adalah disyorkan agar, melalui proses rundingan dengan pemegang-pemegang pelbagai kepentingan, satu cadangan dikajikan untuk memisahkan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan kepada dua badan yang berlainan - Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman (atau institusi yang serupa) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Perundangan.

(c) Penahanan Berterusan

Perbincangan di persidangan tersebut telah mengenengahkan isu peningkatan kes 'road show remand' yang didakwa menyebabkan individu ditahan lebih dari 14 hari yang merupakan jangkamasa maksimum yang dibenarkan di bawah seksyen 117, Kanun Prosedur Jenayah. Disebabkan oleh fenomena 'road show remand' ini terdapat dakwaan berkenaan tahanan yang mati ketika berada di bawah tahanan polis.

Malah SUHAKAM telah menerima beberapa aduan tentang insiden 'road show remand'. Aduan-aduan tersebut mendakwa bahawa pihak polis mengelak undang-undang dengan menahan para tahanan di lokap yang berlainan, dalam bidang kuasa yang berlainan, dengan alasan untuk membantu penyiasatan kegiatan jenayah yang telah dilakukan di kawasan yang berlainan. Dalam satu kes, seorang tahanan telah ditahan berterusan selama 77 hari di bawah tahanan polis Kuala Lumpur, Kuantan, Temerloh, Rawang, Ipoh, Kajang, dan Putrajaya. Tahanan tersebut meninggal dunia di Hospital Putrajaya di mana tahanan dimasukkan semasa di bawah tahanan pihak polis.[30]

SUHAKAM amat bimbang dengan amalan road show remand yang nampaknya terselindung disebabkan peranan mahkamah yang tidak berkesan sewaktu mempertimbangkan permohonan untuk penahanan reman di bawah seksyen 117, Kanun Prosedur Jenayah. Oleh yang demikian, adalah disyorkan agar:[31]

- Majistret, semasa perbicaraan prosiding tahanan perlu:
  - Menyoal tentang bila tahanan tersebut ditahan dan samada tahanan tersebut pernah dipindahkan dari satu daerah ke satu daerah yang lain, dan yang lebih penting lagi, berapa lama suspek berada dalam tahanan;
  - Menyoal tentang kebajikan individu yang telah ditahan untuk memastikan tiada penderaan telah berlaku; dan
  - Mengkaji permohonan secara teliti dan mesti berpuas hati bahawa terdapat justifikasi yang

[30] Rujuk Laporan Tahunan 2003, m.s. 20.
[31] Rujuk Laporan SUHAKAM bertajuk 'Hak Tahanan Reman' (2002), ms 5-9.



Dato' Seri Utama Rais Yatim (kanan) dan Tan Sri Abu Talib Othman di sidang media selepas pelancaran.

mencukupi untuk penahanan dan tidak meluluskan permohonan hanya atas permintaan pegawai penyiasat.

- Pihak polis tidak sepatutnya memohon perintah tahanan terhadap seseorang yang telah ditangkap, melainkan pihak polis tidak dapat sama sekali melakukan penyiasatan tanpa menahan orang tersebut. Penyiasatan perlulah sentiasa dilaksanakan dengan cepat dan berkesan. Selain itu, kerjasama antara pegawai-pegawai polis dari bidang kuasa-bidang kuasa berlainan patut dipertingkatkan, bagi tujuan mengurangkan insiden road show remand,

Selain daripada itu, adalah disyorkan supaya seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah dikaji semula melalui rundingan dengan pemegang-pemegang pelbagai kepentingan untuk mencapai imbangan antara keperluan sah pihak polis untuk membuat penyiasatan dan asas kebebasan seseorang serta untuk mengelak daripada berlakunya sebarang bentuk penderaan.

(d) Mendapatkan Khidmat Peguam

Perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan: *"Jika seseorang ditangkap maka dia hendaklah diberitahu dengan seberapa segera yang boleh alasan-alasan dia ditangkap dan dia hendaklah dibenarkan berunding dengan dan dibela oleh seorang pengamal undang-undang pilihannya."* Akan tetapi, dalam kes *Ooi Ah Phua lwn Officer in Charge of Criminal Investigation, Kedah/Perlis* [1975] 2 MLJ 198, pihak polis telah dibenarkan untuk membuat keputusan berkenaan bila tahanan boleh berjumpa dengan seorang peguam.[32]

Kesan daripada kes *Ooi Ah Phua,* dan disertai dengan kurangnya peruntukan undang-undang berkenaan masa yang khusus di mana para tahanan dibenarkan bertemu dengan seorang peguam,[33] menunjukkan bahawa terdapat halangan terhadap hak untuk mendapat khidmat peguam seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.

[32] Rujuk Laporan SUHAKAM bertajuk ' Hak Tahanan Reman' (2002), ms 4-5.
[33] Rujukan khusus pada Kaedah Lokap 1953.

Adalah dicadangkan agar:

- Seseorang yang ditangkap dibenarkan mendapatkan nasihat peguam dengan segera; dan

- Kaedah Lokap 1953 dipinda bagi menggambarkan cadangan ini.

(e) Ketiadaan Tindakan Pihak Polis

Peningkatan bilangan aduan berkenaan dakwaan tentang ketiadaan tindakan polis telah diketengahkan. Jenayah seperti pembunuhan, rogol dan kecurian mencabul hak untuk hidup dan keselamatan diri seperti yang termaktub di dalam Perkara 3 UDHR. Laporan rogol dan pembunuhan yang kejam, dan peningkatan kes-kes ragut boleh memberi kesan yang negatif terhadap keyakinan masyarakat awam untuk bergerak bebas tanpa rasa takut.

SUHAKAM memandang serius dakwaan tentang ketiadaan tindakan pihak Polis. Tindakan segera akan membantu dalam melindungi hak seseorang untuk hidup dan/atau keselamatan peribadi. Dengan itu adalah disyorkan:

- Semua kakitangan Polis (tidak kira samada mereka adalah pegawai yang mengendali talian hotline polis atau diberi mandat untuk mengambil panggilan) bertindak atas aduan yang telah dibuat oleh orang ramai;

- Semua kakitangan polis perlu berusaha dalam memberikan perkhidmatan yang boleh dipercayai oleh orang awam; dan

- Pihak yang membuat aduan akan dimaklumkan tentang hasil dari penyiasatan Polis yang telah dibuat secepat mungkin.

(f) Kelewatan dalam Pelupusan Kes-Kes Mahkamah

Isu tentang kelewatan dalam penyelesaian kes-kes mahkamah - sivil atau jenayah- merupakan antara isu utama yang dibincangkan semasa persidangan tersebut.

SUHAKAM ingin mengulangi pepatah "keadilan dilambatkan adalah keadilan yang dinafikan". Secara praktikalnya, penangguhan pelupusan kes akan memberi kesan kepada kehidupan pihak-pihak yang berkaitan. Penangguhan boleh mengakibatkan:

- Peningkatan kos litigasi kedua-dua pihak Pendakwa atau pihak menuntut dan Pembela atau defendan;

- Ingatan saksi yang semakin pudar, kematian saksi, ataupun saksi tidak dapat dikesan atau diperolehi dengan itu membawa kepada pembelaan tertuduh;

- Kebimbangan berpanjangan dan tidak dapat tidur di waktu malam tertuduh atau litigan yang mungkin menjadi sejenis penekanan dan ketidakadilan;

- Kebarangkalian pencabulan kepada hak untuk kebebasan bagi tertuduh yang berada di dalam tahanan tanpa ikat jamin, yang pada akhirnya dibebaskan selepas perbicaraan; dan

- Masalah kewangan yang dihadapi oleh syarikat-syarikat yang terlibat dalam permohonan penggulungan.

Terdapat kemungkinan bahawa pengadu/pihak pendakwa dan saksi-saksi terpaksa membuat permohonan untuk mengambil cuti dari bekerja untuk menghadiri perbicaraan. Penangguhan dan penundaan kes-kes perbicaraan akan menyebabkan kesulitan bukan sahaja kepada mereka yang terlibat tetapi juga kepada majikan dan rakan sekerja.

Penangguhan kes-kes tidak sepatutnya berlaku tanpa alasan yang munasabah dan SUHAKAM mencadangkan agar:

- Strategi dirancang secara lebih pro-aktif untuk mengurangkan penangguhan penyelesaian kes-kes mahkamah termasuklah:

- Meningkatkan penggunaan teknologi seperti komputer dalam prosiding mahkamah;

- Memperbaharui kaedah peraturan bagi mendorong penggunaan penyelesaian alternatif di mana sesuai; dan

- Menyesuaikan strategi yang berjaya bagi mengurangkan kes tertangguh dan untuk memastikan perbicaraan yang cepat.

- Perbicaraan kes-kes tidak sepatutnya ditunda atau ditangguhkan melainkan atas sebab-sebab yang munasabah. Sekiranya yang berlaku penundaan atau penangguhan yang tidak boleh dielakkan, mahkamah bersama-sama dengan peguam seharusnya menerangkan alasan-alasan berlakunya penangguhan kepada pihak yang berkaitan. Ini dapat membantu :
  - Mengelakkan sebarang kekecewaan kepada pihak-pihak berhubung dengan keadilan akan diberikan dalam kes-kes mereka. Jika ini tidak ditangani, ia akan menyebabkan hilangnya keyakinan mereka terhadap sistem Kehakiman; dan
  - Memastikan sistem kehakiman dihormati sepanjang masa oleh semua pihak termasuklah mahkamah, peguam, pendakwa dan saksi.

(g) Peruntukan Undang-undang yang menghalang semakan semula Kehakiman ke atas keputusan Eksekutif

Kebimbangan telah ditimbulkan mengenai wujudnya peruntukan undang-undang yang menghalang penyemakan semula keputusan eksekutif oleh Badan Kehakiman seperti yang terkandung dalam beberapa undang-undang termasuklah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960.

SUHAKAM mengulangi pendiriannya tentang perlunya imbangan dalam penggunaan kuasa oleh Eksekutif. Semakan semula kehakiman ke atas keputusan eksekutif bertindak sebagai satu perlindungan yang amat penting[34] dalam hubungan ini. Oleh yang demikian, SUHAKAM mencadangkan supaya kajian semula perlu dibuat ke atas semua undang-undang melalui proses perundingan yang bertujuan untuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa oleh agensi penguatkuasa kerajaan.

4. KESIMPULAN

SUHAKAM ingin mengulang sentimen Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam ucapan pembukaan beliau bahawa hak asasi manusia merupakan satu usaha yang berterusan yang akan didebatkan terutamanya di dalam negara yang baru mendalami hak asasi manusia seperti negara Malaysia. Walaupun demikian, SUHAKAM percaya dengan kerjasama dan dedikasi dari semua lapisan masyarakat - pembuat polisi, Badan Kehakiman, pegawai penguatkuasa undang-undang, ahli-ahli guaman, media dan NGO - budaya boleh dibentuk di mana hak asasi manusia dihormati dan diamalkan secara bertanggungjawab, di mana pentadbiran perundangan dan kehakiman dijalankan dengan lebih telus, bersih dan cekap.

[34] Sila rujuk kepada laporan SUHAKAM *"A Case for Media Freedom: Report of SUHAKAM's Workshop on Freedom of the Media"*, ms. 8-11 dan laporan SUHAKAM *"Review of the Internal Security Act 1960"* (2003), ms. 55-58, 79-82, 90-91 dan 96.

BAB 5

LAPORAN KUMPULAN KERJA PENDIDIKAN DAN PROMOSI HAK ASASI MANUSIA

BAB 5:
LAPORAN KUMPULAN KERJA PENDIDIKAN DAN PROMOSI HAK ASASI MANUSIA

Pada Julai 2003, nama Kumpulan Kerja Pendidikan telah diubah kepada Kumpulan Kerja Pendidikan dan Promosi Hak Asasi Manusia (KKP) bagi menggambarkan fungsinya dengan lebih jelas. Memandangkan pendidikan ditakrifkan sebagai proses pengajaran, pembelajaran dan latihan, tugas dan tanggungjawab KKP merangkumi usaha-usaha memperkenalkan dan meningkatkan pengetahuan mengenai hak asasi manusia, dan juga membangunkan kebolehan dan kemahiran dalam menggalakkan dan mempertahankan hak seseorang.

Untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini, KKP:

(i) Meneruskan kerjasama dengan polis dalam pendidikan hak asasi manusia kepada anggotanya;
(ii) Mendapatkan kerjasama daripada pihak Kementerian Pendidikan untuk mempromosi kesedaran hak asasi manusia di sekolah; dan
(iii) Bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan dan NGO untuk memberi penerangan kepada golongan kurang upaya dan golongan orang asal tentang hak mereka.

Pertandingan hak asasi manusia melalui lukisan yang telah dilancarkan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz Shamsuddin boleh



Pertandingan Mesej Hak Asasi Manusia Melalui Lukisan – Majlis Pelancaran

dikatakan sebagai usaha yang paling berjaya dilakukan oleh KKP dalam usaha menggalakkan pendidikan hak asasi manusia di kalangan pelajar dan juga masyarakat. Pada 23 Ogos, dua akhbar harian utama Bahasa Inggeris negara memaparkan laporan mengenai Datin Seri Endon Mahmood, (isteri kepada Timbalan Perdana Menteri pada masa itu) yang menyampaikan hadiah kepada pemenang kategori sekolah rendah di muka depan akhbar masing-masing.

Peristiwa lain yang memberi makna kepada SUHAKAM ialah 'Persidangan Hak Asasi Manusia dan Pentadbiran Undang-Undang' yang dianjurkan sempena dengan sambutan Hari Hak Asasi Manusia Malaysia yang ketiga.

1. PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA DI SEKOLAH

Penggalakkan pengetahuan hak asasi manusia di kalangan pelajar adalah matlamat utama SUHAKAM, ini kerana mereka merupakan ejen perubahan yang terbaik dalam usaha mengembangkan budaya hak asasi manusia.

Empat strategi telah dilaksanakan sepanjang 2003 untuk mencapai objektif ini:

- Menyalurkan pengetahuan hak asasi manusia dengan menyerapkan elemen-elemen hak asasi manusia ke dalam kurikulum pendidikan sekolah, terutamanya melalui mata pelajaran seperti sejarah (untuk sekolah menengah), kajian tempatan (untuk sekolah rendah), bahasa (Bahasa Melayu dan Inggeris), Pendidikan Moral dan Agama;
- Mengadakan pertandingan hak asasi manusia melalui lukisan;
- Menjalankan penyelidikan untuk mengenal pasti kefahaman dan pengetahuan mengenai hak asasi manusia di kalangan pelajar, guru dan kakitangan pentadbiran sekolah, dan untuk mengenal pasti amalan-amalan di sekolah yang melanggar hak asasi kanak-kanak; dan
- Menggunakan media massa untuk menyampaikan mesej hak asasi manusia kepada pelajar.

(a) Pendidikan Hak Asasi Manusia melalui Kurikulum

Satu jawatankuasa (Kumpulan Kerja Kecil Pendidikan Hak Asasi Manusia untuk Sekolah atau KEPHAMUS) yang merangkumi wakil daripada Kementerian Pendidikan, universiti tempatan, NGO dan SUHAKAM telah ditubuhkan untuk mengenal pasti strategi terbaik untuk menyerapkan elemen hak



Datuk Paduka Seri Endon Mahmood *(empat dari kiri)* dan Profesor Dr Chiam Heng Keng *(kiri)* bersama pemenang Pertandingan Mesej Hak Asasi Manusia Melalui Lukisan selepas Majlis Penyampaian Hadiah

asasi manusia dalam pelbagai mata pelajaran yang diajar di sekolah. Bagi membantu kerja-kerja jawatankuasa ini, SUHAKAM telah mengadakan beberapa dialog dengan guru-guru dan pelajar-pelajar dari Sabah, Sarawak dan Kuala Lumpur bertujuan untuk mendapatkan idea serta pandangan mereka.

Hak asasi manusia merupakan salah satu daripada tujuh bahagian yang terdapat dalam pendidikan moral untuk sekolah menengah. Beberapa orang wakil daripada Kementerian Pendidikan dan institusi pengajian tinggi yang menjadi ahli jawatankuasa KEPHAMUS, juga menganggotai Jawatankuasa Perkembangan Kurikulum untuk Pendidikan Moral. SUHAKAM juga ingin memaklumkan bahawa buku teks Pendidikan Moral untuk Tingkatan 2 dan 4, mempunyai satu bahagian mengenainya.

(b) Pertandingan Mesej Hak Asasi Manusia Melalui Lukisan

Pertandingan melukis yang dibahagikan kepada tiga kategori iaitu Sekolah Rendah, Menengah Rendah dan Menengah Atas - telah menerima sebanyak 1,922, 2,006, dan 506 penyertaan untuk setiap kategori. Kualiti lukisan yang dihantar terutamanya dari kategori sekolah rendah dan menengah rendah adalah sangat tinggi. Berdasarkan hakikat ini, 70 buah lukisan termasuk yang memenangi pertandingan tersebut telah dipamerkan selama tiga minggu bermula 22 Ogos di Galeri Petronas, KLCC.

Empat belas lukisan telah dipilih untuk dijadikan kalendar SUHAKAM berkenaan hak asasi manusia - 12 daripadanya berkaitan Konvensyen Hak Kanak-Kanak, manakala dua lukisan lagi memaparkan hak dalam UDHR.

(c) Kajian Mengenai Kesedaran dan Amalan Hak Asasi Manusia di Sekolah

Kajian ini telah dijalankan oleh pensyarah-pensyarah dari lima universiti tempatan. Empat puluh sekolah telah dipilih sebagai sampel secara rambang dalam kajian ini. Sampel ini terdiri dari 5,742 pelajar, 2,132 guru dan 142 kakitangan pentadbiran.

Sebilangan besar pelajar-pelajar tidak mengenali SUHAKAM sehinggalah mereka mengambil bahagian dalam kajian. Kebanyakan pelajar, guru-guru dan kakitangan pentadbiran bersetuju dengan tindakan merotan dan juga bersetuju supaya murid-murid kurang upaya ditempatkan di sekolah khas. Ramai pelajar berpendapat bahawa tidak menjadi kesalahan sekiranya guru-guru menggunakan bahasa kesat terhadap mereka sekiranya ia adalah bertujuan untuk memberi perangsang kepada mereka untuk belajar [Rujuk Bahagian 10].

(d) Kerja Sama dengan pihak Media

SUHAKAM juga bekerjasama dengan akhbar 'New Straits Times Press' (NST) melalui seksyen `Newspaper in Education' untuk menyampaikan maklumat mengenai hak asasi manusia kepada para pelajar. NST telah menerbitkan 14 artikel mengenai hak asasi manusia dalam seksyen 'Primary Plus' dan 15 artikel dalam 'The Next Step'.

2. PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA UNTUK POLIS

SUHAKAM amat sukacita dengan kerjasama penuh yang diberikan oleh pihak polis dalam mendidik anggotanya mengenai hak asasi manusia. Pada Jun, modul latihan lengkap, yang telah disediakan oleh jawatankuasa yang dianggotai oleh wakil dari SUHAKAM, polis dan badan bukan Kerajaan (NGO) telah diuji sebagai perintis dalam bengkel selama tiga hari. Bengkel tersebut telah dihadiri seramai 53 anggota polis dari Maktab Latihan Polis dan beberapa Ibu Pejabat Polis negeri.

Di akhir bengkel, para peserta mencadangkan modul-modul latihan yang digunakan oleh negara-negara Komanwel dan kajian-kajian kes di Malaysia yang berkaitan dengan tugasan mereka turut dimuatkan dalam kandungan modul. SUHAKAM, dengan bantuan daripada sekumpulan pakar, akan menyediakan modul baru dengan memasukkan topik-topik yang dipilih dan kajian-kajian kes yang dicadangkan. Modul ini kemudiannya akan dibentangkan kepada Maktab Latihan Polis bagi mendapatkan ulasan dan penilaian sebelum ia

boleh dilaksanakan sebagai sebahagian dari kurikulum latihan.

3. ORANG ASAL

SUHAKAM telah menyediakan satu laporan mengenai hasil daripada tiga bengkel yang telah dihadiri oleh orang asal dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia pada 2002. Laporan ini mengandungi syor-syor yang telah dikemukakan oleh para peserta bengkel dan juga pandangan SUHAKAM berdasarkan syor-syor tersebut. Pada dasarnya, SUHAKAM mencadangkan agar Kerajaan mengiktiraf hak orang asal khususnya hak mereka terhadap tanah adat; bayaran pampasan yang sesuai dan adil ke atas tanah yang diambil daripada mereka; dan hak mereka terhadap pendidikan, pembangunan dan kesihatan yang wajar.

Laporan tersebut telah diterbitkan pada 2003 dan dihantar ke semua agensi kerajaan yang berkaitan untuk tindakan susulan pada Januari 2004.

SUHAKAM berhasrat untuk membantu orang asal meningkatkan daya kepimpinan mereka dan membolehkan mereka menjalankan program-program hak asasi manusia dalam komuniti masing-masing. Oleh itu, modul latihan untuk pemimpin-pemimpin komuniti orang asal akan dirangka.

4. KONVENSYEN MENGENAI HAK KANAK-KANAK - CRC

Untuk menggalakkan kesedaran mengenai CRC dan bagi membantu tenaga pengajar merancang dan menjalankan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengannya, SUHAKAM telah mengadakan bengkel-bengkel untuk jurulatih utama. Aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan kandungan dalam CRC dikategorikan kepada empat bahagian iaitu Peluang Kehidupan, Perlindungan, Perkembangan dan Penyertaan - digunakan bagi mencapai objektif tersebut.

Dua bengkel 'Latihan-Untuk-Jurulatih' telah diadakan dalam tahun 2003. Yang pertama, di Kota Kinabalu, Sabah, untuk jabatan-jabatan Kerajaan dan NGO yang terlibat dengan kanak-kanak. Majoriti daripada 31 peserta yang menghadiri bengkel ini adalah mereka yang menyediakan pusat jagaan kanak-kanak dan guru-guru untuk kanak-kanak pra-sekolah.

Bengkel yang kedua adalah untuk jurulatih utama bagi guru-guru pra-sekolah dalam Kementerian Pendidikan Malaysia. Matlamat bengkel ini ialah untuk mewujudkan satu kumpulan jurulatih yang mampu mengendalikan ceramah, seminar dan bengkel bagi mempromosi CRC. Bengkel yang diadakan di Kuala Lumpur ini telah dihadiri oleh pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri dan Daerah, pensyarah-pensyarah dari Maktab-Maktab Perguruan dan juga guru-guru pra-sekolah.

Modul latihan CRC itu kini sedang dalam proses penterjemahan ke Bahasa Melayu.

5. GOLONGAN KURANG UPAYA (OKU)

Sebagai tindakan susulan kepada Memorandum mengenai Pendidikan untuk Golongan Kurang Upaya yang dihantar oleh Majlis Peguam kepada SUHAKAM, Kumpulan Kerja Pendidikan bersama-sama Kumpulan Kerja Perbaharuan Perundangan telah menganjurkan satu dialog dengan wakil dari Majlis Peguam dan NGO yang berkaitan dengan golongan kurang upaya. Memandangkan Rang Undang-Undang OKU telah dirangka pada ketika itu, seorang wakil jawatankuasa ini juga dijemput untuk menyertai dialog tersebut. Sejak awal lagi telah ditetapkan bahawa dialog tersebut tidak terbatas hanya mengenai hak pendidikan tetapi meliputi semua hak golongan kurang upaya secara keseluruhannya.

Oleh itu, objektif dialog tersebut ialah untuk mendapatkan:

(i) Pandangan dan cadangan daripada OKU mengenai hak mereka;
(ii) Maklumat daripada agensi kerajaan yang berkaitan mengenai polisi dan program untuk OKU; dan
(iii) Maklumat daripada badan-badan serta pertubuhan yang bekerja dengan OKU.

Aduan mengenai persekitaran yang tidak mesra OKU di Brickfields, yang disuarakan dalam dialog tersebut dan telah diambil tindakan dengan segera oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Berdasarkan keprihatinan jabatan Kerajaan dan pertukaran pendapat yang bernas antara mereka dan OKU di dalam dialog tersebut, SUHAKAM mengambil keputusan untuk mengadakan dialog seumpama ini di Sabah, Sarawak, Pulau Pinang dan Kuala Terengganu (yang diadakan bersama-sama jabatan Kerajaan dan NGO dari Kelantan, Terengganu dan Pahang) serta di Johor Bahru.

Menerusi isu-isu yang ditimbulkan dalam dialog-dialog tersebut, hampir semua masalah yang dihadapi berkenaan pelanggaran hak asasi OKU dialami di semua tempat adalah serupa. Hasil yang paling memberangsangkan ialah peningkatan jumlah penyertaan dari jabatan Kerajaan dalam setiap siri dialog yang diadakan. Dialog di Kuching juga turut disertai oleh wakil dari Telekom Malaysia Berhad.

6. ROADSHOW

Sebanyak lima belas 'roadshow' telah dianjurkan oleh SUHAKAM melalui pejabat cawangannya di Sabah dan Sarawak. Melalui 'roadshow' ini, Pesuruhjaya dan pegawai di cawangan tersebut telah mengadakan perjumpaan dengan pelbagai lapisan masyarakat termasuk pegawai kerajaan Negeri, ahli politik, masyarakat awam dan juga para pelajar. [Rujuk Bahagian 11]

7. HARI HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

Seperti tahun-tahun sebelumnya, SUHAKAM telah menyambut Hari Hak Asasi Manusia Malaysia dengan menganjurkan persidangan mulai 9 - 10 September dengan tema 'Hak Asasi Manusia dan Pentadbiran Undang-Undang'. Objektif persidangan ialah untuk mempromosi kesedaran mengenai kebebasan asasi seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan UDHR dan untuk memasukkan prinsip-prinsip hak asasi manusia ke dalam penguatkuasaan undang-undang dan sistem kehakiman.

Persidangan diakhiri dengan satu sidang pleno yang bertajuk "Administration of Justice: Time for a Paradigm Shift?"[Lihat Bab 4]

8. HARI HAK ASASI MANUSIA SEDUNIA

SUHAKAM menyambut Hari Hak Asasi Manusia Sedunia dengan mengadakan satu Majlis Ucap utama yang bertajuk "Human Rights: Now and the Future" yang disampaikan oleh YB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Menteri Pertahanan Malaysia. Di antara para jemputan ke majlis tersebut pada 19 Disember, termasuk ahli kor diplomatik.

9. LATIHAN DALAMAN SUHAKAM

Latihan dalaman untuk semua pegawai dan kakitangan SUHAKAM telah diperkenalkan pada bulan September kerana ianya penting bagi semua pegawai dan kakitangan SUHAKAM untuk peka dengan pelbagai instrumen hak asasi manusia. Pada hari Sabtu keempat dalam setiap bulan, semua pegawai dan kakitangan diwajibkan untuk menghadiri perbincangan selama 1-2 jam mengenai instrumen-instrumen atau isu khas mengenai hak-hak asasi manusia. Fasilitator setiap sesi adalah samada Pesuruhjaya SUHAKAM atau pakar mengenai hak asasi manusia. Sehingga kini, syarahan dan perbincangan telah diadakan mengenai Hak Sivil dan Politik, Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan, CRC dan Hak Asasi OKU.

10. PERPUSTAKAAN SUHAKAM

Perpustakaan yang dilengkapi dengan koleksi buku-buku, dokumen serta bahan-bahan rujukan elektronik berkenaan hak asasi manusia merupakan salah satu cara terbaik untuk menggalakkan atau memperolehi maklumat mengenai hak asasi manusia. Untuk mencapai matlamat ini, SUHAKAM telah melantik seorang Pustakawan yang berkelayakan pada 2003 untuk mengendalikan perpustakaan SUHAKAM. Kini, koleksi yang terdapat di perpustakaan termasuklah buku, kertas kerja seminar, artikel serta dokumen-dokumen mengenai hak asasi manusia, penerbitan mengenai undang-undang Malaysia dan antarabangsa, jurnal, dan surat berita berkaitan hak asasi manusia. Semua koleksi ini boleh didapati melalui Katalog Dalam Talian (Online Public Access Catalogue).

11. KESIMPULAN

Salah satu daripada empat fungsi SUHAKAM seperti yang termaktub di dalam Akta SUHAKAM 1999 (Akta 597) ialah "untuk mempromosi kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berkaitan dengan hak asasi manusia". Program dan aktiviti yang dijalankan sepanjang 2003 membuktikan bahawa SUHAKAM bersungguh-sungguh untuk merealisasikan fungsi ini. SUHAKAM juga menyedari kebimbangan Pesuruhjaya Tinggi PBB, bahawa Dekad Hak Asasi Manusia hampir berakhir sedangkan tidak banyak laluan ke arah pendidikan hak asasi manusia di seluruh dunia.

Kesedaran ini menyebabkan SUHAKAM, sejak tahun 2000, memberi perhatian dalam usaha-usaha memajukan kesedaran dan meningkatkan pengetahuan mengenai hak asasi manusia dan juga menyediakan latihan kepada kakitangan utama untuk menggalakkan hak asasi manusia.

SUHAKAM mendapati bahawa hak golongan yang lemah dan terpinggir lebih mudah dicabuli. Oleh itu, SUHAKAM memberi tumpuan dalam program pendidikannya terhadap orang asal, OKU dan kanak-kanak. Sehingga kini, SUHAKAM mengaku bahawa program untuk kaum wanita belum diadakan walaupun perancangan untuk program tersebut telah ada.

Golongan pelajar tetap menjadi kumpulan sasaran utama dalam meneruskan pendidikan hak asasi manusia kerana mereka adalah ejen perubahan yang terbaik dalam meningkatkan budaya hak asasi manusia. SUHAKAM juga berharap untuk memperluaskan lagi pendidikan hak asasi manusia kepada pegawai-pegawai Imigresen dan Kastam pada 2004.

AHLI-AHLI KUMPULAN KERJA PENDIDIKAN

Dr Chiam Heng Keng
Tan Sri Datuk Seri Panglima Simon Sipaun
Profesor Dato' Mohd Hamdan Adnan
Dato' Asiah Abu Samah

BAB 6

LAPORAN KUMPULAN KERJA PEMBAHARUAN PERUNDINGAN DAN TRITI ANTARABANGSA

BAB :6

LAPORAN KUMPULAN KERJA PEMBAHARUAN PERUNDANGAN DAN TRITI ANTARABANGSA

Kumpulan Kerja Pembaharuan Perundangan (KKPP) dan Kumpulan Kerja Triti dan Suratcara Antarabangsa (KKTSCA) telah digabungkan pada tahun 2003 dan dinamakan Kumpulan Kerja Pembaharuan Perundangan dan Triti Antarabangsa (KKPPTA). Penggabungan ini membayangkan betapa perlunya undang-undang tempatan dikaji semula dan dibandingkan dengan taraf antarabangsa untuk hak asasi manusia dan sebaliknya.

Antara fungsi KKPPTA termasuklah:

(i) Mengkaji semula undang-undang tempatan untuk memastikan keserasiannya dengan hak asasi manusia antarabangsa; dan

(ii) Mengesyorkan ratifikasi atau penyertaan dalam instrumen antarabangsa dalam bidang hak asasi manusia dan memantau pelaksanaan instrumen antarabangsa sedemikian yang telah diratifikasikan atau disertai oleh Malaysia melalui perundangan tempatannya.

Penggabungan tersebut telah mengubah keutamaan kerja kedua-dua kumpulan kerja ini bagi tahun 2003 seperti mana yang digariskan di dalam Laporan Tahunan 2002. Walau bagaimanapun, KKPPTA cuba menghadkan kesan perubahan keutamaan tersebut.

Sehubungan itu, KKPPTA telah meneruskan usaha Kumpulan Kerja Pembaharuan Perundangan yang lepas untuk menjalankan kajian semula ke atas undang-undang yang memberi kesan kepada kebebasan individu, dengan memfokuskan kepada Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) Akta 1985 (ADBLPK) dan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (APJ). KKPPTA juga telah memulakan kajian ke atas Rang Undang-Undang Orang Kurang Upaya sebagai satu bidang kajian baru.

Seterusnya, selaras dengan fungsi Kumpulan Kerja Triti dan Suratcara Antarabangsa yang terdahulu, KKPPTA telah memperkukuhkan usaha SUHAKAM di dalam bidang yang melibatkan Instrumen Antarabangsa yang berkaitan hak asasi manusia dengan:

- Mengumpul sumber-sumber Kerajaan, SUHAKAM dan masyarakat umum untuk memudahkan ratifikasi dan penyertaan triti yang telah dikenalpasti dan / atau yang disarankan oleh SUHAKAM untuk kemungkinan retifikasi atau penyertaan. Pada tahun 2003, KKPPTA meneruskan usaha Kumpulan Kerja Triti dan Suratcara Antarabangsa berhubung dengan *International Labour Organisation Convention 087 (Freedom of Association and Protection of the Right to Organise Convention);* dan
- Mengambil langkah pro-aktif untuk menggalakkan kerjasama antara kerajaan, SUHAKAM dan masyarakat umum bagi memastikan peruntukan konvensyen, di mana Malaysia adalah negara ahli, telah diserapkan dengan memadai ke dalam undang-undang tempatan. Pada tahun 2003, usaha telah ditumpukan kepada Konvensyen Menghapuskan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW).

tentang perlaksanaan CEDAW. Kehadiran untuk perbincangan ini adalah menggalakkan dengan penyertaan 48 orang wakil daripada pelbagai kementerian dan agensi Kerajaan serta badan-badan bukan kerajaan.

Adalah dijangkakan laporan Perbincangan Meja Bulat ini akan dikeluarkan dan diedarkan kepada umum pada awal tahun 2004. [Lihat Bab 3 (iv)]

3. TINDAKAN SUSULAN BERKENAAN CADANGAN-CADANGAN YANG TERDAHULU

(a) Kajian Semula Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA)

Cadangan SUHAKAM untuk memansuhkan ISA telah diterima baik oleh kebanyakan pertubuhan-pertubuhan hak asasi manusia. Sebagai contoh, laporan ini telah dikatakan "munasabah" (Just World), dan "satu langkah ke hadapan yang penting untuk hak asasi manusia" (SUARAM). Persetujuan juga diberikan kepada cadangan-cadangan SUHAKAM untuk menggubal satu undang-undang baru yang mengandungi, antara lain, senarai kesalahan yang spesifik, satu klausa *"sunset"* dan penahanan yang lebih pendek iaitu selama 29 hari untuk tujuan penyiasatan.

Walaupun sebahagian pihak mengalu-alukan laporan SUHAKAM ini dan mengakuinya sebagai satu nota penting sejarah, terdapat juga pihak lain yang menerimanya dengan reservasi. Pada 20 Mei 2003, satu rangkaian NGO telah mengadakan satu perjumpaan dengan SUHAKAM untuk membincangkan kebimbangan masyarakat madani. Dalam memorandum yang dihantar semasa perjumpaan tersebut, SUHAKAM telah digesa untuk menyediakan skop kesalahan yang boleh disenaraikan di dalam senarai kesalahan-kesalahan bagi undang-undang baru yang dicadangkan di dalam laporan tersebut. Apa yang dirisaukan, adalah tanpa panduan sebegini undang-undang baru yang dicadangkan itu boleh terdedah kepada penyelewengan dan salahguna. Selain itu, saranan-saranan SUHAKAM berkenaan tahanan reman selama 29 hari juga dikritik dan dipersoalkan. Telah dikatakan bahawa, peruntukan sedia ada yang terkandung di dalam Kanun Prosidur Jenayah yang membolehkan penahanan reman bagi tempoh maksima 14 hari sudah memadai, bahkan ianya juga melebihi tempoh reman di negara-negara yang lebih maju. Justeru, SUHAKAM diminta untuk mengemukakan alasan mengapakah tempoh 29 hari itu boleh dilihat sebagai munasabah.

Sebagai sebahagian daripada tindakan susulannya terhadap saranan memperkenalkan undang-undang baru yang lebih menyeluruh, SUHAKAM telah mengemukakan kepada agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan satu senarai kesalahan-kesalahan spesifik dan satu senarai kriteria yang perlu dipenuhi sebelum penahanan lanjutan diberikan.

Sehingga kini, SUHAKAM mengakui dua perkembangan positif yang telah direalisasikan semenjak laporan kajian semula ISA diterbitkan: [Lihat Lampiran III]

- Pertama - Parlimen meluluskan Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2003. Pindaan ini telah diwartakan pada 25 Disember 2003. Walaupun demikian ia masih belum dikuatkuasakan lagi. Pindaan ini memasukkan peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan kesalahan yang berkaitan dengan keganasan ke dalam Kanun Keseksaan. Pindaan terhadap Kanun Keseksaan ini apabila diambil kira bersama undang-undang lain seperti Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 dan Akta Kesalahan-Kesalahan Penerbangan 1984 boleh dilihat sebagai satu langkah ke arah mewujudkan satu rangka perundangan yang memperuntukkan satu pendekatan yang menyeluruh dalam menangani perkara subversif (termasuklah keganasan), yang seterusnya akan membawa kepada perbicaraan ke atas orang yang ditahan bagi kesalahan seperti itu.

hak kebebasan berhimpun. Untuk mempraktikkan hak ini, SUHAKAM menggesa semua pihak terlibat untuk mematuhi garis panduan yang disyorkan dalam Laporan Kebebasan Berhimpun untuk memastikan hak ini dinikmati secara aman. [Lihat Lampiran V]

(d) Proses Perundangan

Peningkatan perbahasan am dalam proses perundangan seperti yang telah diambil perhatian di dalam Laporan Tahunan SUHAKAM 2002 akan terus dipantau oleh KKPPTA. Sepertimana hak kebebasan berhimpun, terdapat perkembangan yang bercampur dalam hal ini. Perbincangan umum telah diadakan berhubung dengan Rang Undang-Undang Orang Kurang Upaya. Tambahan pula, terdapat juga perbahasan am yang hangat pada bulan Jun berkaitan dengan Rang Undang-Undang Program Khidmat Negara 2003. Masyarakat umum, terutamanya, telah menentang Klausa 29 yang menghalang sesiapa pun untuk membantah program khidmat negara dan mendakwa bahawa ianya melanggar hak kebebasan bersuara dan mengeluarkan pendapat. Klausa ini seterusnya telah digugurkan daripada Rang Undang-Undang itu, yang mana telah diluluskan oleh Parlimen. Bertentangan dengan perkembangan positif ini, kurangnya perundingan am berhubung dengan Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan 2003) adalah amat ketara.

Sehubungan dengan ini, seperti di dalam Laporan Tahunannya pada 2002, SUHAKAM mengulangi syor-syornya yang terkandung dalam Laporan Tahunan 2001 termasuk syor supaya undang-undang penting patut dirangka melalui perundingan dan perdebatan dengan kumpulan yang berkepentingan awam.

4. AKTIVITI TAHUN 2004

KKPPTA akan meneruskan usahanya pada tahun hadapan untuk menyiapkan kajian-kajian yang sedang dijalankan dan memantau perlaksanaan saranan yang dibuat oleh SUHAKAM dalam undang-undang tempatan dan instrumen antarabangsa. Justeru, fokus utama KKPPTA pada tahun 2004 ialah:

- Kajian Semula ADBLPK, APJ, Rang Undang-Undang Orang Kurang Upaya dan Undang-Undang Darurat;
- Menganjurkan Perbincangan Meja Bulat tentang CRC pada bulan Januari;
- Menganjurkan Perbincangan Susulan Meja Bulat tentang CEDAW di Sabah dan Sarawak pada bulan Mac; dan
- Memantau dan mengambil tindakan susulan tentang syor-syor terdahulu SUHAKAM berkenaan suratcara antarabangsa dan pembaharuan undang-undang, serta arahan dan tatacara pentadbiran.

ANGGOTA KUMPULAN KERJA PEMBAHARUAN PERUNDANGAN DAN TRITI ANTARABANGSA

Dato' K C Vohrah (Pengerusi Bersama)
Dato' Ranita Mohamed Hussien (Pengerusi Bersama)
Dr Mohammad Hirman Ritom Abdullah
Cik Zainah Anwar
Datuk Dr Raj Abdul Karim
Dato' Dr Abdul Monir Yaacob

Rangka perundangan ini akan akhirnya membolehkan pemansuhan ISA; dan

- Kedua - Pengumuman oleh Kerajaan pada bulan Disember yang menyatakan undang-undang kontroversi seperti ISA yang tidak mempunyai aspek hak asasi akan diperbaiki dari masa ke masa untuk menjadikan undang-undang tersebut lebih berperikemanusiaan. [Lihat Lampiran XII]

SUHAKAM menegaskan bahawa tujuan undang-undang anti-keganasan yang digunakan untuk memerangi keganasan mestilah diimbangi dengan perlindungan hak asasi manusia. SUHAKAM mengekalkan syornya dalam Laporan Kajian Semula ISA - terutama sekali syornya agar ISA dimansuhkan dan satu undang-undang yang lebih menyeluruh digubal untuk menangani perkara-perkara subversif.

Sementara itu, SUHAKAM akan terus memantau penggunaan ISA dan memastikan yang hak tahanan ISA, seperti akses kepada ahli keluarga dan juga peguam terjamin. Pembebasan tanpa syarat empat aktivis reformasi pada Jun 2003 [Lihat Lampiran IV] dan pembebasan 19 tahanan ISA - terdiri daripada empat pelajar yang didakwa terlibat dengan Jemaah Islamiah serta pembebasan 15 orang ahli Al-Maunah pada November 2003 [Lihat Lampiran XI] dilihat sebagai satu perubahan dalam pendekatan kerajaan untuk melindungi hak asasi manusia. Bagaimanapun, perkembangan positif ini sedikit sebanyak tercemar dengan aduan terbaru yang diterima SUHAKAM tentang layanan yang diberikan kepada tahanan ISA. [Lihat Bab 2 dan Bab 7].

(b) Laporan Hak Tahanan Reman

Sebagai maklum balas kepada permohonan SUHAKAM untuk memaklumkan kejadian sebenar pencabulan hak tahanan reman sepertimana yang dibangkitkan di dalam Laporan Hak Tahanan Reman, Majlis Peguam telah memajukan beberapa aduan oleh ahlinya. Badan Kehakiman dan Jabatan Penjara telah bertindak secara positif dalam menangani aduan berkenaan dan telah memberikan maklum balas kepada segala persoalan SUHAKAM berkenaan isu ini. KKPPTA mengalu-alukan lebih banyak maklum balas daripada Majlis Peguam dan lain-lain organisasi. Ini akan amat membantu Kumpulan Kerja ini dalam memantau perlaksanaan syor-syor yang terkandung dalam Laporan ini.

Seterusnya, sebagai usaha berterusan untuk memberi penekanan ke atas isu-isu yang terkandung di dalam laporan ini, satu perjumpaan tidak rasmi di antara pihak Polis dan SUHAKAM telah diadakan pada 20 Mac. Salinan laporan ini juga telah diedarkan kepada Mahkamah Rendah dan Akademi Latihan Polis di seluruh negara untuk dijadikan rujukan.

(c) Laporan Kebebasan Berhimpun

KKPPTA, berkerjasama dengan Kumpulan Kerja Aduan dan Siasatan (KKAS), untuk terus memantau perlaksanaan syor-syor yang terkandung di dalam Laporan Kebebasan Berhimpun. Keengganan awal pihak Polis untuk mengeluarkan permit kepada 'All Women's Action Movement (AWAM)' pada bulan Julai untuk mengadakan perhimpunan awam di Bangsar yang bertujuan untuk menangani isu-isu rogol dan keganasan terhadap wanita serta kesulitan seterusnya yang dihadapi oleh NGO tersebut dalam menganjurkan perhimpunan di MidValley Megamall adalah sesuatu yang membimbangkan memandangkan keganasan terhadap wanita adalah satu isu kepentingan awam. Walaupun satu permit telah dikeluarkan untuk perhimpunan yang sama di Petaling Jaya pada bulan Ogos, namun SUHAKAM masih bimbang tentang kesukaran yang terus dihadapi oleh masyarakat umum dalam mempraktikkan hak mereka untuk berhimpun secara aman tentang isu yang penting dan berkepentingan awam.

Walau bagaimanapun, SUHAKAM mengalu-alukan pengumuman Suruhanjaya Pilihanraya pada bulan September untuk membenarkan semula calon-calon pilihanraya mengadakan rapat umum dalam pilihanraya akan datang selepas ia diharamkan sebelum ini sebagai langkah untuk menegakkan

BAB 7

LAPORAN KUMPULAN KERJA ADUAN DAN SIASATAN

BAB 7:
LAPORAN KUMPULAN KERJA ADUAN DAN SIASATAN

Selain daripada memenuhi tanggungjawab utama untuk menyiasat aduan mengenai pencabulan hak asasi manusia dan membuat pemerhatian di tempat-tempat tahanan melalui lawatan-lawatan, Kumpulan Kerja Aduan Dan Siasatan (KKAS) juga telah menganjurkan beberapa bengkel berkenaan hak asasi manusia untuk pegawai penguatkuasa undang-undang.

1. PENYIASATAN ADUAN-ADUAN

SUHAKAM telah menerima sebanyak 269 aduan (Lihat Jadual 1) yang menunjukkan peningkatan sebanyak 23.49% berbanding tahun 2002. Ini adalah hasil daripada usaha SUHAKAM dalam menggalakkan kesedaran tentang hak asasi manusia di kalangan rakyat Malaysia. Secara amnya, aduan yang diterima adalah berkenaan dakwaan penyalahgunaan kuasa oleh agensi-agensi Kerajaan, tiada tindakan oleh agensi-agensi Kerajaan terhadap aduan yang dibuat oleh orang ramai, birokrasi Kerajaan, dakwaan pencabulan hak asasi oleh individu, dan perkara yang berkaitan tanah, terutamanya berkenaan dengan hak tanah adat peribumi dan undang-undang adat.

Apabila sesuatu aduan diterima, KKAS akan menentukan samada ianya merupakan kes pencabulan hak asasi manusia ataupun tidak. Melalui proses ini, SUHAKAM mendapati lebih kurang 48.3% daripada aduan yang diterima tidak melibatkan pencabulan hak asasi manusia.

Jadual 1: Aduan yang Diterima

KUMPULAN KECIL	JENIS ADUAN	2002	2003
1	Kes yang melibatkan kegagalan pihak berkuasa untuk bertindak terhadap aduan; kecuaian profesional; pencabulan hak berkaitan pekerjaan; dan dakwaan pencabulan hak asasi manusia.	82	160
2	Penyalahgunaan kuasa oleh pegawai-pegawai agensi penguatkuasaan undang-undang seperti kematian semasa berada dalam tahanan; tiada tindakan ke atas aduan yang dibuat; dan aduan daripada ahli keluarga orang tahanan.	64	64
3	Hal-hal berkaitan tanah, harta benda, imigresen dan masalah pelarian.	62	35
	Kenyataan umum	10	10
	Jumlah	**218**	**269**



Bengkel Hak Asasi Manusia untuk Pegawai Penguatkuasa Zon Utara

Dalam kes-kes selebihnya, tindakan yang diambil berbeza mengikut jenis dan tahap keseriusan aduan itu, merangkumi daripada siasatan lanjut bagi mengesahkan aduan hingga mengadakan perbicaraan awam. KKAS juga telah melawat beberapa pusat tahanan, mengawasi perkembangan aduan tertentu, mengadakan sesi dialog bersama pihak berkuasa yang berkaitan, dan menganjurkan beberapa bengkel untuk mendidik pegawai-pegawai penguatkuasa undang-undang.

(a) Analisa Aduan

- 99 kes melibatkan dakwaan mengenai ketidakcekapan pentadbiran termasuklah dakwaan mengenai penangguhan yang tidak munasabah dalam pembayaran pampasan berkaitan hal-hal pengambilan tanah, tuntutan-tuntutan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan pencen atau permohonan yang memerlukan kelulusan daripada agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. SUHAKAM merujukkan kebanyakan daripada kes-kes tersebut kepada agensi-agensi yang berkenaan untuk perhatian dan tindakan lanjut

- 9 kes merupakan kes jenayah dan telah dirujuk kepada pihak polis dan lain-lain agensi siasatan.

- 22 kes menunggu perbicaraan atau telah diputuskan oleh mahkamah. Tiada tindakan yang diambil kerana Seksyen 12(2) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 yang mana memperuntukkan bahawa Suruhanjaya tidak boleh menyiasat sebarang aduan yang berhubungan dengan sebarang pengataan pelanggaran hak asasi manusia yang merupakan perkara mana-mana prosiding yang belum selesai di mana-mana mahkamah, termasuklah apa-apa rayuan; atau yang telah diputuskan secara muktamad oleh mana-mana mahkamah.

- 10 kes melibatkan Kenyataan Umum yang telah diajukan kepada SUHAKAM sebagai salinan kepada pernyataan yang membentuk sebahagian daripada kempen tandatangan, pemberitahuan dan artikel yang mengandungi dakwaan pencabulan hak asasi manusia. Hal ini dianggap sebagai aduan dan telah disiasat.

(b) Laporan setiap kumpulan kecil.

Setiap aduan dibahagikan kepada tiga kumpulan kecil untuk tujuan siasatan.

Kumpulan Kecil 1

Terdapat 160 aduan yang berkaitan dengan kegagalan pihak berkuasa untuk bertindak ke atas aduan yang dibuat; faedah pemberhentian kerja yang tidak mencukupi kepada pekerja; tindakan disiplin ke atas pekerja yang terlibat secara aktif dalam kesatuan sekerja; aduan terhadap peguam; dan eksploitasi pekerja oleh majikan. SUHAKAM juga menerima aduan tentang pilihan raya Universiti tahun 2003.

Kumpulan Kecil 2

Sebanyak 64 aduan yang diterima melibatkan dakwaan tentang penyalahgunaan kuasa oleh pegawai agensi penguatkuasaan undang-undang. Ianya termasuklah kes-kes yang melibatkan kematian semasa berada dalam tahanan polis; tiada tindakan polis atau agensi siasatan yang lain terhadap aduan yang dibuat; dan ketidakpuasan hati terhadap penahanan yang dibuat di bawah Akta Dadah Merbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969. Aduan juga diterima daripada tahanan dan keluarga tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960.

Kumpulan Kecil 3

Sebanyak 35 aduan yang diterima melibatkan hal-hal berkaitan tanah, terutamanya di Sabah dan Sarawak, berkenaan hak tanah orang asal disamping kes-kes pertikaian di antara pemilik ladang dan pekerja.

(c) Tindakan Yang Telah Diambil

SUHAKAM telah menyelesaikan sebanyak 72 kes (26.8%) dan telah merujukkan sebanyak 12 kes (4.5%) kepada agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan (Lihat Jadual 2). Tiada tindakan lanjut telah dicadangkan bagi 130 (48.3%) kes. Sebanyak 55 kes (20.4%) masih dalam siasatan kerana SUHAKAM masih menunggu jawapan daripada sesetengah agensi-agensi kerajaan yang berkenaan. Tindakan tidak akan diambil sehingga SUHAKAM menerima respon daripada agensi-agensi tersebut.

Jadual 2 : Tindakan Terhadap Aduan

	2002			2003		
Dalam Tindakan		32				55
Tutup	Selesai	Rujuk kepada lain-lain agensi	NFA	Selesai	Rujuk kepada lain-lain agensi	NFA
	104	24	58	72	12	130

Kes 1 – Hak Kepada Pendidikan
Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan
Perkara 26 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat

Pengadu adalah seorang warganegara Rohingya yang memohon bantuan daripada SUHAKAM bagi mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendidikan untuk menempatkan adik lelakinya dalam Tahun Satu di sekolah rendah Kerajaan. Pegawai SUHAKAM telah menghubungi pihak Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendidikan untuk mendapatkan kerjasama mereka untuk membenarkan budak lelaki tersebut ditempatkan di sebuah sekolah Kerajaan. SUHAKAM telah dimaklumkan bahawa budak lelaki tersebut sedang belajar di sebuah sekolah rendah di Ampang.

Kes 2 – Hak Kepada Kesihatan
Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan
Perkara 3 dan 25 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat

Pengadu mendakwa bahawa rakannya, seorang warganegara Republik Guinea yang ditahan di Penjara Sungai Buloh, telah dinafikan hak mendapatkan perubatan oleh pihak penjara. Pengadu juga mendakwa bahawa ibu jari kaki kiri rakannya itu telah dipotong. Oleh kerana rakan pengadu mengidap penyakit kencing manis, beliau bimbang tentang nyawa rakannya tidak mendapat perkhidmatan perubatan yang mencukupi. Beliau bimbang yang keadaan kesihatan rakannya akan menyebabkan kecederaannya bertambah buruk dan mungkin menyebabkan lain-lain anggota badan rakannya akan dipotong. SUHAKAM telah membuat dua lawatan ke Penjara Sungai Buloh untuk memastikan taraf kesihatan orang tahanan tersebut. SUHAKAM mendapati bahawa beliau berada dalam keadaan yang baik dan semakin sembuh daripada pembedahan kecil yang dijalani untuk memotong ibu jari kaki kirinya. Beliau dinasihatkan untuk menghubungi keluarganya dan memaklumkan mereka mengenai keadaan kesihatannya.

2. PENYELESAIAN MEMORANDUM

SUHAKAM telah menerima sebanyak 24 memorandum yang membangkitkan pelbagai isu. Semua dakwaan tersebut telah diteliti untuk tindakan lanjut. Kebanyakan memorandum tersebut berkaitan dengan ketidakpuasan hati dan bantahan terhadap Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Setelah diteliti, SUHAKAM mendapati bahawa sesetengah daripada memorandum tersebut adalah di luar bidang kuasa SUHAKAM kerana tidak berkaitan dengan pencabulan hak asasi manusia.

Contoh kes yang diselesaikan - Kebebasan Beragama
Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan
Perkara 18 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat

Pengadu mendakwa bahawa Surau Jubli Perak di Bandar Baru Bangi, yang dibina dan diwartakan sebagai tempat untuk solat Jumaat semenjak tahun 1990an lagi, telah dirobohkan oleh pihak berkuasa. SUHAKAM merujuk kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan mengaturkan satu dialog tertutup di antara pengadu dan JAIS. Hasil daripada dialog tersebut JAIS bersetuju untuk membina semula Surau yang telah dirobohkan serta memberikan bantuan kewangan kepada ahli jawatankuasa surau untuk membina semula Surau Jubli Perak..

3. LAWATAN KE PUSAT TAHANAN

Ahli-ahli KKAS telah melawat 25 tempat tahanan. Kebanyakan lawatan yang dibuat adalah di atas inisiatif SUHAKAM sendiri, manakala selebihnya dibuat berdasarkan aduan tertentu yang diterima. Lawatan-lawatan ini dibuat berdasarkan Seksyen 4(2)(d) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999. Pelbagai syor dan cadangan telah dibuat berkaitan dengan pusat tahanan yang dilawati. (Lihat Bab 3)

4. BENGKEL UNTUK PEGAWAI PENGUATKUASA UNDANG-UNDANG.

Bengkel-bengkel hak asasi manusia untuk penguatkuasa undang-undang telah dianjurkan sebagai respon kepada pelbagai aduan yang diterima mengenai kelakuan pegawai penguatkuasa undang-undang ketika menjalankan tugas. Bengkel tersebut juga bertujuan untuk menambah pengetahuan dan pemahaman mereka tentang hak

orang tahanan. Bengkel berkenaan telah dianjurkan dengan kerjasama Biro Bantuan Guaman (BBG) di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang di Jabatan Perdana Menteri.

Bengkel sehari ini telah dianjurkan di empat zon di Semenanjung Malaysia:

(i) Zon Selatan - Melaka, Negeri Sembilan, Johor
(ii) Zon Timur - Pahang,Terengganu, Kelantan
(iii) Zon Utara - Kedah, Pulau Pinang, Perlis
(iv) Zon Tengah - Perak, Selangor, Kuala Lumpur

Siri bengkel tersebut telah dimulakan di Zon Selatan, yang diadakan di Melaka pada 14 Mac diikuti dengan Zon Timur di Terengganu pada 25 Mei. Pada 22 September pula bengkel di Zon Utara telah diadakan di Perlis sementara bengkel untuk Zon Tengah pula diadakan di Perak pada 15 Disember.

Peserta terdiri daripada pegawai dari pelbagai agensi penguatkuasaan undang-undang,



Bengkel Hak Asasi Manusia untuk Pegawai Penguatkuasa Zon Tengah

merangkumi Polis Di Raja Malaysia, Jabatan Penjara, Biro Bantuan Guaman, Jabatan Imigresen dan Badan Pencegah Rasuah.

Bengkel yang dianjurkan juga menjadi platform untuk membincangkan tentang aduan yang diterima oleh SUHAKAM, memandangkan aduan-aduan tersebut telah dirujuk kepada agensi yang terlibat.

AHLI KUMPULAN KERJA ADUAN DAN SIASATAN

Profesor Dato' Mohd. Hamdan Adnan
Tan Sri Datuk Seri Panglima Simon Sipaun
Datuk Dr Raj Abdul Karim
Dato' K C Vohrah
Dato' Dr Abdul Monir Yaacob
Dr Mohammad Hirman Ritom Abdullah
Cik Zainah Anwar
Dato' Asiah Abu Samah

BAB 8

LAPORAN KUMPULAN KERJA HAK EKONOMI, SOSIAL DAN KEBUDAYAAN

BAB 8:
LAPORAN KUMPULAN KERJA HAK EKONOMI, SOSIAL DAN KEBUDAYAAN

Semua insan dilahirkan bebas dan sama rata dari segi maruah dan hak. Mereka dikurniakan dengan tujuan dan suara hati, dan, harus bertindak dalam semangat persaudaraan sesama insan.
~ Terjemahan Perkara 1 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR)

Matlamat untuk memastikan maruah seseorang dihormati hanya dapat dicapai sekiranya seseorang itu dapat menikmati hak mereka dari segi sivil, politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan, sebagaimana yang termaktub di dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat yang mengisytihar bahawa kebebasan untuk kehendak dan kebebasan dari ketakutan, membentuk harapan masyarakat.[35]

SUHAKAM berpegang teguh kepada moto "Hak Asasi Untuk Semua". Dalam masa yang sama, SUHAKAM menyedari bahawa hak ekonomi, sosial dan kebudayaan terselindung oleh hak sivil dan politik. Oleh yang demikian, pada akhir tahun 2002 Suruhanjaya telah menubuhkan Kumpulan Kerja Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (ECOSOC) yang memberi tumpuan kepada hak ini.

Disebabkan kekurangan tenaga kerja, kumpulan kerja ini hanya dapat berfungsi sepenuhnya pada sekitar pertengahan tahun 2003. Kumpulan kerja ini menumpukan perhatian kepada dua tugas utama – kebolehan mengakses kepada keperluan asas; dan usaha untuk menghapuskan gejala Penyeludupan Wanita dan Kanak-Kanak. Aktiviti-aktiviti utama lain termasuk menganjurkan taklimat dalaman yang menyentuh isu-isu hak ekonomi, sosial dan kebudayaan; dan pengumpulan data-data statistik mengenai hak ekonomi, sosial dan kebudayaan.

1. SEMINAR AKSES KEPADA KEPERLUAN ASAS

Berpandukan kepada Perkara 25(1)[36] Perisytiharan Sejagat Hak Asasi Manusia, SUHAKAM telah mengadakan seminar yang pertamanya yang membincangkan tentang hak ekonomi, sosial dan kebudayaan dengan tema "Kebolehan Mengakses Kepada Keperluan Asas". Pengelolaan seminar tersebut telah diketuai oleh ECOSOC. [Lihat Bab 3(I)]

Objektif seminar tersebut adalah :

- Mengenal pasti isu-isu berhubung dengan kebolehan mengakses kepada keperluan asas pada semua peringkat masyarakat;
- Membincangkan kemajuan dan perlindungan berkenaan hak ini; dan
- Mencari penyelesaian bagi menangani masalah utama.

---

[35] Lihat Pendahuluan kepada UDHR
[36] Artikel 25(1) menyatakan: setiap orang berhak untuk mendapatkan taraf kehidupan yang mencukupi bagi kesihatan dan kesejahteraan sendiri dan juga keluarga termasuk makanan, pakaian, perumahan dan penjagaan perubatan serta keperluan perkhidmatan sosial, dan hak untuk mendapatkan keselamatan dalam hal pengangguran, ditimpa sakit, orang kurang upaya, ibu tunggal, warga tua atau orang yang tidak mempunyai mata pencarian yang di luar kawalannya.



Tan Sri Dato' (Dr) RV Navaratnam berucap di seminar 'Kebolehan Mengakses Kepada Keperluan Asas'

2. PERBINCANGAN MEJA BULAT MENGENAI PENYELUDUPAN WANITA DAN KANAK-KANAK

Semasa lawatan Kumpulan Kerja Aduan dan Siasatan (KKAS) ke Penjara Kajang pada bulan Januari, ahli KKAS telah memerhati bahawa terdapat tahanan wanita yang dikatakan diseludup ke Malaysia atas pelbagai tujuan. Semasa lawatan ke pusat-pusat tahanan, terdapat gadis-gadis yang berasal dari negara luar yang mendakwa mereka telah ditawarkan pekerjaan yang lumayan di Malaysia oleh agensi, tetapi kemudiannya dipaksa oleh ejen-ejen mereka untuk menjalankan kegiatan pelacuran.

SUHAKAM telah menubuhkan satu jawatankuasa kecil bagi mendalami masalah penyeludupan wanita dan kanak-kanak di Malaysia. Jawatankuasa yang dipimpin Datuk Dr. Raj Abdul Karim telah menganjurkan dialog di antara pihak Suruhanjaya dan pihak Polis pada 26 Ogos 2003 bagi mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pihak penguatkuasa undang-undang. Kemudiannya, satu Perbincangan Meja Bulat telah diadakan pada 24 September 2003 bagi menentukan tahap penyeludupan ke Malaysia dan seterusnya menyarankan cara-cara membasmi gejala sosial ini. Perbincangan tersebut yang penuh bermakna telah dihadiri oleh pegawai tinggi dari pelbagai agensi Kerajaan. [Lihat Bab 3(iii)]

3. TAKLIMAT DALAMAN UNTUK KAKITANGAN SUHAKAM

Pada pertengahan tahun 2003, ECOSOC telah menjemput penceramah untuk menyampaikan taklimat mengenai isu-isu hak ekonomi, sosial dan kebudayaan. Taklimat-taklimat ini membentuk sebahagian daripada usaha berterusan ECOSOC untuk memperolehi pandangan dari pakar mengenai pelbagai isu berkaitan hak ekonomi, sosial dan kebudayaan. Taklimat-taklimat ini turut membantu interaksi antara kakitangan SUHAKAM dan penceramah tersebut.

Dua taklimat dalaman yang telah diadakan pada tahun 2003 adalah seperti berikut:

(a) Pada 18 September, Dr. Collin Abraham, bekas pensyarah Universiti Sains Malaysia telah menyampaikan taklimat yang bertajuk "Kisah-kisah Benar dan Hak Asasi Manusia"; dan

(b) Pada 11 Disember, Encik Richard Leete, Wakil Residen UNDP telah menyampaikan taklimat yang bertajuk "Malaysia dan Matlamat Pembangunan Milennium (Millennium Development Goals – MDGs)".

4. DATA STATISTIK HAK EKONOMI, SOSIAL DAN KEBUDAYAAN

Pada tahun yang sama, ECOSOC telah mengumpul data statistik mengenai hak ekonomi, sosial dan kebudayaan. Maklumat yang diperolehi setakat ini tertumpu kepada pencapaian Malaysia dalam memenuhi Matlamat Pembangunan Milennium (MDGs).

MDGs telah ditetapkan semasa Kemuncak Milennium Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang diadakan di New York pada September 2000. Terdapat lapan matlamat yang antaranya menyentuh isu-isu berkaitan dengan penghapusan kemiskinan dan memenuhi keperluan asas seperti pendidikan sekolah rendah dan kesihatan. Dengan itu, matlamat-matlamat tersebut mempunyai perkaitan dengan hak asasi manusia.

Berdasarkan hubungan di antara hak asasi manusia dengan MDGs ini, SUHAKAM akan memantau pencapaian Malaysia terhadap matlamat-matlamat MDGs tersebut.

- Matlamat 1 adalah bertujuan untuk menangani isu kemiskinan yang keterlaluan. Kemiskinan menghalang hak seseorang untuk mendapatkan makanan, perumahan, pendidikan dan penjagaan kesihatan yang sewajarnya.

  Sasaran Matlamat 1 ialah untuk mengurangkan kadar kemiskinan kepada separuh di antara tahun 1990 dan tahun 2015. Secara amnya, kadar rakyat termiskin di kalangan penduduk Malaysia telah menurun daripada 3.9% pada tahun 1990[37] kepada 1% pada tahun 2002[38]. Namun demikian, kadar rakyat termiskin di kalangan masyarakat orang asli dan isi rumah yang diketuai oleh wanita masing-masing mencatatkan kadar yang tinggi pada 15.4% (1999)[39] dan 9.4% (2002)[40]. Isi rumah yang diketuai oleh warga tua juga mencatatkan kadar rakyat termiskin yang tinggi iaitu 4.9% pada tahun 2002[41].

- Matlamat 2 adalah untuk mencapai pendidikan sekolah rendah sejagat. Kedua-dua Perkara 12 dalam Perlembagaan Persekutuan dan Artikel 26 dalam UDHR menjamin hak seseorang untuk mendapat pendidikan.

  Sasaran Matlamat 2 ini ialah untuk memastikan setiap kanak-kanak dapat menyempurnakan pendidikan sekolah rendah tidak lewat dari tahun 2015. Malaysia telah mencatatkan kadar sebanyak 98.2%[42] bagi pendaftaran pelajar sekolah rendah pada tahun 2002.

- Matlamat 3 adalah bertujuan untuk memastikan kesamarataan antara jantina serta memberi kuasa yang sama rata kepada wanita. Perkara 8(2) dalam Perlembagaan Persekutuan dan Artikel 7 dalam UDHR melarang diskriminasi atas dasar jantina.

  Sasaran Matlamat 3 adalah untuk menghapuskan perbezaan pendidikan rendah dan menengah atas dasar jantina seboleh-bolehnya menjelang tahun 2005, serta peringkat pendidikan yang lain tidak lebih dari tahun 2015. Nisbah kemasukan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan bagi sekolah rendah ialah satu pelajar lelaki bagi 0.95 pelajar perempuan (pada 31 Januari, 2003)[43], di peringkat sekolah menengah, nisbahnya bersamaan dengan satu pelajar lelaki bagi 1.02 pelajar perempuan (pada 31 Januari, 2003)[44]. Di peringkat universiti nisbahnya adalah satu pelajar lelaki bagi 1.43 pelajar perempuan (pada 30 Jun 2002).[45] Perkara 8(2) dalam Perlembagaan Persekutuan telah dipinda bagi melarang diskriminasi antara jantina menerusi Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) Akta 2001 (Akta A1130) yang berkuatkuasa pada 28 September 2001.

- Matlamat 4, 5 dan 6 masing-masing adalah untuk mengurangkan kadar kematian kanak-kanak, meningkatkan tahap kesihatan ibu-ibu mengandung dan memerangi HIV/AIDS, malaria serta penyakit-penyakit lain. Perkara 5(1) dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perkara 3 dalam UDHR, secara amnya melindungi hak seseorang kepada kehidupan, sementara Perkara 25(1) dalam UDHR secara khususnya menyatakan bahawa setiap manusia

---

37 Sumber : Kualiti Hidup Malaysia 2002, ms 15
38 Sumber : Semakan Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005, ms 61
39 Sumber : Rancangan Malaysia Kelapan, ms 60
40 Sumber : Semakan Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005, ms 62
41 Ibid
42 Sumber : Buletin Statistik Sosial Malaysia 2002, Jabatan Statistik Malaysia, ms 9
43 Sumber : Laman Web Kementerian Pendidikan, http://www.mow.gov.my
44 Ibid
45 Sumber : Statistik Wanita dan Keluarga 2003, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, ms 20

mempunyai hak kepada taraf kehidupan yang mencukupi dari segi kesihatan dan kesejahteraan seseorang serta keluarganya.

- Sasaran Matlamat 4 ialah untuk mengurangkan sebanyak dua pertiga kadar kematian kanak-kanak berumur kurang dari lima tahun di antara tahun 1990 dan tahun 2015. Di Malaysia, kadar kematian bayi (setiap 1,000 kelahiran hidup), telah berkurangan daripada 13 kematian pada tahun 1990[46] kepada 5.7 pada tahun 2002[47], sementara kadar kematian kanak-kanak (setiap 1,000 kelahiran hidup) telah menurun daripada 0.9 pada tahun 1990 kepada angka anggaran 0.6 pada tahun 2002[48].

- Sasaran Matlamat 5 ialah untuk mengurangkan sebanyak 75% kadar kematian ibu semasa bersalin di antara tahun 1990 dan 2015. Di Malaysia, kadar kematian ibu semasa bersalin kekal di antara 0.2 (setiap 1,000 kelahiran hidup) dan 0.3 (setiap 1,000 kelahiran hidup) dari tahun 1990 sehingga 2002[49].

- Sasaran Matlamat 6 adalah untuk tidak lewat dari tahun 2015 menghentikan – dan mula menurunkan kadar jangkitan HIV/AIDS, malaria dan penyakit utama lain.

  • Berhubung dengan kes HIV, Malaysia telah dilaporkan mempunyai sebanyak 5,107 kes jangkitan pada tahun 2000. Bilangan kes yang dilaporkan meningkat kepada 5,938 kes pada tahun 2001 dan 6,978 kes pada tahun 2002. Bagi kes AIDS pula, sebanyak 1,168 kes telah dilaporkan pada tahun 2000. Pada tahun 2001, kes yang dilaporkan meningkat kepada 1,302 kes, tetapi bilangan kes yang dilaporkan menurun kepada 1,193 pada tahun 2002[50].

  • Berhubung dengan kes malaria, Malaysia dilaporkan mempunyai sebanyak 50,500 kes pada tahun 1990[51], tetapi berkurangan kepada 12,780 pada tahun 2001.[52]

- Matlamat 7 adalah untuk memastikan kewujudan alam sekitar yang berterusan. Sasaran matlamat ini adalah:

  - Menerapkan prinsip-prinsip pembangunan mampan ke dalam polisi dan program negara dan seterusnya memulihkan sumber alam sekitar;

  - Mengurangkan sehingga setengah kadar penduduk, yang tidak mempunyai peluang untuk mendapatkan bekalan air minuman bersih serta sistem sanitasi asas selewat-lewatnya pada tahun 2015; dan

  - Mencapai peningkatan ketara taraf hidup, sekurang-kurangnya bagi 100 juta penghuni rumah setinggan di seluruh dunia selewat-lewatnya pada tahun 2020.

    • Di Malaysia, kadar kawasan yang diliputi oleh hutan berkurangan daripada 57.2% pada tahun 1996 kepada 56.2% pada tahun 2001.[53]

    • Kadar sungai yang bersih telah meningkat daripada 36.2% pada tahun 1996 kepada 50% pada tahun 2001.[54]

---

46 Sumber : Unjuran Ekonomi Malaysia 2002, Unit Perancang Ekonomi, ms 7
47 Sumber : Semakan Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005, ms 437
48 Sumber : Ringkasan Statistik Alam Sekitar 2002, Jabatan Statistik Malaysia, ms 89
49 Sumber : Statistik Penting Time Series Malaysia1963-1998, Jabatan Statistik Malaysia, ms 53-54, Buletin Statistik Sosial Malaysia, Jabatan Statistik Malaysia, ms 9, Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005, ms 47.
50 Sumber : Majlis Aids Malaysia
51 Sumber : Laporan Tahunan Kementerian Kesihatan Tahun 1990, ms 54
52 Sumber : Laman Web Kementerian Kesihatan, http://www.moh.gov.my
53 Sumber : Ringkasan Statistik Alam Sekitar Malaysia 2002, Jabatan Statistik Malaysia, ms 63
54 Sumber : Ringkasan Statistik Alam Sekitar Malaysia 2002, Jabatan Statistik Malaysia, ms 32

- Kualiti udara - diukur dari jumlah pelepasan pencemaran ke udara dari sumber bergerak (kenderaan), sumber tidak bergerak (stesyen tenaga, industri pemprosesan bahan api dan pembakaran bahan api domestik) dan pembakaran sampah perbandaran dan industri telah menurun dari lebih kurang 3.33 juta tan pada tahun 1996 kepada lebih kurang 3.24 juta tan pada tahun 2000.[55]

Pengumpulan data oleh SUHAKAM masih pada tahap permulaan. Namun demikian, dari kajian permulaan ini, usaha Malaysia untuk mencapai MDGs adalah memberangsangkan. Dr. Maxine Olson, bekas wakil residen UNDP, menyifatkan kemajuan Malaysia dalam mencapai banyak daripada MDGs disebabkan "komitmennya kepada polisi dan program jangka panjang yang bukan sahaja tertumpu kepada pembangunan tetapi juga pada masa yang sama menangani ketidaksamarataan sosio-ekonomi".

SUHAKAM akan meneruskan usaha pengumpulan data-data berkaitan pencapaian Malaysia terhadap MDGs. Objektif utama aktiviti ini ialah untuk mengenalpasti sekiranya terdapat jurang perbezaan pembangunan di antara kawasan bandar dan luar bandar serta kesukaran yang dihadapi oleh kumpulan yang lemah seperti orang asli, ibu-ibu tunggal dan warga tua. Latihan ini juga dapat mengenal pasti bidang yang boleh diberi perhatian oleh SUHAKAM bagi tujuan menggalakkan dan melindungi hak asasi kumpulan yang terpinggir, disebabkan terdapat lebih kurang satu juta penduduk berasal dari isi rumah yang memperolehi pendapatan kurang daripada RM 1,000 sebulan.[56]

5. AKTIVITI-AKTIVITI BAGI TAHUN 2004

ECOSOC akan terus menangani isu-isu berkaitan dengan hak ekonomi, sosial dan kebudayaan. Tumpuan utama ECOSOC ialah untuk mengambil tindakan sewajarnya, sebagai susulan kepada saranan-saranan yang dibuat semasa Seminar Kebolehan Mengakses Kepada Keperluan Asas yang telah diadakan.

Oleh yang demikian, beberapa aktiviti dirancang termasuklah menganjurkan seminar "Hak kepada Perumahan yang Wajar", seminar "Hak kepada Penjagaan Kesihatan yang Wajar" dan seminar "Penyeludupan Wanita dan Kanak-Kanak". Persiapan sedang dibuat untuk seminar "Perumahan yang Wajar - Hak Asasi Manusia". Mesyuarat dengan badan bukan kerajaan telah diadakan pada 22 Oktober 2003 bagi tujuan mendapatkan pandangan-pandangan mengenai isu-isu perumahan yang boleh dibincangkan di dalam seminar tersebut. ECOSOC juga akan berkerjasama dengan kerajaan dan pejabat UNDP di Kuala Lumpur untuk memantau perkembangan di bawah MDGs.

AHLI KUMPULAN KERJA HAK EKONOMI, SOSIAL DAN KEBUDAYAAN

Tan Sri Dato' (Dr) RV Navaratnam (Pengerusi)
Dr Mohammad Hirman Ritom Abdullah
Datuk Dr Raj Abdul Karim
Dato' Ranita Mohamed Hussein

---

[55] Sumber : Ringkasan Statistik Alam Sekitar Malaysia 2002, Jabatan Statistik Malaysia, ms 24
[56] Berdasarkan kepada unjuran Semakan Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005, ms 64 & 93

BAB 9

LAPORAN SEKRETARIAT

BAB 9:
LAPORAN SEKRETARIAT

Sekretariat terlibat secara langsung di dalam penyusunan semula SUHAKAM yang sememangnya diperlukan berikutan dengan penambahan dan kepelbagaian bidang tugas yang semakin meningkat. Sehubungan dengan itu, perlantikan para pegawai dan kakitangan sokongan telah dibuat. Pembentukan Kumpulan Kerja Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan dan penyatuan dua Kumpulan Kerja yang berkaitan dengan hal-hal perundangan telah membawa kepada penugasan semula para pegawai. Penyusunan semula ini bukan sahaja telah menyelaraskan segi tugas dan tanggungjawab setiap bahagian malahan telah memperkukuhkan lagi Sekretariat untuk berfungsi dengan lebih berkesan.

Suruhanjaya menghargai peruntukan bajet daripada Kerajaan selaras dengan Seksyen 19(1) Akta 597 yang memperuntukkan bahawa "Kerajaan hendaklah menyediakan kepada Suruhanjaya, dana yang mencukupi secara tahunan bagi membolehkan Suruhanjaya menjalankan fungsinya di bawah Akta ini". Suruhanjaya sedar mengenai tanggungjawab sepenuhnya terhadap semua perbelanjaan yang digunakan dalam perlaksanaan tugas-tugasnya. Akaun Suruhanjaya adalah diaudit setiap tahun oleh Jabatan Audit dan laporannya dimasukkan di dalam Laporan Tahunan SUHAKAM. SUHAKAM berharap untuk melantik khidmat firma audit swasta pada tahun 2004 bagi membolehkannya terus meningkatkan sistem dan prosidur perakaunannya.

Hasil daripada penyusunan semula tersebut, SUHAKAM kini telah mempunyai enam Bahagian iaitu Pengurusan dan Kewangan, Perhubungan Awam, Perundangan, Pendidikan dan Promosi Hak Asasi, Dasar dan Penyelidikan serta Aduan dan Siasatan. Tiga bahagian yang pertama adalah bertanggungjawab yang utama memberi khidmat kepada Suruhanjaya secara keseluruhan manakala Bahagian Dasar dan Penyelidikan pula memberi perkhidmatan dalam membantu Kumpulan Kerja Pembaharuan Perundangan dan Triti Antarabangsa dan Kumpulan Kerja Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan. Dua lagi Bahagian iaitu Pendidikan dan Promosi Hak Asasi serta Bahagian Aduan dan Siasatan bertanggungjawab membantu dalam Kumpulan Kerja masing-masing.

1. PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Dalam usaha untuk mempertingkatkan tahap profesionalisme dan kecekapan tenaga kerja kakitangannya, SUHAKAM telah menghantar kakitangannya menghadiri kursus/seminar dan program-program latihan yang berkaitan dengan bidang pengkhususan kerja mereka. Dalam hal ini, majoriti pegawai telahpun menghadiri kursus mahupun latihan khusus di pelbagai peringkat dalam tahun 2003.

Latihan sedemikian bukan sahaja mempertingkatkan tahap profesionalisme para pegawai malah turut memberi pendedahan khususnya mengenai perkembangan hak asasi manusia di negara-negara lain. Penyertaan di dalam kursus-kursus dan persidangan di peringkat antarabangsa telah dapat membantu para pegawai

memperluaskan pengalaman dan menambah pengetahuan tentang hak asasi manusia. Selain itu, para pegawai juga mendapat manfaat daripada program pertukaran kakitangan yang telah dijalankan dengan institusi hak asasi manusia di rantau ini.

2. KEWANGAN

Pada tahun 2003, SUHAKAM telah diberi peruntukan belanja mengurus sebanyak RM6,822,600 bagi membiayai gaji, elaun, perkhidmatan, pembelian aset dan pembiayaan aktiviti-aktiviti SUHAKAM yang lain. Peruntukan tersebut telah mengambil kira keperluan bagi 20 orang ahli Suruhanjaya iaitu selaras dengan Seksyen 5(1) yang menyatakan bahawa "Suruhanjaya hendaklah terdiri tidak lebih daripada 20 orang anggota". SUHAKAM mengamalkan sikap jimat cermat dan berhati-hati dalam perbelanjaan dan telah berjaya menjimatkan perbelanjaan dari segi pembiayaan menghantar kakitangan menghadiri latihan dan persidangan antarabangsa, oleh kerana kebanyakan daripadanya telah ditaja oleh pihak penganjur. Di dalam mengendalikan urusan kewangan ini, Suruhanjaya merakamkan penghargaan kepada Jabatan Audit Negara di atas perkhidmatan dan nasihat yang diberikan khususnya mengenai cara terbaik menguruskan peruntukan yang telah diberikan. *[Lihat Lampiran XXI]*

3. UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT (IT)

Sekretariat berhasrat untuk membekalkan SUHAKAM dengan sistem dan aplikasi yang tercanggih. Aplikasi IT yang terkini - Sistem Pengurusan Jabatan Personel (SISPEN), digunakan untuk pengurusan personel dan pengemaskinian maklumat peribadi dan perkhidmatan. Kedua-dua sistem, Sistem Pengurusan Elektronik dan Perakaunan (Electronic Management and Accounting System - EMAS) digunakan untuk urusan pembayaran gaji manakala Acctrak 21 digunakan untuk transaksi-transaksi akaun. Kedua-dua sistem berkenaan telah berjaya dilaksanakan dan digunakan sepenuhnya oleh Unit Kewangan. Satu lagi sistem aplikasi iaitu E-Pustaxa telah dibangunkan bagi menyediakan akses kepada katalog awam atas talian (OPAC).

Bagi meningkatkan kecekapan dan selari dengan keperluan semasa, penyewaan tambahan komputer peribadi (PC) dan pencetak tambahan dari MIMOS Berhad telah dibuat. Disamping itu, pengemaskinian berterusan sistem pengkomputeran yang meliputi infrastruktur rangkaian aplikasi, perkakasan komputer dan perisian komputer juga telah dilakukan.

Usaha juga telah diambil untuk menaiktaraf laman web SUHAKAM menjadi sebuah web portal yang mesra pengguna dimana kerja-kerja pembangunan web portal ini akan siap sepenuhnya pada awal tahun 2004. Portal ini berkemampuan beroperasi pada kapasiti permintaan yang maksimum untuk memudahkan pengguna-pengguna internet mendapat maklumat yang berfaedah.

BAB 10

KESEDARAN DAN AMALAN HAK ASASI DI SEKOLAH

BAB 10:
KESEDARAN DAN AMALAN HAK ASASI DI SEKOLAH

SUHAKAM yakin bahawa bilangan mereka yang menyedari hak asasi manusia semakin bertambah semenjak penubuhan Suruhanjaya ini pada tahun 2000. Di sebalik peningkatan tersebut, SUHAKAM berpendapat bahawa sebahagian besar kanak-kanak sekolah masih tidak mengetahui tentang hak asasi mereka dan tanggungjawab masing-masing untuk mempertahankan hak mereka sendiri dan juga hak orang lain. Oleh itu, promosi hak asasi manusia perlu dilaksanakan di sekolah-sekolah.

SUHAKAM sedang bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk merangka pelan dalam mengutarakan hak asasi manusia di sekolah. Data mengenai status pengetahuan hak asasi manusia di kalangan pelajar dan guru-guru serta maklumat tentang sejauh mana tindakan yang melanggar hak asasi manusia sering diamalkan di sekolah-sekolah, adalah merupakan maklumat yang bernilai kepada SUHAKAM dalam merangka program yang berkesan. Untuk mengenal pasti tahap pengetahuan tersebut, SUHAKAM telah menjalankan penyelidikan di sekolah-sekolah pada tahun 2003.

Tujuh orang ahli akademik dari lima buah universiti awam merekabentuk instrumen pengumpulan data dan seterusnya menjalankan penyelidikan tersebut di 40 buah sekolah di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Prosedur persampelan berperingkat telah digunakan untuk memilih sekolah-sekolah tersebut bagi memastikan adanya wakil-wakil berdasarkan jenis sekolah dan kawasan. Sebanyak 5,754 orang pelajar mengambil bahagian dalam penyelidikan ini - di mana 2,628 adalah pelajar Tingkatan 2 dan 3,126 adalah pelajar Tingkatan 5. Sampel tersebut juga merangkumi 2,132 orang guru dan 142 kakitangan pentadbiran yang meliputi pengetua, penolong-penolong kanan dan penyelia petang.

Soalselidik juga telah diedarkan kepada semua pelajar, guru dan kakitangan pentadbiran sekolah di semua sekolah terpilih. Walaupun soalselidik yang diedarkan kepada setiap kumpulan adalah berbeza, namun butir-butir yang terkandung di dalamnya hampir sama.

1. HASIL KAJIAN UTAMA

Hanya hasil kajian yang penting dan menarik yang akan dibincangkan dalam laporan ini.

(a) Pengetahuan Mengenai SUHAKAM

Di kalangan pelajar, seramai 73% pelajar tidak pernah mendengar mengenai SUHAKAM sebelum mereka mengambil bahagian dalam kajian *(Rujuk Jadual 1)*. Seperti yang dijangkakan, lebih ramai pelajar muda (iaitu 80.3% pelajar Tingkatan 2 berbanding 66.9% pelajar Tingkatan 5) tidak mengetahui kewujudan SUHAKAM. Adalah memeranjatkan, lebih ramai pelajar di bandar (76.1%) berbanding di luar bandar (69.6%) yang jahil mengenai SUHAKAM. Ini menunjukkan bahawa SUHAKAM telah gagal untuk mendekati para pelajar dengan lebih berkesan di sebalik pertandingan logo, esei dan lukisan yang ia telah anjurkan dan pelbagai laporan media mengenai atau kenyataan akhbar oleh SUHAKAM dalam media cetak dan media elektronik.

Kajian tersebut menunjukkan bahawa 20.2% guru-guru dan hanya 7.7% kakitangan pentadbiran tidak pernah mendengar tentang SUHAKAM sebelum

Jadual 1: Kesedaran Mengenai Kewujudan SUHAKAM

	Jumlah %	Ms	L %	P %	Bandar %	Luar Bandar %	F2 %	F5 %
Pelajar	73.0	21(.4%)	70.6	75.0	76.1	69.6	80.3	66.9
Guru	20.2	8(.4%)	13.6	23.3	21.1	19.2		
Pentadbir	7.7	1(.7%)	6.6	9.1	8.0	7.5		

Ms = Bilangan dan peratus yang tiada jawapan

Jadual 2: Pengetahuan Mengenai Penubuhan SUHAKAM Melalui Akta Parlimen

	Jumlah %	Ms	L %	P %	Bandar %	Luar Bandar %
Guru	79.8	97.8(4.5%)	80.7	79.4	77.8	82.2
Pentadbir	81.0	9(6.3%)	85.5	75.8	80.0	82.1

Ms = Bilangan dan peratus yang tiada jawapan

Jadual 3: Pengetahuan Pelajar Mengenai Maksud 'CRC'

Jumlah %	Ms	F2 %	F5 %	M %	F %	Bandar %	Luar Bandar %
53.27	174(3%)	51.4	54.7	52.4	53.9	55.9	50.2

Ms = Bilangan dan peratus yang tiada jawapan

mengambil bahagian dalam penyelidikan tersebut. Peratusan guru (79.8%) dan kakitangan pentadbiran (81.0%) yang mengetahui bahawa SUHAKAM ditubuhkan melalui Akta Parlimen mengesahkan bahawa kebanyakan mereka menyedari kewujudan SUHAKAM *(Rujuk Jadual 2)*. Walau bagaimanapun, perlu dinyatakan bahawa hampir satu per empat guru-guru tidak mengetahui adanya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia di Malaysia. Bagi kedua-dua guru dan kakitangan pentadbiran, lebih ramai lelaki daripada perempuan dan lebih ramai responden dari luar bandar berbanding bandar yang mengetahui tentang kewujudan dan penubuhan SUHAKAM.

(b) Pengetahuan Tentang Konvensyen Hak Kanak-kanak (CRC)

Pengetahuan pelajar mengenai CRC telah dikenalpasti melalui pertanyaan kepada mereka apakah maksud akronim 'CRC'? Jadual 3 menunjukkan bahawa 53.2% pelajar memberi jawapan yang betul. Ini menunjukkan bahawa lebih ramai di antara mereka mengetahui mengenai CRC lebih daripada SUHAKAM. Ia telah dijangkakan kerana pelbagai kempen telah diadakan mengenai hak kanak-kanak, seperti kempen `Katakan Ya Untuk Kanak-Kanak', dan penyertaan kanak-kanak dalam `Perhimpunan Khas PBB Untuk Kanak-Kanak' (UN Assembly for Children) dan dalam Forum Kanak-Kanak Asia dan Forum Golongan Muda di Seoul (Asian Children and Young People Forum in Seoul).

Sementara lebih ramai pelajar mengetahui mengenai CRC daripada SUHAKAM, perkara sebaliknya berlaku kepada guru-guru dan kakitangan pentadbiran. Hanya segelintir sahaja telah diterangkan mengenai CRC sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.

(c) Pengetahuan Mengenai Hak Kanak-Kanak Yang Spesifik

Soalselidik untuk pelajar mengandungi 10 perkara mengenai hak kanak-kanak manakala dua lagi

soalselidik, untuk guru dan kakitangan pentadbiran mengandungi sembilan perkara. Perkara yang berbunyi, 'Adalah tidak menjadi kesalahan untuk memanggil rakan sebaya dengan pelbagai nama gelaran asalkan ia tidak memberi kesan fizikal' tidak dimasukkan dalam soalan kaji selidik bagi guru dan kakitangan pentadbiran. Rumusan ke atas empat daripada perkara dalam soalselidik dibincangkan di sini.

(i) Pendidikan Wajib

Dalam ketiga-tiga sampel (pelajar, guru dan kakitangan pentadbiran), majoriti mengetahui bahawa semua kanak-kanak berhak untuk mendapatkan pendidikan asas di sekolah dan ibu bapa akan didenda sekiranya mereka gagal untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah rendah. Lebih 70% pelajar dan lebih dari 90% guru-guru dan kakitangan pentadbiran mengetahui tentang hak ini *(Rujuk Jadual 5)*. Walaupun angka ini mengagumkan, namun sebenarnya agak membimbangkan kerana 6.9% guru-guru dan 4.9% kakitangan pentadbiran jahil dengan kehendak ini bila Akta Pendidikan 1996 dipinda pada 2002 bagi mewajibkan pendidikan asas diberi kepada semua kanak-kanak berusia antara 6 hingga 12 tahun.

(ii) Pendidikan Khas

Lebih 90% pelajar, guru dan kakitangan pentadbiran menyatakan bahawa kanak-kanak kurang upaya perlu ditempatkan di sekolah khas dan bukannya di dalam aliran utama pendidikan, di sebalik polisi pendidikan kerajaan yang inklusif *(Rujuk Jadual 6)*. Sentimen ini mungkin timbul berdasarkan pemerhatian mereka di mana penempatan pelajar kurang upaya bersama-sama pelajar biasa tidak memberi kebaikan kepada pelajar kurang upaya tersebut. Sebagai contoh, pelajar cacat pendengaran yang ditempatkan dalam kelas biasa di mana guru dan pelajar lain tidak memahami

Jadual 4: Guru-guru dan Kakitangan Pentadbiran Yang Diberi Penerangan Mengenai CRC

	Jumlah %	Ms	L %	P %	Bandar %	Luar Bandar %
Guru	6.2	31(1.5%)	8.6	4.9	6.1	6.3
Pentadbir	7.0	2(1.4%)	6.6	7.6	10.7	3.0

Ms = Bilangan dan peratus yang tiada jawapan

Jadual 5: Pengetahuan Mengenai Wajibnya Pendidikan Asas Kepada Kanak-Kanak

	Jumlah %	Ms	L %	P %	Bandar %	Luar Bandar %	F2 %	F5 %
Pelajar	77.2	31(.5%)	75.1	78.9	77.8	76.5	74.0	7 9 . 8
Guru	93.1	17(.8%)	92.3	93.4	92.3	93.9		
Pentadbir	95.1	1(.7%)	93.4	97.0	94.7	95.5		

Ms = Bilangan dan peratus yang tiada jawapan

Jadual 6: Kanak-Kanak Kurang Upaya Perlu Ditempatkan Di Sekolah Khas

	Jumlah %	Ms	L %	P %	Bandar %	Luar Bandar %	F2 %	F5 %
Pelajar	90.0	11(.2%)	87.7	91.8	87.1	93.1	89.3	90.5
Guru	92.9	8(.4%)	92.3	93.1	90.5	95.7		
Pentadbir	92.3	2(1.4%)	93.4	90.9	89.3	95.5		

N = Bilangan Respondan *Ms = Bilangan dan peratus yang tiada jawapan*

Jadual 7: Kanak-Kanak Diberi Kebebasan Meluahkan Pendapat

	Jumlah %	Ms	L %	P %	Bandar %	Luar Bandar %	F2 %	F5 %
Pelajar	95.6	22(.4%)	94.2	96.8	95.5	95.7	95.1	96.1
Guru	96.7	9(.4%)	95.4	97.4	96.7	96.7		
Pentadbir	97.2	1(.7%)	98.7	95.5	96.0	98.5		

Ms = Bilangan dan peratus yang tiada jawapan

bahasa isyarat atau di mana tiadanya bantuan sokongan boleh menjadikan pelajar tersebut menjadi terasing memandangkan kesukaran untuk berkomunikasi. Sentimen mereka juga mungkin disebabkan perasaan tidak senang dengan masalah yang timbul ekoran adanya pelajar kurang upaya di dalam bilik darjah masing-masing. Apa pun alasan meletakkan pelajar kurang upaya di sekolah khas, data tersebut membuktikan bahawa mereka tidak menyedari atau tidak mempedulikan tentang hak kanak-kanak kurang upaya terhadap pendidikan dan hak mereka untuk membesar dalam persekitaran yang normal bagi memberikan peluang kepada mereka untuk membangunkan keupayaan masing-masing, terutamanya dari segi sosial.

(iii) Kebebasan Meluahkan Pendapat

Majoriti daripada pelajar, guru dan kakitangan pentadbiran bersetuju agar kanak-kanak diberikan kebebasan untuk bersuara dan meluahkan pendapat masing-masing walaupun pendapat tersebut bercanggah dengan pendapat orang dewasa. Sebanyak 95.6% pelajar, 96.7% guru dan 97.2% kakitangan pentadbiran bersetuju dengan perkara ini *(Rujuk Jadual 7)*. Statistik ini menggambarkan bahawa guru-guru dan kakitangan pentadbiran perlu memberi galakan kepada pelajar-pelajar untuk meluahkan pendapat di dalam bilik darjah, mengajukan soalan dan menyumbang kepada perbicangan dalam bilik darjah. Adalah diharapkan latihan ini diamalkan di dalam sekolah.

(iv) Gelaran Mengejek dan Cemuhan

Meskipun Perkara 13 CRC memberi kebebasan kepada kanak-kanak untuk meluahkan idea dan menyampaikan maklumat, mereka juga perlu bertanggungjawab untuk menghormati maruah orang lain. Walau bagaimanapun, sensitiviti terhadap perasaan orang lain tidak wujud di dalam 30.2% orang pelajar yang menjadi sampel. Mereka merasakan adalah tidak menjadi kesalahan memanggil rakan sebaya mereka dengan gelaran-gelaran tertentu selagi tidak ada kecederaan secara fizikal *(Rujuk Jadual 8)*. Seramai 39.2% pelajar pula menganggap tidak menjadi kesalahan sekiranya guru merendah-rendah dan menghina pelajar-pelajar

Jadual 8: Bersetuju Dengan Penggunaan Nama Gelaran Yang Membina Selagi Tidak Mengakibatkan Kecederaan Fizikal

	Jumlah %	Ms	L %	P %	Bandar %	Luar Bandar %	F2 %	F5 %
Pelajar	30.2	11(.2%)	33.5	27.4	29.3	30.8	30.0	30.4

Ms = Bilangan dan peratus yang tiada jawapan

dengan tujuan memberi motivasi kepada mereka untuk belajar *(Rujuk Jadual 9)*. Mungkin amalan menghina pelajar untuk membuatkan mereka lebih berusaha sangat sering diamalkan sehingga mereka menerimanya sebagai sesuatu yang biasa. Anggapan ini juga berdasarkan penemuan iaitu sebanyak 28.8% guru-guru dan 14.1% kakitangan pentadbiran melahirkan sentimen yang sama.

Lebih ramai pelajar lelaki daripada pelajar perempuan bersetuju dengan pendapat bahawa tidak menjadi kesalahan memanggil rakan sebaya mereka dengan panggilan yang menghina selagi ia tidak memberi kesan mudarat kepada fizikal. Begitu juga, lebih ramai guru lelaki berbanding guru perempuan dan kakitangan pentadbiran bersetuju dengan penggunaan bahasa kesat bagi merangsang pelajar untuk belajar. Lebih ramai guru-guru dan kakitangan pentadbiran di desa bersetuju dengan kenyataan ini berbanding dengan guru-guru dan kakitangan pentadbiran di bandar.

Lebih daripada 40% pelajar Tingkatan 2 membenarkan guru-guru mereka menggunakan penghinaan untuk mendorong mereka untuk belajar. Malah sebanyak 36.3% pelajar Tingkatan 5 juga bersetuju dengan amalan ini. Ini menunjukkan pelajar muda dan yang lebih dewasa bersetuju dengan penggunaan kata-kata kesat dan cemuhan yang menghina boleh digunakan sebagai cara motivasi.

(d) Merotan

Terdapat dua pendapat yang ketara berbeza mengenai penggunaan rotan untuk mendisiplinkan pelajar. Salah satu daripadanya percaya bahawa merotan adalah cara terbaik dan paling berkesan untuk menghukum pesalah, terutamanya mereka yang sering melakukan kesalahan berulang kali dan yang terlibat dengan kesalahan serius. Alasan mereka adalah berdasarkan keperluan untuk mengatasi masalah salah laku dan bagi memastikan pesalah mematuhi peraturan. Sebaliknya, pendapat lain yang menentang tindakan merotan merasakan merotan sebagai penyelesaian yang mudah dan bersifat menghukum semata-mata. Tambahan pula, mereka percaya bahawa hukuman sebegitu akan menimbulkan kebencian, meningkatkan keganasan, tidak bersifat pemulihan atau penyelesaian kepada masalah.

Data dalam Jadual 10 menunjukkan bahawa majoriti guru dan kakitangan pentadbiran iaitu sebanyak 79.5% guru dan 71.8% kakitangan pentadbiran bersetuju dengan amalan merotan terhadap pesalah degil. Penggunaan rotan untuk mendisiplinkan

Jadual 9: Persetujuan Penggunaan Kata-Kata Kesat dan Cemuhan Sebagai Motivasi

	Jumlah		L	P	Bandar	Luar Bandar	F2	F5
	%	Ms	%	%	%	%	%	%
Pelajar	39.2	19(.3%)	41.5	37.4	35.5	43.2	42.5	36.3
Guru	28.8	15(.7%)	30.1	28.2	26.5	31.5		
Pentadbir	14.1	1(.7%)	15.8	12.1	10.7	17.9		

Ms = Bilangan dan peratus yang tiada jawapan

Jadual 10: Persetujuan Merotan pesalah-Pesalah Degil

	Jumlah		L	P	Bandar	Luar Bandar
	%	Ms	%	%	%	%
Guru	79.5	13(.6%)	84.0	77.4	76.6	83.0
Pentadbir	71.8	1(.7%)	77.6	65.2	70.7	73.1

Ms = Bilangan dan peratus yang tiada jawapan

Persekutuan melindungi semua rakyat Malaysia daripada sebarang bentuk diskriminasi berdasarkan bangsa, jantina dan agama. Majoriti pelajar, guru dan kakitangan pentadbiran menyedari peruntukan ini dalam Perlembagaan Persekutuan. Lebih 80% pelajar mengetahui bahawa Perlembagaan Persekutuan melarang diskriminasi berdasarkan bangsa, jantina dan agama *(Rujuk Jadual 15)*. Peratusan guru dan kakitangan pentadbiran yang menyedari perkara ini adalah lebih tinggi iaitu melebihi 90%.

Namun, kesedaran mereka nampaknya tidak diterjemahkan ke dalam tindakan masing-masing kerana 63.6% pelajar mengaku bahawa diskriminasi berlaku di sekolah mereka; 12.9% mendakwa bahawa kejadian diskriminasi 'sentiasa' berlaku dan 50.7% mengisytiharkan bahawa ia `kadangkala' sahaja. Lebih ramai pelajar lelaki (67.5%) berbanding daripada pelajar perempuan (60.5%) mengakui bahawa diskriminasi sering berlaku. Kejadian diskriminasi ini kelihatan lebih tinggi di sekolah bandar (65.9%) dari luar bandar (61.0%). Pelajar mengaitkan diskriminasi berdasarkan bangsa, keupayaan dan juga keadaan fizikal.

Adalah sesuatu yang menarik apabila, di antara kedua-dua pelajar dan guru, sebilangan besar tidak memberi jawapan kepada soalan ini. Ini mungkin membayangkan kebimbangan mereka yang diskriminasi akan terus berlaku sekiranya mereka mendedahkan kejadian tersebut. Jika ia benar, maka ia merupakan sesuatu yang amat membimbangkan kerana diskriminasi sahaja adalah cukup buruk, ditambah pula dengan ketakutan untuk mendedahkan perkara yang sebenarnya.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa diskriminasi tidak hanya diperhatikan malah juga turut dialami oleh pelajar. Hampir separuh (49.9%) daripada guru bersetuju bahawa diskriminasi berlaku di sekolah. Perkara ini telah dikeluarkan daripada soalan kajiselidik untuk kakitangan pentadbiran kerana adalah sukar bagi kakitangan pentadbiran - sebagai pengurus sekolah - untuk memberi pandangan mengenai insiden ini tanpa bersikap berat sebelah.

Walaupun seandainya diskriminasi jarang berlaku, ia tetap menimbulkan perasaan kesal dan marah. Diskriminasi berasaskan keupayaan mampu membantutkan pembangunan seseorang pelajar. Sebagai contoh, memberi perhatian yang lebih kepada pelajar yang lebih baik dalam pelajaran dan mengenepikan serta menghina dan memarahi pelajar yang lemah akan menimbulkan kekecewaan dan kemarahan di kalangan mereka yang lemah. Hal ini boleh menyebabkan perasaan benci dan tidak suka kepada guru dan/atau tidak minat dalam mata pelajaran, yang berakhir dengan perasaan terasing.

Jadual 15: Kesedaran Mengenai Tiada Diskriminasi Terhadap Jantina, Bangsa dan Agama Dalam Perlembagaan Persekutuan

		Jumlah %	Ms	L %	P %	Bandar %	Luar Bandar %	F2 %	F5 %
Pelajar	: Jantina	81.5	52(.9%)	79.0	83.5	82.7	80.0	77.4	84.9
	Bangsa	83.2	51(.9%)	80.4	85.4	83.3	83.1	79.2	86.6
	Agama	82.3	56(1.0%)	79.6	84.5	82.7	81.9	78.7	85.4
Guru	: Jantina	95.3	34(1.6%)	94.7	95.6	94.3	96.4		
	Bangsa	93.7	39(1.8%)	92.6	94.1	92.4	95.1		
	Agama	94.0	37(1.7%)	93.2	94.5	93.6	94.6		
Pentadbir	: Jantina	94.4	2(1.4%)	94.7	93.9	92.0	97.0		
	Bangsa	95.1	1(.7%)	96.1	93.9	93.3	97.0		
	Agama	96.5	1(.7%)	97.4	95.5	94.7	98.5		

Ms = Bilangan dan peratus yang tiada jawapan

Jadual 16: Jawapan Persetujuan Mengenai Berlakunya Diskriminasi Di Sekolah

	Jumlah %	Ms	L %	P %	Bandar %	Luar Bandar %	F2 %	F5 %
Pelajar : Selalu	12.9	73(1.3%)	16.2	10.2	13.0	12.7	13.7	12.2
Kadang kala	50.7	73(1.3%)	51.3	50.3	52.9	48.3	49.5	51.7
Jumlah	63.6	73(1.3%)	67.5	60.5	65.9	61.0	63.2	63.9
Guru : Selalu	5.7	51(2.4%)	6.5	5.4	6.4	4.9		
Kadang kala	44.2	51(2.4%)	42.6	45.1	47.6	40.2		
Jumlah	49.9	51(2.4%)	49.1	50.5	54.0	45.1		

Ms = Bilangan dan peratus yang tiada jawapan

(h) Keselamatan

Di sebalik dakwaan mengenai berlakunya diskriminasi di sekolah dan laporan serangan, keganasan, gangsterisme, buli, vandalisme dan pelbagai bentuk penyakit sosial di sekolah, majoriti pelajar, guru dan kakitangan pentadbiran mengatakan bahawa mereka merasa selamat di sekolah. Di kalangan pelajar, 81.9% mengisytiharkan merasa selamat di sekolah, manakala 90% guru dan kakitangan pentadbiran melahirkan sentimen yang sama.

2. KESIMPULAN

CRC adalah antara lima instrumen hak asasi manusia yang ditandatangani dan diratifikasi oleh Malaysia. Memandangkan Malaysia menandatangani dan meratifikasi sebilangan kecil sahaja triti antarabangsa, CRC hendaklah menjadi keutamaan kepada Kerajaan kerana kepentingannya dalam memastikan kesejahteraan kanak-kanak dan berkeyakinan penuh dalam melaksanakannya. Di sebalik kepentingan yang ditekankan terhadap CRC, hanya segelintir sahaja guru dan kakitangan pentadbiran yang diberi penerangan mengenai Konvensyen ini.

Mempunyai pengetahuan mengenai hak sahaja adalah tidak mencukupi. Pengetahuan ini hendaklah diterjemahkan ke dalam tindakan sekiranya hendak memberi manafaat kepada kanak-kanak berdasarkan hak yang diberi kepada mereka bagi memastikan keupayaan mereka untuk meneruskan kehidupan, perlindungan, perkembangan dan penyertaan. Sebagai contoh, majoriti pelajar, guru dan kakitangan pentadbiran menyedari kesaksamaan dan larangan diskriminasi dalam Perlembagaan Persekutuan berdasarkan bangsa, agama dan jantina. Walau bagaimanapun, merebaknya kejadian diskriminasi di sekolah menunjukkan bahawa pengetahuan tersebut tidak diterjemahkan ke dalam perubahan perilaku dan tindak tanduk.

Pemberian hak kepada kanak-kanak tidak bermaksud mereka boleh menyalahgunakan hak tersebut. Sebagai contoh, kebebasan untuk meluahkan pendapat disertai tanggungjawab untuk menggunakan hak tersebut sebaik-baiknya. Oleh itu, walaupun kanak-kanak mempunyai kebebasan untuk menyuarakan pendapat, menyatakan idea mereka dan menyampaikan maklumat, mereka

Jadual 13: Persetujuan Ketua Darjah Dipilih Oleh Guru

	Jumlah %	Ms	L %	P %	Bandar %	Luar Bandar %	F2 %	F5 %
Pelajar	81.9	38(.7%)	80.6	83.1	80.6	83.4	80.3	83.3
Guru	89.4	32(1.5%)	88.7	89.6	87.6	91.4		
Pentadbir	90.1	4(2.8%)	90.8	89.4	90.7	89.6		

Ms = Bilangan dan peratus yang tiada jawapan

bertanggungjawab untuk memastikan kebebasan ini tidak digunakan untuk merosakkan reputasi orang lain atau mencederakan psikologi orang lain melalui penderaan lisan. Kepercayaan bahawa memanggil gelaran yang mengejek adalah dibenarkan selagi orang yang diejek tidak dicederakan secara fizikal menunjukkan bahawa para pelajar tidak memahami batas-batas dalam kebebasan bersuara dan juga kepentingan mempertahankan maruah orang lain.

Dalam melaksanakan hak mereka dengan betul, kanak-kanak memerlukan seseorang yang boleh memberi contoh teladan yang baik. Tingkah laku guru dan kakitangan pentadbiran adalah begitu penting dalam perkara ini. Sekiranya guru dan kakitangan pentadbiran menyalahgunakan hak mereka atau menyalahgunakan hak pelajar-pelajar mereka, maka pelajar juga berkemungkinan akan menunjukkan tingkah laku yang serupa. Oleh itu, penggunaan cemuhan dan penghinaan bagi memberi motivasi kepada pelajar untuk belajar adalah membimbangkan kerana amalan ini menafikan kebebasan untuk meluahkan pendapat dan perasaan dan ia tidak memberi sebarang manfaat kepada pelajar. Begitu juga, penggunaan rotan untuk membuatkan pelajar patuh kepada peraturan dan undang-undang sekolah mungkin boleh mencegah salahlaku tetapi jarang boleh membantu mengajar kanak-kanak untuk mengawal perbuatan jenayah juvana.

Hasil penyelidikan ini dengan jelasnya menunjukkan bahawa program yang membolehkan pelajar, guru dan kakitangan pentadbiran memahami hak asasi manusia dan menghormati hak orang lain adalah sangat diperlukan.

BAB 11

LAPORAN CAWANGAN SUHAKAM DI SABAH DAN SARAWAK

BAB 11:
LAPORAN CAWANGAN SUHAKAM DI SABAH DAN SARAWAK

(i) AKTIVITI-AKTIVITI SUHAKAM DI SABAH

Pejabat SUHAKAM di Sabah mula beroperasi pada tahun 2001 di Kota Kinabalu. Pesuruhjaya residennya, Tan Sri Datuk Seri Panglima Simon Sipaun juga merupakan Naib Pengerusi SUHAKAM. Pada tahun 2003, pejabat tersebut ditadbir oleh seorang pegawai tadbir dan dua kakitangan sokongan. Aktiviti-aktiviti utamanya meliputi ceramah dan dialog bersama masyarakat luar bandar dan pelajar di peringkat daerah, bengkel CRC, dan temu bual dengan stesen-stesen radio dan televisyen serta media cetak. Pejabat tersebut juga telah menerima sejumlah 50 aduan berkenaan dakwaan pencabulan hak asasi manusia.



Tan Sri Datuk Sri Panglima Simon Sipaun (dua dari kiri) memperkenalkan Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan kepada Dato' KC Vohrah di roadshow SUHAKAM dan dailog kesedaran hak asasi manusia di Tambunan.

1. CERAMAH DAN DIALOG

Siri ceramah dan dialog bermula di peringkat daerah pada tahun 2002 dan berterusan hingga tahun 2003 (Lihat Jadual). Acara-acara seperti itu merupakan satu forum yang bermanfaat bagi mempromosi atau meningkatkan kesedaran mengenai hak asasi manusia serta pengetahuan tentang kewujudan SUHAKAM pada amnya dan kewujudan pejabat SUHAKAM di Sabah khususnya. Ceramah-ceramah ini dapat membantu memberi pemahaman yang lebih meluas mengenai konsep asal hak asasi manusia dan mengapa ianya penting untuk menghormati hak asasi manusia. Fungsi dan peranan SUHAKAM dalam melindungi dan mempromosi hak asasi manusia juga dijelaskan.

Ceramah diadakan di Sabah – 2003

Daerah	Tarikh
Kota Marudu	2 Feb
Tawau	13 Mac
Keningau	17 April
Kuala Penyu	19 Jun
Tuaran	10 Julai
Kudat	24 Julai
Membakut	9 Ogos
Tambunan	27 Sept

Ceramah-ceramah yang diikuti oleh sesi-sesi dialog ini membolehkan wakil-wakil SUHAKAM berinteraksi dengan peserta-peserta dengan memberi maklumbalas terhadap isu dan masalah yang dibangkitkan berkaitan hak asasi mereka. Sesi-sesi ini juga membantu SUHAKAM menilai pandangan dan pemahaman masyarakat umum mengenai hak asasi manusia. Maklum balas sedemikian telah membolehkan SUHAKAM membuat persediaan yang sesuai dalam merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti di daerah-daerah lain.

Kehadiran peserta di ceramah-ceramah tersebut adalah di dalam lingkungan 250 hingga 800 orang. Sehingga kini, peserta-peserta merangkumi kakitangan kerajaan, ketua-ketua daerah, ketua-ketua suku kaum, ketua kampung, ahli-ahli JKKK, ketua-ketua komuniti, pemimpin-pemimpin, guru-guru, pelajar-pelajar serta orang awam. Pandangan yang diberi serta masalah yang dibangkitkan sewaktu sesi dialog kerap kali meliputi hal-hal yang berkaitan dengan:

- Tanah
- Hak adat suku kaum
- Sijil kelahiran
- Kad pengenalan diri
- Bekalan air yang tidak memuaskan dan tidak mencukupi
- Amaun pampasan tanah persendirian yang diambil oleh Kerajaan
- Infrastruktur yang tidak mencukupi seperti sekolah, hospital dan kemudahan perubatan
- Kemudahan komunikasi dan pengangkutan yang tidak memuaskan
- Kemusnahan alam sekitar
- Kekurangan guru
- Pengangguran
- Kemiskinan
- Dakwaan keganasan polis
- Birokrasi

Secara keseluruhannya, ceramah-ceramah dan sesi-sesi dialog ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan boleh dianggap mencapai matlamat yang diinginkan. Ini telah menimbulkan minat mengenai SUHAKAM dan hak asasi secara am. Ia jelas dapat dilihat daripada adanya permintaan supaya ceramah-ceramah sebegini diadakan lagi di peringkat luar bandar atau di kampung-kampung dan juga di institusi-institusi pengajian.

2. LAWATAN KE KAWASAN KEJADIAN

Lawatan ke tempat kejadian atau "site visits" telah dibuat sebagai maklum balas terhadap aduan-aduan atau dakwaan berkenaan pencabulan hak asasi manusia. Pada 26 Februari, wakil dari pejabat SUHAKAM di Sabah telah mengadakan pertemuan dengan kakitangan Pejabat Daerah Matunggong serta wakil masyarakat Pinawantai. Pertemuan ini bertujuan untuk mencari satu penyelesaian kepada masalah-masalah yang berkaitan dengan pengambilan tanah sebagaimana yang didakwa oleh masyarakat tersebut. Bagi mendapatkan pengesahan mengenai keadaan sebenar, lawatan itu telah dibuat untuk mendengar permasalahan kedua belah pihak yang terlibat.

Pada 10 Julai, satu lagi lawatan yang penting telah dibuat sebagai maklumbalas terhadap aduan yang dibuat oleh masyarakat Masilau Kauluan di Desa Monteki, Kundasang. Aduan tersebut mendakwa bahawa sebuah syarikat persendirian dan anggota



Dialog bersama Pejabat Daerah Matunggong dan Masyarakat Pinawantai di Kudat, Sabah

Polis Daerah Ranau telah mencabul hak asasi penduduk-penduduk kampung tersebut. Mereka mendakwa bahawa syarikat itu telah cuba mengusir mereka secara paksa dari sebidang tanah yang, menurut penduduk-penduduk kampung tersebut, mereka mempunyai hak kelaziman ke atasnya. Menurut dakwaan mereka, sesetengah daripada penduduk kampung itu telah menerima layanan buruk sewaktu di dalam tahanan polis dan mereka juga dilarang daripada mengerjakan sembahyang.

SUHAKAM telah mengambil tindakan segera dengan meminta pihak polis memberi maklumat yang diperlukan. Tetapi disebabkan pihak polis tidak dapat membekalkan maklumat yang memuaskan, SUHAKAM tidak dapat mengesahkan keadaan sebenar. Disebabkan perkara tersebut dan memandangkan bahawa sesetengah pengadu tersebut telah ditahan selama 14 hari di Balai Polis Ranau (dan kemudiannya beberapa orang di antara mereka terpaksa mendapatkan rawatan perubatan setelah dibebaskan), SUHAKAM telah mengeluarkan satu kenyataan akhbar pada 8 Disember 2003 berhubung perkara ini [Lihat Lampiran XIV]. SUHAKAM berpendapat demi menjaga kepentingan kesemua pihak, satu siasatan terbuka perlu diadakan. Pihak polis dilaporkan mengalu-alukan siasatan sedemikian dan memberi jaminan kepada SUHAKAM akan membantu dan bekerjasama dengan SUHAKAM. Siasatan awal dan catatan fakta telah pun bermula dan panel siasatan ini dijangka akan bersidang pada awal tahun 2004.

3. BENGKEL HAK KANAK-KANAK

Satu bengkel mengenai CRC telah diadakan dari 3-6 Jun di Kota Kinabalu untuk wakil-wakil jabatan kerajaan dan NGO yang terlibat dengan pendidikan kanak-kanak. Bengkel yang dianjurkan dengan kerjasama Kumpulan Kerja Pendidikan dan Jawatankuasa CRC ini, merupakan yang pertama seumpamanya diadakan di Sabah. Ini telah menarik minat ramai, terutamanya dari golongan guru-guru pra-sekolah dan juga mereka yang terlibat secara langsung dengan pendidikan pra-sekolah. Salah satu objektif bengkel ini adalah untuk mengenal pasti hak asasi yang asas dan yang perlu ditekankan di samping mendidik guru-guru pra-sekolah mengenai hak kanak-kanak di bawah Konvensyen tersebut.

4. LAWATAN KE LOKAP

Selaras dengan tugas dan tanggungjawab SUHAKAM yang diperuntukkan dalam undang-undang, pesuruhjaya SUHAKAM telah mengadakan lawatan ke lokap-lokap polis di Kota Kinabalu, Karamunsing, Tanjung Aru dan Menggatal.

5. LAWATAN KE PENJARA TAWAU

Pada 13 Mac, sekumpulan wakil SUHAKAM telah melawat Penjara Tawau untuk memeriksa keadaan dan kemudahan asas di penjara tersebut serta melihat bagaimana kemudahan-kemudahan tersebut diuruskan. Kumpulan ini telah diberi taklimat oleh pegawai penjara dan kemudiannya dibawa melawat kawasan penjara tersebut selama satu jam oleh Pengarah Penjara Tawau. Memandangkan penjara ini terletak jauh dari bandar, maka keadaan ini telah memberikan suasana tenang dan aman yang dapat membantu proses pemulihan. Pagar yang dibina tinggi menjamin keselamatan manakala setiap blok di dalam kawasan penjara itu juga dikawal rapi. Pada keseluruhannya, kemudahan serta keperluan asas di penjara tersebut didapati memuaskan dengan adanya tandas, bilik mandi dan katil. Kemudahan-kemudahan rawatan, rekreasi dan perpustakaan juga disediakan.

6. LAWATAN KE RUMAH KEBAJIKAN PRINCESS ANN DAN SRI MENGASIH

Lawatan ke dua rumah kebajikan ini telah diadakan pada 3 dan 4 Jun. Tujuan utama lawatan ini dibuat adalah untuk melihat keadaan dan cara hidup anak-anak yatim di Rumah Kebajikan Princess Ann dan OKU di Rumah Kebajikan Sri Mengasih. Di samping itu, lawatan ini juga bertujuan untuk memastikan

kemudahan asas yang disediakan kepada penghuni kedua-dua rumah kebajikan ini mencukupi. Pada amnya, keadaan dan suasana di kedua-dua rumah kebajikan tersebut adalah memuaskan.

7. PENYEBARAN MAKLUMAT

Pejabat di Sabah menyebarkan berita dan maklumat berkenaan program-program hak asasi manusia dan juga aktiviti SUHAKAM melalui temu ramah oleh pihak radio dan stesen-stesen televisyen serta akhbar-akhbar tempatan.

8. ADUAN BERKENAAN PENCABULAN HAK ASASI MANUSIA

Hasil daripada program-program kesedaran mengenai hak asasi yang dianjurkan SUHAKAM kini lebih ramai rakyat Malaysia di Sabah semakin peka dan arif tentang pencabulan serta pelanggaran hak asasi manusia. Sehubungan dengan itu, bilangan aduan yang dibuat melalui memorandum, surat, lawatan persendirian serta melalui panggilan telefon ke pejabat SUHAKAM Sabah juga semakin meningkat.

9. KESIMPULAN

Segala inisiatif dan pendekatan yang diambil oleh SUHAKAM adalah dengan tujuan untuk mempromosikan, melindungi serta meningkatkan kesedaran individu berkenaan hak asasi manusia. Oleh yang demikian, program-program sebegini dirasakan perlu dan patut diteruskan dengan melibatkan kesemua daerah di Sabah. Aktiviti-aktiviti ini dapat membantu menjadikan Malaysia sebuah negara yang mana hak asasi manusia tersebar luas merangkumi kesemua lapisan masyarakat, seterusnya meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia.

(ii) AKTIVITI-AKTIVITI SUHAKAM DI SARAWAK

Pejabat SUHAKAM di Sarawak mula beroperasi pada bulan November 2001. Terletak di laluan utama menuju ke pusat pentadbiran negeri, pejabat ini mudah dikunjungi oleh orang awam. Pejabat ini ditadbir oleh seorang pegawai tadbir dan dibantu oleh dua orang kakitangan sokongan. Dr. Mohammad Hirman Ritom Abdullah adalah Pesuruhjaya residen.

Seminar dan *road show* merupakan aktiviti utama yang dianjurkan pada tahun 2003. Aktiviti-aktiviti ini dianjurkan sama ada secara sendiri oleh pejabat ini ataupun dengan kerjasama pelbagai kumpulan kerja dari ibu pejabat. Pejabat ini juga menerima aduan daripada individu, kumpulan dan juga golongan tertentu berkaitan dengan isu-isu pencabulan hak asasi manusia.

1. DIALOG

Sesi-sesi dialog telah dianjurkan dengan kerjasama pejabat-pejabat residen bahagian dan juga wakil-wakil politik. Jentera kerajaan tempatan juga memberikan kerjasama. Peserta-peserta terdiri daripada ketua-ketua komuniti, pegawai-pegawai kerajaan, ahli-ahli politik, persatuan-persatuan tempatan, NGO yang terlibat dengan perjuangan hak asasi manusia, dan juga pelajar-pelajar serta orang awam. Lazimnya, tiga orang pesuruhjaya akan hadir pada sesi-sesi ini. Terdapat juga wakil-wakil tempatan dan penduduk setempat yang dijemput menjadi panel bagi sesi-sesi dialog tersebut.

Sembilan dialog telah diadakan pada tahun 2003. Dialog yang pertama telah diadakan di Lawas pada 25 Januari dan yang terakhir di Sibu pada 11 Oktober yang lalu. Jumlah kedatangan peserta adalah di antara 400 hingga 3,500 orang. Melalui dialog-dialog tersebut didapati bahawa peserta-peserta amat berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai hak asasi manusia dan juga SUHAKAM, memandangkan masih terdapat salah tanggapan tentang apa yang dikatakan hak asasi manusia serta peranan SUHAKAM.

Isu-isu utama yang dibangkitkan sewaktu dialog-dialog tersebut termasuklah:

(i) Akses kepada keperluan asas: pendidikan, kemudahan kesihatan, pengangkutan dan komunikasi, bekalan elektrik, bekalan air bersih dan sistem pembetungan yang selamat;
(ii) Penurunan kualiti alam sekitar: pelupusan hutan rimba dan pencemaran sungai;
(iii) Masalah mendapatkan dokumen-dokumen peribadi;
(iv) Hak Tanah Adat Peribumi; dan
(iv) Kesan penempatan semula.

(i) Akses kepada keperluan asas Pendidikan

Pelajar-pelajar sekolah rendah di kawasan pedalaman Sarawak terpaksa bersekolah di sekolah-sekolah pusat yang terletak jauh dari kampung kediaman mereka. Atas sebab ini, kanak-kanak tersebut terpaksa berjauhan dengan ibu bapa dan rumah mereka. Ini telah mengakibatkan kadar pelajar yang tercicir meningkat serta menyebabkan ramai kanak-kanak yang sepatutnya telah bersekolah tidak mendaftar untuk bersekolah. Di sekolah-sekolah luar bandar, terdapat kekurangan dari segi kemudahan infrastruktur asas, guru-guru

terlatih dan berdedikasi serta sumber kewangan. Kemudahan pra-sekolah juga tidak disediakan di kawasan kampung-kampung yang terpencil dan jauh. Walaupun terdapat beberapa NGO yang mengendalikan sekolah-sekolah tadika di kawasan ini, namun masalah kekurangan sumber tenaga manusia serta kesempitan sumber kewangan telah menyebabkan sekolah-sekolah ini terpaksa ditutup.



Dr Muhammad Hirman Ritom Abdullah (kanan) mengiringi Ketua Menteri Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Dr Haji Abdul Taib Mahmud (kiri) untuk melihat pameran SUHAKAM semasa roadshow di Mukah.

Bekalan air bersih dan sistem pembetungan selamat

Sebahagian kecil kawasan luar bandar tidak mempunyai bekalan air yang bersih. Keladak yang berterusan telah menyebabkan berlakunya pencemaran sungai. Sungai merupakan sumber bekalan air utama kawasan ini sejak turun-temurun. Penambahan penduduk tanpa sistem pembetungan yang teratur juga boleh mendedahkan mereka kepada risiko kesihatan yang membahayakan.

Kemudahan kesihatan dan perubatan

Masyarakat luar bandar di Sarawak mendapati amat sukar untuk mendapatkan perkhidmatan pencegahan dan penyembuhan penyakit serta kemudahan perubatan. Selain itu, keadaan bagi rawatan perubatan kes-kes kecemasan dan kelahiran juga merupakan satu masalah yang lebih serius. Kesukaran mendapatkan perkhidmatan tersebut menyebabkan taraf kesihatan am menurun.

Pengangkutan dan komunikasi

Masyarakat luar bandar di Sarawak amat bergantung kepada laluan di dalam hutan untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain. Pengangkutan jalan sungai pula hanya dapat digunakan mengikut keadaan cuaca dan secara amnya ia jauh lebih mahal. Laluan pembalakan pula adalah satu laluan alternatif sementara, tetapi ia berisiko tinggi.

Bekalan elektrik

Sebahagian besar kawasan penempatan luar bandar tidak mempunyai bekalan elektrik. Sementara itu, sesetengah kawasan telah dibekalkan dengan penjana kuasa elektrik. Ketiadaan tenaga elektrik ini memberi kesan negatif terhadap pendidikan, kesihatan dan ekonomi.

(ii) Penurunan kualiti alam sekitar

Penebangan hutan rimba

Pembalakan dan pembangunan ladang kelapa sawit masih kekal sebagai aktiviti ekonomi utama di bahagian pedalaman Sarawak. Walaupun terdapat garis panduan yang jelas, syarikat-syarikat pembalakan dan pemaju-pemaju ladang masih menjalankan urusan mereka secara tidak mesra alam sekitar. Perkara ini menyumbang kepada kemusnahan hutan simpan dan kepupusan habitat semula jadi flora dan fauna. Sesetengah masyarakat Orang Asal, seperti Penan, amat bergantung kepada hutan dan sungai sebagai sumber makanan dan pendapatan mereka. Pelupusan dan kemusnahan alam semula jadi ini telah menyukarkan kehidupan seharian mereka.

Pencemaran sungai

Pelupusan hutan rimba telah menjejaskan kualiti air sungai dan sekali gus mengurangkan bekalan ikan. Ini membawa kepada kesukaran untuk mendapatkan bekalan air bersih di samping pupusnya sumber makanan dari sungai. Pencemaran ini adalah disebabkan oleh sikap pembalak-pembalak serta pemaju-pemaju ladang yang tidak ambil peduli dalam mengekalkan dan

melindungi aliran sungai yang bersih dan kawasan simpanan tebing sungai.

(iii) Dokumen rasmi peribadi

Penduduk yang tinggal di bahagian pedalaman Sarawak menghadapi masalah mendapatkan dokumen peribadi rasmi berkaitan dengan kelahiran, perkahwinan, kematian serta pendaftaran kewarganegaraan. Sebahagian besar masalah ini adalah disebabkan oleh kedudukan kampung-kampung yang terpencil, penduduk yang tinggal jauh di antara satu sama lain dan tiadanya kemudahan pengangkutan dan komunikasi yang sempurna. Perkara ini mempunyai kesan negatif terhadap hak mereka dari segi pendidikan, pekerjaan, kewarganegaraan dan hak mengundi.

(iv) Hak Tanah Adat Peribumi

Hak Tanah Adat Peribumi (TAP) ini sememangnya menjadi satu isu yang berterusan bagi negeri ini. Ia berhubung kait, terutamanya dengan hak orang asal yang mendiami kawasan tanah yang luas di kawasan pedalaman yang telah mereka warisi sejak turun-temurun. Isu-isu berkaitan hak tanah timbul atas sebab tiada dokumen rasmi yang mengesahkan pemilikan sah dari segi undang-undang ke atas tanah-tanah yang termasuk di dalam kategori ini. Perkara-perkara ini telah diambil kira dan dimasukkan di dalam Laporan Tahunan SUHAKAM 2000 serta laporan-laporan khas lain seperti Laporan Hak Orang Asal 2003, dan Laporan Bakun dan Hak Tanah Adat Peribumi 2002. Ketiadaan dokumen rasmi yang menggariskan TAP ini menimbulkan rasa tidak puas hati terhadap pihak berkuasa serta konflik dengan syarikat-syarikat pembalakan dan pemaju-pemaju ladang. Perkara ini turut memberi kesan sampingan terhadap mekanisme pampasan atau ganti rugi. SUHAKAM mengakui hak negeri terhadap pentadbiran hal ehwal tanah seperti mana yang diperuntukkan di bawah Kanun Tanah Negeri. SUHAKAM juga memahami bahawa Kerajaan Sarawak mempunyai mekanisme tersendiri yang membantu mengekalkan dan membangunkan ekonomi kawasan-kawasan tanah TAP melalui pelbagai skim pembangunan tanah dan konsep pembangunan tanah negeri. Walau bagaimanapun, terdapat keperluan penting untuk menilai semula isu keseluruhan mengenai pemilikan tanah lazim dengan mengambil kira adat serta tradisi masyarakat tersebut di samping mewujudkan satu kanun tanah yang mesra hak yang akan membawa kepada penguasaan ekonomi yang lebih berkesan dan pengagihan sama rata kekayaan milik negeri. SUHAKAM akan terus menggesa pihak-pihak berkuasa untuk bertindak atas kemungkinan menubuhkan satu agensi yang inklusif dan yang diwakili oleh pihak terlibat untuk mengawal selia usaha tersebut.

(v) Kesan penempatan semula

Penduduk-penduduk yang hilang penempatan di bawah skim empangan Bakun yang diminta berpindah ke kawasan penempatan semula di Asap, secara umumnya menikmati akses yang lebih baik kepada bekalan air bersih, bekalan elektrik, pendidikan, perkhidmatan kesihatan, pengangkutan, dan kemudahan-kemudahan sosial serta rekreasi yang lain. Sesetengah daripada mereka walau bagaimanapun menghadapi masalah membiasakan diri dengan cara hidup baru yang berorientasikan wang ringgit apabila terpaksa meninggalkan tradisi memburu dan ekonomi perolehan sara hidup mereka. Kekurangan peluang pekerjaan yang sesuai serta kurang persediaan penduduk ini mengeruhkan lagi keadaan. Terdapat segolongan kaum minoriti penduduk Bakun ini yang enggan berpindah dan terdapat juga segolongan penduduk yang kembali semula ke penempatan asal mereka. Mereka menghadapi masalah kekurangan kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik, sekolah dan kemudahan kesihatan. Beberapa kawasan juga sedang dibantu oleh NGO.

2. BENGKEL HAK ASASI MANUSIA BERSAMA AGENSI PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Keadaan tahanan di Pusat Tahanan menjadi salah satu perhatian utama SUHAKAM. Satu siri bengkel dianjurkan untuk pegawai-pegawai penguatkuasa

dari pelbagai jabatan Kerajaan dan agensi penguatkuasaan. Objektif utama bengkel ini adalah untuk menyemai nilai-nilai hak asasi manusia di kalangan mereka di tempat kerja masing-masing. Di Sarawak, bengkel pertama yang merangkumi Kuching, Samarahan, Sri Aman dan Betong telah diadakan pada 5 Ogos. Bengkel ini telah diadakan untuk 50 orang pegawai dari kalangan pihak Polis, Jabatan Imigresen, Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Perbandaran Kuching Selatan, Jabatan Penjara, Badan Pencegah Rasuah, Jabatan Kastam dan Eksais, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Agensi Dadah Kebangsaan.

Isu-isu yang menjadi perhatian adalah:

(a) Kesesakan di pusat tahanan

Kesesakan di tempat-tempat tahanan menyebabkan kesukaran memenuhi standard hak asasi manusia. Faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah ini adalah bilangan pendatang asing yang terlalu ramai, kelewatan dalam pengurusan dokumen pentadbiran, jangka masa tahanan wajib 30 hari dan kurangnya kerjasama dari sesetengah negara asal pendatang-pendatang ini.

(a) Kekurangan bahan bacaan

Wujudnya proses penapisan yang terlalu ketat ke atas bahan bacaan yang berunsurkan pendidikan dan terdapatnya kekurangan bahan bacaan am yang ketara.

(b) Tahanan di bawah umur 21 tahun

Tahanan-tahanan muda masih belum diasingkan dari tahanan dewasa yang lain di beberapa pusat tahanan.

(c) Latihan kemahiran

Lebih banyak bengkel-bengkel kemahiran yang lebih terancang perlu disediakan kepada tahanan-tahanan bagi menyediakan mereka untuk kembali semula ke dalam masyarakat.

(d) Lembaga Pengampunan

Lembaga ini perlu mengadakan pertemuan dengan lebih kerap untuk mempertimbangkan kes-kes yang berkaitan dengan hukuman mati dan mengkaji kes-kes tersebut seperti yang ditetapkan oleh undang-undang.

3. LAWATAN KE PUSAT TAHANAN SEMENTARA

Pada 4 September lalu, ahli-ahli Kumpulan Kerja Aduan dan Siasatan telah membuat lawatan ke Pusat Tahanan Sementara Semuja di Serian yang menempatkan pendatang asing. Pusat ini diuruskan bersama oleh Jabatan Imigresen, Polis dan Tentera.

4. LAWATAN KE HOSPITAL SENTOSA

Lawatan ke Hospital Psikiatrik Sentosa di Kuching telah diadakan pada 16 Oktober. Keadaan keseluruhannya adalah memuaskan. Pesakit-pesakit telah diberi peluang menjalani latihan kemahiran serta perpustakaan yang baik turut disediakan. Pesakit yang serius diasingkan daripada yang lain.



Peserta mengajukan soalan mengenai Hak Asasi Manusia semasa dialog SUHAKAM di daerah Mukah

5. LAWATAN KE LOKAP

Lawatan telah dibuat ke lokap-lokap di Balai Polis Sibu, Kuching Sentral dan Satok. Menurut pemerhatian yang dibuat, pakaian tahanan-tahanan

di lokap masih lagi belum memenuhi standard minimum yang diperuntukkan. Kesesakan masih lagi menjadi masalah di lokap terutamanya apabila latihan penguatkuasaan khas dijalankan.

6. PENYEBARAN MAKLUMAT

Pesuruhjaya-pesuruhjaya SUHAKAM telah ditemu ramah secara langsung oleh media tempatan dalam usaha untuk menyebarkan maklumat untuk memberi pendidikan kepada rakyat berkenaan dengan isu hak asasi manusia dan juga isu-isu semasa negeri Sarawak. Temu ramah-temu ramah ini telah diadakan bersempena dengan sesi-sesi dialog SUHAKAM di Sarawak.

7. KESIMPULAN

Aktiviti utama SUHAKAM di Sarawak tertumpu kepada menganjurkan road show yang berterusan. Sambutan orang awam dan sokongan kerajaan setakat ini adalah amat menggalakkan. Walau bagaimanapun, masih terdapat tanggapan yang salah mengenai peranan SUHAKAM terutamanya berkaitan hal-hal yang melibatkan keputusan eksekutif. Isu-isu berkaitan Hak Tanah Adat Peribumi akan terus menjadi perhatian utama SUHAKAM sehinggalah wujudnya dokumen yang lengkap berkenaan penyelenggaraan tanah di bawah kategori ini. SUHAKAM akan terus menggesa pihak kerajaan negeri dalam perkara ini. Satu mekanisme telah ditubuhkan di mana SUHAKAM boleh mengadakan perbincangan awal bersama Penasihat Undang-Undang Negeri dan jabatan atau agensi kerajaan yang berkaitan untuk menyemak aduan-aduan berkenaan isu ini. Laporan-laporan khas yang berkaitan mengenai Hak Orang Asal dan Bakun dan Hak Tanah Adat Peribumi telah disusun untuk tujuan rujukan.

BAB 12

MAJU KEHADAPAN

BAB 12:
MAJU KEHADAPAN

Tahun 2003, tahun keempat penubuhan SUHAKAM, ditandakan dengan rasa perpaduan dan penggabungan. Suruhanjaya telah berjaya membantu menambahkan hasil berhubung keutamaan yang telah dikenal pasti, matlamat yang ditetapkan, dan langkah-langkah yang telah dipilih sehingga kini dalam meningkatkan lagi penyampaian hak asasi manusia di kalangan rakyat Malaysia. Ini tidak mungkin dapat menjadi kenyataan sekiranya masyarakat tidak menerima SUHAKAM sebagai sebuah institusi yang bersedia mendengar keluhan mereka.

Sepanjang tahun ini, penyertaan awam dalam aktiviti-aktiviti Suruhanjaya serta maklum balas daripada masyarakat umum mempunyai kesan berganda - iaitu secara beransur-ansur telah mengumpulkan pihak-pihak yang berminat dengan setiap aspek hak asasi manusia, dan dalam menggesa pihak berkuasa untuk mengembangkan pelbagai manifestasi praktikal berkenaan kesemua hak tersebut. Kepercayaan masyarakat terhadap SUHAKAM amatlah mengharukan, dan ini menunjukkan bahawa hak asasi manusia sedang mendapat tempat dalam kehidupan harian orang biasa.

1. KEMAJUAN DALAM TAHUN 2003

Suruhanjaya meningkatkan keupayaannya untuk memenuhi harapan utama dengan memupuk kata sepakat serta mengumpul pakar-pakar untuk memajukan isu-isu yang berkaitan dengan hak asasi manusia seperti berikut:

- Penyusunan Semula Dalaman
  ECOSOC mula beroperasi pada pertengahan tahun 2003, manakala KKPPTA telah disatukan.

- Interaksi Secara Langsung
  Sebagai tambahan kepada perundingan yang berterusan di Semenanjung Malaysia, *'road show'* telah dianjurkan di Sabah dan Sarawak yang mempertingkatkan kesedaran tentang fungsi-fungsi SUHAKAM, menyebarkan maklumat mengenai hak asasi manusia yang asas, dan juga merekod masalah-masalah yang berkaitan hak asasi manusia untuk perhatian pihak berkuasa yang berkenaan.

- Pendidikan Intensif
  Pendidikan hak asasi manusia telah dibawa ke agensi-agensi penguatkuasaan dan sekolah-sekolah, sementara SUHAKAM mendapat pemahaman yang lebih jelas mengenai kumpulan-kumpulan ini. Penekanan diberikan kepada mengubah pemikiran melalui pemahaman prinsip-prinsip hak asasi manusia dan mengamalkannya di dalam rutin harian sebagai satu kebiasaan. Tidak kira samada untuk penguatkuasa undang-undang atau kanak-kanak, mesej utama yang disampaikan ialah menghormati hak asasi manusia dan meminimakan pencabulan.

- Memperluaskan Perlindungan
  Sejajar dengan perkembangan tren global yang memberi perlindungan istimewa untuk kumpulan-kumpulan lemah atau yang tidak dilindungi - merangkumi golongan OKU, orang

asal, kanak-kanak dan wanita - SUHAKAM telah menerajui usaha-usaha untuk menerapkan hak tertentu mereka ke dalam aliran pembangunan utama. Ini termasuklah melahirkan pengiktirafan bahawa polisi-polisi yang berkaitan mestilah berdasarkan hak, bukannya berasaskan kebajikan.

- Aplikasi Praktikal
  Pendekatan yang komprehensif telah digunapakai ke arah menimbulkan rasa hormat terhadap hak asasi manusia individu dalam tahanan, sama ada atas alasan keselamatan dalam negeri, siasatan jenayah, pemulihan atau kemasukan secara haram ke dalam negara, Walaupun SUHAKAM memahami bahawa Kerajaan mempunyai tugas untuk memastikan kedaulatan undang-undang dan keamanan, SUHAKAM berpendirian bahawa penguatkuasa undang-undang bertanggungjawab untuk mempertahankan hak asasi individu yang ditahan. Oleh itu, perundingan telah diadakan dengan agensi-agensi berkenaan yang menjurus ke arah peningkatan pemahaman tentang tanggung jawab mereka dan kemajuan dari segi koordinasi untuk mengurangkan pencabulan hak asasi manusia.

2. TAHUN AKAN DATANG

SUHAKAM sedar bahawa ia diharap untuk bergerak maju ke hadapan pada tahun akan datang dan mereka yang terlibat dengan penubuhannya mengharapkan satu rumusan kepada isu-isu yang mempunyai kesan ke atas kesejahteraan mereka. Suruhanjaya yakin bahawa kemajuan sebenar akan hanya diperolehi apabila hak asas yang dimiliki oleh setiap rakyat dihormati dan dipertahankan dengan penuh makna. Resolusi untuk beberapa isu akan diperolehi melalui perundingan.

Memandangkan hak asasi manusia tidak dapat dibahagikan, SUHAKAM akan menganjurkan perbincangan yang lebih mendalam mengenai hak asas ekonomi dan sosial. Dengan memperkukuhkan mandatnya untuk memperta-hankan hak setiap sektor dalam masyarakat secara saksama, SUHAKAM telah menjadikan ianya satu keutamaan untuk menangani keperluan dan masalah yang dihadapi oleh kumpulan-kumpulan yang lemah dan yang tidak dilindungi di dalam masyarakat termasuklah masyarakat orang asal. Pada tahun 2004, isu-isu seperti perumahan yang wajar, penjagaan kesihatan yang wajar dan penyeludupan wanita dan kanak-kanak akan ditangani.

Begitu juga, sebagai projek susulan bagi seminar pengenalan berkenaan 'Akses Kepada Keperluan Asas', isu-isu berhubung perumahan yang wajar akan dibincangkan secara menyeluruh dalam satu seminar yang akan diadakan pada Januari 2004.

Satu seminar juga akan diadakan mengenai penyeludupan wanita dan kanak-kanak pada April 2004 untuk mendapatkan pemahaman, daripada persepsi tempatan dan serantau, dalam perdagangan yang mengeksploitasi manusia. Objektif utama adalah untuk mengenalpasti saranan yang mantap untuk mengawal aktiviti haram ini dan mencari cara untuk membantu mereka yang telah dijadikan mangsa.

SUHAKAM mengiktiraf peranan pihak media dalam memaklumkan masyarakat umum tentang hak mereka, dan SUHAKAM berpendapat bahawa ia tidak sepatutnya dihalang tanpa sebab oleh undang-undang yang menyekat aliran maklumat yang berterusan. Pengawalan dalaman merupakan kompromi yang semakin banyak diterima di kebanyakkan negara. Suruhanjaya, sebagai susulan kepada saranan yang dibuat di bengkel kebebasan media yang telah diadakan pada tahun 2002, akan menganjurkan satu 'Konsultasi Nasional Mengenai Majlis Media' pada tahun 2004. Ini akan mewujudkan persetujuan bersama di kalangan para pemilik, editor, wartawan dan masyarakat madani berkaitan bentuk dan funsgi-fungsi Majlis tersebut. Di antara isu-isu yang akan dipertimbangkan ialah hak untuk mendapatkan maklumat, kebebasan menyuarakan pendapat dan hak persendirian yang bukan menjadi perhatian orang awam.

Dalam usaha Kerajaan untuk mengawal keganasan global dengan melaksanakan undang-undang dan langkah-langkah keselamatan, SUHAKAM akan terus meneliti dan memantau perlaksanaannya. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya akan terus memperjuangkan pendekatan pilihannya bagi aktiviti penguatkuasaan - yang mempertahankan hak asas individu yang ditahan untuk mendapatkan perbicaraan adil dan anggapan tidak bersalah. Tindakan penekanan, sebagai satu cara untuk menangani keganasan, belum terbukti berkesan dalam menangani punca-punca dasar, contohnya seperti penafian akses kepada hak sosio-ekonomi.

Adalah sangat penting agar SUHAKAM dilihat sebagai sebuah badan yang bebas dan tidak berat sebelah oleh mereka yang menggunakan perkhidmatannya. Suruhanjaya ini telah berusaha untuk mengekalkan sikap neutral, terutamanya di dalam siasatan berkenaan pencabulan hak asasi manusia. Ini amatlah penting untuk mengekalkan kredibiliti dalam operasinya dan keyakinan terhadap syor-syornya. Oleh itu, SUHAKAM akan berusaha keras untuk mengekalkan perkhidmatan yang pro-hak asasi manusia kepada semua pihak.

Manakala Suruhanjaya ini prihatin dengan semua isu-isu utama yang dihadapi oleh rakyat Malaysia, ia sedar bahawa perubahan biasanya bermula dengan langkah kecil di tempat yang kecil. Dengan mewujudkan budaya penyayang dan prihatin terhadap masyarakat sekeliling, rakyat akan dapat menyumbang kepada persekitaran di mana hak asasi manusia dapat terus berkembang dengan maju. Jaminan untuk memastikan agar budaya hak asasi manusia dapat dikekalkan adalah budaya yang dimiliki dan dilaksanakan oleh rakyat sendiri.

LAMPIRAN

ROADSHOW SUHAKAM

SARAWAK	
TARIKH	TEMPAT
25 Januari 2003	Dewan Masyarakat Lawas, Lawas
22 Februari 2003	Dewan Suarah Limbang, Limbang
29 Mac 2003	Dewan Suarah Marudi, Marudi
5 Mei 2003	Dewan Suarah Bintulu, Bintulu
14 Jun 2003	Dewan Masyarakat Belaga, Belaga
12 Julai 2003	Dewan Suarah Miri, Miri
30 Ogos 2003	Dewan Suarah Kapit, Kapit
3 September 2003	Dewan Suarah Mesra, Mukah
11 Oktober 2003	Dewan Suarah Sibu, Sibu

SABAH	
TARIKH	TEMPAT
5 Februari 2003	Dewan St. Theresa, Daerah Kora Marudu
13 Mac2003	Auditorium Perpustakan Tawau, Daerah Tawau
17 April 2003	Hotel Perkasa, Daerah Keningau
19 Jun 2003	Dewan Masyarakat Kuala Penyu, Daerah Kuala Penyu
10 Julai 2003	Shangri-la Rasa Ria Resort, Daerah Tuaran
24 Julai 2003	Dewan Masyarakat Kudat, Daerah Kudat
9 Ogos 2003	Dewan Masyarakat Membakut, Daerah Kecil Membakut
27 September 2003	Dewan Masyarakat Tambunan, Daerah Tambunan

SUHAKAM

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

PRESS STATEMENT

SUHAKAM REPORT: PUBLIC INQUIRY INTO THE CONDITIONS OF DETENTION UNDER THE INTERNAL SECURITY ACT 1960.

The Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM) has received a number of complaints and memorandums containing allegations that persons detained under the Internal Security Act 1960 (ISA) have been subjected to violations of human rights during their period in detention.

Amongst issues raised in such complaints and memorandums include allegations of torture, cruel, inhuman and degrading treatment, inadequate access to food and medical treatment, denial of the right to legal representation and the right to appear before a magistrate to challenge the legitimacy of the detention.

On 10 April 2002, SUHAKAM was presented with a memorandum by Gerakan Mansuhkan ISA (GMI), which alerted the Commission of the fact that six of the detainees at Kamunting had embarked on a 'Hunger Strike' to protest their detention under the ISA.

The immediate concerns relating to the health and general well-being of the detainees in light of their decision to proceed with the 'Hunger Strike' thus provided the impetus for the Commission to decide to proceed with a Public Inquiry into the Conditions of Detention under the ISA. (As empowered under section 12 of the Human Rights Commission of Malaysia Act 1999).

Tingkat 29, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 603-2616 5600 Fax : 603-2612 5620 Email : humanrights@suhakam.org.my

The following Commissioners were appointed on to the Inquiry Panel:

(a) Tan Sri Harun Mahmud Hashim (Chairperson of the Inquiry Panel)
(b) Professor Dato' Hamdan Adnan
(c) Dato' Asiah Abu Samah

Inquiry began on 18 June 2002 with the first stage held at the Kamunting Prison Sports Hall where testimonies were heard from 16 detainees and one former detainee, the second phase was held at the Kamunting Detention Center and the third phase of the Inquiry was held at the SUHAKAM office in Kuala Lumpur, on 5th August 2002.

SUHAKAM RECOMMENDATIONS

I. Detention Under Section 73 of the ISA

a) The police should at all times exercise their utmost care in ensuring that the right to liberty, as enshrined in Article 5 of the Federal Constitution and Article 9 of the Universal Declaration of Human Rights 1948, is not violated without due justification.
b) Individuals should not be detained under the ISA unless genuine reasons exist for believing that such individuals are a threat to national security. Where detentions are necessary, such detentions should only be for as long as is absolutely necessary.
c) Effective investigations should be carried out into allegations of cruel, inhuman and degrading treatment or punishment of ISA detainees who testified of such treatment during the Inquiry, and all other known cases of such treatment in respect of other ISA detainees.
d) Disciplinary action should be taken in respect of officers who have been found upon investigation, to have treated detainees in a cruel, inhuman and degrading manner.

e) All law enforcement officers should be aware of the fact that as agents of the State, they are obligated to conduct themselves in a manner which evinces absolute respect for the prohibition against torture, cruel, inhuman and degrading treatment or punishment. Training should be provided for such officials to enable them to be more aware of their obligations.

f) Adequate steps should be taken to ensure that detainees are provided with clean bedding during their detention.

g) All detention cells should be adequately ventilated to ensure the health and well being of detainees and to enable them to be aware of their surroundings.

h) Adequate funds should be provided to the police to increase the number of cells in larger lock-ups of police stations, which are frequently overcrowded.

i) Family members should be informed of the arrest of detainees within 24 hours of the arrest.

j) Detainees should not be required to wait for two weeks before gaining access to their families.

k) Appropriate amendments should be made to Rule 22(6) of the Lock-Up Rules 1958, to protect the right to privacy of the detainee during family visits, as guaranteed under Article 12 of the Universal Declaration of Human Rights.

l) Detainees should be produced before a magistrate within 24 hours of arrest in accordance with Article 5 of the Federal Constitution.

m) Detainees should be allowed access to Counsel during the aforesaid production before a magistrate and supplied with a copy of the grounds of arrest.

II. Detention Under Section 8 of the ISA

a) Detainees should be provided with a range of programs and classes to stimulate their minds and to enable their period in detention to be used

productively. They should also be given the opportunity to learn new knowledge and skills, including IT skills, in order to assist their reentry into society.

b) The ustaz sent to Kamunting should be of adequate standard to ensure that the detainees are able to benefit from the religious instruction provided.

c) Detainees professing religions other than Islam should be allowed to receive appropriate religious instruction about their own faiths.

d) Detainees should be given the right to work in exchange for remuneration.

e) The Ministry of Home Affairs should provide the families of detainees with financial support in lieu of income by virtue of the fact that the detainees are not convicted criminals. The loss of earnings resulting from the period in detention should be adequately compensated to ensure the welfare of the families of the detainees.

By authority of SUHAKAM

(KAMARUDDIN MOHAMED BARIA)
Secretary

6th March 2003

SUHAKAM

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

PRESS STATEMENT

SUHAKAM REPORT ON THE "REVIEW OF THE INTERNAL SECURITY ACT 1960" CALLS FOR NEW ANTI-SUBVERSION LAW

The Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM) recommends to the Government to enact a new anti-subversion law to replace the Internal Security Act 1960 (ISA).

The ISA is a legislation enacted by Parliament under Article 149 of the Malaysian Federal Constitution that provides for special powers of legislation against subversion. It is a peacetime legislation.

The ISA as it stands now has two main provisions, section 8 and 73, relating to the detention of persons without trial. These provisions and their implementation have given rise to grave concerns that they infringe human rights principles and that citizens and non-citizens have been subjected to arbitrary detention and inhuman or degrading treatment whilst in detention.

It is recognised that the State must have powers to handle the threat or presence of internal or external subversion that includes the menace of terrorism.

However, the State, in resorting to powers or measures that limit human rights, must take into account that the limitations imposed must have a legitimate aim of dealing with the preservation of national security and public order, that they are necessary for the protection of the legitimate aim, that the degree of limitations must be proportionate to the protection of the legitimate aim and that there are adequate safeguards to avoid abuse of powers.

SUHAKAM, after considering the law and practice in relation to the ISA, has found that the balance between national security and human rights is currently disproportionately weighted in favour of national security and there are inadequate safeguards against misuse or abuse of the detention provisions of the ISA.

It is the view of SUHAKAM that stringent and adequate measures against subversion (including terrorism) and the threat thereof may be achieved by a comprehensive legislation which tries to take into account all conceivable forms of subversion (including terrorism) and which conforms with human rights principles.

Tingkat 29, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 603-2616 5600 Fax : 603-2612 5620 Email : humanrights@suhakam.org.my

It is proposed that the ISA be repealed and in its place, a new comprehensive legislation be enacted with the following characteristics:

(a) the legislation contains a Schedule which prescribes a list of specific offences which relate to threats to national security (including terrorist offences);

(b) the criminal procedure, inquiry and facts relating to the cases and trial arising under the legislation should be dealt with in the High Court;

(c) the legislation contains provisions which reflect the following:

- the Police may detain a person for the purposes of investigations on reasonable grounds on one or more of the designated offences contained in the Schedule of the new legislation;

- the detention may be for a maximum period of 24 hours, after which the person must be produced before a High Court Judge;

- if there is an absolute need to detain the person for more than 24 hours, an order by a High Court Judge must be sought;

- the High Court Judge may order the further detention of the person for maximum periods of seven days each time provided that the person in question is not detained for more than 29 days in total from the date of his or her arrest;

- upon the expiration of the 29 days, the person in question must either be released or charged under regular criminal procedure; and

- individuals arrested, detained or charged for one of the designated offences in the Schedule should not be allowed bail;

(d) a person arrested and detained pursuant to the new legislation must be accorded the same rights that are accorded to a remand prisoner under ordinary criminal law;

(e) a person may not be arrested and detained under any other circumstances pursuant to this new legislation; and

(f) the legislation shall only be in force for a period of one year. Any further renewal of one year each can only be effected by authority of Parliament.

Interim Recommendations

In the light of the possibility that the enactment of such a comprehensive legislation will take time, it is recommended that in the interim, any further application of the ISA should

only be done with adequate safeguards in place.

The safeguards recommended include:(a) legislative reform of the ISA, the Lockup Rules 1953 and the Internal Security (Detained Persons) Rules 1960, (b) the issuance of administrative directives and the implementation of new procedures for detention under section 8 and section 73 of the ISA and (c) judicial review of detention under sections 8 and 73 of the ISA

Conclusion

This review of the ISA is made pursuant to section 4(1)(b) of the Human Rights Commission of Malaysia Act 1999 (Act 597) which provides that one of the functions of SUHAKAM is to "advise and assist the Government in formulating legislation and administrative directives and procedures and recommend the necessary measures to be taken". SUHAKAM therefore hopes that the relevant authorities will consider its recommendations contained in this report with the view to adopting them.

By authority of SUHAKAM,

KAMARUDDIN MOHAMED BARIA
Secretary to SUHAKAM

9 April 2003

SUHAKAM

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

PRESS STATEMENT

SUHAKAM: RELEASE OF ISA DETAINEES

The Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM) welcomes the release from detention under the Internal Security Act (ISA) of Tian Chua, Saari Sungib, Mohd Ezam Mohd Noor and Hishamuddin Rais.

SUHAKAM also looks forward to the review of the detention orders of Lokman Adam and Dr. Badrulamin Bahron with the expiry of their detention orders on 12 June 2003. It is hoped that they will also be freed immediately and unconditionally.

Their release was indeed overdue, in light of the Federal Court judgement in September last year that declared the detention of the six reformasi activists (including Lokman Adam and Dr Badrulamin Bahron) as illegal and *mala fide* (in bad faith).

SUHAKAM, on its part, has on numerous occasions expressed concern over the detention without trial of persons under the ISA, including the six detainees.

On 23 May 2003, SUHAKAM wrote to the relevant authority expressing its view that the six detainees should be released unconditionally.

The move by the Home Ministry not to extend the detention order and for the unconditional release of the four men is a step in the right direction towards adopting the recommendations contained in SUHAKAM's report on the Review of the Internal Security Act 1960 made public in March 2003.

Tingkat 29, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 603-2616 5600 Fax : 603-2612 5620 Email : humanrights@suhakam.org.my

It is timely for SUHAKAM to reiterate its recommendation that the ISA, which is a legislation enacted under the special powers provided in Article 149 of the Federal Constitution, be repealed and that the Government enact a new comprehensive legislation, without resorting to Article 149 and which conforms with human rights principles, to combat subversion (including terrorism).

By authority of SUHAKAM,

KAMARUDDIN MOHAMED BARIA
Secretary

5 June 2003

SUHAKAM

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

SUHAKAM: FOLLOW GUIDELINES ON FREEDOM OF ASSEMBLY

The Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM) welcomes the announcement by the Election Commission to lift the ban for political candidates to hold public rallies as a move to uphold the right to Freedom of Assembly.

In the exercise of their right, SUHAKAM urges that the parties concerned follow the guidelines recommended in its Freedom of Assembly report* to ensure that freedom of assembly and the greater right of freedom of expression can be enjoyed in a peaceful manner.

SUHAKAM short-term recommendations include:

1. Applications for permits to hold static assemblies (as opposed to processions) in premises such as stadiums, halls, and private properties, to be approved as a general rule, without restrictions on freedom of expression. In addition, public places of different sizes and at different locations to be identified by the authorities for the holding of public assemblies (if the organisers so choose to use any of them) to help overcome the difficulty that some organisers have in securing suitable places for their assemblies.

2. A guideline for organisers of public assemblies and processions to be prepared, setting out the responsibilities of organisers, in:

- ensuring the safety of members of the public;
- avoiding damage to property; avoiding fear or alarm to the public;
- avoiding disruption to the local community;
- appointing marshals to help ensure that the event goes according to plan; and
- the use of banners and public address systems.

3. A line of communication between the Police and organisers of public assemblies and processions should be established and be kept open to enable friendly negotiations to take place, particularly in relation to conditions to be imposed on organisers.

Under the Police Act, the Police has the discretion to issue permits for such rallies, and it is hoped that this will not be used as a means to deny the public's right to freedom of peaceful assembly and association as stated in Article 20(1) of the Universal Declaration of Human Rights:

Tingkat 29, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 603-2616 5600 Fax : 603-2612 5620 Email : humanrights@suhakam.org.my

> "The right of peaceful assembly shall be recognised. No restriction may be placed on the exercise of this right other than those imposed in conformity with the law and which are necessary in a democratic society in the interests of national security or public safety, public order (*ordre public*), the protection of public health or morals or the protection of the rights and freedoms of others."

SUHAKAM maintains that peaceful assemblies are a healthy way for members of civil society to express their views and, as such, need not be the cause of any public disorder if all persons involved, the public and the authorities alike, conduct themselves with propriety.

By authority,



Kamaruddin Mohamed Baria

Secretary

19 September 2003

(* For the Freedom of Assembly report: www.suhakam.org.my)

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

SUHAKAM: PRISONS DEPARTMENT SHOULD TAKE OVER MANAGEMENT OF MORE IMMIGRATIONS DEPOTS.

The Malaysian Human Rights Commission (SUHAKAM) welcomes the recent move of the Prisons Department to take over of the management of the Juru detention center for the purpose of housing illegal immigrants from 5 October 2003. This move will certainly help to reduce congestion in the Penang prison.

SUHAKAM recommends that the Prisons Department expedite the take over of the Machap Umboo Immigrations Depot in Malacca, Lenggeng Immigrations Depot in Negeri Sembilan, Semenyih Immigrations Depot in Selangor and Langkap Immigrations Depot in Teluk Intan.

This would be in line with the take over of the management of other detention centers such as those in Ajil in Terengganu, Tanah Merah in Kelantan and Belantek in Kedah.

The take over is recommended based on recent visits to seven detention centers by SUHAKAM that was prompted by complaints and memoranda received pertaining to the arrest of illegal immigrants reported to be asylum seekers fleeing their state.

Among the complaints received included reports of children being housed at the immigration detention centers, deplorable conditions of detention centers, mistreatment of detainees and delays in repatriation.

In the month of August 2003, a team of officers from the Complaints and Inquiries Working Group of SUHAKAM, led by Professor Dato' Hamdan Mohd Adnan, conducted visits to seven detention centers, five of which were Immigrations Depot.

Tingkat 29, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 603-2616 5600 Fax : 603-2612 5620 Email : humanrights@suhakam.org.my

The purpose of the visits was to interview those arrested to determine the reason for their coming to Malaysia, to determine the exact numbers held in these detention centers and to determine whether the conditions of detention complied with the minimum standards set out in international instruments.

The detention centers visited were:

1. Juvenile Detention Centre in Sungai Petani, Kedah on 8.8.03
2. Immigration Depot at Belantek in Sik, Kedah on 8.8.03
3. Police Lock-up in Seremban, Negeri Sembilan on 13.8.03
4. Immigration Depot in Macap Umboo, Malacca on 13.8.03
5. Immigration Depot in Lenggeng, Negeri Sembilan 15.8.03
6. Immigration Depot in Semenyih, Selangor 15.8.03
7. Immigration Depot in Langkap, Teluk Intan 22.8.03

Among SUHAKAM recommendations include:

- Embassies to come forward and give their full cooperation in order to resolve problems of communicating with foreign nationals and in contacting family members in order to shorten time in transit and to hasten deportation.
- Prisons Department to take over management of the detention centers such as Machap Umboo, Semenyih, Lenggeng and Langkap.
- Deployment of more personnel to ensure security of staff and detainees in the overcrowded facilities.
- Urgent attention be given to health threatening conditions such as overflowing septic tank as this could pose a health risk for the detainees and personnel.
- Unhygienic living conditions could be a factor in the outbreak of diseases such as meningitis. Health authorities should make regular health checks as illegal immigrants may also be suffering from various infectious diseases.

- The Social Welfare Department should look into the plight of the 80-year-old man detained at the Machap Umboo Immigrations Depot in Malacca as he should not be left to languish at the detention center.

A Synopsis of the observations made:

Detainees comprise:

(i) Those in transit and awaiting deportation after having served their prison sentences and,

(ii) Those arrested by the Police or Immigrations officers for lack of valid documents.

1. Immigration Depot at Belantek in Sik, Kedah

The depot was established in 1963 to contain the communist insurgency that was rampant in and around Sik at that time. On 9 November 2002, the Prisons Department took over the administration of the center. Currently there are 44 personnel to look after security and administration of 652 detainees, with six personnel on duty at any one time. At the time of the visit by SUHAKAM team, there were 652 detainees, of which four were children (two boys and two girls), 50 Rohingyas and 58 Acehnese.

The SUHAKAM team was informed that several detainees had been awaiting deportation for a long period due to lack of cooperation from certain embassies to acknowledge citizens of their country. The lack of valid documentation has hampered efforts to send these detainees home. Immigrations informed that they were trying to correspond with families of detainees to get the relevant documents. The depot officers were also faced with the problem of communicating with nationals from non-English speaking countries such as Vietnam, Cambodia and China.

Some detainees refused to divulge any information as they were fear that once deported they would be arrested and imprisoned upon arrival in their home

country. This has also delayed efforts to trace their families. The safety of officers and detainees is of concern as the detention center was overcrowded. The team was informed that the depot's capacity was for 400 people but on the day of the visit there were 652 detainees housed there. The lack of space resulted in some having to sleep along the corridors and beneath the buildings that had been raised above ground. Deployment of only six personnel to oversea the 652 inmates also put safety at high risk.

2. **Immigration Depot in Macap Umboo, Malacca**

The Depot was built in 1972 and is currently under the management of the Police. At the time of the visit by the SUHAKAM team there were 371 detainees – 269 men, 98 women and six children. It was observed that the shortage of staff had resulted in only four personnel to man a total of 371 detainees. There was also a problem of overcrowding as the 98 women and the six children were housed in one building while the 269 men were crammed together in another building.

The building housing the male detainees was in a deplorable state and unhygienic due to an overflowing septic tank. The living conditions fell far short of the decent conditions of habitation let alone those requirements stipulated in the Standard Minimum Rules. The health of the detainees and personnel were at risk as there had been a recent outbreak of meningitis at the depot. Officials informed of the problem of doubtful nationality in the case of an 80-year old Indian man who spoke Bahasa Malaysia and claimed to be Malaysian and of an Indian boy who claimed to be Sri Lankan. Both detainees did not have the necessary documents to verify claims.

3. **Immigration Depot in Lenggeng, Negeri Sembilan**

There were 510 detainees from 14 countries housed in this depot. There was a severe shortage of staff with only six personnel to man 510 detainees. It was observed that the two buildings where the male detainees were being housed were overcrowded and in poor condition and water-clogged. There were detainees

observed with skin infections and rashes all over their bodies and pus oozing from their skin.

A few detainees claimed that were issued UNHCR registration cards and were waiting to be sent to third countries. The SUHAKAM team was informed that one of reason for the entry of illegal immigrants into Malaysia was to apply for repatriation to a third country as it would be impossible to them do so from their own country. In the case of the Rohingya's, almost half of the numbers sent to the Thai border make their way back into Malaysia.

In some cases it takes up to six months to return detainees to their country of origin. In the case of nationals from Iran, Iraq and Nigeria, the SUHAKAM team was informed that certain airlines refused to take them on board even though Malaysia was willing to pay for their flight tickets. Some foreign nationals arrested could speak three different languages fluently, and the authorities faced difficulty in ascertaining their country of origin. eg. Those who speak French claim they were from France.

4. Immigration Depot in Semenyih, Selangor

At the time of the visit by SUHAKAM, there were 1807 detainees with 1248 men and 531 women. SUHAKAM was informed that only eight officers were deployed to man the depot at any one time. When interviewed, some of the women detainees told of being tricked with promises of high paying jobs in Malaysia but ended up in massage parlours, karaoke centers and pubs to entertain men. The women claimed to be from Indonesia, Myanmar, Uzbekistan, Mongolia, Thailand, Vietnam and China.

5. Immigration Depot in Langkap, Teluk Intan

This visit was as a result of media reports on the arrest of 239 illegal immigrants from Aceh by Police on 28 August 2003. Out of 239 arrested were 216 men, 13 women and three children. There were also six men and one woman from

Myanmar detained during the Police action. When interviewed away from hearing distance of immigration officers, several Aceh detainees said they were well treated well and there were no complaints of ill treatment. Some detainees informed the SUHAKAM team that they wanted to return to Indonesia while several others said they wanted to be sent to third countries.

6. Juvenile Detention Centre in Sungai Petani, Kedah

This detention center was built in 1920 and from 1962 to 1997 it became the "Pusat Latihan Banduan Muda Semenanjung Malaysia". It was converted to a "Penjara Pra-Bebas" to house prisoners about to be released as a means to reduce the over-crowding of prisons in the Northern Region. It was also found that 162 young detainees aged 21 and below who are foreign nationals. They were all placed under the Putra Rehabilitation Program that follow modules used by all prisons throughout the country.

It was also noted that there had been an improvement in diet of the prisoners since 1 July 2003 as the Prisons Department had been instructed to follow the diet scale recommended by the 1999 Dietary Guidelines issued by the Health Ministry. Overall, observations showed the facilities were suitable as a juvenile prison and rehabilitation centre.

7. Police Lock-up in Seremban, Negeri Sembilan

The Police Lockup was built in 1927 and gazetted on 22 Oct 1953. Although old, it was relatively in good condition. The SUHAKAM team was informed that construction of a new Police Lockup at Seremban II had been completed and staff were waiting to be informed of the date for transfer to the new facility. The team was informed that women detainees were being housed in the Mantin Police Lockup. There was a total of 68 people remanded including 10 for immigration offences such as lack of valid travel documents. The SUHAKAM team was informed that the women detainees said they had entered Malaysia for immoral

purposes and that their local agents had also been detained and charged for harbouring illegals.

Professor Dato' Hamdan Mohd Adnan
SUHAKAM Commissioner and
Chairman of the Complaints and Inquiries Working Group

22 September 2003

SUHAKAM

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

SUHAKAM: RESOLVE LAND DISPUTES OF THE SEMAI ORANG ASLI

The Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM) call on the Perak State Government to resolve outstanding disputes involving native customary land of the Orang Asli in accordance with human rights standards.

As land is essential to ensure the cultural survival of the Orang Asli, a fair and just settlement should be reached with the Semai in Perak that will ensure the protection of their fundamental rights.

SUHAKAM recognize that land rights is the most pressing issue faced by the Semai Orang Asli and other Indigenous Peoples in Malaysia as the possibility of dispossession is putting their way of life and their culture under threat.

On 1 November 2003, SUHAKAM received a memorandum submitted by Jaringan Kampung Orang Asli Semai Peringkat Negeri Perak (JKOASPNP) in conjunction with the State-level celebrations to mark World Indigenous Peoples Day.

JKOASPNP is a network made up of 19 Orang Asli villages in Perak established in order to voice their common concern over the threat of being dispossessed from the lands and resources on which they depend.

A recent newspaper report (The Star, 6 November 2003) also allege the Orang Asli of the Air Banun Resettlement Scheme were prevented from fishing and gathering jungle produce near the Temenggor lake in Upper Perak by security forces.

SUHAKAM views with concern allegations of confusion in the enforcement by the soldiers who were carrying out orders as they had failed to be sensitive to the needs of the Orang Asli.

The Military authorities should investigate the incident and if there is just cause, to compensate the five Orang Asli for their alleged loss.

It is a matter of concern that insensitivity the needs of the Orang Asli may result in more native customary lands being transformed by logging, farming and other developments without the consent of the Orang Asli who maintain the right to their ancestral lands.

This is contrary to international human rights principle of meaningful participation and informed consent of Indigenous peoples in all policies concerning their governance and cultural survival.

Tingkat 29, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 603-2616 5600 Fax : 603-2612 5620 Email : humanrights@suhakam.org.my

Under the Universal Declaration of Human Rights, it is recognized that every indigenous woman, man, youth and child is entitled to the realization of all human rights and fundamental freedoms on equal terms with others in society, without discrimination of any kind.

Indigenous people and peoples also enjoy certain human rights specifically linked to their identity, including rights to maintain and enjoy their culture and language free from discrimination, rights of access to ancestral lands and land relied upon for subsistence, rights to decide their own patterns of development, and rights to autonomy over indigenous affairs.

SUHAKAM urge the Perak State Government to conduct a full investigation into the complaint of the Semai Orang Asli that their right to native customary land in the State has been violated.

The Semai Orang Asli in the 19 villages have appealed for their land to be gazetted as Orang Asli Reserve in accordance with the Land Act and the National Land Code and for the law to clearly demarcate its boundaries.

While the Aboriginal Peoples Act 1954 provide for the establishment of Orang Asli Reserves and also gives authority to the State Government to revoke this status and, the fear is that the community will be put at risk.

SUHAKAM views with concern a complaint received from the Orang Asli in Kampung Chang in Bidor alleging police intimidation following the memorandum submitted to the Human Rights Commission.

Under Section 12 (1) of Act 597, the Commission is empowered to register complaints made by an aggrieved person or group of persons and to inquire into allegations of any infringement of human rights.

As such, individuals or groups who complain to SUHAKAM should not be subjected to intimidation or harassment.

SUHAKAM plans to meet with Perak Menteri Besar Datuk Seri Tajul Rosli Ghazali to discuss the issues raised.

"Human Rights for All"

M Hamdan

Professor Dato' Hamdan Mohd. Adnan
SUHAKAM Commissioner
Chairman of the Complaints and Inquiries Working Group
10 November 2003

BAB 11:
LAPORAN CAWANGAN SUHAKAM DI SABAH DAN SARAWAK

(i) AKTIVITI-AKTIVITI SUHAKAM DI SABAH

Pejabat SUHAKAM di Sabah mula beroperasi pada tahun 2001 di Kota Kinabalu. Pesuruhjaya residennya, Tan Sri Datuk Seri Panglima Simon Sipaun juga merupakan Naib Pengerusi SUHAKAM. Pada tahun 2003, pejabat tersebut ditadbir oleh seorang pegawai tadbir dan dua kakitangan sokongan. Aktiviti-aktiviti utamanya meliputi ceramah dan dialog bersama masyarakat luar bandar dan pelajar di peringkat daerah, bengkel CRC, dan temu bual dengan stesen-stesen radio dan televisyen serta media cetak. Pejabat tersebut juga telah menerima sejumlah 50 aduan berkenaan dakwaan pencabulan hak asasi manusia.



Tan Sri Datuk Sri Panglima Simon Sipaun (dua dari kiri) memperkenalkan Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan kepada Dato' KC Vohrah di roadshow SUHAKAM dan dailog kesedaran hak asasi manusia di Tambunan.

1. CERAMAH DAN DIALOG

Siri ceramah dan dialog bermula di peringkat daerah pada tahun 2002 dan berterusan hingga tahun 2003 (Lihat Jadual). Acara-acara seperti itu merupakan satu forum yang bermanfaat bagi mempromosi atau meningkatkan kesedaran mengenai hak asasi manusia serta pengetahuan tentang kewujudan SUHAKAM pada amnya dan kewujudan pejabat SUHAKAM di Sabah khususnya. Ceramah-ceramah ini dapat membantu memberi pemahaman yang lebih meluas mengenai konsep asal hak asasi manusia dan mengapa ianya penting untuk menghormati hak asasi manusia. Fungsi dan peranan SUHAKAM dalam melindungi dan mempromosi hak asasi manusia juga dijelaskan.

Ceramah diadakan di Sabah – 2003

Daerah	Tarikh
Kota Marudu	2 Feb
Tawau	13 Mac
Keningau	17 April
Kuala Penyu	19 Jun
Tuaran	10 Julai
Kudat	24 Julai
Membakut	9 Ogos
Tambunan	27 Sept

Ceramah-ceramah yang diikuti oleh sesi-sesi dialog ini membolehkan wakil-wakil SUHAKAM berinteraksi dengan peserta-peserta dengan memberi maklumbalas terhadap isu dan masalah yang dibangkitkan berkaitan hak asasi mereka. Sesi-sesi ini juga membantu SUHAKAM menilai pandangan dan pemahaman masyarakat umum mengenai hak asasi manusia. Maklum balas sedemikian telah membolehkan SUHAKAM membuat persediaan yang sesuai dalam merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti di daerah-daerah lain.

Kehadiran peserta di ceramah-ceramah tersebut adalah di dalam lingkungan 250 hingga 800 orang. Sehingga kini, peserta-peserta merangkumi kakitangan kerajaan, ketua-ketua daerah, ketua-ketua suku kaum, ketua kampung, ahli-ahli JKKK, ketua-ketua komuniti, pemimpin-pemimpin, guru-guru, pelajar-pelajar serta orang awam. Pandangan yang diberi serta masalah yang dibangkitkan sewaktu sesi dialog kerap kali meliputi hal-hal yang berkaitan dengan:

- Tanah
- Hak adat suku kaum
- Sijil kelahiran
- Kad pengenalan diri
- Bekalan air yang tidak memuaskan dan tidak mencukupi
- Amaun pampasan tanah persendirian yang diambil oleh Kerajaan
- Infrastruktur yang tidak mencukupi seperti sekolah, hospital dan kemudahan perubatan
- Kemudahan komunikasi dan pengangkutan yang tidak memuaskan
- Kemusnahan alam sekitar
- Kekurangan guru
- Pengangguran
- Kemiskinan
- Dakwaan keganasan polis
- Birokrasi

Secara keseluruhannya, ceramah-ceramah dan sesi-sesi dialog ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan boleh dianggap mencapai matlamat yang diinginkan. Ini telah menimbulkan minat mengenai SUHAKAM dan hak asasi secara am. Ia jelas dapat dilihat daripada adanya permintaan supaya ceramah-ceramah sebegini diadakan lagi di peringkat luar bandar atau di kampung-kampung dan juga di institusi-institusi pengajian.

2. LAWATAN KE KAWASAN KEJADIAN

Lawatan ke tempat kejadian atau "site visits" telah dibuat sebagai maklum balas terhadap aduan-aduan atau dakwaan berkenaan pencabulan hak asasi manusia. Pada 26 Februari, wakil dari pejabat SUHAKAM di Sabah telah mengadakan pertemuan dengan kakitangan Pejabat Daerah Matunggong serta wakil masyarakat Pinawantai. Pertemuan ini bertujuan untuk mencari satu penyelesaian kepada masalah-masalah yang berkaitan dengan pengambilan tanah sebagaimana yang didakwa oleh masyarakat tersebut. Bagi mendapatkan pengesahan mengenai keadaan sebenar, lawatan itu telah dibuat untuk mendengar permasalahan kedua belah pihak yang terlibat.

Pada 10 Julai, satu lagi lawatan yang penting telah dibuat sebagai maklumbalas terhadap aduan yang dibuat oleh masyarakat Masilau Kauluan di Desa Monteki, Kundasang. Aduan tersebut mendakwa bahawa sebuah syarikat persendirian dan anggota



Dialog bersama Pejabat Daerah Matunggong dan Masyarakat Pinawantai di Kudat, Sabah

Polis Daerah Ranau telah mencabul hak asasi penduduk-penduduk kampung tersebut. Mereka mendakwa bahawa syarikat itu telah cuba mengusir mereka secara paksa dari sebidang tanah yang, menurut penduduk-penduduk kampung tersebut, mereka mempunyai hak kelaziman ke atasnya. Menurut dakwaan mereka, sesetengah daripada penduduk kampung itu telah menerima layanan buruk sewaktu di dalam tahanan polis dan mereka juga dilarang daripada mengerjakan sembahyang.

SUHAKAM telah mengambil tindakan segera dengan meminta pihak polis memberi maklumat yang diperlukan. Tetapi disebabkan pihak polis tidak dapat membekalkan maklumat yang memuaskan, SUHAKAM tidak dapat mengesahkan keadaan sebenar. Disebabkan perkara tersebut dan memandangkan bahawa sesetengah pengadu tersebut telah ditahan selama 14 hari di Balai Polis Ranau (dan kemudiannya beberapa orang di antara mereka terpaksa mendapatkan rawatan perubatan setelah dibebaskan), SUHAKAM telah mengeluarkan satu kenyataan akhbar pada 8 Disember 2003 berhubung perkara ini [Lihat Lampiran XIV]. SUHAKAM berpendapat demi menjaga kepentingan kesemua pihak, satu siasatan terbuka perlu diadakan. Pihak polis dilaporkan mengalu-alukan siasatan sedemikian dan memberi jaminan kepada SUHAKAM akan membantu dan bekerjasama dengan SUHAKAM. Siasatan awal dan catatan fakta telah pun bermula dan panel siasatan ini dijangka akan bersidang pada awal tahun 2004.

3. BENGKEL HAK KANAK-KANAK

Satu bengkel mengenai CRC telah diadakan dari 3-6 Jun di Kota Kinabalu untuk wakil-wakil jabatan kerajaan dan NGO yang terlibat dengan pendidikan kanak-kanak. Bengkel yang dianjurkan dengan kerjasama Kumpulan Kerja Pendidikan dan Jawatankuasa CRC ini, merupakan yang pertama seumpamanya diadakan di Sabah. Ini telah menarik minat ramai, terutamanya dari golongan guru-guru pra-sekolah dan juga mereka yang terlibat secara langsung dengan pendidikan pra-sekolah. Salah satu objektif bengkel ini adalah untuk mengenal pasti hak asasi yang asas dan yang perlu ditekankan di samping mendidik guru-guru pra-sekolah mengenai hak kanak-kanak di bawah Konvensyen tersebut.

4. LAWATAN KE LOKAP

Selaras dengan tugas dan tanggungjawab SUHAKAM yang diperuntukkan dalam undang-undang, pesuruhjaya SUHAKAM telah mengadakan lawatan ke lokap-lokap polis di Kota Kinabalu, Karamunsing, Tanjung Aru dan Menggatal.

5. LAWATAN KE PENJARA TAWAU

Pada 13 Mac, sekumpulan wakil SUHAKAM telah melawat Penjara Tawau untuk memeriksa keadaan dan kemudahan asas di penjara tersebut serta melihat bagaimana kemudahan-kemudahan tersebut diuruskan. Kumpulan ini telah diberi taklimat oleh pegawai penjara dan kemudiannya dibawa melawat kawasan penjara tersebut selama satu jam oleh Pengarah Penjara Tawau. Memandangkan penjara ini terletak jauh dari bandar, maka keadaan ini telah memberikan suasana tenang dan aman yang dapat membantu proses pemulihan. Pagar yang dibina tinggi menjamin keselamatan manakala setiap blok di dalam kawasan penjara itu juga dikawal rapi. Pada keseluruhannya, kemudahan serta keperluan asas di penjara tersebut didapati memuaskan dengan adanya tandas, bilik mandi dan katil. Kemudahan-kemudahan rawatan, rekreasi dan perpustakaan juga disediakan.

6. LAWATAN KE RUMAH KEBAJIKAN PRINCESS ANN DAN SRI MENGASIH

Lawatan ke dua rumah kebajikan ini telah diadakan pada 3 dan 4 Jun. Tujuan utama lawatan ini dibuat adalah untuk melihat keadaan dan cara hidup anak-anak yatim di Rumah Kebajikan Princess Ann dan OKU di Rumah Kebajikan Sri Mengasih. Di samping itu, lawatan ini juga bertujuan untuk memastikan

kemudahan asas yang disediakan kepada penghuni kedua-dua rumah kebajikan ini mencukupi. Pada amnya, keadaan dan suasana di kedua-dua rumah kebajikan tersebut adalah memuaskan.

7. PENYEBARAN MAKLUMAT

Pejabat di Sabah menyebarkan berita dan maklumat berkenaan program-program hak asasi manusia dan juga aktiviti SUHAKAM melalui temu ramah oleh pihak radio dan stesen-stesen televisyen serta akhbar-akhbar tempatan.

8. ADUAN BERKENAAN PENCABULAN HAK ASASI MANUSIA

Hasil daripada program-program kesedaran mengenai hak asasi yang dianjurkan SUHAKAM kini lebih ramai rakyat Malaysia di Sabah semakin peka dan arif tentang pencabulan serta pelanggaran hak asasi manusia. Sehubungan dengan itu, bilangan aduan yang dibuat melalui memorandum, surat, lawatan persendirian serta melalui panggilan telefon ke pejabat SUHAKAM Sabah juga semakin meningkat.

9. KESIMPULAN

Segala inisiatif dan pendekatan yang diambil oleh SUHAKAM adalah dengan tujuan untuk mempromosikan, melindungi serta meningkatkan kesedaran individu berkenaan hak asasi manusia. Oleh yang demikian, program-program sebegini dirasakan perlu dan patut diteruskan dengan melibatkan kesemua daerah di Sabah. Aktiviti-aktiviti ini dapat membantu menjadikan Malaysia sebuah negara yang mana hak asasi manusia tersebar luas merangkumi kesemua lapisan masyarakat, seterusnya meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia.

(ii) AKTIVITI-AKTIVITI SUHAKAM DI SARAWAK

Pejabat SUHAKAM di Sarawak mula beroperasi pada bulan November 2001. Terletak di laluan utama menuju ke pusat pentadbiran negeri, pejabat ini mudah dikunjungi oleh orang awam. Pejabat ini ditadbir oleh seorang pegawai tadbir dan dibantu oleh dua orang kakitangan sokongan. Dr. Mohammad Hirman Ritom Abdullah adalah Pesuruhjaya residen.

Seminar dan *road show* merupakan aktiviti utama yang dianjurkan pada tahun 2003. Aktiviti-aktiviti ini dianjurkan sama ada secara sendiri oleh pejabat ini ataupun dengan kerjasama pelbagai kumpulan kerja dari ibu pejabat. Pejabat ini juga menerima aduan daripada individu, kumpulan dan juga golongan tertentu berkaitan dengan isu-isu pencabulan hak asasi manusia.

1. DIALOG

Sesi-sesi dialog telah dianjurkan dengan kerjasama pejabat-pejabat residen bahagian dan juga wakil-wakil politik. Jentera kerajaan tempatan juga memberikan kerjasama. Peserta-peserta terdiri daripada ketua-ketua komuniti, pegawai-pegawai kerajaan, ahli-ahli politik, persatuan-persatuan tempatan, NGO yang terlibat dengan perjuangan hak asasi manusia, dan juga pelajar-pelajar serta orang awam. Lazimnya, tiga orang pesuruhjaya akan hadir pada sesi-sesi ini. Terdapat juga wakil-wakil tempatan dan penduduk setempat yang dijemput menjadi panel bagi sesi-sesi dialog tersebut.

Sembilan dialog telah diadakan pada tahun 2003. Dialog yang pertama telah diadakan di Lawas pada 25 Januari dan yang terakhir di Sibu pada 11 Oktober yang lalu. Jumlah kedatangan peserta adalah di antara 400 hingga 3,500 orang. Melalui dialog-dialog tersebut didapati bahawa peserta-peserta amat berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai hak asasi manusia dan juga SUHAKAM, memandangkan masih terdapat salah tanggapan tentang apa yang dikatakan hak asasi manusia serta peranan SUHAKAM.

Isu-isu utama yang dibangkitkan sewaktu dialog-dialog tersebut termasuklah:

(i) Akses kepada keperluan asas: pendidikan, kemudahan kesihatan, pengangkutan dan komunikasi, bekalan elektrik, bekalan air bersih dan sistem pembetungan yang selamat;
(ii) Penurunan kualiti alam sekitar: pelupusan hutan rimba dan pencemaran sungai;
(iii) Masalah mendapatkan dokumen-dokumen peribadi;
(iv) Hak Tanah Adat Peribumi; dan
(iv) Kesan penempatan semula.

(i) Akses kepada keperluan asas Pendidikan

Pelajar-pelajar sekolah rendah di kawasan pedalaman Sarawak terpaksa bersekolah di sekolah-sekolah pusat yang terletak jauh dari kampung kediaman mereka. Atas sebab ini, kanak-kanak tersebut terpaksa berjauhan dengan ibu bapa dan rumah mereka. Ini telah mengakibatkan kadar pelajar yang tercicir meningkat serta menyebabkan ramai kanak-kanak yang sepatutnya telah bersekolah tidak mendaftar untuk bersekolah. Di sekolah-sekolah luar bandar, terdapat kekurangan dari segi kemudahan infrastruktur asas, guru-guru

terlatih dan berdedikasi serta sumber kewangan. Kemudahan pra-sekolah juga tidak disediakan di kawasan kampung-kampung yang terpencil dan jauh. Walaupun terdapat beberapa NGO yang mengendalikan sekolah-sekolah tadika di kawasan ini, namun masalah kekurangan sumber tenaga manusia serta kesempitan sumber kewangan telah menyebabkan sekolah-sekolah ini terpaksa ditutup.



Dr Muhammad Hirman Ritom Abdullah (kanan) mengiringi Ketua Menteri Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Dr Haji Abdul Taib Mahmud (kiri) untuk melihat pameran SUHAKAM semasa roadshow di Mukah.

Bekalan air bersih dan sistem pembetungan selamat

Sebahagian kecil kawasan luar bandar tidak mempunyai bekalan air yang bersih. Keladak yang berterusan telah menyebabkan berlakunya pencemaran sungai. Sungai merupakan sumber bekalan air utama kawasan ini sejak turun-temurun. Penambahan penduduk tanpa sistem pembetungan yang teratur juga boleh mendedahkan mereka kepada risiko kesihatan yang membahayakan.

Kemudahan kesihatan dan perubatan

Masyarakat luar bandar di Sarawak mendapati amat sukar untuk mendapatkan perkhidmatan pencegahan dan penyembuhan penyakit serta kemudahan perubatan. Selain itu, keadaan bagi rawatan perubatan kes-kes kecemasan dan kelahiran juga merupakan satu masalah yang lebih serius. Kesukaran mendapatkan perkhidmatan tersebut menyebabkan taraf kesihatan am menurun.

Pengangkutan dan komunikasi

Masyarakat luar bandar di Sarawak amat bergantung kepada laluan di dalam hutan untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain. Pengangkutan jalan sungai pula hanya dapat digunakan mengikut keadaan cuaca dan secara amnya ia jauh lebih mahal. Laluan pembalakan pula adalah satu laluan alternatif sementara, tetapi ia berisiko tinggi.

Bekalan elektrik

Sebahagian besar kawasan penempatan luar bandar tidak mempunyai bekalan elektrik. Sementara itu, sesetengah kawasan telah dibekalkan dengan penjana kuasa elektrik. Ketiadaan tenaga elektrik ini memberi kesan negatif terhadap pendidikan, kesihatan dan ekonomi.

(ii) Penurunan kualiti alam sekitar

Penebangan hutan rimba

Pembalakan dan pembangunan ladang kelapa sawit masih kekal sebagai aktiviti ekonomi utama di bahagian pedalaman Sarawak. Walaupun terdapat garis panduan yang jelas, syarikat-syarikat pembalakan dan pemaju-pemaju ladang masih menjalankan urusan mereka secara tidak mesra alam sekitar. Perkara ini menyumbang kepada kemusnahan hutan simpan dan kepupusan habitat semula jadi flora dan fauna. Sesetengah masyarakat Orang Asal, seperti Penan, amat bergantung kepada hutan dan sungai sebagai sumber makanan dan pendapatan mereka. Pelupusan dan kemusnahan alam semula jadi ini telah menyukarkan kehidupan seharian mereka.

Pencemaran sungai

Pelupusan hutan rimba telah menjejaskan kualiti air sungai dan sekali gus mengurangkan bekalan ikan. Ini membawa kepada kesukaran untuk mendapatkan bekalan air bersih di samping pupusnya sumber makanan dari sungai. Pencemaran ini adalah disebabkan oleh sikap pembalak-pembalak serta pemaju-pemaju ladang yang tidak ambil peduli dalam mengekalkan dan

melindungi aliran sungai yang bersih dan kawasan simpanan tebing sungai.

(iii) Dokumen rasmi peribadi

Penduduk yang tinggal di bahagian pedalaman Sarawak menghadapi masalah mendapatkan dokumen peribadi rasmi berkaitan dengan kelahiran, perkahwinan, kematian serta pendaftaran kewarganegaraan. Sebahagian besar masalah ini adalah disebabkan oleh kedudukan kampung-kampung yang terpencil, penduduk yang tinggal jauh di antara satu sama lain dan tiadanya kemudahan pengangkutan dan komunikasi yang sempurna. Perkara ini mempunyai kesan negatif terhadap hak mereka dari segi pendidikan, pekerjaan, kewarganegaraan dan hak mengundi.

(iv) Hak Tanah Adat Peribumi

Hak Tanah Adat Peribumi (TAP) ini sememangnya menjadi satu isu yang berterusan bagi negeri ini. Ia berhubung kait, terutamanya dengan hak orang asal yang mendiami kawasan tanah yang luas di kawasan pedalaman yang telah mereka warisi sejak turun-temurun. Isu-isu berkaitan hak tanah timbul atas sebab tiada dokumen rasmi yang mengesahkan pemilikan sah dari segi undang-undang ke atas tanah-tanah yang termasuk di dalam kategori ini. Perkara-perkara ini telah diambil kira dan dimasukkan di dalam Laporan Tahunan SUHAKAM 2000 serta laporan-laporan khas lain seperti Laporan Hak Orang Asal 2003, dan Laporan Bakun dan Hak Tanah Adat Peribumi 2002. Ketiadaan dokumen rasmi yang menggariskan TAP ini menimbulkan rasa tidak puas hati terhadap pihak berkuasa serta konflik dengan syarikat-syarikat pembalakan dan pemaju-pemaju ladang. Perkara ini turut memberi kesan sampingan terhadap mekanisme pampasan atau ganti rugi. SUHAKAM mengakui hak negeri terhadap pentadbiran hal ehwal tanah seperti mana yang diperuntukkan di bawah Kanun Tanah Negeri. SUHAKAM juga memahami bahawa Kerajaan Sarawak mempunyai mekanisme tersendiri yang membantu mengekalkan dan membangunkan ekonomi kawasan-kawasan tanah TAP melalui pelbagai skim pembangunan tanah dan konsep pembangunan tanah negeri. Walau bagaimanapun, terdapat keperluan penting untuk menilai semula isu keseluruhan mengenai pemilikan tanah lazim dengan mengambil kira adat serta tradisi masyarakat tersebut di samping mewujudkan satu kanun tanah yang mesra hak yang akan membawa kepada penguasaan ekonomi yang lebih berkesan dan pengagihan sama rata kekayaan milik negeri. SUHAKAM akan terus menggesa pihak-pihak berkuasa untuk bertindak atas kemungkinan menubuhkan satu agensi yang inklusif dan yang diwakili oleh pihak terlibat untuk mengawal selia usaha tersebut.

(v) Kesan penempatan semula

Penduduk-penduduk yang hilang penempatan di bawah skim empangan Bakun yang diminta berpindah ke kawasan penempatan semula di Asap, secara umumnya menikmati akses yang lebih baik kepada bekalan air bersih, bekalan elektrik, pendidikan, perkhidmatan kesihatan, pengangkutan, dan kemudahan-kemudahan sosial serta rekreasi yang lain. Sesetengah daripada mereka walau bagaimanapun menghadapi masalah membiasakan diri dengan cara hidup baru yang berorientasikan wang ringgit apabila terpaksa meninggalkan tradisi memburu dan ekonomi perolehan sara hidup mereka. Kekurangan peluang pekerjaan yang sesuai serta kurang persediaan penduduk ini mengeruhkan lagi keadaan. Terdapat segolongan kaum minoriti penduduk Bakun ini yang enggan berpindah dan terdapat juga segolongan penduduk yang kembali semula ke penempatan asal mereka. Mereka menghadapi masalah kekurangan kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik, sekolah dan kemudahan kesihatan. Beberapa kawasan juga sedang dibantu oleh NGO.

2. BENGKEL HAK ASASI MANUSIA BERSAMA AGENSI PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Keadaan tahanan di Pusat Tahanan menjadi salah satu perhatian utama SUHAKAM. Satu siri bengkel dianjurkan untuk pegawai-pegawai penguatkuasa

dari pelbagai jabatan Kerajaan dan agensi penguatkuasaan. Objektif utama bengkel ini adalah untuk menyemai nilai-nilai hak asasi manusia di kalangan mereka di tempat kerja masing-masing. Di Sarawak, bengkel pertama yang merangkumi Kuching, Samarahan, Sri Aman dan Betong telah diadakan pada 5 Ogos. Bengkel ini telah diadakan untuk 50 orang pegawai dari kalangan pihak Polis, Jabatan Imigresen, Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Perbandaran Kuching Selatan, Jabatan Penjara, Badan Pencegah Rasuah, Jabatan Kastam dan Eksais, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Agensi Dadah Kebangsaan.

Isu-isu yang menjadi perhatian adalah:

(a) Kesesakan di pusat tahanan

Kesesakan di tempat-tempat tahanan menyebabkan kesukaran memenuhi standard hak asasi manusia. Faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah ini adalah bilangan pendatang asing yang terlalu ramai, kelewatan dalam pengurusan dokumen pentadbiran, jangka masa tahanan wajib 30 hari dan kurangnya kerjasama dari sesetengah negara asal pendatang-pendatang ini.

(a) Kekurangan bahan bacaan

Wujudnya proses penapisan yang terlalu ketat ke atas bahan bacaan yang berunsurkan pendidikan dan terdapatnya kekurangan bahan bacaan am yang ketara.

(b) Tahanan di bawah umur 21 tahun

Tahanan-tahanan muda masih belum diasingkan dari tahanan dewasa yang lain di beberapa pusat tahanan.

(c) Latihan kemahiran

Lebih banyak bengkel-bengkel kemahiran yang lebih terancang perlu disediakan kepada tahanan-tahanan bagi menyediakan mereka untuk kembali semula ke dalam masyarakat.

(d) Lembaga Pengampunan

Lembaga ini perlu mengadakan pertemuan dengan lebih kerap untuk mempertimbangkan kes-kes yang berkaitan dengan hukuman mati dan mengkaji kes-kes tersebut seperti yang ditetapkan oleh undang-undang.

3. LAWATAN KE PUSAT TAHANAN SEMENTARA

Pada 4 September lalu, ahli-ahli Kumpulan Kerja Aduan dan Siasatan telah membuat lawatan ke Pusat Tahanan Sementara Semuja di Serian yang menempatkan pendatang asing. Pusat ini diuruskan bersama oleh Jabatan Imigresen, Polis dan Tentera.

4. LAWATAN KE HOSPITAL SENTOSA

Lawatan ke Hospital Psikiatrik Sentosa di Kuching telah diadakan pada 16 Oktober. Keadaan keseluruhannya adalah memuaskan. Pesakit-pesakit telah diberi peluang menjalani latihan kemahiran serta perpustakaan yang baik turut disediakan. Pesakit yang serius diasingkan daripada yang lain.



Peserta mengajukan soalan mengenai Hak Asasi Manusia semasa dialog SUHAKAM di daerah Mukah

5. LAWATAN KE LOKAP

Lawatan telah dibuat ke lokap-lokap di Balai Polis Sibu, Kuching Sentral dan Satok. Menurut pemerhatian yang dibuat, pakaian tahanan-tahanan

di lokap masih lagi belum memenuhi standard minimum yang diperuntukkan. Kesesakan masih lagi menjadi masalah di lokap terutamanya apabila latihan penguatkuasaan khas dijalankan.

6. PENYEBARAN MAKLUMAT

Pesuruhjaya-pesuruhjaya SUHAKAM telah ditemu ramah secara langsung oleh media tempatan dalam usaha untuk menyebarkan maklumat untuk memberi pendidikan kepada rakyat berkenaan dengan isu hak asasi manusia dan juga isu-isu semasa negeri Sarawak. Temu ramah-temu ramah ini telah diadakan bersempena dengan sesi-sesi dialog SUHAKAM di Sarawak.

7. KESIMPULAN

Aktiviti utama SUHAKAM di Sarawak tertumpu kepada menganjurkan road show yang berterusan. Sambutan orang awam dan sokongan kerajaan setakat ini adalah amat menggalakkan. Walau bagaimanapun, masih terdapat tanggapan yang salah mengenai peranan SUHAKAM terutamanya berkaitan hal-hal yang melibatkan keputusan eksekutif. Isu-isu berkaitan Hak Tanah Adat Peribumi akan terus menjadi perhatian utama SUHAKAM sehinggalah wujudnya dokumen yang lengkap berkenaan penyelenggaraan tanah di bawah kategori ini. SUHAKAM akan terus menggesa pihak kerajaan negeri dalam perkara ini. Satu mekanisme telah ditubuhkan di mana SUHAKAM boleh mengadakan perbincangan awal bersama Penasihat Undang-Undang Negeri dan jabatan atau agensi kerajaan yang berkaitan untuk menyemak aduan-aduan berkenaan isu ini. Laporan-laporan khas yang berkaitan mengenai Hak Orang Asal dan Bakun dan Hak Tanah Adat Peribumi telah disusun untuk tujuan rujukan.

BAB 12

MAJU KEHADAPAN

BAB 12:
MAJU KEHADAPAN

Tahun 2003, tahun keempat penubuhan SUHAKAM, ditandakan dengan rasa perpaduan dan penggabungan. Suruhanjaya telah berjaya membantu menambahkan hasil berhubung keutamaan yang telah dikenal pasti, matlamat yang ditetapkan, dan langkah-langkah yang telah dipilih sehingga kini dalam meningkatkan lagi penyampaian hak asasi manusia di kalangan rakyat Malaysia. Ini tidak mungkin dapat menjadi kenyataan sekiranya masyarakat tidak menerima SUHAKAM sebagai sebuah institusi yang bersedia mendengar keluhan mereka.

Sepanjang tahun ini, penyertaan awam dalam aktiviti-aktiviti Suruhanjaya serta maklum balas daripada masyarakat umum mempunyai kesan berganda - iaitu secara beransur-ansur telah mengumpulkan pihak-pihak yang berminat dengan setiap aspek hak asasi manusia, dan dalam menggesa pihak berkuasa untuk mengembangkan pelbagai manifestasi praktikal berkenaan kesemua hak tersebut. Kepercayaan masyarakat terhadap SUHAKAM amatlah mengharukan, dan ini menunjukkan bahawa hak asasi manusia sedang mendapat tempat dalam kehidupan harian orang biasa.

1. KEMAJUAN DALAM TAHUN 2003

Suruhanjaya meningkatkan keupayaannya untuk memenuhi harapan utama dengan memupuk kata sepakat serta mengumpul pakar-pakar untuk memajukan isu-isu yang berkaitan dengan hak asasi manusia seperti berikut:

- Penyusunan Semula Dalaman
  ECOSOC mula beroperasi pada pertengahan tahun 2003, manakala KKPPTA telah disatukan.

- Interaksi Secara Langsung
  Sebagai tambahan kepada perundingan yang berterusan di Semenanjung Malaysia, *'road show'* telah dianjurkan di Sabah dan Sarawak yang mempertingkatkan kesedaran tentang fungsi-fungsi SUHAKAM, menyebarkan maklumat mengenai hak asasi manusia yang asas, dan juga merekod masalah-masalah yang berkaitan hak asasi manusia untuk perhatian pihak berkuasa yang berkenaan.

- Pendidikan Intensif
  Pendidikan hak asasi manusia telah dibawa ke agensi-agensi penguatkuasaan dan sekolah-sekolah, sementara SUHAKAM mendapat pemahaman yang lebih jelas mengenai kumpulan-kumpulan ini. Penekanan diberikan kepada mengubah pemikiran melalui pemahaman prinsip-prinsip hak asasi manusia dan mengamalkannya di dalam rutin harian sebagai satu kebiasaan. Tidak kira samada untuk penguatkuasa undang-undang atau kanak-kanak, mesej utama yang disampaikan ialah menghormati hak asasi manusia dan meminimakan pencabulan.

- Memperluaskan Perlindungan
  Sejajar dengan perkembangan tren global yang memberi perlindungan istimewa untuk kumpulan-kumpulan lemah atau yang tidak dilindungi - merangkumi golongan OKU, orang

asal, kanak-kanak dan wanita - SUHAKAM telah menerajui usaha-usaha untuk menerapkan hak tertentu mereka ke dalam aliran pembangunan utama. Ini termasuklah melahirkan pengiktirafan bahawa polisi-polisi yang berkaitan mestilah berdasarkan hak, bukannya berasaskan kebajikan.

- Aplikasi Praktikal
  Pendekatan yang komprehensif telah digunapakai ke arah menimbulkan rasa hormat terhadap hak asasi manusia individu dalam tahanan, sama ada atas alasan keselamatan dalam negeri, siasatan jenayah, pemulihan atau kemasukan secara haram ke dalam negara, Walaupun SUHAKAM memahami bahawa Kerajaan mempunyai tugas untuk memastikan kedaulatan undang-undang dan keamanan, SUHAKAM berpendirian bahawa penguatkuasa undang-undang bertanggungjawab untuk mempertahankan hak asasi individu yang ditahan. Oleh itu, perundingan telah diadakan dengan agensi-agensi berkenaan yang menjurus ke arah peningkatan pemahaman tentang tanggung jawab mereka dan kemajuan dari segi koordinasi untuk mengurangkan pencabulan hak asasi manusia.

2. TAHUN AKAN DATANG

SUHAKAM sedar bahawa ia diharap untuk bergerak maju ke hadapan pada tahun akan datang dan mereka yang terlibat dengan penubuhannya mengharapkan satu rumusan kepada isu-isu yang mempunyai kesan ke atas kesejahteraan mereka. Suruhanjaya yakin bahawa kemajuan sebenar akan hanya diperolehi apabila hak asas yang dimiliki oleh setiap rakyat dihormati dan dipertahankan dengan penuh makna. Resolusi untuk beberapa isu akan diperolehi melalui perundingan.

Memandangkan hak asasi manusia tidak dapat dibahagikan, SUHAKAM akan menganjurkan perbincangan yang lebih mendalam mengenai hak asas ekonomi dan sosial. Dengan memperkukuhkan mandatnya untuk memperta-hankan hak setiap sektor dalam masyarakat secara saksama, SUHAKAM telah menjadikan ianya satu keutamaan untuk menangani keperluan dan masalah yang dihadapi oleh kumpulan-kumpulan yang lemah dan yang tidak dilindungi di dalam masyarakat termasuklah masyarakat orang asal. Pada tahun 2004, isu-isu seperti perumahan yang wajar, penjagaan kesihatan yang wajar dan penyeludupan wanita dan kanak-kanak akan ditangani.

Begitu juga, sebagai projek susulan bagi seminar pengenalan berkenaan 'Akses Kepada Keperluan Asas', isu-isu berhubung perumahan yang wajar akan dibincangkan secara menyeluruh dalam satu seminar yang akan diadakan pada Januari 2004.

Satu seminar juga akan diadakan mengenai penyeludupan wanita dan kanak-kanak pada April 2004 untuk mendapatkan pemahaman, daripada persepsi tempatan dan serantau, dalam perdagangan yang mengeksploitasi manusia. Objektif utama adalah untuk mengenalpasti saranan yang mantap untuk mengawal aktiviti haram ini dan mencari cara untuk membantu mereka yang telah dijadikan mangsa.

SUHAKAM mengiktiraf peranan pihak media dalam memaklumkan masyarakat umum tentang hak mereka, dan SUHAKAM berpendapat bahawa ia tidak sepatutnya dihalang tanpa sebab oleh undang-undang yang menyekat aliran maklumat yang berterusan. Pengawalan dalaman merupakan kompromi yang semakin banyak diterima di kebanyakkan negara. Suruhanjaya, sebagai susulan kepada saranan yang dibuat di bengkel kebebasan media yang telah diadakan pada tahun 2002, akan menganjurkan satu 'Konsultasi Nasional Mengenai Majlis Media' pada tahun 2004. Ini akan mewujudkan persetujuan bersama di kalangan para pemilik, editor, wartawan dan masyarakat madani berkaitan bentuk dan funsgi-fungsi Majlis tersebut. Di antara isu-isu yang akan dipertimbangkan ialah hak untuk mendapatkan maklumat, kebebasan menyuarakan pendapat dan hak persendirian yang bukan menjadi perhatian orang awam.

Dalam usaha Kerajaan untuk mengawal keganasan global dengan melaksanakan undang-undang dan langkah-langkah keselamatan, SUHAKAM akan terus meneliti dan memantau perlaksanaannya. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya akan terus memperjuangkan pendekatan pilihannya bagi aktiviti penguatkuasaan - yang mempertahankan hak asas individu yang ditahan untuk mendapatkan perbicaraan adil dan anggapan tidak bersalah. Tindakan penekanan, sebagai satu cara untuk menangani keganasan, belum terbukti berkesan dalam menangani punca-punca dasar, contohnya seperti penafian akses kepada hak sosio-ekonomi.

Adalah sangat penting agar SUHAKAM dilihat sebagai sebuah badan yang bebas dan tidak berat sebelah oleh mereka yang menggunakan perkhidmatannya. Suruhanjaya ini telah berusaha untuk mengekalkan sikap neutral, terutamanya di dalam siasatan berkenaan pencabulan hak asasi manusia. Ini amatlah penting untuk mengekalkan kredibiliti dalam operasinya dan keyakinan terhadap syor-syornya. Oleh itu, SUHAKAM akan berusaha keras untuk mengekalkan perkhidmatan yang pro-hak asasi manusia kepada semua pihak.

Manakala Suruhanjaya ini prihatin dengan semua isu-isu utama yang dihadapi oleh rakyat Malaysia, ia sedar bahawa perubahan biasanya bermula dengan langkah kecil di tempat yang kecil. Dengan mewujudkan budaya penyayang dan prihatin terhadap masyarakat sekeliling, rakyat akan dapat menyumbang kepada persekitaran di mana hak asasi manusia dapat terus berkembang dengan maju. Jaminan untuk memastikan agar budaya hak asasi manusia dapat dikekalkan adalah budaya yang dimiliki dan dilaksanakan oleh rakyat sendiri.

LAMPIRAN

ROADSHOW SUHAKAM

SARAWAK	
TARIKH	TEMPAT
25 Januari 2003	Dewan Masyarakat Lawas, Lawas
22 Februari 2003	Dewan Suarah Limbang, Limbang
29 Mac 2003	Dewan Suarah Marudi, Marudi
5 Mei 2003	Dewan Suarah Bintulu, Bintulu
14 Jun 2003	Dewan Masyarakat Belaga, Belaga
12 Julai 2003	Dewan Suarah Miri, Miri
30 Ogos 2003	Dewan Suarah Kapit, Kapit
3 September 2003	Dewan Suarah Mesra, Mukah
11 Oktober 2003	Dewan Suarah Sibu, Sibu

SABAH	
TARIKH	TEMPAT
5 Februari 2003	Dewan St. Theresa, Daerah Kora Marudu
13 Mac2003	Auditorium Perpustakan Tawau, Daerah Tawau
17 April 2003	Hotel Perkasa, Daerah Keningau
19 Jun 2003	Dewan Masyarakat Kuala Penyu, Daerah Kuala Penyu
10 Julai 2003	Shangri-la Rasa Ria Resort, Daerah Tuaran
24 Julai 2003	Dewan Masyarakat Kudat, Daerah Kudat
9 Ogos 2003	Dewan Masyarakat Membakut, Daerah Kecil Membakut
27 September 2003	Dewan Masyarakat Tambunan, Daerah Tambunan

SUHAKAM

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

PRESS STATEMENT

SUHAKAM REPORT: PUBLIC INQUIRY INTO THE CONDITIONS OF DETENTION UNDER THE INTERNAL SECURITY ACT 1960.

The Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM) has received a number of complaints and memorandums containing allegations that persons detained under the Internal Security Act 1960 (ISA) have been subjected to violations of human rights during their period in detention.

Amongst issues raised in such complaints and memorandums include allegations of torture, cruel, inhuman and degrading treatment, inadequate access to food and medical treatment, denial of the right to legal representation and the right to appear before a magistrate to challenge the legitimacy of the detention.

On 10 April 2002, SUHAKAM was presented with a memorandum by Gerakan Mansuhkan ISA (GMI), which alerted the Commission of the fact that six of the detainees at Kamunting had embarked on a 'Hunger Strike' to protest their detention under the ISA.

The immediate concerns relating to the health and general well-being of the detainees in light of their decision to proceed with the 'Hunger Strike' thus provided the impetus for the Commission to decide to proceed with a Public Inquiry into the Conditions of Detention under the ISA. (As empowered under section 12 of the Human Rights Commission of Malaysia Act 1999).

Tingkat 29, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 603-2616 5600 Fax : 603-2612 5620 Email : humanrights@suhakam.org.my

The following Commissioners were appointed on to the Inquiry Panel:

(a) Tan Sri Harun Mahmud Hashim (Chairperson of the Inquiry Panel)
(b) Professor Dato' Hamdan Adnan
(c) Dato' Asiah Abu Samah

Inquiry began on 18 June 2002 with the first stage held at the Kamunting Prison Sports Hall where testimonies were heard from 16 detainees and one former detainee, the second phase was held at the Kamunting Detention Center and the third phase of the Inquiry was held at the SUHAKAM office in Kuala Lumpur, on 5th August 2002.

SUHAKAM RECOMMENDATIONS

I. Detention Under Section 73 of the ISA

a) The police should at all times exercise their utmost care in ensuring that the right to liberty, as enshrined in Article 5 of the Federal Constitution and Article 9 of the Universal Declaration of Human Rights 1948, is not violated without due justification.
b) Individuals should not be detained under the ISA unless genuine reasons exist for believing that such individuals are a threat to national security. Where detentions are necessary, such detentions should only be for as long as is absolutely necessary.
c) Effective investigations should be carried out into allegations of cruel, inhuman and degrading treatment or punishment of ISA detainees who testified of such treatment during the Inquiry, and all other known cases of such treatment in respect of other ISA detainees.
d) Disciplinary action should be taken in respect of officers who have been found upon investigation, to have treated detainees in a cruel, inhuman and degrading manner.

e) All law enforcement officers should be aware of the fact that as agents of the State, they are obligated to conduct themselves in a manner which evinces absolute respect for the prohibition against torture, cruel, inhuman and degrading treatment or punishment. Training should be provided for such officials to enable them to be more aware of their obligations.

f) Adequate steps should be taken to ensure that detainees are provided with clean bedding during their detention.

g) All detention cells should be adequately ventilated to ensure the health and well being of detainees and to enable them to be aware of their surroundings.

h) Adequate funds should be provided to the police to increase the number of cells in larger lock-ups of police stations, which are frequently overcrowded.

i) Family members should be informed of the arrest of detainees within 24 hours of the arrest.

j) Detainees should not be required to wait for two weeks before gaining access to their families.

k) Appropriate amendments should be made to Rule 22(6) of the Lock-Up Rules 1958, to protect the right to privacy of the detainee during family visits, as guaranteed under Article 12 of the Universal Declaration of Human Rights.

l) Detainees should be produced before a magistrate within 24 hours of arrest in accordance with Article 5 of the Federal Constitution.

m) Detainees should be allowed access to Counsel during the aforesaid production before a magistrate and supplied with a copy of the grounds of arrest.

II. Detention Under Section 8 of the ISA

a) Detainees should be provided with a range of programs and classes to stimulate their minds and to enable their period in detention to be used

productively. They should also be given the opportunity to learn new knowledge and skills, including IT skills, in order to assist their reentry into society.

b) The ustaz sent to Kamunting should be of adequate standard to ensure that the detainees are able to benefit from the religious instruction provided.

c) Detainees professing religions other than Islam should be allowed to receive appropriate religious instruction about their own faiths.

d) Detainees should be given the right to work in exchange for remuneration.

e) The Ministry of Home Affairs should provide the families of detainees with financial support in lieu of income by virtue of the fact that the detainees are not convicted criminals. The loss of earnings resulting from the period in detention should be adequately compensated to ensure the welfare of the families of the detainees.

By authority of SUHAKAM

(KAMARUDDIN MOHAMED BARIA)
Secretary

6th March 2003

SUHAKAM

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

PRESS STATEMENT

SUHAKAM REPORT ON THE "REVIEW OF THE INTERNAL SECURITY ACT 1960" CALLS FOR NEW ANTI-SUBVERSION LAW

The Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM) recommends to the Government to enact a new anti-subversion law to replace the Internal Security Act 1960 (ISA).

The ISA is a legislation enacted by Parliament under Article 149 of the Malaysian Federal Constitution that provides for special powers of legislation against subversion. It is a peacetime legislation.

The ISA as it stands now has two main provisions, section 8 and 73, relating to the detention of persons without trial. These provisions and their implementation have given rise to grave concerns that they infringe human rights principles and that citizens and non-citizens have been subjected to arbitrary detention and inhuman or degrading treatment whilst in detention.

It is recognised that the State must have powers to handle the threat or presence of internal or external subversion that includes the menace of terrorism.

However, the State, in resorting to powers or measures that limit human rights, must take into account that the limitations imposed must have a legitimate aim of dealing with the preservation of national security and public order, that they are necessary for the protection of the legitimate aim, that the degree of limitations must be proportionate to the protection of the legitimate aim and that there are adequate safeguards to avoid abuse of powers.

SUHAKAM, after considering the law and practice in relation to the ISA, has found that the balance between national security and human rights is currently disproportionately weighted in favour of national security and there are inadequate safeguards against misuse or abuse of the detention provisions of the ISA.

It is the view of SUHAKAM that stringent and adequate measures against subversion (including terrorism) and the threat thereof may be achieved by a comprehensive legislation which tries to take into account all conceivable forms of subversion (including terrorism) and which conforms with human rights principles.

Tingkat 29, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 603-2616 5600 Fax : 603-2612 5620 Email : humanrights@suhakam.org.my

SUHAKAM

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

PRESS STATEMENT

SUHAKAM: RELEASE OF ISA DETAINEES

The Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM) welcomes the release from detention under the Internal Security Act (ISA) of Tian Chua, Saari Sungib, Mohd Ezam Mohd Noor and Hishamuddin Rais.

SUHAKAM also looks forward to the review of the detention orders of Lokman Adam and Dr. Badrulamin Bahron with the expiry of their detention orders on 12 June 2003. It is hoped that they will also be freed immediately and unconditionally.

Their release was indeed overdue, in light of the Federal Court judgement in September last year that declared the detention of the six reformasi activists (including Lokman Adam and Dr Badrulamin Bahron) as illegal and *mala fide* (in bad faith).

SUHAKAM, on its part, has on numerous occasions expressed concern over the detention without trial of persons under the ISA, including the six detainees.

On 23 May 2003, SUHAKAM wrote to the relevant authority expressing its view that the six detainees should be released unconditionally.

The move by the Home Ministry not to extend the detention order and for the unconditional release of the four men is a step in the right direction towards adopting the recommendations contained in SUHAKAM's report on the Review of the Internal Security Act 1960 made public in March 2003.

Tingkat 29, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 603-2616 5600 Fax : 603-2612 5620 Email : humanrights@suhakam.org.my

It is timely for SUHAKAM to reiterate its recommendation that the ISA, which is a legislation enacted under the special powers provided in Article 149 of the Federal Constitution, be repealed and that the Government enact a new comprehensive legislation, without resorting to Article 149 and which conforms with human rights principles, to combat subversion (including terrorism).

By authority of SUHAKAM,

KAMARUDDIN MOHAMED BARIA
Secretary

5 June 2003

SUHAKAM

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

SUHAKAM: FOLLOW GUIDELINES ON FREEDOM OF ASSEMBLY

The Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM) welcomes the announcement by the Election Commission to lift the ban for political candidates to hold public rallies as a move to uphold the right to Freedom of Assembly.

In the exercise of their right, SUHAKAM urges that the parties concerned follow the guidelines recommended in its Freedom of Assembly report* to ensure that freedom of assembly and the greater right of freedom of expression can be enjoyed in a peaceful manner.

SUHAKAM short-term recommendations include:

1. Applications for permits to hold static assemblies (as opposed to processions) in premises such as stadiums, halls, and private properties, to be approved as a general rule, without restrictions on freedom of expression. In addition, public places of different sizes and at different locations to be identified by the authorities for the holding of public assemblies (if the organisers so choose to use any of them) to help overcome the difficulty that some organisers have in securing suitable places for their assemblies.

2. A guideline for organisers of public assemblies and processions to be prepared, setting out the responsibilities of organisers, in:

- ensuring the safety of members of the public;
- avoiding damage to property; avoiding fear or alarm to the public;
- avoiding disruption to the local community;
- appointing marshals to help ensure that the event goes according to plan; and
- the use of banners and public address systems.

3. A line of communication between the Police and organisers of public assemblies and processions should be established and be kept open to enable friendly negotiations to take place, particularly in relation to conditions to be imposed on organisers.

Under the Police Act, the Police has the discretion to issue permits for such rallies, and it is hoped that this will not be used as a means to deny the public's right to freedom of peaceful assembly and association as stated in Article 20(1) of the Universal Declaration of Human Rights:

Tingkat 29, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 603-2616 5600 Fax : 603-2612 5620 Email : humanrights@suhakam.org.my

> "The right of peaceful assembly shall be recognised. No restriction may be placed on the exercise of this right other than those imposed in conformity with the law and which are necessary in a democratic society in the interests of national security or public safety, public order (*ordre public*), the protection of public health or morals or the protection of the rights and freedoms of others."

SUHAKAM maintains that peaceful assemblies are a healthy way for members of civil society to express their views and, as such, need not be the cause of any public disorder if all persons involved, the public and the authorities alike, conduct themselves with propriety.

By authority,



Kamaruddin Mohamed Baria

Secretary

19 September 2003

(* For the Freedom of Assembly report: www.suhakam.org.my)

SUHAKAM

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

SUHAKAM: PRISONS DEPARTMENT SHOULD TAKE OVER MANAGEMENT OF MORE IMMIGRATIONS DEPOTS.

The Malaysian Human Rights Commission (SUHAKAM) welcomes the recent move of the Prisons Department to take over of the management of the Juru detention center for the purpose of housing illegal immigrants from 5 October 2003. This move will certainly help to reduce congestion in the Penang prison.

SUHAKAM recommends that the Prisons Department expedite the take over of the Machap Umboo Immigrations Depot in Malacca, Lenggeng Immigrations Depot in Negeri Sembilan, Semenyih Immigrations Depot in Selangor and Langkap Immigrations Depot in Teluk Intan.

This would be in line with the take over of the management of other detention centers such as those in Ajil in Terengganu, Tanah Merah in Kelantan and Belantek in Kedah.

The take over is recommended based on recent visits to seven detention centers by SUHAKAM that was prompted by complaints and memoranda received pertaining to the arrest of illegal immigrants reported to be asylum seekers fleeing their state.

Among the complaints received included reports of children being housed at the immigration detention centers, deplorable conditions of detention centers, mistreatment of detainees and delays in repatriation.

In the month of August 2003, a team of officers from the Complaints and Inquiries Working Group of SUHAKAM, led by Professor Dato' Hamdan Mohd Adnan, conducted visits to seven detention centers, five of which were Immigrations Depot.

Tingkat 29, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 603-2616 5600 Fax : 603-2612 5620 Email : humanrights@suhakam.org.my

The purpose of the visits was to interview those arrested to determine the reason for their coming to Malaysia, to determine the exact numbers held in these detention centers and to determine whether the conditions of detention complied with the minimum standards set out in international instruments.

The detention centers visited were:

1. Juvenile Detention Centre in Sungai Petani, Kedah on 8.8.03
2. Immigration Depot at Belantek in Sik, Kedah on 8.8.03
3. Police Lock-up in Seremban, Negeri Sembilan on 13.8.03
4. Immigration Depot in Macap Umboo, Malacca on 13.8.03
5. Immigration Depot in Lenggeng, Negeri Sembilan 15.8.03
6. Immigration Depot in Semenyih, Selangor 15.8.03
7. Immigration Depot in Langkap, Teluk Intan 22.8.03

Among SUHAKAM recommendations include:

- Embassies to come forward and give their full cooperation in order to resolve problems of communicating with foreign nationals and in contacting family members in order to shorten time in transit and to hasten deportation.
- Prisons Department to take over management of the detention centers such as Machap Umboo, Semenyih, Lenggeng and Langkap.
- Deployment of more personnel to ensure security of staff and detainees in the overcrowded facilities.
- Urgent attention be given to health threatening conditions such as overflowing septic tank as this could pose a health risk for the detainees and personnel.
- Unhygienic living conditions could be a factor in the outbreak of diseases such as meningitis. Health authorities should make regular health checks as illegal immigrants may also be suffering from various infectious diseases.

- The Social Welfare Department should look into the plight of the 80-year-old man detained at the Machap Umboo Immigrations Depot in Malacca as he should not be left to languish at the detention center.

A Synopsis of the observations made:

Detainees comprise:

(i) Those in transit and awaiting deportation after having served their prison sentences and,

(ii) Those arrested by the Police or Immigrations officers for lack of valid documents.

1. **Immigration Depot at Belantek in Sik, Kedah**

The depot was established in 1963 to contain the communist insurgency that was rampant in and around Sik at that time. On 9 November 2002, the Prisons Department took over the administration of the center. Currently there are 44 personnel to look after security and administration of 652 detainees, with six personnel on duty at any one time. At the time of the visit by SUHAKAM team, there were 652 detainees, of which four were children (two boys and two girls), 50 Rohingyas and 58 Acehnese.

The SUHAKAM team was informed that several detainees had been awaiting deportation for a long period due to lack of cooperation from certain embassies to acknowledge citizens of their country. The lack of valid documentation has hampered efforts to send these detainees home. Immigrations informed that they were trying to correspond with families of detainees to get the relevant documents. The depot officers were also faced with the problem of communicating with nationals from non-English speaking countries such as Vietnam, Cambodia and China.

Some detainees refused to divulge any information as they were fear that once deported they would be arrested and imprisoned upon arrival in their home

country. This has also delayed efforts to trace their families. The safety of officers and detainees is of concern as the detention center was overcrowded. The team was informed that the depot's capacity was for 400 people but on the day of the visit there were 652 detainees housed there. The lack of space resulted in some having to sleep along the corridors and beneath the buildings that had been raised above ground. Deployment of only six personnel to oversea the 652 inmates also put safety at high risk.

2. **Immigration Depot in Macap Umboo, Malacca**

The Depot was built in 1972 and is currently under the management of the Police. At the time of the visit by the SUHAKAM team there were 371 detainees – 269 men, 98 women and six children. It was observed that the shortage of staff had resulted in only four personnel to man a total of 371 detainees. There was also a problem of overcrowding as the 98 women and the six children were housed in one building while the 269 men were crammed together in another building.

The building housing the male detainees was in a deplorable state and unhygienic due to an overflowing septic tank. The living conditions fell far short of the decent conditions of habitation let alone those requirements stipulated in the Standard Minimum Rules. The health of the detainees and personnel were at risk as there had been a recent outbreak of meningitis at the depot. Officials informed of the problem of doubtful nationality in the case of an 80-year old Indian man who spoke Bahasa Malaysia and claimed to be Malaysian and of an Indian boy who claimed to be Sri Lankan. Both detainees did not have the necessary documents to verify claims.

3. **Immigration Depot in Lenggeng, Negeri Sembilan**

There were 510 detainees from 14 countries housed in this depot. There was a severe shortage of staff with only six personnel to man 510 detainees. It was observed that the two buildings where the male detainees were being housed were overcrowded and in poor condition and water-clogged. There were detainees

observed with skin infections and rashes all over their bodies and pus oozing from their skin.

A few detainees claimed that were issued UNHCR registration cards and were waiting to be sent to third countries. The SUHAKAM team was informed that one of reason for the entry of illegal immigrants into Malaysia was to apply for repatriation to a third country as it would be impossible to them do so from their own country. In the case of the Rohingya's, almost half of the numbers sent to the Thai border make their way back into Malaysia.

In some cases it takes up to six months to return detainees to their country of origin. In the case of nationals from Iran, Iraq and Nigeria, the SUHAKAM team was informed that certain airlines refused to take them on board even though Malaysia was willing to pay for their flight tickets. Some foreign nationals arrested could speak three different languages fluently, and the authorities faced difficulty in ascertaining their country of origin. eg. Those who speak French claim they were from France.

4. Immigration Depot in Semenyih, Selangor

At the time of the visit by SUHAKAM, there were 1807 detainees with 1248 men and 531 women. SUHAKAM was informed that only eight officers were deployed to man the depot at any one time. When interviewed, some of the women detainees told of being tricked with promises of high paying jobs in Malaysia but ended up in massage parlours, karaoke centers and pubs to entertain men. The women claimed to be from Indonesia, Myanmar, Uzbekistan, Mongolia, Thailand, Vietnam and China.

5. Immigration Depot in Langkap, Teluk Intan

This visit was as a result of media reports on the arrest of 239 illegal immigrants from Aceh by Police on 28 August 2003. Out of 239 arrested were 216 men, 13 women and three children. There were also six men and one woman from

Myanmar detained during the Police action. When interviewed away from hearing distance of immigration officers, several Aceh detainees said they were well treated well and there were no complaints of ill treatment. Some detainees informed the SUHAKAM team that they wanted to return to Indonesia while several others said they wanted to be sent to third countries.

6. Juvenile Detention Centre in Sungai Petani, Kedah

This detention center was built in 1920 and from 1962 to 1997 it became the "Pusat Latihan Banduan Muda Semenanjung Malaysia". It was converted to a "Penjara Pra-Bebas" to house prisoners about to be released as a means to reduce the over-crowding of prisons in the Northern Region. It was also found that 162 young detainees aged 21 and below who are foreign nationals. They were all placed under the Putra Rehabilitation Program that follow modules used by all prisons throughout the country.

It was also noted that there had been an improvement in diet of the prisoners since 1 July 2003 as the Prisons Department had been instructed to follow the diet scale recommended by the 1999 Dietary Guidelines issued by the Health Ministry. Overall, observations showed the facilities were suitable as a juvenile prison and rehabilitation centre.

7. Police Lock-up in Seremban, Negeri Sembilan

The Police Lockup was built in 1927 and gazetted on 22 Oct 1953. Although old, it was relatively in good condition. The SUHAKAM team was informed that construction of a new Police Lockup at Seremban II had been completed and staff were waiting to be informed of the date for transfer to the new facility. The team was informed that women detainees were being housed in the Mantin Police Lockup. There was a total of 68 people remanded including 10 for immigration offences such as lack of valid travel documents. The SUHAKAM team was informed that the women detainees said they had entered Malaysia for immoral

purposes and that their local agents had also been detained and charged for harbouring illegals.

Professor Dato' Hamdan Mohd Adnan
SUHAKAM Commissioner and
Chairman of the Complaints and Inquiries Working Group

22 September 2003

SUHAKAM

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

SUHAKAM: RESOLVE LAND DISPUTES OF THE SEMAI ORANG ASLI

The Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM) call on the Perak State Government to resolve outstanding disputes involving native customary land of the Orang Asli in accordance with human rights standards.

As land is essential to ensure the cultural survival of the Orang Asli, a fair and just settlement should be reached with the Semai in Perak that will ensure the protection of their fundamental rights.

SUHAKAM recognize that land rights is the most pressing issue faced by the Semai Orang Asli and other Indigenous Peoples in Malaysia as the possibility of dispossession is putting their way of life and their culture under threat.

On 1 November 2003, SUHAKAM received a memorandum submitted by Jaringan Kampung Orang Asli Semai Peringkat Negeri Perak (JKOASPNP) in conjunction with the State-level celebrations to mark World Indigenous Peoples Day.

JKOASPNP is a network made up of 19 Orang Asli villages in Perak established in order to voice their common concern over the threat of being dispossessed from the lands and resources on which they depend.

A recent newspaper report (The Star, 6 November 2003) also allege the Orang Asli of the Air Banun Resettlement Scheme were prevented from fishing and gathering jungle produce near the Temenggor lake in Upper Perak by security forces.

SUHAKAM views with concern allegations of confusion in the enforcement by the soldiers who were carrying out orders as they had failed to be sensitive to the needs of the Orang Asli.

The Military authorities should investigate the incident and if there is just cause, to compensate the five Orang Asli for their alleged loss.

It is a matter of concern that insensitivity the needs of the Orang Asli may result in more native customary lands being transformed by logging, farming and other developments without the consent of the Orang Asli who maintain the right to their ancestral lands.

This is contrary to international human rights principle of meaningful participation and informed consent of Indigenous peoples in all policies concerning their governance and cultural survival.

Tingkat 29, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 603-2616 5600 Fax : 603-2612 5620 Email : humanrights@suhakam.org.my

Under the Universal Declaration of Human Rights, it is recognized that every indigenous woman, man, youth and child is entitled to the realization of all human rights and fundamental freedoms on equal terms with others in society, without discrimination of any kind.

Indigenous people and peoples also enjoy certain human rights specifically linked to their identity, including rights to maintain and enjoy their culture and language free from discrimination, rights of access to ancestral lands and land relied upon for subsistence, rights to decide their own patterns of development, and rights to autonomy over indigenous affairs.

SUHAKAM urge the Perak State Government to conduct a full investigation into the complaint of the Semai Orang Asli that their right to native customary land in the State has been violated.

The Semai Orang Asli in the 19 villages have appealed for their land to be gazetted as Orang Asli Reserve in accordance with the Land Act and the National Land Code and for the law to clearly demarcate its boundaries.

While the Aboriginal Peoples Act 1954 provide for the establishment of Orang Asli Reserves and also gives authority to the State Government to revoke this status and, the fear is that the community will be put at risk.

SUHAKAM views with concern a complaint received from the Orang Asli in Kampung Chang in Bidor alleging police intimidation following the memorandum submitted to the Human Rights Commission.

Under Section 12 (1) of Act 597, the Commission is empowered to register complaints made by an aggrieved person or group of persons and to inquire into allegations of any infringement of human rights.

As such, individuals or groups who complain to SUHAKAM should not be subjected to intimidation or harassment.

SUHAKAM plans to meet with Perak Menteri Besar Datuk Seri Tajul Rosli Ghazali to discuss the issues raised.

"Human Rights for All"

M Hamdan

Professor Dato' Hamdan Mohd. Adnan
SUHAKAM Commissioner
Chairman of the Complaints and Inquiries Working Group
10 November 2003

SUHAKAM

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

SUHAKAM: ENSURE HUMAN RIGHTS OF 13 STUDENTS ARRESTED UNDER THE ISA ARE PROTECTED

The Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM) urge the authorities to look beyond the law and to respect human rights principles in the arrest and detention of the 13 Malaysian students for alleged involvement with Islamic militants.

While the authorities have the discretion to deal with threats to national security, SUHAKAM cautions that the power to arrest and detain under section 73 of the ISA be exercised with utmost care and in good faith.

SUHAKAM maintains that individuals should not be detained under the ISA unless genuine reasons exist for believing that such individuals are a threat to national security.

In resorting to powers of arrest, the authorities should heed recommended safeguards to avoid misuse or abuse of detention provisions of the ISA especially with regard to the age of the students.

Adequate steps should be taken to ensure that detainee's family members have been informed of the arrest and that they should be allowed access to legal counsel as soon as possible.

As the 13 people arrested are aged from 17 to 25 years, SUHAKAM urge that investigations be conducted effectively, expeditiously and in good faith so that they are not detained for longer than absolutely necessary.

They should be treated in compliance with international standards, in particular those below 21 years of age, as detention can be detrimental to the mental and emotional development of the young person.

Based on the principle that "a person is innocent unless he is proven guilty", the police should exercise utmost care to ensure that the right to liberty, as enshrined in Article 5 of the Federal Constitution and Article 9 of the Universal Declaration of Human Rights 1948, is not violated without due justification.

By authority of SUHAKAM,

KAMARUDDIN MOHAMED BARIA
Secretary to SUHAKAM
11 November 2003

Tingkat 29, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 603-2616 5600 Fax : 603-2612 5620 Email : humanrights@suhakam.org.my

SUHAKAM

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

SUHAKAM: DEPORTATION OF EIGHT ACHEHNESE PUT ON HOLD

The Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM) commends the authorities for directing the Langkap Immigration Detention Depot to temporarily shelve the deportation order for eight Achehnese detained there.

Langkap Immigration Detention Depot Deputy Director Basri Hasan, informed SUHAKAM of this recent directive from higher authorities on Friday, 21 November 2003 during a visit by SUHAKAM Commissioner Professor Dato' Hamdan Mohd Adnan and members of the Complaints and Investigation Working Group (CIWG).

SUHAKAM visited the Langkap Immigration Detention Depot at Teluk Intan, Perak in response to a number of complaints received by SUHAKAM from various parties. The complainants expressed concern for the purported deportation of the eight and the health of a mother and her 13-month old child among them.

SUHAKAM officials were given access to the eight Achehnese detained at the Depot since August 2003. They were informed that the child had recently been discharged from hospital. It was observed that the child seemed under-weight but did not appear to be ill at the time of the visit.

On concerns that the father had been detained at the Lenggeng Immigration Depot, Langkap Immigration Depot authorities have given the assurance that they would look into the possibility of reuniting the family.

Tingkat 29, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 603-2616 5600 Fax : 603-2612 5620 Email : humanrights@suhakam.org.my

During the visit, it was observed that the Langkap Immigration Detention Depot was clean, well maintained and not over-crowded as there were 360 men, 38 women and one child at the Depot on the day of the visit. The Depot capacity is 1,500 persons at any one time.

SUHAKAM welcomes the decision of the authorities not to return the mother and child to Acheh, at least until an alternative measure is found. This would be consistent with Article 22 of the Convention on the Rights of the Child ratified by Malaysia in 1995.

This article establishes an obligation on States to take appropriate measures to ensure protection and humanitarian assistance to children seeking consideration for refugee status. This protection applies irrespective of whether the children are alone or in the company of parents or any other adult.

Under the principle of *non-refoulement* (no Contracting State shall expel or return ("refouler") a refugee in any manner whatsoever to the frontiers of territories where his life or freedom would be threatened on account of his race, religion, nationality, membership of a particular social group or political opinion".

"HUMAN RIGHTS FOR ALL"

By authority of SUHAKAM

Kamaruddin Mohamed Baria

Secretary

22 November 2003

SUHAKAM

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

SUHAKAM: SPECIAL COUNTERS IN ROAD TRANSPORT DEPARTMENT UPHOLDS RIGHTS OF PEOPLE WITH DISABILITIES

The Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM) commends the Transport Ministry's plan to introduce special counters to cater for persons with disabilities, senior citizens and pregnant women at agencies under the Ministry.

The consideration given to these people by the Ministry is lauded as this will create a friendly environment to enable them to become independent members of society. This timely move should be emulated by other Government agencies and also by the private sector. However, this service would not benefit if the building is not disabled-friendly.

SUHAKAM calls upon local authorities to enforce standards and ensure compliance to the Street, Drainage and Building Act 1974 that include specifications designed for people with disabilities, especially in the construction of buildings used by members of the public.

These bylaws require offices, banks, post offices, shops, department stores, supermarkets and other administrative and commercial buildings to be made accessible and allow any persons with disabilities to move freely.

In line with the issue of accessibility for the disabled, SUHAKAM welcomes the formulation of the Persons with Disability Act as a significant step towards safeguarding their rights in a specific legislation.

It is hoped that joint efforts will continue to be exerted to encourage building owners to plan new environment or renovate existing ones that safeguard the right of disabled persons to a barrier-free environment.

Tingkat 29, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 603-2616 5600 Fax : 603-2612 5620 Email : humanrights@suhakam.org.my

SUHAKAM acknowledges the need for re-thinking and better coordination of efforts to promote and protect the rights of the disabled through dialogue and public awareness programmes.

As a means to gain better understanding on the issues, SUHAKAM has organized a series of dialogues on the Rights of Persons with Disabilities in Sabah, Kuala Lumpur, Penang and Sarawak.

The next SUHAKAM dialogue on the Rights of Persons with Disabilities will be held in Kuala Terengganu on 18 December 2003.

"HUMAN RIGHTS FOR ALL"

By authority of SUHAKAM



Kamaruddin Mohamed Baria
Secretary

22 November 2003

SUHAKAM

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

SUHAKAM: FATE OF STUDENTS STILL DETAINED UNDER THE INTERNAL SECURITY ACT (ISA)

The Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM) welcomes the recent release of four students from detention under the Internal Security Act (ISA) by the Home Ministry on 24 November 2003 as a positive step towards respecting human rights.

Those released included 18-year-old Ahmad Firdaus Kamaruddin and 16-year-old Mohd Tirmizi Nordin who were among the 13 detained on their return from Pakistan on 11 November 2003 for alleged involvement with Islamic militants.

SUHAKAM views this move as appropriate in view of their age and as Malaysia is a party to the United Nations Convention on the Rights of the Child (CRC).

Furthermore, Section 83 of the Child Act 2001 of Malaysia necessitates that the arrest, detention and trial of any persons under the age of 18-years shall be carried out in accordance with the provisions of the Child Act 2001.

SUHAKAM looks forward to the review of the fate of the remaining nine students still being detained, in particular Nurul Mohd Fikri Mohd Safar (17-years) and Faiz Hassan Kamarulzaman (17-years) and hope that they will also be freed immediately and unconditionally.

The authorities are urged to ensure compliance with the CRC principles that depriving children of their liberty should be used only as a measure of last resort and for the shortest appropriate period of time, in particular in pre-trial detention.

SUHAKAMs attempts to meet the students have so far been unsuccessful despite the provision of the Human Rights Commission of Malaysia Act 1999, Act 597, under Section 4(2)(d) that provides for visits to places of detention.

Under Section 4(3) of Act 597, visits by the Commission to any place of detention under paragraph (2)(d) shall not be refused by the person in charge of such place of detention if the procedures provided in the laws regulating such places of detention are complied with.

Professor Dato' Mohd Hamdan Adnan
Commissioner and Chairman of the Complaints and Inquiries Working Group
SUHAKAM
6 December 2003
For clarification contact H/P: 013-2087172

Tingkat 29, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 603-2616 5600 Fax : 603-2612 5620 Email : humanrights@suhakam.org.my

SUHAKAM

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

SUHAKAM TO HOLD PUBLIC INQUIRY

The Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM) held its monthly meeting this morning. Among the issues discussed was the memorandum submitted by the people of Desa Monteki in Kundasang, Sabah allegeing ill-treatment during police detention, including denial of the right to pray. SUHAKAM had immediately acted on the complaints in the memorandum by asking for information from the Police in Sabah to determine the truth of the allegations. Unfortunately, we received negative response from the Police and this has impeded investigations. In absence of the relevant information from the Police and the fact that the complainants were detained for 14 days at the Ranau Police Station, particularly when some of them had to seek medical treatment upon release, SUHAKAM has decided to get to the bottom of the allegation by holding a public inquiry in accordance with Section 12 (1) of the Human Rights Commission of Malaysia Act 1999.

The date of the Public Inquiry will be announced when all the arrangements have been made.

"HUMAN RIGHTS FOR ALL"

Tan Sri Datuk Seri Panglima Simon Sipaun
Vice Chairman
8 December 2003

Tingkat 29, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 603-2616 5600 Fax : 603-2612 5620 Email : humanrights@suhakam.org.my

SUHAKAM

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

SUHAKAM: PENAL CODE AMENDMENTS – CHAPTER ON OFFENCES RELATING TO TERRORISM

The recent amendments to the Penal Code introduced a new chapter on offences relating to terrorism. While SUHAKAM agrees that the amendments find their place in the Penal Code as a recognition of the sophistication of the forms of crimes against the State, there are certain areas of concern relating to some inconsistencies with the existing provision of the Penal Code, unclear terminology, the wide ambit of the language relating to the offences and the severity of punishment.

SUHAKAM is concerned with the introduction of new terminology which lacks accompanying definitions. For example, "serious bodily injury" in the proposed Section 130B(2)(a) is not defined. It may be clearer for the legislators to use terms already defined such as the term "grievous hurt" under Section 320 of the Penal Code.

Further, considering that a person charged under proposed Section 130(B)(2)(f) for "releasing into the environment or any part of the environment or distributing or exposing the public or any part of the public to any dangerous, hazardous, radioactive or harmful substance or any toxic chemical or any microbial or other biological agent or toxin", if convicted, may be sentenced to a term of imprisonment, it is necessary to be precise as to what constitutes "a dangerous, hazardous, radioactive or harmful substance, a toxic chemical or a microbial or other biological agent or toxin" by way of definition within the law, rather than leaving it to be determined by a "certificate purporting to be signed by an appropriate authority". SUHAKAM is concerned that absence of clear definitions can lead to arbitrary and conflicting interpretations.

While the offence relating to a "terrorist act" requires both intention or knowledge on the one hand and an act on the part of the alleged offender on the other, the definition of "terrorist act" applied in some of the provisions are too wide. It is hoped that for example, legitimate expressions of political dissent such as picketing or peaceful assembly will not be prosecuted under such provisions giving a strained interpretation to the objective and language of the proposed legislation.

SUHAKAM notes that an evidential and procedural rule has been introduced in the amendments to the Penal Code when its rightful place should lie in the Criminal Procedure Code (Chapter XXXIX – Special Provisions Relating to Evidence), namely, the provision in proposed Section 130C(2) for a certificate being sufficient to show that the "item or substance described in the certificate is a weapon, a hazardous, radioactive or harmful substance, a toxic chemical or a microbial or other biological agent or toxin".

The maximum term for imprisonment for life has been increased from 20 to 30 years through an amendment in the Penal Code, for offences throughout the Penal Code except for terrorist offences where "imprisonment for life" attracts a greater punishment of "imprisonment until the death of the person on whom the sentence is imposed". SUHAKAM is of the view that the punishments are excessive and are without justification having regard to the objectives of punishment which should be preventive and rehabilitative.

SUHAKAM is under a duty pursuant to section 4(1)(b) of the Human Rights Commission of Malaysia Act 1999, amongst other things, to "advise and assist the Government in formulating legislation...and recommend the necessary measures to be taken" and in this regard, SUHAKAM emphasises the need for the Government to engage in dialogue with SUHAKAM (so that SUHAKAM may be able to properly discharge its duty) and other relevant sectors of society before any amendment to legislation is presented to Parliament. While there is a need to address the serious threat of terrorism, there is also an equal need to ensure that Malaysian law is in conformity with international human rights standards and to allay the fears of the various sectors of the public that the provisions may be misused. This is to promote transparency and good governance which are essential in any democratic society.

These concerns aside, SUHAKAM views the amendments positively because the final arbiters of the offences lie with the Judiciary. SUHAKAM notes that these amendments complement the Anti-Money Laundering Act 2001 and the Aviation Offences Act 1984. The new chapter on terrorism is a step towards dealing comprehensively with the threat of subversion which includes terrorism. In this regard, SUHAKAM maintains its recommendations in the Report on the Review of the Internal Security Act 1960 ("ISA 1960"), in particular the recommendation calling for the repeal of the ISA 1960 and for a new comprehensive legislation dealing with terrorism to be in place. SUHAKAM reiterates that anti-terrorism legislation must strike a balance between combating terrorism and protecting human rights and eventually hopes for a legislation which provides for an exhaustive approach towards dealing with subversion and terrorism.

where eventually there will be a trial of any person detained for any such offence. This would enable the repeal of the ISA 1960.

By authority of SUHAKAM,

Kamaruddin Mohamed Baria
Secretary

9 December 2003

SUHAKAM

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

SUHAKAM: GOVERNMENT SHOULD PROTECT THE HUMAN RIGHTS OF CITIZENS IN ALL SPHERES OF LIFE

The Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM) applauds the recent announcement by Minister in the Prime Minister's Department, Datuk Seri Dr Rais Yatim, that the Government has decided to review the Internal Security Act (ISA) with regard to human rights.

This decision is long awaited and augurs well for the future as this reflects the Government's commitment towards protecting the inherent dignity and the fundamental rights of citizens.

The establishment of SUHAKAM under the Human Rights Commission of Malaysia Act 1999, is in itself recognition by the Government that human rights should be protected by the rule of law and that human rights forms the foundation of freedom, justice and peace.

As one of the functions of SUHAKAM is to advise and assist the Government, it would be appropriate that any review of the ISA take into consideration recommendations made in SUHAKAM's report on the "Review of the Internal Security Act 1960".

The review of controversial laws such as the ISA, the Restricted Residence Act or any laws lacking in human rights aspects is very much in line with the respect for and observance of fundamental freedoms.

SUHAKAM reaffirms that the Universal Declaration of Human Rights 1948, to the extent that it is not inconsistent with the Federal Constitution, is the common standard for the promotion of human rights and fundamental freedoms in Malaysia.

Therefore, the Government is urged to include awareness of human rights among civil servants in its effort to inculcate values, attitudes and behaviours based on the principles of integrity and justice.

Since it's setting up, SUHAKAM has received numerous complaints concerning alleged administrative inefficiency including undue delay in the processing of applications for permanent residence status, compensation and other matters requiring approval. There have been instances when no reasons were given for the rejection of applications.

In heeding the Prime Minister's call to improve the public service delivery system to make it more efficient, transparent and accountable, it is necessary for civil servants to be aware of and to respect the citizen's right to information.

Tingkat 29, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 603-2616 5600 Fax : 603-2612 5620 Email : humanrights@suhakam.org.my

This right also includes their right to know the reasons for any decisions taken by the public agencies that directly affects them. In keeping with the practices of good governance, where the authorities seek to deny the public access to this information, they should justify their refusal.

SUHAKAM is also concerned with the undue delay in the disposal of cases brought to court that has been recently highlighted, some taking seven years to complete. Such inordinate delay in disposal of cases may be in violation of the right to personal liberty and the right to a fair trial of the accused.

As justice delayed is justice denied, the speedy disposal of cases by the courts will maintain public confidence in the law and reflect an effective implementation of human rights by the justice system.

Issued by,

Professor Dato' Hamdan Mohd. Adnan
SUHAKAM Commissioner

13 December 2003
For details contact: h/p 013-2087172

CERAMAH, SEMINAR DAN PERSIDANGAN – KEBANGSAAN

NO	TARIKH	CERAMAH, SEMINAR DAN PERSIDANGAN	TEMPAT	WAKIL
1.	18 Jan.	Ceramah Hak Asasi Manusia anjuran Yayasan Tun Razak	Kuching	Dato' Asiah Abu Samah
2.	19 Jan.	Persidangan Medico - Legal Komanwel	KL	Dr. Mohd Hirman Ritom Abdullah
3.	22 Feb.	Bengkel Hak Asasi Manusia Anjuran ERA Consumers	Langkawi	Tan Sri Harun Mahmud Hashim
4.	16 April	Ceramah dalam Program "Diplomatic Training Course For Afghan Diplomats 2003	KL	Tan Sri Harun Mahmud Hashim
5.	23 Mei	Ceramah "Human Rights: A Search For A Common Ground"	KL	Tan Sri Harun Mahmud Hashim
6.	20 Jun	Ceramah "Human Rights & ACA Investigation"	Penang	Dato' K.C. Vohrah
7.	5 Julai	Konsultasi Kebangsaan "SUHAKAM after 3 years' - ERA Consumers"	Penang	Tan Sri Harun Mahmud Hashim Prof. Dato' Mohd Hamdan Adnan Prof. Dr. Chiam Heng Keng Dato' Ranita Mohd Hussein
8.	7 Julai	Ceramah Hak Asasi Manusia - Universiti Terbuka	KL	Prof. Dato' Mohd Hamdan Adnan
9.	9 Julai	Ceramah untuk Maktab Pertahanan Angkatan Tentera	KL	Tan Sri Abu Talib Othman
10.	4 Ogs.	Ceramah "Human Rights: Search for A Common Ground"	KL	Tan Sri Harun Mahmud Hashim
11.	8 Sept.	Ceramah "Human Rights and SUHAKAM"	Kota Kinabalu	Tan Sri Datuk Seri Panglima Simon Sipaun
12.	9-10 Sept.	Seminar Kepimpinan	Kuching	Prof. Dato' Mohd Hamdan Adnan
13.	1 Okt.	Ceramah Mengenai Hak Asasi Manusia untuk BPR	Nilai	Prof. Dato' Mohd Hamdan Adnan
14.	13-14 Okt.	Simposium Kesihatan Mental USM sempena Hari Kesihatan Mental Sedunia	K. Bharu	Prof. Dr. Chiam Heng Keng
15.	17 Okt.	Seminar Perkembangan Kanak-Kanak	Sibu	Prof. Dr. Chiam Heng Keng
16.	1 Nov.	Perasmian dan ucaptama "Hari Orang Asli Sedunia"	Perak	Tan Sri Datuk Seri Panglima Simon Sipaun
17.	5 Nov.	Ceramah "Human Rights and SUHAKAM"	Likas Bay	Tan Sri Datuk Seri Panglima Simon Sipaun

LAMPIRAN XVI

SEMINAR DAN PERSIDANGAN – ANTARABANGSA

NO	TARIKH	SEMINAR DAN PERSIDANGAN	TEMPAT	WAKIL
1.	25-28 Februari	International Workshop On Using Public Inquiries And Formal Hearings	Uganda	Prof. Dato' Mohd. Hamdan Adnan
2.	20-23 Februari	ASEAN ISIS Colloquium on Human Rights	Manila	Dato' Ranita Mohd. Hussein
3.	24 Februari	11th Workshop on Regional Cooperation for the Promotion & Protection of Human Rights in the Asian & Pacific Region	Islamabad	Datuk Dr Raj Abdul Karim
4.	15 Mac – 27 April	59th Commission on Human Rights	Geneva	Dato' Asiah Abu Samah Dato' Ranita Mohd. Hussein Prof. Dr Chiam Heng Keng
5.	26-29 Mei	International Workshop on Promotion of the Rights of the Disabled	New Delhi	Datuk Dr. Raj Abdul karim
6.	27-30 Mei	The 3rd Workshop on the Asian Regional Mechanism on Human Rights	Bangkok	Tan Sri Dato' Harun Mahmud Hashim
7.	13-17 Oktober	Regional Workshop towards a Comprehensive and Integral International Convention on Protection and Promotion of the Rights and Dignity of Persons with Disabilities	Bangkok	Datuk Dr Raj Abdul Karim
8.	22-24 Oktober	Commonwealth Workshop for Human Rights Defenders for the Asian Region	Colombo	Prof. Dato' Mohd Hamdan Adnan
9.	6-9 November	Self-regulation in broadcast media in SEA	Bangkok	Prof. Dato' Mohd Hamdan Adnan

LAMPIRAN XVII

DIALOG SUHAKAM

TARIKH	TEMPAT	DIALOG
30 Januari 2003	Kuala Lumpur	Dialog berkaitan pembinaan insinerator di Semenyih/Broga
8 Februari 2003	Kota Kinabalu	Dialog dengan Guru/Pegawai Pendidikan
8 Februari 2003	Kota Kinabalu	Dialog dengan Disabled
22 Februari 2003	Kuala Lumpur	Dialogue with the Disabled
8 Mac 2003	Kuching	Dialog dengan Guru / Persatuan Sekerja Guru Sarawak
8 Mac 2003	Kuala Lumpur	Dialog bersama Pelajar
22 Mac 2003	Kuala Lumpur	Dialog bersama Guru
24 Mei 2003	Trengganu	Dialog bersama Polis
31 Julai 2003	Penang	Dialog bersama Orang Kurang Upaya
19 Ogos 2003	Kuala Lumpur	Dialog bersama Pengarah-pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri
26 Ogost 2003	Kuala Lumpur	Dialogue related to "Trafficking of Women and Children"
16 Oktober 2003	Kuching	Dialog berkaitan "Penyeludupan Wanitan dan Kanak-kanak"
27 Oktober 2003	Kuala Lumpur	Dialog bersama media

LAMPIRAN XVIII

PELAWAT SUHAKAM

NO	ORGANISASI	TARIKH
1.	Chairman of Internal & Judicial Committee of the National People's People's Congress of the People's Republic of China.	23 January
2.	Japan Federation of Bar Association	20 February
3.	Malaysian International Visitors Programme	21 February
4.	Police Officers from the Senior Police College	28 March
5.	Director, Human Rights Bureau of the US State Dept., Washington	19 May
6.	Delegation from UNHCR HQ Geneva	31 May
7.	Working Tour by three Members of Parliament, Republic of Namibia	24 June
8.	Malaysian International Visitors Programme	17 July
9.	Malaysian International Visitors Programme	6 August
10.	Regional Representative of the Office of the High Commissioner for Human Rights, Bangkok.	8 August
11.	Malaysian International Visitors Programme	27 August
12.	Thailand National Human Rights Commission	28 August
13.	Chairman, Press Council of India	30 August
14.	Delegation from UNHCR HQ Geneva	11 September
15.	International police officers from Senior Police College	12 September
16.	Head of Regional Delegation, International Committee of the Red Cross.	23 September
17.	Attorney General and Chairman of the Commission of Human Rights & Good Governance of Tanzania.	26 September
18.	Malaysian International Visitors Programme	13 November
19.	Nepal Human Rights Commision.	1 December
20.	South Korea Human Rights Commission.	8 December
21.	Study Tour by NGOs from Cambodia	11 December
22	Malaysian International Visitors Programme	18 December

LAMPIRAN XIX

MAKLUMBALAS KERAJAAN KEPADA LAPORAN SUHAKAM PADA TAHUN 2000 DAN 2001

Diterima pada 18 Mac 2003

MAKLUM BALAS KEPADA PEMERHATIAN DAN SYOR-SYOR SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA (SUHAKAM)

No.	Kandungan	Mukasurat
1.	Pengenalan	1
2.	Kebebasan Berhimpun	2
3.	Hak Tahanan ISA	7
4.	Hak Tahanan Reman	12
5.	Hak Tahanan Muda	18
6.	Hak Tahanan Lain	32
7.	Hak Kelaziman Pribumi Sarawak	38
8.	Hak Orang Kurang Upaya	49
9.	Wanita	58
10.	Kanak-Kanak	62
11.	Golongan Istimewa	72
12.	Pekerja	75
13.	Lawatan ke Penjara Sungai Buloh dan Penjara Wanita Kajang	79

No.	Kandungan	Mukasurat
14.	Laporan Lawatan Tempat Tahanan Balai Polis Kapar Kelang, Selangor	84
15.	Laporan Pembaharuan Perundangan Akta Buang Negeri 1959	86
16.	Laporan Pembaharuan Perundangan Hak Tahanan Reman	86
17.	Ratifikasi Instrumen Hak Asasi Manusia dan Tindakan yang Berkaitan	86
18.	Penggabungan Peruntukan Antarabangsa dalam Undang-undang Negara	87
19.	Penyelarasan undang-undang Negara dengan Konvensyen	88
20.	Cadangan Supaya Badan Kehakiman Lebih Bersifat Terbuka	88
21.	Pengkajian semula reservasi ke atas konvensyen-konvensyen	89
22.	Rujukan Rang Undang-Undang kepada pakar	89
23.	Undang-undang yang digubal sebagai rahsia rasmi	90
24.	Perbincangan bersama sebelum penggubalan undang-undang	90
25.	Laporan Lebuhraya KESAS	91

MAKLUMBALAS KEPADA PEMERHATIAN DAN SYOR-SYOR SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

1. PENGENALAN

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) telah membuat pemerhatian dan mengemukakan syor-syor berhubung isu-isu hak asasi manusia di dalam Laporan-laporan Tahunan 2000 dan 2001 serta laporan-laporan khusus yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya sepanjang tempoh 2001 dan 2002.

2. SUHAKAM ditubuhkan dengan niat baik Kerajaan untuk meningkatkan penikmatan hak asasi manusia rakyat Malaysia di dalam situasi aman dengan kemajuan ekonomi dan pembangunan negara akan terus dimajukan lagi. Sehubungan ini, SUHAKAM bertanggungjawab menjalankan fungsinya berlandaskan undang-undang terpakai di dalam Negara dan mengambil kira nilai dan budaya bangsa Malaysia.

3. Satu siri Mesyuarat Antara Kementerian dan Jabatan Kerajaan yang telah diselaraskan oleh Kementerian Luar Negeri telah diadakan sejak Jun 2001 bagi meneliti dan menimbang semua pemerhatian dan syor-syor SUHAKAM dengan tujuan untuk menentukan sama ada syor-syor berkenaan dapat dilaksanakan mengikut keperluan dan kepentingan Negara.

4. Maklumbalas ini disediakan mengikut perkara-perkara yang telah dibangkitkan di dalam laporan-laporan SUHAKAM. Adalah diharap SUHAKAM dapat memberi tumpuan kepada penjelasan-penjelasan ini yang merupakan sumbangan yang dibuat di dalam konteks dialog berkaitan usaha-usaha ke arah pelindungan dan pemajuan hak asasi manusia di Malaysia.

2. KEBEBASAN BERHIMPUN

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

SUHAKAM telah mengkaji beberapa faktor yang menghadkan hak untuk berhimpun secara aman. Antara pemerhatian yang dibuat oleh SUHAKAM ialah:-

a) Notis pemberitahuan oleh pihak polis melarang ceramah di tempat terbuka hanya dikeluarkan 1 atau 2 hari sebelum majlis ceramah dimulakan;
b) Masa yang diberikan oleh pihak polis untuk bersurai daripada sesuatu majlis ceramah adalah terhad. Pihak polis juga dituduh melakukan kekerasan terhadap orang awam dengan memukul mereka dengan rotan atau baton;
c) Pindaan kepada Akta Polis 1967 telah meluaskan definisi kesalahan kepada sesiapa yang didapati menghadiri, menyertai atau mengambil bahagian di dalam perhimpunan haram. Keadaan ini boleh menyebabkan orang awam yang tidak bersalah disabitkan kesalahan berhimpun secara haram.

Syor-syor SUHAKAM adalah:

i) Lesen berceramah di tempat persendirian diluluskan sebagai "*general rule*";
ii) Pihak berkuasa harus menentukan tempat awam yang sesuai untuk diadakan perhimpunan awam tersebut;
iii) Satu prosedur tetap harus dikeluarkan bagi proses permohonan lesen untuk berhimpun;
iv) Hubungan yang positif dan baik di antara pihak polis dan penganjur adalah perlu bagi memastikan satu persefahaman wujud;
v) Pihak polis menimbangkan semula cara-cara untuk menyuraikan orang awam dan menubuhkan satu sistem pemantauan bagi pelaksanaan prosedur tersebut;
vi) Diadakan sesi dialog antara SUHAKAM dan pihak pengurusan atasan polis, antara SUHAKAM dan penggubal dasar, antara pihak polis dan pihak NGO; dan antara pihak polis dan parti-parti politik;

vii) Pihak polis menghadiri program latihan yang dianjurkan oleh SUHAKAM dan/atau NGO;
viii) Meneliti semula *Public Order (Preservation) Act* 1958;
ix) Pihak polis menetapkan beberapa kawasan, halaman dan ruang luar binaan sebagai lokasi bagi perhimpunan aman;
x) Diwujudkan penggunaan borang bagi perhimpunan-perhimpunan yang akan diadakan;
xi) "pengawas" dilantik dan dikenal pasti oleh penganjur untuk memastikan keteraturan;
xii) penganjur menandatangani ikrar akan memikul tanggungjawab bagi memastikan perhimpunan teratur dan kebersihan dijaga; dan
xiii) pengawal penguatkuasa hadir ke perhimpunan tanpa menonjolkan diri.

Maklumbalas:

Artikel 10 Perlembagaan Malaysia menjamin hak kebebasan untuk berkumpul, tetapi ia bukanlah hak yang mutlak. Artikel 10(2b) membenarkan Parlimen mengenakan undang-undang yang lebih ketat bagi kebebasan berhimpun sebagai langkah untuk menjaga keamanan negara.

2. Polis DiRaja Malaysia mempunyai peraturan-peraturan yang mesti dipatuhi sebelum lesen untuk perhimpunan/perjumpaan/ mesyuarat diluluskan. Borang permohonan telah sedia ada dan perlu dikemukakan ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD). Antara syarat-syarat permohonan ialah:-

2.1 Borang permohonan lengkap dikemukakan ke IPD 2 minggu dari tarikh perhimpunan/perjumpaan/perarakan akan diadakan;
2.2 Nama penuh penceramah, alamat, no. telefon rumah, no. kad pengenalan dan jawatan penceramah hendaklah disenaraikan;
2.3 Sesalinan Pendaftaran Pertubuhan disertakan;
2.4 Sesalinan pelan jalan-jalan yang akan dilalui sekiranya untuk perarakan disertakan;

2.5 Sesalinan surat kebenaran menggunakan tempat/ dewan/ sekolah/ rumah orang perseorangan/ padang disertakan;

2.6 3 salinan kad pengenalan bagi Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari/AJK lain disertakan.

3. Syarat-syarat mengadakan ceramah ialah:-

3.1 Pelesen hendaklah membawa lesen semasa perhimpunan/ perjumpaan diadakan dan hendaklah ditunjukkan kepada mana-mana Pegawai Polis jika dikehendaki;

3.2 Pelesen hendaklah hadir sepanjang masa perhimpunan/perjumpaan diadakan dan hendaklah menentukan ia berjalan dengan teratur supaya tidak memudaratkan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya atau membangkitkan kekacauan/ keamanan;

3.3 Pelesen hendaklah mematuhi nasihat atau arahan mana-mana Pegawai Polis bagi menentukan keadaan keselamatan dan ketenteraman awam terpelihara sepanjang masa perhimpunan/perjumpaan berjalan;

3.4 Sekiranya dikehendaki, pelesen hendaklah membuat rakaman syarahan/ceramah, termasuklah rakaman video/gambar, atau membuat rakaman pita bertape dengan menggunakan alat-alat yang lazimnya digunakan. Dalam hal ini, pihak Polis hendaklah dibenarkan meletakkan corong suara di hadapan pensyarah-pensyarah;

3.5 Penggunaan atau pemasangan skrin (litar tayang) dan *close circuit tv* di luar bangunan di mana perhimpunan/perjumpaan diadakan adalah tidak dibenarkan;

3.6 Pelesen hendaklah menentukan supaya lampu-lampu yang mencukupi digunakan semasa perhimpunan/ perjumpaan dijalankan;

3.7 Pelesen hendaklah serta-merta memberitahu Ketua Polis Daerah apabila perhimpunan/perjumpaan ditangguhkan atau dibatalkan;

3.8 Perhimpunan tidak mengganggu ketenteraman awam dan lalulintas;

4

3.9 Pelesen adalah bertanggungjawab di atas kerosakan harta awam dan Kerajaan dan juga bertanggungjawab terhadap keselamatan harta awam dan Kerajaan;

3.10 Pelesen hendaklah menentukan dan menyediakan tempat letak kereta yang sesuai bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas;

3.11 Pelesen hendaklah menentukan kelakuan baik dan sopan para hadirin;

3.12 Penganjur hendaklah memastikan bahawa pengawal keselamatan adalah mencukupi;

3.13 Ucapan yang disampaikan oleh penceramah hendaklah bebas dari sebarang unsur-unsur penghasutan seperti yang terkandung dalam s.3 Akta Hasutan 1948.

4. Permohonan boleh ditolak atas beberapa sebab, iaitu:-

4.1 Menjaga keselamatan dan ketenteraman awam;
4.2 Lokasi ceramah tidak sesuai dari segi lalulintas;
4.3 Bantahan dari JKKK dan juga penduduk tempatan;
4.4 Penceramah tidak digalakkan oleh JAKIM;
4.5 Permohonan lewat dikemukakan;
4.6 Permohonan yang dikemukakan tidak memenuhi syarat;
4.7 Penceramah Warga Asing yang ditetapkan;
4.8 Kebenaran dari tuan tanah tidak didapat;
4.9 Tuan tanah bersebelahan tidak membenarkan tanah mereka digunakan sebagai laluan ke tempat ceramah.

5. Permohonan yang telah diluluskan boleh dibatalkan atas sebab-sebab berikut:-

5.1 Atas permintaan pemohon/parti;
5.2 Penceramah tidak hadir;
5.3 Melanggar syarat – tempat tidak sesuai dan mengganggu lalulintas.

6. Setiap permohonan yang diterima akan dibuat tapisan keselamatan terlebih dahulu bagi memastikan tiada sebarang rekod jenayah atau rekod kongsi gelap. Permohonan yang memenuhi syarat-syarat, tiada unsur-unsur hasutan dan tiada sebab-sebab yang akan memudaratkan keselamatan akan diluluskan oleh Ketua Polis Daerah.

7 Tiada sebarang perbezaan di buat di antara parti-parti politik bagi pengeluaran permit untuk perhimpunan. Satu prosedur tetap digunakan bagi permohonan permit.

8. Tindakan polis menyuraikan perhimpunan haram selalunya akan dikritik hebat. Kerajaan juga mengakui bahawa hak asasi manusia hendaklah sentiasa dipertahankan. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah negara yang berbilang kaum, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk sentiasa menjaga keamanan dan keselamatan negara. Hak individu hendaklah diseimbangkan dengan hak majoriti. Kerajaan akan sentiasa memastikan bahawa segala tindakan yang diambil adalah di bawah peruntukan undang-undang dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mempertahankan hak asasi manusia.

3. HAK TAHANAN ISA

3.1 Asas Penahanan dan Tempoh Penahanan

Pemerhatian SUHAKAM:

Sesetengah tahanan ISA tidak pasti akan sebab mengapa mereka ditahan manakala sesetengah tahanan ISA pula menyoal tempoh penahanan mereka. Ini kerana tempoh 2 tahun penahanan mereka itu boleh dilanjutkan ke satu tempoh yang tiada had.

Maklumbalas:

Bagi mereka yang ditahan di bawah ISA, mereka adalah dimaklumkan tentang sebab-sebab penahanan seperti yang diperuntukkan Seksyen 11(2)(b) Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960.

3.2 Hak untuk Mengerjakan Tuntutan Agama

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Tahanan lelaki ISA telah tidak dibenarkan untuk mengerjakan solat Jumaat. Menurut pihak berkuasa ini adalah untuk mengasingkan di antara tahanan baru dan yang lama memandangkan tahanan lama telah menjalani proses pemulihan.

Cadangan pihak SUHAKAM ialah supaya semua tahanan lelaki ISA hendaklah dibenarkan menunaikan sembahyang Jumaat berdasarkan:

i) sembahyang Jumaat tidak membenarkan tahanan untuk berkomunikasi secara panjang lebar dan juga tahanan akan berada di bawah penjagaan pegawai penjara;

ii) jumlah jemaah akan mencecah ke 40 jika tahanan lain dibenarkan untuk menyertai sembahyang Jumaat tersebut;

iii) permintaan untuk menunaikan sembahyang Jumaat ini adalah berdasarkan kepada hak untuk tahanan mengerjakan tuntutan agama mereka. Menidakkan tuntutan mereka ini

akan dianggap sebagai mencabuli hak kebebasan beragama mereka.

Maklumbalas:

Tahanan yang beragama Islam tidak dapat menunaikan solat Jumaat di atas sebab-sebab keselamatan. Walau bagaimanapun, kaunseling dan kelas-kelas agama diadakan bagi tahanan-tahanan Islam tersebut. Tahanan yang berlainan agama juga diberi kelas yang sedemikian.

2. Pada 4 Jun 1996, Ahli Jawatankuasa Syariah Perak telah memutuskan bahawa Solat Jumaat adalah tidak wajib ke atas tahanan di Penjara Taiping.

3.3 Mengasingkan Pejuang Reformasi

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Tahanan baru pada kebiasaannya akan diasingkan daripada tahanan yang lama memandangkan tahanan baru akan menjalani proses asimilasi/pemulihan. Menurut kenyataan pegawai penjara ini adalah dasar pihak mereka yang tidak termaktub tetapi berdasarkan kepada kes-kes yang mereka terima.

Cadangan SUHAKAM adalah:

i) menyediakan satu set program asimilasi/pemulihan. Program ini haruslah mengandungi jangkamasa tempoh pengasingan tahanan dan juga melantik penasihat bagi program ini supaya keberkesanan program ini dapat dipantau.

Maklumbalas:

Semua tahanan dikehendaki menjalani program orientasi selama 3 bulan dan sepanjang program ini, tahanan baru akan diasingkan dari tahanan lama bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

8

3.4 *Legal Professional Privilege - Communication* di antara Peguam dan Anak Guam/Tahanan

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Pertemuan di antara peguam dan anak guam/tahanan akan sentiasa dipantau oleh pihak penjara sehinggakan pertukaran dokumen juga haruslah diperiksa oleh pihak penjara. Mengikut pihak penjara, ini adalah bagi memastikan bahawa ketenteraman awam tidak diganggu-gugat dan ia selari dengan undang-undang ISA.

SUHAKAM berpendapat bahawa ISA tidak boleh mengatasi s. 126 Akta Keterangan 1950, di mana Akta ini memberi keistimewaan kepada peguam untuk berurusan dengan anak guam mereka.

Cadangan SUHAKAM adalah:

i) tahanan haruslah dibenarkan mendapat nasihat daripada peguam mereka di dalam pengawasan pihak penjara tanpa pihak penjara mendengar perbualan mereka.

***Maklumbalas*:**

Semua pelawat tahanan ISA haruslah berada di bawah pengawasan pegawai penjara. Ini adalah sejajar dengan Undang-undang Tahanan (ISA) di mana pelawat adalah tertakluk kepadanya.

2. Kesemua komunikasi tahanan adalah diperiksa untuk memastikan dokumen atau barang-barang yang tidak dibenarkan untuk dibawa masuk/keluar daripada tempat tahanan. Pegawai penjara adalah diingatkan agar tidak membaca kandungan komunikasi.

3.5 Lawatan

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Tahanan juga tidak dibenarkan bebas berinteraksi bersama dengan ahli keluarga. Interaksi tahanan dengan ahli keluarga dipisahkan oleh skrin

yang telah ditempatkan. Mengikut pihak penjara, ini adalah prosedur biasa untuk keselamatan. Ahli keluarga juga mengadu bahawa perubahan waktu lawatan di saat-saat akhir menimbulkan kesusahan di pihak ahli keluarga untuk datang melawat di waktu baru yang telah ditetapkan.

Cadangan SUHAKAM adalah:

i) skrin yang memisahkan tahanan dengan ahli keluarga tidak perlu ada memandangkan lawatan ini sentiasa diawasi oleh pihak penjara;
ii) Pelawat boleh diperiksa sebelum dan selepas melawat tahanan untuk memastikan jika mereka ada membawa artikel atau dokumen yang dilarang;
iii) Perubahan pada waktu lawatan seharusnya tidak berlaku terlalu kerap kerana ini akan menimbulkan kepayahan di pihak ahli keluarga tahanan.

Maklumbalas:

Kesemua pelawat tahanan ISA adalah tertakluk sama seperti pelawat di tempat tahanan yang lain. Skrin pemisah di antara tahanan dan pelawat diadakan bagi menghalang penghantaran sebarang objek atau komunikasi di antara tahanan dan pelawat. Pihak berkuasa juga tidak pernah menukar waktu lawatan seperti yang didakwa. Tiada sebarang laporan bahawa waktu lawatan telah ditukar secara kerap setakat ini.

3.6 Hak Tahanan Asing

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Terdapat beberapa rakyat asing yang ditahan di bawah ISA di Kamunting. Menurut pihak penjara, Kedutaan-kedutaan yang berkenan telah dimaklumkan mengenai warganegara mereka yang ditahan dan usaha sedang dibuat bagi membolehkan mereka dihantar pulang. Beberapa tahanan tidak dapat bertutur dalam Bahasa Inggeris atau Melayu dan tidak dapat berkomunikasi dengan ahli-ahli SUHAKAM bagi menyuarakan pendapat mereka. Pihak penjara berpendapat bahawa adalah memadai

bagi tahanan asing ini untuk mendapat khidmat penterjemah setiap 6 bulan sekali, iaitu apabila berhadapan dengan Lembaga Penasihat.

Cadangan SUHAKAM adalah:

i) tahanan asing patut dihantar pulang ke negara asal kecuali nyawa mereka terancam dengan tindakan ini. Dalam kes sedemikian, tahanan ini perlulah dihantar ke negara ketiga yang sanggup menerima mereka.

ii) Seorang penterjemah atau warganegara yang sama dengan tahanan perlulah berjumpa dengan tahanan tersebut sekurang-kurangnya sebulan sekali bagi membolehkan tahanan menyuarakan keperluan mereka kepada pihak penjara atau mana-mana pihak yang berkenaan.

Maklumbalas:

Semua tahanan asing ditahan atas sebab-sebab yang boleh memudaratkan keselamatan Negara. Sehubungan ini, Kerajaan Malaysia mempunyai kuasa penuh untuk menahan atau mendakwa tahanan asing tersebut di bawah undang-undang Malaysia. Sekiranya tahanan asing ini ingin berkomunikasi maka penterjemah akan disediakan.

4. HAK TAHANAN REMAN

SUHAKAM berpendapat semua tahanan mempunyai hak asasi untuk dilayan dengan baik dan terhormat. Aspek yang perlu diberi perhatian dalam tuntutan hak asasi ini ialah hak semasa ditahan, prosedur reman dan keadaan sewaktu ditahan.

4.1 Hak semasa ditahan

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Tahanan telah mengadu bahawa mereka tidak diberitahu sebab-sebab penahanan mereka.

Tahanan juga mengadu bahawa mereka tidak dibenarkan untuk berjumpa dengan ahli keluarga dan juga peguam mereka. Ini kerana pihak polis berpendapat bahawa selagi siasatan masih dijalankan tahanan tidak dibenarkan berjumpa dengan peguam atau ahli keluarga mereka.

Cadangan SUHAKAM adalah:

i) Hak perlembagaan menyatakan bahawa setiap tahanan haruslah dimaklumkan akan kesalahan mereka dan kenapa mereka ditahan;
ii) Tahanan haruslah diberitahu tentang prosedur reman, hak mereka untuk mendapatkan khidmat guaman, jumlah wang jaminan dan juga soal siasat sewaktu dalam tahanan;
iii) Ahli keluarga atau majikan tahanan hendaklah diberitahu dengan segera;
iv) Ahli keluarga hendaklah dibenarkan berjumpa dengan tahanan untuk memastikan bahawa tahanan tidak didera;
v) Keputusan Mahkamah Persekutuan memberi kuasa kepada pihak polis untuk menentukan bila tahanan boleh dibenarkan berjumpa dengan peguam mereka haruslah dikaji semula agar hak yang dijamin oleh perlembagaan mereka untuk berjumpa dengan peguam dapat dilaksanakan dengan segera.

Maklumbalas:

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 4.1 i):

Terdapat 3 kategori tahanan:

1.1 Tahanan di bawah waran;
1.2 Tahanan di bawah undang-undang pencegahan; dan
1.3 Tahanan tanpa waran (Seksyen 23 Kanun Acara Jenayah).

2. Tahanan yang ditahan dengan waran sedia maklum akan sebab mereka ditahan kerana ianya tercatat di atas waran tersebut.

3. Tahanan yang ditahan di bawah undang-undang pencegahan pula akan diberitahu sebab-sebab mereka ditahan dan sekiranya tahanan ini ditahan di bawah perintah pentadbiran, sebab-sebab penahanan juga akan diberitahu kepada mereka.

4. Tahanan yang ditahan tanpa waran juga akan diberitahu sebab-sebab mereka ditahan.

Berkenaan cadangan SUHAKAM 4.1 ii):

Maklumbalas adalah sama seperti dalam 4.2 (Prosedur Reman)

Berkenaan cadangan SUHAKAM 4.1 iii) dan iv):

Keluarga tahanan akan diberitahu berkenaan penahanan tersebut. Walau bagaimanapun, pihak polis menghadapi masalah di mana tahanan tidak dapat memberi maklumat tepat berhubung lokasi keluarga mereka. Harus diingatkan bahawa kebanyakan tahanan yang ditahan oleh pihak polis adalah penagih atau orang yang disyaki terbabit dengan penyalahgunaan dadah. Dalam setengah-setengah kes, mereka ini tidak mempunyai kenalan yang boleh dikategorikan sebagai "ahli keluarga".

2. Majikan akan diberitahu mengenai penahanan tahanan sekiranya tahanan meminta untuk berbuat demikian. Tetapi dalam kebanyakan kes, tahanan enggan memberitahu majikan tentang penahanan mereka.

Berkenaan cadangan SUHAKAM 4.1 v) :

Pihak berkuasa tertakluk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dan tidak mempunyai kuasa untuk membuat penilaian semula.

4.2 Prosedur Reman

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Tahanan haruslah dibawa ke Majistret dalam tempoh 24 jam selepas ditahan jika tempoh penahanan perlu dipanjangkan. Amalan sedia ada untuk mentafsirkan "24 jam" tersebut sebagai "satu hari" dan mengecualikan cuti umum telah menyebabkan mereka yang ditahan sebelum cuti umum ditahan melebihi 24 jam sebelum perintah reman dikeluarkan oleh Majistret.

Tahanan juga telah mengadu bahawa:-

a) keluarga mereka tidak dimaklumkan mengenai prosedur reman;
b) tahanan tidak dibenarkan berurusan dengan peguam mereka;
c) semasa *proceedings*, tahanan dijauhkan dari Majistret

Cadangan SUHAKAM adalah:

i) syarat "24 jam" tersebut tidak ditafsirkan dengan longgar, memandangkan kebebasan seseorang terancam. Tahanan perlulah dibawa ke Majistret dalam masa 24 jam tanpa menghiraukan sama ada pada akhir 24 jam itu adalah cuti am. SUHAKAM berpendapat adalah wajar mewujudkan *Duty Magistrate* bagi membolehkan pertimbangan bagi permohonan lanjutan reman dibuat pada bila-bila masa. SUHAKAM berpendapat bahawa kebebasan seseorang itu tidak boleh ditukar ganti hanya untuk keselesaan pentadbiran;

ii) ahli keluarga dan juga peguam dimaklumkan di mana *remand proceedings* akan diadakan dan peguam hendaklah dibenarkan menerima arahan dari tahanan;

iii) majistret hendaklah menimbangkan sama ada perlu bagi tahanan ditahan sewaktu siasatan dijalankan;
iv) majistret haruslah mengambil inisiatif untuk bertanya sama ada pihak keluarga tahanan telah dimaklumkan, sama ada tahanan memerlukan peguam bagi membelanya, sama ada tahanan berkemampuan dari segi mental dan fizikal atau memerlukan rawatan perubatan dan juga bertanya tahanan berapa lama beliau telah ditahan;
v) jumlah majistret yang dilantik haruslah ditambah untuk menguruskan jumlah kes yang meningkat;
vi) pihak polis hendaklah membebaskan tahanan atas jaminan polis bagi mengatasi kesesakan penjara.

Maklumbalas:

Berkenaan cadangan SUHAKAM 4.2 i) :

Majistret bertugas memang wujud bagi mengatasi masalah peningkatan kes. Sekiranya Majistret bertugas tiada, maka Pegawai Daerah atau Penolong Pegawai Daerah boleh mengambil alih tugas tersebut. Perintah reman hanya boleh dipanjangkan selepas 24 jam sekiranya keesokan harinya jatuh pada hari cuti.

Berkenaan cadangan SUHAKAM 4.2 ii) :

Tahanan juga dibenarkan untuk mendapatkan wakil undang-undang semasa prosiding reman dijalankan. Ahli keluarga diberitahu di mana dan bila prosiding reman ini akan diadakan. Perkara ini bergantung kepada cara penyiasatan dijalankan. Pihak polis mengambil maklum tentang kesesakan yang berlaku di tempat tahanan dan pihak polis tidak bercadang untuk menahan mana-mana tahanan lebih lama dari yang dijangkakan bagi mengelakkan masalah kesesakan ini dari terus berlarutan.

Berkenaan cadangan SUHAKAM 4.2 iii) :

Perintah reman untuk menahan tahanan diperlukan daripada Majistret sekiranya pihak polis tidak dapat menyelesaikan siasatan mereka dalam masa 24 jam. Sebab-sebab mengapa perintah reman dikenakan juga dimaklumkan kepada tahanan.

Berkenaan cadangan-cadangan SUHAKAM 4.2 iv) dan v):

Cadangan-cadangan ini telah diambil maklum.

Berkenaan cadangan SUHAKAM 4.2 vi):

Bagi kes di mana penyiasatan boleh diselesaikan dalam masa 24 jam, tahanan boleh dibebaskan dengan ikat jamin polis dan dikehendaki hadir ke mahkamah pada tarikh yang ditetapkan. Jika tahanan tidak dibebaskan dengan jaminan polis, maka tahanan tersebut haruslah dibawa ke mahkamah keesokan harinya.

4.3 Keadaan Tempat Tahanan

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Aduan telah diterima oleh pihak SUHAKAM berkenaan tempat tahanan yang sesak. Ini jelas menunjukkan bahawa *gazette notification* bagi jumlah tahanan dalam *lock-up* dan *Lock-Up Rules 1953* yang menyenaraikan hak tahanan, tidak dipatuhi.

Cadangan SUHAKAM adalah:

i) *Lock-Up Rules* diaplikasikan, khususnya dalam penyediaan tempat tidur dan baju bagi tahanan, termasuklah hak tahanan untuk memakai baju sendiri;

ii) *Lock-Up Rules* dikaji semula supaya ia selaras dengan kehendak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (*Standard Minimum Rules for the Treatment of Prisoners*, *Basic Principles for the Treatment of Prisoners*, dan *Body of Principles for the Protection of All Persons under any form of Detention or Imprisonment*). Setidak-tidaknya, *Lock-Up Rules* haruslah dipinda selaras dengan *Prisons Regulations* 2000 yang berhubungkait dengan tahanan reman atau tahanan yang belum disabitkan kesalahan yang ditahan di dalam penjara.

Cadangan Laporan Visitation Sub-Working Group (VSG) adalah:

i) tangki dan pam air dibeli bagi mengatasi masalah air di *lock-up* polis;

ii) Penjara Pudu digunakan bagi menahan mereka yang ditangkap untuk kesalahan-kesalahan dadah dalam usaha mengurangkan masalah kesesakan di *lock-up*.

Maklumbalas:

Usaha sentiasa dibuat untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan asas yang diberikan dalam *lock-up*. *Lock-Up Rules* 1953 adalah selaras dengan ketetapan minima yang dikenakan oleh PBB ke atas negara-negara membangun.

2. Buat masa ini, tidak ada cadangan untuk menukarkan semula Penjara Pudu kepada penjara biasa.

5. HAK TAHANAN MUDA

SUHAKAM memutuskan untuk menyiasat keadaan banduan muda memandangkan ia berada di tahap yang membimbangkan.

5.1 Pihak polis tidak menghubungi ahli keluarga atau penjaga banduan muda ini secepat mungkin

Syor SUHAKAM:

i) Ahli keluarga atau penjaga kepada banduan muda (umur di bawah 21 tahun) ini hendaklah dihubungi secepat mungkin sebaik sahaja banduan muda ini ditahan.

Maklumbalas:

Dalam mengendalikan tahanan muda, pihak polis akan memaklumkan kepada ibubapa atau penjaga tahanan tersebut, termasuk Pegawai Kebajikan (*Probation Officer*). Perkara ini sememangnya dilakukan. Walau bagaimanapun, terdapat tahanan muda yang tidak mempunyai kediaman tetap (*vagabond*) dan mereka haruslah dirujuk kepada Pegawai Kebajikan.

2. Panduan berhubung perkara ini sudah sememangnya wujud sebagai Arahan Jabatan *(Departmental Directives)* di mana tindakan sewajarnya haruslah diambil.

3. Selaras dengan Seksyen 88 Akta Kanak-Kanak 2001, ibubapa atau penjaga kanak-kanak yang dituduh melakukan kesalahan adalah diperlukan hadir semasa semua prosiding. Oleh itu, adalah difahami bahawa ibubapa atau penjaga si tertuduh akan dihubungi secepat mungkin sebelum kes tersebut boleh diteruskan.

4. Walau bagaimanapun, memandangkan tiada peruntukkan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 bagi mewajibkan kehadiran ibubapa atau penjaga tersebut, satu penyelidikan sedang dibuat bagi memastikan perlunya surat pekeliling dalam kes-kes tertentu.

5. Ini adalah kerana Seksyen 88(2) Akta Kanak-Kanak 2001 **mengenakan hukuman jenayah sekiranya ibubapa atau penjaga tersebut tidak menghadirkan diri.**

5.2 Hak polis tidak menghubungi Pegawai Kebajikan sebaik sahaja banduan muda ditahan

Syor SUHAKAM:

i) Adalah menjadi tanggungjawab pihak polis untuk menghubungi Pegawai Kebajikan sebaik sahaja banduan muda (umur dibawah 18 tahun) ini ditahan.

Maklumbalas:

Semua tahanan yang melibatkan tahanan muda akan dirujuk kepada Pegawai Kebajikan dan sekiranya tahanan muda ini didakwa di Mahkamah Kanak-kanak (Court for Children), salinan pertuduhan tersebut akan dikemukakan kepada Pegawai Kebajikan berkenaan.

2. Perkara ini dalam pertimbangan dan kajiselidik yang dibuat mengenai pengeluaran surat pekeliling berhubung perkara ini akan mengambil kira Seksyen 90(14) Akta Kanak-Kanak 2001 yang memperuntukkan bahawa bagi tujuan mendapatkan laporan *probation*, Mahkamah Kanak-Kanak boleh, dari masa ke semasa, melepaskan kanak-kanak tersebut dengan ikatjamin atau mereman beliau di tempat penahanan.

5.3 Keganasan pihak polis dan juga penyalahgunaan kuasa di tempat tahanan

Syor SUHAKAM:

i) Pihak polis haruslah mengeluarkan Memorandum bagi mengingatkan semua anggota polis bahawa mereka dilarang sama sekali memukul atau mencederakan tahanan dan menerima apa jua bentuk bayaran atau hadiah daripada tahanan atau wakil tahanan.

Maklumbalas:

Pihak polis sentiasa mengawasi supaya segala bentuk kekerasan dan penyalahgunaan kuasa tidak beriaku. Setiap tahanan dilindungi di bawah undang-undang. Pentadbiran tempat tahanan adalah tertakluk kepada *Lock Up Rules* 1953. Di samping itu juga, Arahan Jabatan (*Departmental Standing Orders)* akan menjadi panduan kepada pegawai yang bertugas mengawasi tahanan di tempat tahanan. Tindakan telah diambil terhadap pegawai yang telah melanggar arahan tersebut termasuk yang telah menyalahgunakan kuasa yang telah diberi.

5.4 Banduan muda yang tidak dibenarkan diikat jamin atau yang tidak berkemampuan untuk membayar wang jaminan

Syor SUHAKAM:

i) pihak polis haruslah mengeluarkan Memorandum yang menyatakan bahawa jika sesuatu kes yang melibatkan banduan muda tidak diselesaikan secepat mungkin, maka banduan muda ini hendaklah dibenarkan diikat jamin;

ii) mahkamah hendaklah mengeluarkan pekeliling menyatakan jika banduan muda tidak mampu untuk membayar wang jaminan, maka *personal bond* ibubapa atau saudara mara banduan muda itu hendaklah dipertimbangkan.

Maklumbalas:

Perkara ini bergantung kepada keadaan kes berkenaan, sama ada ikat jamin dibenarkan atau tidak dan juga sama ada penjaga yang sah boleh dikemukakan bagi mengikat jamin tahanan muda tersebut. Sekiranya tiada, kes ini akan dirujuk kepada Pegawai Kebajikan.

2. Penetapan ikat jamin dalam setiap kes adalah bertujuan khususnya untuk memastikan kehadiran kanak-kanak tersebut bagi pembacaan tuduhan ke atasnya di mahkamah, dan adalah tertakluk kepada hak mutlak majistret.

3. Tambahan pula, Seksyen 84(3) Akta Kanak-Kanak 2001 memperuntukkan supaya Mahkamah Kanak-Kanak melepaskan tertuduh dengan ikat jamin, dengan atau tanpa jaminan, kepada ibubapa atau penjaganya.

4. Badan Kehakiman sedang mempertimbangkan sama ada peringatan kepada majistret adalah lebih sesuai berhubung perkara ini.

5.5 Tahanan reman banduan muda di penjara

Syor SUHAKAM:

Sesiapa yang berumur bawah 21 tahun yang dituduh melakukan jenayah tidak sepatutnya dipenjara.

i) pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat hendaklah menghubungi Pegawai Kebajikan semasa banduan muda dibawa ke Mahkamah supaya pegawai kebajikan ini dapat memberitahu pihak Mahkamah tempat yang sesuai untuk menempatkan banduan muda ini;

ii) pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat juga hendaklah memaklumkan kepada Pegawai Kebajikan untuk mengikuti perkembangan kes banduan muda sejak dari tarikh mereka ditahan;

iii) pihak Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat hendaklah menyiasat sama ada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dapat menyediakan satu tempat tahanan yang mempunyai tahap keselamatan yang ketat bagi banduan muda yang diklasifikasikan sebagai di luar kawalan;

iv) pihak Mahkamah hendaklah mengeluarkan pekeliling menyatakan semua tahanan muda hendaklah ditahan di Jabatan Kebajikan Masyarakat melainkan jika ada permohonan oleh Pegawai Kebajikan meminta banduan muda ini ditahan di tempat yang lain;

v) pihak Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP), Jabatan Perdana Menteri hendaklah menganjurkan program latihan untuk semua pihak yang *relevan* termasuk pihak Mahkamah, pihak pendakwaraya dan pegawai dari Jabatan

Kebajikan Masyarakat di dalam menguruskan banduan muda di bawah 21 tahun.

Maklumbalas:

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 5.5 i):

Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengambil tindakan memaklumkan kepada semua Pegawai Akhlak supaya hadir ke Mahkamah pada tarikh seseorang juvana dibicarakan untuk memberikan maklumat tentang tempat tahanan yang sesual dan sebagainya melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia Bil. 2/2000 bertarikh 10 Oktober 2000.

2. Tambahan pula, peruntukkan Sesksyen 87 Akta Kanak-Kanak 2001 menjelaskan bahawa menjadi tugas pihak polis yang menangkap pesalah kanak-kanak itu untuk memaklumkan kepada Pegawai Kebajikan (Pegawai Akhlak) sebelum dibawa ke Mahkamah. Selepas penangkapan seseorang kanak-kanak, pegawai polis atau orang yang menangkapnya hendaklah;

2.1 dengan serta-merta memberitahu seorang pegawai (Pegawai Kebajikan) dan ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu tentang penangkapan tersebut;

2.2 jika kanak-kanak itu dipertuduh atas apa-apa kesalahan menyebabkan dihantar kepada Pegawai Akhlak, suatu salinan pertuduhan dan maklumat lain yang perlu bagi membolehkan Pegawai Akhlak itu mengambil apa-apa tindakan yang perlu atau mendapatkan mana-mana yang berkenaan untuk menyediakan suatu laporan akhlak.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 5.5 ii):

Jabatan Kebajikan Masyarakat juga telah mengambil tindakan memaklumkan kepada semua Pegawai Akhlak tentang tindakan yang perlu diambil selepas mendapat makluman penahanan juvana melalui Surat Pekeliling KPKM yang sama serta tindakan menyediakan Laporan Akhlak dan mendapat maklumat lanjut berkaitan juvana berkenaan.

2. Ia adalah menjadi tugas Pegawai Kebajikan (Pegawai Akhlak) di setiap daerah sebaik sahaja dimaklumkan oleh pegawai polis tentang penangkapan seseorang kanak-kanak untuk mengambil tindakan yang perlu sepertimana mengikut Seksyen 87 Akta Kanak-Kanak 2001.

3. Tindakan lain yang diambil ialah menempatkan kanak-kanak tersebut untuk tahanan sementara di institusi-institusi Kebajikan yang diwartakan sebagai Tempat Tahanan Sementara dan Tempat Perlindungan mengikut Seksyen 84(2) Akta Kanak-Kanak 2001.

4. Selanjutnya Pegawai Akhlak akan menyediakan laporan akhlak kanak-kanak yang ditahan sebelum perbicaraan mengikut peruntukan Seksyen 90(13) Akta Kanak-Kanak 2001.

5. Seterusnya, selepas hukuman dijatuhkan atau perintah tahanan dikeluarkan, Pegawai Akhlak tersebut akan menghantar kes ini mengikut perintah mahkamah seperti Seksyen 91(1)(a hingga h) Akta Kanak-Kanak 2001.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 5.5 iii):

Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK-8) secara dasar meluluskan pembinaan sebuah tempat tahanan. Tapak pembinaan belum dapat dikenalpasti. Sementara itu, hampir semua institusi pemulihan akhlak telah diwartakan sebagai Tempat Tahanan Sementara serta Tempat Perlindungan bagi tujuan tahanan sementara ke atas kanak-kanak yang ditangkap terlibat dengan jenayah. Ia juga bertujuan untuk mengasingkan tahanan kanak-kanak dengan tahanan dewasa.

2. Namun begitu, tempat tahanan yang mempunyai tahap keselamatan yang ketat seperti di Penjara masih belum dapat disediakan lagi kerana kekurangan peruntukan di samping menetukan perbezaan konsep dan pendekatan pemulihan di antara Jabatan Penjara (yang mengendalikan banduan dewasa) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (yang mengendalikan banduan muda).

3. Pekeliling KPNPM Bil. 1/2000 telah menjelaskan bahawa kes-kes tahanan reman yang dihantar ke Institusi Kebajikan hanyalah kes-kes yang diklasifikasikan sebagai kes ringan atau kecil manakala

pihak Jabatan Penjara bersetuju untuk membina tempat tahanan khas kepada banduan muda yang dituduh melakukan jenayah berat.

4. Selain itu, Seksyen 86(2) Akta Kanak-Kanak 2001 juga menyatakan bahawa Mahkamah Bagi Kanak-Kanak mempunyai kuasa untuk memerintahkan kanak-kanak ditahan di balai polis jika diperakui mengikut Seksyen 86(1)(a)(b)(c) Akta tersebut bahawa kanak-kanak perlu ditahan di lokap atau di bilik kurungan polis dan tidak sesuai ditahan di Institusi Kebajikan.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 5.5 iv):

Buat masa kini, kanak-kanak yang dituduh akan ditahan reman di institusi-institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat, kecuali jika ada permohonan oleh pihak pendakwaraya, Pegawai Kebajikan atau pihak yang berkenaan supaya kanak-kanak tersebut dihantar ke lain-lain tempat.

2. Perkara ini sedang diteliti, terutama sekali dengan adanya Akta Kanak-Kanak 2001.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 5.5 v):

Cadangan ini telah diambil maklum.

5.6 Banduan muda yang ditahan dalam tempoh yang panjang sementara menunggu tarikh perbicaraan

Syor SUHAKAM:

i) pihak Mahkamah hendaklah mengkaji pengeluaran *Practice Directions* dengan tujuan memastikan kes yang melibatkan banduan muda dapat diselesaikan dalam masa 3 bulan;

ii) pihak Mahkamah hendaklah menggantikan tarikh perbicaraan yang jatuh pada Sabtu pertama dan ketiga setiap bulan kepada tarikh yang baru;

iii) Bahagian Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri dan pihak mahkamah hendaklah mengkaji keperluan bagi menubuhkan Mahkamah Juvenil di setiap negeri;

iv) Pihak Mahkamah, Jabatan Penjara, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pusat Khidmat Guaman haruslah mempercepatkan proses pendengaran kes yang melibatkan tahanan muda;

v) Kementerian Kesihatan, Jabatan Kimia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat haruslah menyiapkan laporan mereka dalam masa tidak melebihi 3 minggu.

Maklumbalas:

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 5.6 i):

Perkara ini telah dilaksanakan. Surat Pekeliling Ketua Pendaftar Bil. 2/2002 bertajuk "Kanak-Kanak Dalam Tahanan Reman" telah dikeluarkan kepada semua Mahkamah Majistret pada 26 Julai 2002, di mana Mahkamah telah diingatkan bahawa kes-kes yang melibatkan kanak-kanak yang ditahan reman perlu diselesaikan dalam tempoh 3 bulan. Kegagalan berbuat demikian akan membawa kepada tuntutan surat penjelasan oleh Badan Kehakiman.

2. Ketua Hakim Malaysia juga telah mengeluarkan Arahan Amalan Ketua Hakim Negara 2/2003 (yang telah berkuatkuasa dari 2 Januari 2003) bertajuk "Kes-Kes Keutamaan" di mana semua Mahkamah telah diarah untuk memberi keutamaan kepada, antara lainnya, kes-kes reman dan kes-kes yang melibatkan kanak-kanak. Kes-kes tersebut haruslah diselesaikan dalam tempoh 3 bulan.

3. Badan Kehakiman juga sedang mencari cara-cara alternatif bagi menyelesaikan kes-kes yang melibatkan tahanan muda, terutamanya kanak-kanak, dalam tempoh 3 bulan. Salah satu langkah yang telah diambil termasuklah menganjurkan program-program atau kursus khusus bagi majistret di Mahkamah Kanak-Kanak. Program tersebut akan memberi penekanan khusus kepada Akta Kanak-Kanak 2001. Beberapa majistret telah menghadiri kursus-kursus yang diadakan.

Berkenaan cadangan-cadangan SUHAKAM 5.6 (ii), (iii) & (iv), ini dijawab bersama-sama :

Mahkamah Kanak-Kanak telah membuat pindaan yang sewajarnya kepada tarikh-tarikh perbicaraan.

2. Lanjutan dari Pekeliling Ketua Pendaftar Bil. 2/2002, prosiding yang melibatkan kanak-kanak telah dapat diselesaikan dengan kadar segera.

3. Keberkesanan surat pekeliling ini dapat dilihat dalam perangkaan semasa yang menunjukkan pengurangan bukan sahaja pada tempoh tahanan reman kanak-kanak yang dituduh melakukan kesalahan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001, tetapi juga pada jumlah kanak-kanak yang ditahan reman.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 5.6 v):

Tiada masalah bagi menyiapkan laporan kesihatan yang dijalankan terhadap banduan muda dalam masa tiga minggu, tetapi tertakluk kepada laporan kimia (laporan cannabis dan morphine) dan lain-lain pemeriksaan darah yang diperlukan. Sehubungan dengan ini, penghantaran contoh-contoh air kencing dan darah banduan ke Jabatan Kimia diuruskan oleh pihak polis atau pegawai Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) dan laporan hanya dapat disiapkan sebaik sahaja menerima keputusan pemeriksaan tersebut.

5.7 Pelajar yang dibuang sekolah atas sebab ditahan pihak polis atau dibicarakan di Mahkamah

Syor SUHAKAM:

i) Biro Khidmat Guaman hendaklah memberitahu Kementerian Pendidikan mengenai kes pelajar yang dibuang sekolah atau mana-mana institut pengajian tinggi jika pelajar-pelajar ini ditahan oleh pihak polis atau dibicarakan di Mahkamah;

ii) Kementerian Pendidikan haruslah mengeluarkan pekeliling mengarahkan semua sekolah dan pusat pengajian tinggi untuk tidak mengambil tindakan tatatertib terhadap pelajar-pelajar yang ditahan oleh pihak polis dan dibicarakan di Mahkamah selagi keputusan belum diambil oleh pihak berkuasa yang *relevan*.

Maklumbalas:

Kedudukan undang-undang berhubung tindakan tatatertib ke atas pelajar yang terlibat dalam kes jenayah adalah seperti yang dinyatakan di bawah:-

1.1 Di peringkat rendah dan menengah di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan, peraturan berhubung dengan tatatertib pelajar di peringkat ini adalah diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin) Sekolah 1959. Tidak terdapat sebarang peruntukan dalam peraturan ini yang menyentuh tentang tatatertib ke atas pelajar yang ditahan oleh pihak polis;

Walau bagaimanapun, sekiranya pelajar sekolah rendah atau menengah terbabit dalam kes-kes yang melibatkan polis, guru besar/pengetua akan mempertimbangkan sama ada pelajar berkenaan wajar dibenarkan untuk terus datang ke sekolah dalam tempoh pelajar tersebut terlibat dengan apa-apa kes jenayah yang sedang disiasat oleh pihak polis. Tindakan sedemikian diambil dengan mengambilkira kepentingan pelajar lain dan bagi mengelakkan sebarang gangguan kepada para pelajar, di samping memastikan sekolah tersebut berada dalam keadaan terkawal. Ini adalah tindakan pentadbiran dan bukanlah satu tindakan tatatertib.

1.2 Bagi institusi pendidikan lepas menengah dan institusi pendidikan tinggi awam, terdapat dua akta utama yang menyentuh berkenaan dengan tatatertib pelajar, iaitu Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 (Akta 174) dan Akta Universiti dan Kolej 1971 (Akta 30).

Seksyen 14 Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 (Akta 174) memperuntukkan mengenai pelajar yang terlibat dalam kes jenayah. Ringkasan peruntukan Seksyen 14 adalah seperti berikut:-

Seksyen 14(1) : Jika pelajar dipertuduhkan dengan suatu pertuduhan jenayah di mana-

mana Mahkamah, pelajar itu hendaklah digantung pengajian dari institusi itu secara serta merta.

Seksyen 14(2): Sekiranya pelajar disabitkan atas tuduhan jenayah tersebut, pelajar itu hendaklah terhenti daripada menjadi pelajar di institusi tersebut.

Seksyen 14(3): Pelajar yang ditahan atau dikenakan sekatan di bawah mana-mana undang-undang berhubung tahanan pencegahan atau keselamatan dalam negeri adalah terhenti daripada menjadi pelajar institusi itu.

Seksyen 14(4): Pelajar yang sedang digantung pengajian di bawah Seksyen 14(1) tidak boleh diterima sebagai pelajar mana-mana Institusi atau universiti lain dalam Malaysia tanpa terlebih dahulu mendapatkan kelulusan bertulis daripada Menteri Pendidikan.

Seksyen 15D Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) memperuntukkan mengenai pelajar yang terlibat dalam kes jenayah. Ringkasan peruntukan Seksyen 15D adalah seperti berikut:

Seksyen 15D(1): Pelajar yang dituduh dengan suatu tuduhan jenayah hendaklah digantung daripada pengajian secara serta merta.

Seksyen 15D(2): Jika pelajar itu disabitkan, maka pelajar adalah terhenti daripada menjadi pelajar di universiti tersebut.

Seksyen 15D(3): Pelajar yang ditahan atau dikenakan sekatan di bawah mana-mana undang-undang pencegahan atau keselamatan dalam negeri hendaklah terhenti dairpada menjadi pelajar universiti.

Seksyen 15D(4): Mana-mana pelajar yang digantung pengajian di bawah Seksyen 15D(1)

tidak boleh diterima sebagai pelajar mana-mana universiti dalam Malaysia tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Menteri Pendidikan.

Seksyen 15D(5): Pelajar yang terhenti daripada menjadi pelajar sesebuah universiti di bawah Sub-Seksyen (2) atau (3) tidak boleh diterima masuk sebagai pelajar di mana-mana universiti dalam Malaysia tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Menteri Pendidikan.

2. Berdasarkan peruntukan Akta-Akta 174 dan 30, tindakan yang diambil terhadap mana-mana pelajar yang terlibat dalam kes jenayah adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam kedua-dua Seksyen 14 Akta 174 dan Seksyen 15D Akta 30 tersebut. Sehubungan ini, jika diputuskan tindakan itu tidak sesuai atau suatu pendekatan baru hendak diambil, maka ia adalah suatu pertimbangan dari segi dasar dan undang-undang yang sedia ada hendaklah dipinda sewajarnya.

5.8 Kekurangan program rehabilitasi untuk banduan muda di tempat tahanan

Syor SUHAKAM:

i) pihak Mahkamah haruslah menimbangkan fakta bagi setiap kes bila ia melibatkan tahanan muda dan alternatif bagi hukuman penjara hendaklah dipertimbangkan sepenuhnya oleh pihak Mahkamah;

ii) Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP), Jabatan Perdana Menteri haruslah menganjurkan program latihan untuk semua pegawai mahkamah yang mengendalikan kes banduan berumur bawah 21 tahun;

iii) Jabatan Penjara haruslah meningkatkan kualiti program pemulihan mereka sementara menunggu pembinaan pusat tahanan yang baru. Langkah yang perlu diambil oleh Jabatan Penjara:-

a) Jabatan Penjara haruslah melatih pegawai mereka di bidang kaunseling serta psikologi kanak-kanak bagi membolehkan mereka membantu tahanan muda;

b) Jabatan Penjara dan Kementerian Dalam Negeri haruslah menjalankan kajian tentang bagaimana *work placement scheme* dalam pihak kerajaan dan swasta dapat dilaksanakan untuk banduan muda, terutamanya mereka yang berada di sekolah-sekolah Henry Gurney;

c) Jabatan Penjara dan Kementerian Pendidikan haruslah menjalankan kajian untuk mewujudkan kerjasama di antara Sekolah Henry Gurney dan institusi pengajian tinggi bagi menyediakan banduan muda ini untuk diterima masuk ke pusat pengajian tinggi; dan

d) Jabatan Penjara dan Kementerian Pendidikan harus bekerjasama untuk mengisi kekosongan tenaga pengajar di Sekolah Henry Gurney.

iv) Pihak SUHAKAM dengan kerjasama Jabatan Penjara haruslah merancang bengkel bagi NGO dan orang persendirian untuk mendidik mereka betapa pentingnya untuk menerima semula banduan muda ke pangkuan masyarakat.

Maklumbalas:

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 5.8 i):

Seksyen 91 Akta Kanak-Kanak 2001 memperuntukkan pelbagai arahan yang boleh dibuat oleh Mahkamah Kanak-Kanak setelah melihat bukti terhadap pesalah.

2. Selain daripada kuasa yang diberikan di bawah Seksyen 91, Seksyen 93 juga memberi kuasa kepada Mahkamah untuk mengarahkan ibubapa atau penjaga membuat jaminan bagi kelakuan baik kanak-kanak tersebut.

3. Hukuman yang selalunya dijatuhkan oleh Mahkamah dalam kes kesalahan kecil ialah untuk melepaskan pesalah dengan jaminan kelakuan baik beliau sendiri dan janji untuk melaksanakan apa-apa

syarat yang dibuat oleh Mahkamah. Dalam kes kesalahan berat pula, pesalah tersebut akan dihantar ke Sekolah Henry Gurney. Hukuman penjara hanya merupakan satu pengecualian yang jarang-jarang dijatuhkan.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 5.8 ii):

Perkara ini masih di dalam pertimbangan.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 5.8 iii):

Jabatan Penjara Malaysia sememangnya telah menambahbaikkan dan menstruktur semula program pemulihan bersepadu dengan melaksanakan aktiviti pemulihan melalui empat fasa, iaitu Fasa I – Orientasi (3 bulan), Fasa II – Pengukuhan Sahsiah (6 bulan-1 tahun), Fasa III – Kemahiran, dan Fasa IV – Para Bebas (6 bulan sebelum dibebaskan).

1.1 Mengenai cadangan 5.8 iii)a, Jabatan Penjara sedang berusaha untuk melatih pegawai-pegawai dalam bidang kaunseling dan psikologi kanak-kanak. Di samping itu, Jabatan Penjara Malaysia telah mengorak langkah mewujudkan program Diploma Koreksional untuk memenuhi keperluan pemulihan terhadap pesalah;

1.2 Mengenai cadangan 5.8 iii)b, kajian berhubung perkara ini akan dibuat khususnya kepada banduan muda dan penghuni Sekolah Henry Gurney. Walau bagaimanapun, Jabatan Penjara Malaysia sememangnya telah melaksanakan skim usaha sama antara Jabatan dengan syarikat swasta sebagai langkah memberi peluang pekerjaan dengan kadar upah yang lebih tinggi kepada banduan sama ada di dalam atau di luar negara;

1.3 Mengenai cadangan 5.8 iii)c, pengambilan/kemasukan pelajar ke mana-mana Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) adalah berdasarkan sistem meritokrasi yang berdasarkan kepada keputusan peperiksaan tertentu seperti peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia. Tiada apa-apa syarat lain yang dikenakan terhadap mana-mana orang yang memohon untuk memasuki IPTA. Sehubungan ini, tidak terdapat sebarang peruntukan yang memberi

keistimewaan kepada mana-mana golongan orang yang memohon memasuki IPTA, termasuklah dari kalangan banduan muda. Selain daripada itu, terdapat usaha sama dalam bidang pendidikan telah dilaksanakan Kolej Yayasan Melaka dengan matlamat untuk melahirkan penghuni-penghuni Sekolah Henry Gurney yang mahir dan memiliki Sijil Kemahiran Malaysia;

1.4 Mengenai cadangan 5.8 iii)d, usaha untuk mengisi kekosongan jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan DGA6 (Kader Kementerian Pendidikan) telah dibuat. Walau bagaimanapun, daripada 20 jawatan yang diperuntukkan, hanya 5 sahaja yang diisi. Sehubungan dengan itu, Jabatan telah mengambil langkah untuk mengisi kekosongan jawatan tersebut melalui pengambilan guru-guru kontrak.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 5.8 iv):

Jabatan Penjara sedang berusaha untuk mewujudkan *"Half Way House"* untuk tujuan ini. Penyertaan daripada orang perseorangan dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk menjayakan projek ini amatlah diharapkan.

6. HAK TAHANAN-TAHANAN LAIN

6.1 Warga Asing

6.1.1 Masalah Bahasa

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Sesetengah banduan asing tidak dapat berkomunikasi dengan pihak penjara memandangkan mereka tidak fasih bertutur Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Di Penjara Wanita Kajang, umpamanya, pihak penjara terpaksa "melantik" jurucakap di kalangan banduan asing yang sama warganegaranya untuk menjadi "orang tengah" dengan mereka yang tidak boleh bercakap Bahasa Melayu atau Inggeris. Usaha perlulah dibuat untuk penterjemah atau pegawai dari negara asing tersebut untuk melawat tahanan sekurang-kurangnya sekali sebulan. Ini adalah bagi

membolehkan mereka menyuarakan pendapat dan memaklumkan pihak penjara akan keperluan harian mereka.

Maklumbalas:

Masalah penterjemahan bahasa untuk warganegara asing tidak ketara/kritikal kerana sebahagian besar di antara mereka dapat berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris. Tambahan pula, perkara-perkara yang seringkali dibincangkan adalah berkaitan penahanan serta butir-butir peribadi. Sebilangan besar kakitangan yang berpengalaman di Pejabat Rekod dapat menyampaikan mesej ini dengan jelas. Bantuan banduanita yang lain juga dapat membantu dalam proses pengumpulan maklumat tersebut. Dimaklumkan juga bahawa, wakil Kedutaan asing seringkali melawat warganegara mereka dan sekiranya terdapat sebarang kemusykilan atau masalah, ia dapat dipanjangkan kepada pihak pengurusan penjara.

6.1.2 Kesesakan di penjara

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Sewaktu lawatan SUHAKAM ke Penjara Wanita Kajang, didapati dari jumlah 787 banduan, 560 orang merupakan warganegara asing. Tambahan pula, kapasiti penjara ini hanyalah seramai 450 orang sahaja. Jika banduan asing ini dihantar pulang ke negara asal mereka, penjara tersebut dapat memuatkan 227 banduan Malaysia tersebut dengan mudah tanpa timbulnya masalah kesesakan di penjara.

Menurut pegawai-pegawai penjara Sungai Buloh, sebagaimana disahkan oleh Penjara Wanita Kajang, apabila warganegara asing ditahan oleh pihak polis, Jabatan Imigresen dan Kedutaan negara tersebut akan dimaklumkan mengenai penahanan tersebut. Walau bagaimanapun, warga asing tersebut akan ditahan di penjara sehingga sebulan sebelum Jabatan Imigresen dihubungi semula untuk tindakan lanjut.

Maklumbalas:

Pihak pengurusan penjara amat peka terhadap isu kesesakan dalam penjara. Semua banduanita warganegara asing yang telah dihukum

kini dipindahkan segera ke Depo Tahanan Imigresen dengan bantuan Jabatan Imigresen Malaysia. Banduanita warganegara asing yang sedang menjalani hukuman juga dipindahkan dari masa ke semasa ke Penjara Wanita Alor Setar dan Pulau Pinang untuk mengurangkan peratusan kesesakan.

6.1.3 "Banduan Dagang"

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Banduan-banduan ini merupakan banduan asing yang telah selesai menjalani hukuman penjara dan sedang menunggu penghantaran pulang ke negara asal. Sewaktu lawatan SUHAKAM ke Penjara Wanita Kajang. SUHAKAM mendapati terdapat seramai 135 orang banduan dagang. Jika proses penghantaran semula tidak dilaksanakan secepat mungkin, banduan ini dianggap sebagai menjalani "hukuman penjara" yang lanjut. SUHAKAM memandang berat perkara ini memandangkan terdapatnya banduan dagang yang terpaksa menunggu sehingga 2 tahun sebelum dapat dihantar pulang.

Maklumbalas:

Beberapa siri perbincangan telah diadakan di antara Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia mengenai isu banduan asing di penjara. Persetujuan telah dicapai bahawa Jabatan Penjara harus memaklumkan tarikh tamat hukuman banduan warganegara asing sebulan lebih awal kepada pihak Bahagian Penguatkuasa Jabatan Imigresen Malaysia supaya Perintah Tahan Dan Usir dapat dikeluarkan. Setelah tamat hukuman, mereka akan dihantar ke Depo Tahanan Imigresen Semenyih pada kadar yang segera.

6.2 Banduan Dengan Keperluan Khas

6.2.1 Banduan Mengandung

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Banduan di Penjara Wanita Kajang termasuklah mereka yang mengandung, dengan beberapa orang melahirkan sewaktu di penjara. Banduan dan bayi mereka akan menerima bantuan perubatan dari pihak

perubatan penjara dan Hospital Kajang. Walau bagaimanapun, tiada rejim pemakanan yang khusus bagi memenuhi keperluan *pre* dan *post-natal.* SUHAKAM dimaklumkan bahawa pihak penjara dan Kementerian Kesihatan sedang berusaha merangka menu makan bagi memenuhi keperluan banduanita mengandung dan anak-anak mereka.

Maklumbalas:

Walaupun pihak penjara belum menerima skala diet makanan yang khusus dari Kementerian Kesihatan Malaysia, semua banduanita yang sedang menjalani *pre* dan *post-natal* akan dibekalkan dengan makanan tambahan seperti susu, telur serta roti.

6.2.2 Banduan Dengan Bayi/Anak

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Peraturan 13(1) Peraturan Penjara 2000 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Penjara untuk membenarkan kanak-kanak di bawah umur 3 tahun tinggal bersama-sama dengan ibunya di penjara. Sewaktu lawatan SUHAKAM ke Penjara Wanita Kajang, didapati seramai 10 kanak-kanak yang tinggal di dalam penjara. Mereka akan menghabiskan waktu siang di sudut kanak-kanak dalam penjagaan banduanita-banduanita yang lain sementara ibu mereka menjalankan tugas harian dan akan dipulangkan kepada ibu mereka sewaktu petang.

SUHAKAM juga mendapati bahawa sesetengah dari kanak-kanak tersebut menghidapi penyakit kulit. Bapa kepada kanak-kanak ini digalakkan melawat oleh pihak penjara. Bagi kanak-kanak yang tidak dilawati oleh bapa kandung, saudara-saudara lelaki yang lain patut digalakkan melawat mereka bagi menjinakkan mereka dengan kaum lelaki.

Arahan 23 dari Bahagian Khidmat Perubatan *Standard Minimum Rules for the Treatment of Prisoners* mewajibkan:-

i) penempatan khas di institusi-institusi wanita bagi semua rawatan dan penjagaan *pre* dan *post-natal.* Bayi-bayi yang dilahirkan juga perlulah dilahirkan di luar institusi tersebut, di

mana boleh. Sekiranya bayi tersebut dilahirkan di penjara, perkara ini tidak boleh dinyatakan dalam surat beranaknya;

ii) Di mana bayi-bayi yang masih menyusu dibenarkan tinggal bersama ibu mereka di institusi tersebut, pihak berkenaan mestilah menyediakan sebuah *nursery* yang dijaga oleh mereka yang berkelulusan, sewaktu bayi tersebut tidak berada bersama ibunya.

Maklumbalas:

Semua kanak-kanak bersama ibu mereka di penjara diberi rawatan perubatan dari masa ke semasa oleh Pembantu Perubatan dan *Visiting Medical Officer.*

6.2.3 Banduan Dijangkiti HIV/AIDS

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Pusat Tahanan Kamunting di Taiping, Perak, telah dikhususkan bagi banduan-banduan yang menghidapi HIV/AIDS bagi wilayah utara yang meliputi Perak, Pulau Pinang dan Kedah. Pengkhususan mengikut wilayah ini telah berkuatkuasa dari Oktober 1991 dan dirujuk sebagai "Pusat Kawalan AIDS mengikut zon." Ini adalah bagi melicinkan lagi rawatan dan pemantauan banduan-banduan dengan HIV/AIDS.

Walaupun terdapat banduanita-banduanita di Penjara Wanita Kajang yang menghidapi HIV/AIDS, tiada diet khusus disediakan bagi mereka. SUHAKAM juga mendapati adanya beberapa banduan muda yang menghidapi HIV/AIDS di Penjara Sungai Buloh.

Maklumbalas:

Semua banduan yang menghidapi penyakit HIV/AIDS diberikan makanan tambahan *high protein diet.*

6.3 Tahanan Sivil

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Di Penjara Wanita Kajang, SUHAKAM difahamkan bahawa terdapat 12 tahanan sivil yang ditahan pada hari lawatan oleh SUHAKAM. Tahanan

tersebut ditahan di kawasan yang sama dengan tahanan reman, di bawah Seksyen 396 Kanun Prosedur Jenayah yang membenarkan penahanan saksi-saksi di dalam kes jenayah yang dikhuatiri akan melarikan diri sebelum kes dapat dibawa ke Mahkamah.

Walaupun tanggungjawab kewangan bagi tahanan sivil ini jatuh kepada Mahkamah, pihak penjara mengalami masalah mendapatkan bantuan kewangan dari pihak Mahkamah. Oleh itu, tahanan sivil ini merupakan beban kewangan kepada pihak penjara.

SUHAKAM mencadangkan supaya Mahkamah memenuhi tanggungjawabnya dalam perkara ini.

Maklumbalas:

Pihak pengurusan penjara akan membuat tuntutan kos pengendalian banduan kes sivil dari pihak berkuasa yang mengarah untuk menahan mereka.

7. *SARAWAK NATIVE CUSTOMARY RIGHTS* (NCR) – HAK KELAZIMAN PRIBUMI SARAWAK

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Pada tahun 2001, SUHAKAM telah menerima sebanyak 5 Memorandum dari pelbagai masyarakat Pribumi di Sarawak yang mendakwa bahawa Kerajaan tidak mengenali hak kelaziman mereka.

Maklumbalas:

Pada dasarnya hak asasi masyarakat pribumi perlu diterjemahkan sebagai lebih kepada hak asasi terhadap pembangunan supaya mereka tidak ketinggalan dalam arus perdana pembangunan dan dapat bersama-sama menikmati taraf hidup yang lebih baik sama seperti masyarakat lain. Ini adalah hasrat sebenar majoriti masyarakat pribumi dan mereka bukannya mahu mengekalkan cara hidup lama mereka seperti yang diperjuangkan oleh sesetengah pihak yang mempunyai kepentingan masing-masing dengan menggunakan hak asasi pribumi. Proses menyediakan pembangunan kepada mereka akan terus dilaksanakan di samping hak-hak seperti budaya, bahasa dan sumber-sumber yang mereka miliki mestilah terus terpelihara.

2. Untuk maju seperti masyarakat lain, masyarakat pribumi mestilah mengubah asas ekonomi mereka daripada bergantung sepenuhnya dari sistem 'cukup makan sendiri' dan 'pengasingan cara hidup sendiri' kepada sistem ekonomi yang lebih terbuka sama seperti masyarakat lain. Perubahan yang diharapkan jika dilaksanakan secara teliti dan melibatkan masyarakat pribumi secara berkesan ia tidak akan menjejaskan hak-hak asasi mereka. Teras strategi yang perlu diberi tumpuan ialah menyediakan peluang dan ruang supaya masyarakat pribumi dapat mengubah cara hidup mereka dari sektor tradisional kepada sektor yang lebih produktif.

7.1 Isu Penan

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Isu utama yang dibangkitkan ialah mengenai pencerobohan tanah pusaka orang Penan oleh syarikat pembalakan yang telah menyebabkan

kelupusan hutan di sekitar kampung Penan dan juga pencemaran sumber air mereka. Selain daripada itu, isu-isu lain yang dibangkitkan adalah mengenai pencerobohan tanpa konsultansi tanah tradisional Penan untuk memperluaskan ladang-ladang kelapa sawit, ketiadaan sijil surat beranak dan kad pengenalan diri untuk anak-anak Penan.

Kedudukan kampung orang Penan yang terpencil juga bermakna kurangnya kemudahan infrastruktur, sekolah dan khidmat perubatan bagi yang berumur, ibu-ibu serta anak kecil. Ramai anak Penan tidak dapat bersekolah kerana tidak mempunyai akses kepada sekolah-sekolah.

Maklumbalas:

Maklumbalas kepada persoalan ini akan dikemukakan kemudian.

7.2 Projek Pembangunan Empangan Bakun

Masalah-masalah yang dihadapi dengan terbinanya empangan Bakun ini ialah:-

7.2.1 Saiz tanah

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Peneroka mendakwa bahawa 3 ekar yang diperuntukkan oleh pihak berkuasa tidak cukup untuk menanggung kehidupan mereka. Tambahan pula, kebanyakan peneroka ini tidak mempunyai pengalaman dalam pertanian secara intensif. Sesetengah peneroka mendakwa tanah yang diberikan terlalu jauh dari rumah dan susah untuk mereka ke sana. Ada pula yang mendakwa tanah yang diberikan tidak sesuai untuk pertanian intensif kerana keadaan tanah atau topografinya.

Pihak SUHAKAM mencadangkan supaya kerajaan negeri memperuntukkan tanah alternatif untuk peneroka menanam tanaman mereka atau memikirkan alternatif seperti model penempatan FELDA.

Maklumbalas:

Tanah pertanian seluas 3 ekar diperuntukkan kepada setiap keluarga yang mana Jabatan Pertanian telah memperakui kesesuaiannya

untuk bercucuk tanam. Jabatan Tanah dan Survei telah menggantikan sebahagian tanah yang didapati dengan tanah pertanian yang sesuai.

7.2.2 Perumahan

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Setiap keluarga diperuntukkan satu 'kediaman' dalam rumah panjang yang boleh memuatkan seramai 15-20 kediaman. Setiap kediaman merupakan unit bersambung dua tingkat berukuran 20 x 20 kaki, lengkap dengan bilik air dan dapur, tetapi tanpa bilik-bilik tidur dan tangki septik.

SUHAKAM mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menimbangkan semula isu yang dibangkitkan ini dan memberi subsidi bagi menanggung kos kediaman baru ini.

Maklumbalas:

Tangki septik disediakan untuk setiap bilik manakala rekabentuk bilik adalah berdasarkan rekabentuk yang mereka kehendaki iaitu menyerupai rekabentuk di bilik asal mereka. Kerajaan Negeri Sarawak telah membuat permohonan pinjaman perumahan daripada Kerajaan Persekutuan bagi membantu meringankan beban kewangan yang mereka tanggung.

7.2.3 Gantirugi bagi Tanah yang Ditinggalkan atau Dilanda Banjir

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Kerajaan telah menjanjikan ganti rugi bagi peneroka yang dipindahkan ke Kampung Asap. Walau bagaimanapun, peneroka-peneroka mendakwa bahawa jumlah ganti rugi yang diberikan tidak mencukupi kerana mereka tidak menerima ganti rugi bagi rumah lama mereka dan tanah kebun yang ditinggalkan. Elaun kesusahan hidup sebanyak RM2,500 juga tidak dibayar. Keputusan Jabatan Tanah dan Juruukur mengenai tanah mana yang patut dibayar ganti rugi juga tidak memuaskan peneroka.

SUHAKAM mencadangkan supaya Kerajaan menimbang semula ganti rugi yang secukupnya diberikan kepada keluarga peneroka yang telah dipindahkan bagi memberi laluan kepada Empangan Bakun.

Maklumbalas:

Perkara ini biasanya diselesaikan melalui formula yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak, pemilik dan pembayar. Wakil masyarakat pribumi perlu mempunyai pengetahuan mengenai formula-formula yang digunakan di tempat lain.

2. Dakwaan yang dibuat adalah tidak benar kerana peneroka telah dibayar pampasan untuk tanah, rumah dan tanaman mereka. Jumlah pampasan untuk rumah lama mereka telah digunakan untuk membiayai harga bilik di Sungai Asap. Lebihan pampasan tersebut diserahkan kepada penduduk manakala bagi yang tidak mempunyai lebihan daripada pampasan, pinjaman perumahan disediakan kepada mereka.

3. Tiada elaun kesusahan hidup diberikan kepada penduduk yang dipindahkan. Sebaliknya Elaun Pindah sebanyak RM2,500 telah dibayar kepada setiap keluarga asal yang telah berpindah.

7.2.4 Peluang Pekerjaan, Kesihatan dan Keselamatan

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Peneroka mendakwa bahawa peluang pekerjaan di sekitar Kampung Asap adalah terlalu tipis untuk mereka memenuhi keperluan kehidupan mereka. Peneroka juga telah mempersoal keadaan rumah panjang yang tidak elok, ketiadaan jalan yang sesuai ke pekan terdekat, kerja-kerja penyelenggaraan dan pengkubahan yang tidak sempurna.

SUHAKAM mencadangkan supaya Kerajaan mengambil berat akan perkara ini sebagai prioriti utama.

Maklumbalas:

Pelaksanaan Bakun HEP sebenarnya telah menyediakan peluang pekerjaan yang banyak kepada penduduk di kawasan sekitar iaitu

kira-kira 10,000 pekerjaan. Dengan terlaksananya nanti projek *aluminium smelter* yang tapak projeknya adalah berdekatan dengan bakun HEP, akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan. Dengan adanya kemudahan infrastruktur seperti jalanraya memungkinkan berlakunya mobiliti buruh yang lebih berkesan.

7.3 Masyarakat Yang Menentang Penempatan Semula di Kampung Asap

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Sebanyak 7 komuniti enggan berganjak dari kampung mereka dan telah sama ada tinggal di kampung tersebut atau mencari kawasan yang lebih tinggi untuk dijadikan kediaman baru mereka. Antara sebab-sebab mereka enggan berpindah adalah kerana tidak setuju dengan:-

i) Perkara-perkara yang diambil kira dalam perkiraan ganti rugi;
ii) Jumlah ganti rugi yang akan diberikan, dari segi keluasan tanah dan jumlah kewangan; dan
iii) Kelewatan pembayaran ganti rugi.

Maklumbalas:

Gantirugi yang dibayar adalah meliputi gantirugi untuk rumah, tanah dan tanaman. Berlaku kemungkinan di mana terdapat tanaman atau pondok/bangunan di atas tanah kebun tertinggal untuk dibuat penilaian. Penduduk yang mengalami kes sebegini telah diberi tempoh yang tertentu uhtuk memaklumkan kepada Jabatan Tanah dan Survei agar siasatan dapat dilakukan berdasarkan aduan mereka.

2. Pertimbangan yang wajar telah dibuat dalam menentukan kadar pampasan. Kadar pampasan yang dibayar telah dibuat semakan terutamanya dengan mengambil kira pandangan Jawatankuasa Pembangunan Bakun (Bakun Development Committee).

3 Pampasan untuk tanah dan tanaman yang dilakukan bayaran kecuali bagi sebahagian kecil yang masih enggan berpindah dari kawasan empangan. Lebihan pampasan yang belum diterima (70%)

akan dibayar sepenuhnya kepada mereka setelah Kerajaan berpuas hati bahawa mereka telah berpindah dari tanah kerajaan di empangan tersebut.

7.4 Masyarakat Iban

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Sebanyak 8 komuniti Iban yang terlibat dengan pembangunan kelapa sawit oleh Syarikat Minyak Kelapa Sawit Sarawak Sdn. Bhd. (SOP) telah menerima tawaran untuk pembangunan NCR mereka menjadi ladang kelapa sawit. Setiap keluarga pada mulanya telah ditawarkan sebanyak 7 ekar ladang kelapa sawit untuk tanah mereka, tetapi tawaran ini telah ditolak oleh komuniti Iban. Pertelingkahan telah berlaku, menyebabkan kematian 4 pekerja berbangsa Cina pada 1 September 1999. Pada 3 September 1999, 18 orang Iban telah menyerah diri kepada polis. Semuanya telah dilepaskan esoknya kecuali Encik Jalin ak Aton, yang pada waktu itu berumur 73 tahun. Encik Jalin telah didakwa, dihadapkan ke mahkamah, dan dijatuhkan hukuman 12 tahun penjara. Keluarganya telah mendakwa beliau dianiayai dalam kes ini.

Masyarakat Iban tidak puas hati dengan tawaran yang diterima daripada SOP dan telah cuba mendapatkan pampasan yang lebih baik. Masyarakat ini juga memohon bantuan SUHAKAM dalam rayuan kepada mahkamah mengenai pemenjaraan Encik Jalin. Memandangkan kes beliau belum didengar oleh mahkamah, SUHAKAM tidak dapat membantu kerana terikat kepada Akta SUHAKAM. Walau bagaimanapun, dua Pesuruhjaya SUHAKAM telah melawat Encik Jalin di Penjara Miri pada 14 Disember 2001 dan mendapati bahawa beliau sedang menghidapi penyakit mata yang serius dan memerlukan pembedahan.

SUHAKAM mencadangkan bahawa agensi negeri yang berkaitan, seperti SALCRA, membantu masyarakat Iban dalam pembangunan tanah mereka. SUHAKAM juga mencadangkan supaya Encik Jalin ak Aton diberi rawatan perubatan segera, termasuklah pembedahan, jika perlu.

Maklumbalas:

"Fakta-fakta" yang dilaporkan oleh SUHAKAM dalam perenggan 1 adalah tidak benar. Selepas 18 orang tersebut menyerah diri kepada

pihak polis, mereka telah ditahan reman bagi tujuan penyiasatan. Sebaik sahaja polis menyiapkan penyiasatan mereka terhadap kes tersebut, beberapa orang yang ditahan, termasuklah Encik Jalin ak Aton, dituduh dengan menyebabkan kematian 4 pekerja berbangsa Cina di tapak ladang kelapa sawit. Kesemua tertuduh telah diwakili oleh peguam, sama ada atas pilihan sendiri atau atas pilihan mahkamah apabila mereka gagal mendapat peguam. Salah seorang dari tertuduh telah meninggal dunia sebelum perbicaraan bermula.

2. Sewaktu perbicaraan, sebahagian daripada mereka, termasuklah Encik Jalin ak Aton, telah didapati bersalah oleh Mahkamah dan dijatuhkan hukuman penjara sementara yang lainnya telah didapati tidak bersalah. Kesemua mereka yang ditahan dan dituduh telah melalui proses perundangan yang ditetapkan.

3. Mengenai cadangan SUHAKAM untuk agensi Negeri yang sesuai, seperti *Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority* (SALCRA), untuk membantu masyarakat Iban dalam pembangunan tanah mereka, adalah diingatkan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak mempunyai pelannya sendiri bagi pembangunan tanah NCR masyarakat asli Sarawak, iaitu dengan menggabungkan tanah-tanah NCR ini untuk menjadi tanah perbankan dan kemudiannya mempelawa syarikat-syarikat yang mempunyai sumber kewangan, pentadbiran dan kepakaran teknikal, untuk bersama-sama membangunkan tanah NCR tersebut.

4. Kerajaan Negeri akan terus membantu masyarakat asli di Sarawak, terutamanya masyarakat Iban yang membentuk kumpulan masyarakat asli terbesar, untuk membangunkan tanah pusaka mereka bagi meningkatkan tahap kehidupan seharian mereka dan seterusnya membawa pembangunan menyeluruh kepada Negeri Sarawak. Umpamanya, sehingga 30 Jun 2002, SALCRA telah berjaya membangunkan sebanyak 46,193 hektar tanah NCR bagi tujuan perladangan kelapa sawit dan getah. Agensi-agensi Negeri yang lain seperti SLDB dan LCDA juga telah melaksanakan program untuk membangunkan tanah NCR secara komersil, bagi tujuan meningkatkan daya pulangan tanah NCR.

7.5 Masyarakat yang tinggal di hujung sungai di Empangan Bakun

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Masyarakat ini khuatir akan impak pembinaan empangan ini ke atas persekitaran yang akan mengurangkan jumlah air mengalir dan ikan di kawasan tersebut. Mereka juga khuatir akan keselamatan mereka dan takut sekiranya berlaku apa-apa yang tidak diingini dengan empangan tersebut.

SUHAKAM mencadangkan supaya langkah-langkah keselamatan empangan tersebut sering dipantau.

Maklumbalas:

Pemilik Bakun HEP, iaitu Sarawak Hidro Sdn. Bhd. (SHSB) telah melantik Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) melalui Pusat Pemindahan Teknologi dan Perunding sebagai konsultan utama bagi menjalankan Laporan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA). Ini bertujuan bagi memastikan agar semua aspek persekitaran diambil perhatian yang sewajarnya dalam pelaksanaan Bakun HEP.

2. Laporan EIA berkenaan antara lainnya telah mensyaratkan agar pemilik projek menyediakan Pelan Tindakan Kecemasan (*Emergency Response Plan – ERP)* yang lengkap. Konsultan yang dilantik oleh SHSB iaitu UNIMAS sedang menyiapkan ERP tersebut dengan dipantau oleh Lembaga Sumber Asli dan Persekitaran.

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

7.5.1 Cadangan supaya tanah alternatif diberikan sebagai tambahan kepada 3 ekar tanah yang telah diberikan kepada mereka yang berpindah ke penempatan Sungai Asap.

Maklumbalas:

Kerajaan Negeri Sarawak telah memutuskan bahawa 3 ekar tanah pertanian untuk satu keluarga adalah mencukupi untuk mengusaha pertanian moden di bawah bimbingan yang rapi oleh Jabatan Pertanian.

2. Dengan pemulihan projek Hidro Bakun, adalah dianggarkan sebanyak 6,000 peluang pekerjaan dalam pembinaan dijangka akan diwujudkan. Besar kemungkinan penduduk-penduduk di kawasan penempatan Sungai Asap tidak akan ragu-ragu untuk merebut peluang ini. Selain daripada itu, limpahan dari projek Hidro Bakun ini juga akan menjana lebih banyak aktiviti-aktiviti ekonomi yang akan memberi peluang perniagaan dan pekerjaan kepada penduduk tempatan. Dengan ini adalah dijangkakan penduduk Sungai Asap tidak akan bergantung hidup sepenuhnya kepada tanah pertanian.

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

7.5.2. Tiga atau lebih kampung dari masyarakat etnik yang sama seperti Penan atau Iban ditempatkan di satu kawasan penempatan yang baru.

Maklumbalas:

Pada masa sekarang mereka yang berpindah telah ditempatkan di kawasan baru mengikut kumpulan kampung asal mereka. Ini bertujuan untuk mengekalkan perhubungan dan pertalian di kalangan penduduk daripada sesuatu kampung. Sekarang terdapat lima kumpulan etnik yang sudah berpindah, iaitu, Ukit, Lahanan, Kenyah, Kayan dan Penan.

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

7.5.3 Satu persempadanan yang jelas haruslah dibuat di antara masyarakat etnik agar ianya tidak menimbulkan pertelingkahan di kalangan mereka.

Maklumbalas:

Memang menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah persempadanan kawasan tanah adat Sarawak. Masalah ini bukan hanya berlaku di antara masyarakat etnik-masyarakat etnik (Bumiputera) saja, bahkan ia berlaku di antara penduduk-penduduk masyarakat etnik itu sendiri. Masalah ini banyak memberi gangguan kepada usaha untuk merancang dan melaksanakan program pembangunan Negeri.

2. Kejayaan di dalam menyelesaikan masalah ini banyak bergantung kepada persetujuan pihak-pihak yang terlibat dalam tuntutan sesuatu kawasan. Biasanya mereka tidak mahu bertolak ansur dan berkompromi di dalam menyelesaikan tuntutan. Dalam keadaan begini, tidak banyak yang Kerajaan Negeri dapat lakukan untuk memenuhi kehendak semua pihak. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri terus berusaha untuk menyelesaikan masalah ini dan memerlukan masa yang agak lama kerana masalah logistik, tuntutan yang bertindih, kawasan yang luas dan terpencil serta perhubungan yang sukar.

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

7.5.4 Kerajaan perlulah menimbang untuk menyediakan kawasan hutan simpanan bagi penduduk aslil kawasan itu untuk memburu.

Maklumbalas:

Penyediaan atau pengkhususan kawasan hutan simpanan untuk mana-mana kumpulan etnik di Sarawak berburu adalah sukar untuk dilakukan dan tidak selaras dengan dasar Kerajaan. Sebaliknya kita mengamalkan dasar perlindungan, pemeliharaan dan pemuliharaan untuk memastikan kewujudan hidupan liar berterusan. Di samping itu, penduduk luar bandar dan pendalaman digalakkan untuk melibatkan diri dalam pertanian dan penternakan termasuk penternakan akuakultur. Usaha ini bukan sahaja dapat memberikan pendapatan sampingan kepada mereka, bahkan dapat mengelakkan mereka daripada terlalu bergantung kepada hutan dan sumber semulajadi untuk mendapat bekalan makanan.

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

7.5.5 Satu dana haruslah diwujudkan dengan bantuan syarikat-syarikat pembalakan bagi memberi bantuan kewangan kepada masyarakat pribumi yang mana tanah mereka terlibat dengan aktiviti pembalakan.

Maklumbalas:

Di Sarawak, pembalakan hanya dilakukan di kawasan hutan atau tanah milik Kerajaan dan tidak melibatkan tanah adat dan milik

individu. Jadi, Kerajaan tidak mempunyai asas untuk menunaikan cadangan ini.

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

7.5.6 Penduduk pribumi haruslah diberi peluang untuk menyertai koperasi yang terlibat dengan pembangunan tanah mereka seperti yang telah dilaksanakan di Kampung Suai Miri.

Maklumbalas:

Usaha yang dilakukan di Kampung Suai Miri akan diteruskan di kawasan-kawasan lain yang melibatkan tanah Hak Adat Bumiputera. Pemilik tanah merupakan pemegang ekuiti di dalam syarikat yang memajukan tanah dan diwakili oleh Pemegang Amanah (Agen Pengurusan) yang dilantik oleh Kerajaan di dalam pengurusan syarikat.

2. Ini adalah satu-satu kaedah yang berkesan yang dilakukan oleh Kerajaan untuk memperbaiki keadaan sosio-ekonomi penduduk luar bandar.

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

7.6.7 Agensi kerajaan yang relevan haruslah meneruskan usaha dengan mengadakan *road show* atau sesi dialog bagi memberi penerangan kepada penduduk pribumi.

Maklumbalas:

Usaha ini memang diteruskan oleh Kerajaan melalui agensi-agensi tertentu, dengan tujuan untuk memberi penjelasan yang sebenar dan tepat terhadap projek dan program pembangunan yang akan dilaksanakan yang memerlukan sokongan rakyat.

8. HAK ORANG KURANG UPAYA

8.1 Pembentukan Undang-Undang

Syor SUHAKAM:

i) Melaksanakan undang-undang asas (Disabled Persons Act) yang mana akan melaksanakan hak-hak orang kurang upaya:

Maklumbalas:

Satu Jawatankuasa Kecil Perundangan Teknikal (*Legal Technical Sub-Committee)* yang dilantik oleh Majlis Penasihat dan Perundingan Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya (*National Advisory and Consultation Council for the Disabled)* telah merangka draf Akta Orang Kurang Upaya 2002 (*Disabled Persons Act 2002).* Draf ini di dalam proses perbincangan di antara agensi-agensi yang berkenaan.

8.2 Keperluan Pendidikan

Syor SUHAKAM:

i) Program pendidikan asas untuk kanak-kanak kurang upaya haruslah diwujudkan;
ii) Melantik lebih ramai pendidik-pendidik bagi pendidikan khas;
iii) Bantuan haruslah diberi dalam bentuk biasiswa bagi membantu mereka yang kurang upaya melanjutkan pelajaran hingga Ijazah Sarjana Muda atau Falsafah;
iv) Syarikat insuran haruslah menyediakan polisi yang bersangkutan dengan kesihatan, pendidikan kepada mereka yang kurang upaya bagi membolehkan mereka melanjutkan pelajaran; dan
v) Kerajaan hendaklah bertanggungjawab menyediakan peluang pekerjaan dan pemulihan kepada orang kurang upaya setelah kematian ibubapa mereka.

Maklumbalas:

Berkenaan cadangan SUHAKAM 8.2 i):

Jabatan Pendidikan Khas menyediakan program-program pendidikan bagi kanak-kanak kurang upaya di peringkat pra-sekolah dan rendah. Program pra-sekolah diwujudkan di sekolah-sekolah rendah pendidikan khas dan sekolah rendah yang mempunyai Program Pendidikan Khas Integrasi menggunakan pendekatan inklusif. Kanak-kanak ini diberi kelonggaran untuk melanjutkan tempoh persekolah selama 2 tahun sama ada di peringkat sekolah rendah atau menengah mengikut pekelilling ikhtisas Bil. 16/2002.

Berkenaan cadangan SUHAKAM 8.2 ii):

Kerajaan amat peka terhadap keperluan guru-guru terlatih dalam pendidikan khas. Pada masa ini, tugas melatih guru-guru yang berkemahiran dalam pendidikan khas dilaksanakan oleh Bahagian Pendidikan Guru dan Jabatan Pendidikan Khas.

2. Bahagian Pendidikan Guru menyediakan latihan dalam pendidikan khas di peringkat Pra-perkhidmatan dan Dalam-perkhidmatan. Selain daripada itu, Bahagian Pendidikan Guru juga melatih guru-guru kurang upaya bermasalah penglihatan dan pendengaran dalam bidang-bidang tertentu.

3. Jabatan Pendidikan Khas juga mengendalikan latihan pendedahan kepada guru-guru yang terlibat secara langsung mengajar murid-murid pendidikan khas bersama-sama dengan Jabatan Pendidikan Negeri. Justeru, kesemua guru-guru yang mengajar murid-murid pendidikan khas Kementerian Pendidikan telah diberikan pendedahan mengenai keperluan murid tersebut.

4. Jabatan Pendidikan Khas telah menjalankan 22 kursus keguruan dalam perkhidmatan Pendidikan Khas yang melibatkan 740 orang guru pada tahun 2002.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 8.2 iii):

Kementerian Pendidikan menyediakan bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman melalui PTPTN bagi mereka yang melanjutkan

pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Tabung ini dibuka **kepada semua pelajar kurang upaya jika memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.**

2. Kementerian Pendidikan juga menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar kurang upaya yang melanjutkan pelajaran di peringkat sijil dan diploma di politeknik tempatan. Pelajar-pelajar tersebut di kecualikan daripada membayar yuran pengajian dan asrama, diberi elaun makan dan wang saku sebanyak RM300.00 sebulan. Pada Januari 2003, seramai 103 orang pelajar politeknik menerima kemudahan ini.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 8.2 iv) dan v):

Maklumbalas kepada jawapan ini akan dipanjangkan kemudian.

8.3 Perundangan dan Polisi Pendidikan

Syor SUHAKAM:

i) Mengkaji semula akta pendidikan yang sedia ada yang menidakkan hak pendidikan untuk mereka yang kurang upaya dan pengasingan mereka yang kurang upaya ke institusi yang berasingan;
ii) Mengkorporatkan hak pendidikan mereka yang kurang upaya seperti dalam *Convention on the Rights of the Child;*
iii) Istilah *"individuals with special needs"* hendaklah diinterpretasikan sebagai *"individuals with special needs assessed and identified by medical standards and having a physical, mental or other impairment which has substantial and/or long term adverse effect on their ability to carry out normal day-to-day activities";* dan
iv) Sekolah swasta hendaklah menerima kanak-kanak yang kurang upaya ini jika ibubapa mereka berkemampuan.

Maklumbalas:

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 8.3 i):

Membekalkan perkhidmatan pendidikan kepada kanak-kanak kurang upaya adalah tanggungjawab Kementerian Pendidikan dan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Kementerian Pendidikan membekalkan perkhidmatan pendidikan kepada kategori murid berikut:

- **bermasalah pendengaran;**
- **bermasalah penglihatan; dan**
- **bermasalah pembelajaran yang boleh dididik.**

2. Akta Pendidikan 1996 tidak menidakkan hak pendidikan kepada kanak-kanak kurang upaya dan Peraturan (Pendidikan Khas) Pendidikan.

3. Terdapat dua jenis perkhidmatan pendidikan yang disediakan untuk murid pendidikan khas Kementerian Pendidikan, iaitu:

- **Sekolah Khas; dan**
- **Program Pendidikan Khas Integrasi.**

4. Kementerian Pendidikan berpegang kepada prinsip "pilihan ibu bapa" (*parental choice*). Ibu bapa mempunyai hak untuk mendaftarkan anak mereka yang kurang upaya di Program Pendidikan Khas yang bersesuaian dengan keperluan anak masing-masing.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 8.3 ii)

Cadangan ini diambil maklum.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 8.3 iii):

Semua murid pendidikan khas yang ingin mengikuti Program Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan perlu disahkan oleh pakar perubatan sebagai individu yang mempunyai:

- cacat penglihatan;
- cacat pendengaran; dan
- kebolehan kognitif rendah.

2. Kementerian Pendidikan menyediakan perkhidmatan khas bagi murid ini kerana mereke memerlukan kaedah dan bahan pengajaran yang berlainan untuk akses kurikulum kebangsaan atau memerlukan kurikulum yang diubahsuai sesuai dengan keupayaan kognitif sedia ada pada murid.

3. Murid cacat fizikal tidak dikategorikan sebagai murid pendidikan khas Kementerian Pendidikan kerana mereka mempunyai keupayaan kognitif yang normal dan berupaya mengikuti kurikulum kebangsaan kecuali bagi subjek Pendidikan Jasmani. Murid tersebut hanya memerlukan pengubahsuaian struktur fizikal bilik darjah, bengkel, makmal, tandas dan sebagainya.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 8.3 iv):

Sekolah swasta tiada halangan menerima kemasukan kanak-kanak kurang upaya asalkan:

- **Mampu membiayai; dan**
- **Lulus peperiksaan kemasukan yang dikendalikan oleh sebahagian daripada sekolah swasta.**

8.4 *Sexuality*

Syor SUHAKAM:

i) Pihak Kerajaan dan NGO yang mahir di dalam isu *human sexuality* hendaklah mengkaji isu ini kerana kebanyakan daripada mereka yang kurang upaya telah teraniaya:

Maklumbalas:

Isu ini akan dibawa ke Suruhanjaya Perunding dan Penasihat Orang Kurang Upaya.

8.5 Pengangkutan

Syor SUHAKAM:

i) Menyediakan pengangkutan awam dan infrastruktur yang mengikut standard yang memerlukan semua pengangkutan awam yang baru mengikut standard yang ditetapkan ini;
ii) Menguatkuasakan rekacipta standard seperti MS 1331 yang mesra kepada mereka yang kurang upaya;
iii) Plan dan struktur hendaklah mesra kepada mereka yang kurang upaya;
iv) Menggalakkan dan memberi insentif kepada pembangunan baru;
v) Menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada dan garis panduan reka cipta yang mesra kepada mereka yang kurang upaya;
vi) Mengkaji semula *operating practices* dan peraturan bagi mengubah halangan-halangan terhadap mereka yang kurang upaya;
vii) Mendidik kakitangan di setiap bahagian untuk lebih peka kepada masalah mereka yang kurang upaya; dan
viii) Memastikan yang setiap kenderaan dan infrastruktur baru adalah mesra kepada mereka yang kurang upaya dan warga tua.

Maklumbalas:

Maklumbalas kepada jawapan ini akan dipanjangkan kemudian.

8.6 Akses

Syor SUHAKAM:

i) Mengambil tindakan secepat mungkin bagi mengatasi masalah halangan yang dihadapi oleh mereka yang kurang upaya di semua tempat pembangunan yang baru termasuk juga sistem pengangkutan, perumahan dan pendidikan.

Maklumbalas:

Maklumbalas kepada jawapan ini akan dipanjangkan kemudian.

8.7 Peluang Pekerjaan

Syor SUHAKAM:

i) Bagi mereka yang kurang pendengaran:-
- pengecualian cukai bagi pembelian alat pendengaran;
- melantik lebih ramai fasilitator bahasa isyarat bagi meningkatkan akses kepada maklumat, terutamanya di dalam perkhidmatan awam:

Maklumbalas:

Pengecualian cukai bagi alat-alat pendengaran memang wujud, cuma ianya perlu diperkembangkan lagi. *Sign language facilitator* boleh diperolehi daripada Persatuan Orang Kurang Pendengaran Kebangsaan. Peruntukan dapat disediakan kepada penterjemah-penterjemah ini.

Syor SUHAKAM:

ii) Bagi yang kurang upaya dari segi mental:
- mereka yang mempunyai kecacatan mental dianggap sebagai kurang upaya bagi membolehkan mereka menerima keistimewaan khas yang diberikan;
- mereka yang mempunyai kecacatan mental perlulah diberi perlindungan insuran kepada keluarga untuk perubatan;
- pengecualian cukai bagi mereka yang menjaga orang kurang upaya dari segi mental; dan
- Kerajaan perlulah mewujudkan institusi kesihatan mental bagi menampung mereka yang mengalami kecacatan mental.

Maklumbalas:

Definisi orang yang mempunyai masalah mental sebagai orang kurang upaya haruslah dibincang dengan lebih lanjut sebelum definisi muktamad dapat dibuat.

8.8 Pendaftaran

Syor SUHAKAM:

i) Mewujudkan satu *database* yang mengandungi maklumat tentang keadaan orang kurang upaya mengikut maklumat demografi yang telah ditetapkan iaitu status pekerjaan, tahap pendidikan, perumahan, komposisi rumah dan keahlian dalam persatuan orang kurang upaya bagi tujuan:-
   - mengindeks maklumat yang sedia ada berhubungkait dengan kecacatan dikalangan pelbagai kementerian dan organisasi;
   - menyebarkan secara berkesan, maklumat dalam rekabentuk dan bahasa yang dapat diakses oleh mereka yang kurang upaya dan keluarga mereka.

Maklumbalas:

Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakt sedang bekerjasama dengan NITC bagi mewujudkan program "*Bridging the Digital Divide*" bagi membangunkan pengkalan data untuk orang kurang upaya.

8.9 Persamaan Hak Dalam Bidang Sukan

Syor SUHAKAM:

i) Untuk menyediakan:-
   - peralatan sukan yang sewajarnya;
   - tempat sukan yang mesra kurang upaya;

- lebih ramai jurulatih yang berkebolehan, terutamanya melatih atlet-atlet kurang upaya untuk menjadi jurulatih;
- Memberi insentif yang sama kepada atlet kurang upaya dengan atlet biasa, dan bukannya insentif 50% dari apa yang diterima oleh atlet biasa;
- Sukan bagi mereka yang kurang upaya harus ditempatkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan, dan bukannya di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat seperti yang wujud sekarang; dan
- membina lebih banyak pusat sukan dan tempat riadah bagi mereka yang kurang upaya.

Maklumbalas:

Maklumbalas kepada jawapan ini akan dipanjangkan kemudian.

9. WANITA

9.1 Kesamarataan dibawah undang-undang

Syor SUHAKAM:

i) Memastikan tiada dikotomi hak di antara wanita Islam dan wanita agama lain. Islam menyarankan prinsip kesamarataan antara wanita dan lelaki. Oleh itu, pindaan kepada Artikel 8(2) Perlembagaan Persekutuan perlulah digunapakai juga untuk mereka yang bukan beragama Islam;

ii) Menyarankan supaya Kerajaan memperkenalkan *gender budgeting* dengan mengambil kira keperluan khusus wanita dan untuk memastikan wanita dan lelaki mendapat manfaat dari *gender-balanced budget.*

Maklumbalas:

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 9.1 i):

Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan telah dipinda pada 1 Ogos 2002. Dengan pindaan ini, sebarang bentuk diskriminasi terhadap wanita tidak dibenarkan. Sehubungan itu, perkataan 'jantina' telah dimasukkan ke dalam Perkara 8(2) yang menyenaraikan antara perkara-perkara yang tidak boleh menjadi asas perbezaan antara warganegara termasuk agama, kaum, keturunan, tempat lahir, dan kini jantina.

2. Pindaan ini menunjukkan keprihatinan terhadap kemajuan kaum wanita, termasuk memastikan bahawa tidak terdapat sebarang diskriminasi terhadap golongan ini di Malaysia.

3. Usaha sedang dibuat untuk mengkaji undang-undang agar ia selaras dengan Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 9.1 ii):

Analisis bajet gender (*gender budget analysis*) akan diperkenalkan di Malaysia. Analisis tersebut akan dilaksanakan secara projek perintis di Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Kementerian

Sumber Manusia dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Projek perintis berkenaan diselaraskan oleh jawatankuasa yang terdiri daripada Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Unit Penyelarasan Pelaksanaan dan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (KPWK). KPWK dengan kerjasama *United Nations' Development Programme* (UNDP) akan menyediakan butir-butir pelaksanaan projek perintis dan menjalankan latihan kepada pegawai dan kakitangan kementerian-kementerian yang berkenaan.

9.2 Keluarga yang diketuai oleh Wanita

Syor SUHAKAM:

i) Menerbitkan laporan khas mengenai keperluan keluarga yang mana ketuanya adalah wanita, dengan mengambil kira isu-isu berikut:-

- tanah & perumahan – Kerajaan negeri perlulah mewujudkan *quota* bagi peruntukan tanah dan rumah untuk keluarga yang diketuai oleh wanita;
- keperluan kewangan – untuk mewujudkan mekanisma bagi membolehkan pemotongan bayaran *maintenance* dari akaun KWSP suami yang tidak membayar nafkah;
- untuk mengkhususkan kepada isteri yang telah diceraikan sebahagian daripada harta simati, sekiranya suami telah memberikan anggaran harta yang salah sewaktu perceraian berlaku; dan
- untuk mewujudkan prosedur dan peraturan yang berkesan dalam pengagihan duit Baitul-Mal bagi mempercepatkan bantuan kepada keluarga miskin yang diketuai wanita.

Maklumbalas:

Kajian sedang dibuat mengenai wanita luar bandar dan ibu tunggal dengan mengambil kira aspek-aspek seperti berikut:-

- **Masalah semasa yang dihadapi oleh kumpulan sasar;**
- **Faktor yang menyebabkan wujudnya masalah tersebut;**

Cara-cara untuk mengatasi masalah tersebut.

2. Mulai tahun 2003, keutamaan akan diberi kepada ibu tunggal yang berpendapatan kurang daripada RM 600 sebulan untuk memiliki rumah kos rendah secara berkelompok.

3. Walaupun mekanisme bagi membolehkan pemotongan bayaran *maintenance* dari akaun KWSP suami yang tidak membayar nafkah belum diwujudkan lagi, tetapi bagi pencarum KWSP yang beragama Islam, pihak KWSP kini menerima keputusan Mahkamah untuk meliputi caruman KWSP sebagai 'harta sepencarian'. Walau bagaimanapun, pembahagian kepada isteri yang telah diceraikan hanya dapat dilakukan selepas pengeluaran caruman KWSP oleh si suami.

9.3 Mahkamah Syariah dan Sivil

Syor SUHAKAM:

i) Melicinkan prosedur sementara bagi hak penjagaan dan nafkah;

ii) Mewujudkan *Government Child Support Agency* untuk memastikan penguatkuasaan penyelenggaraan dan nafkah bagi kanak-kanak dan wanita yang telah bercerai;

iii) Melicinkan implementasi penguatkuasaan bersama bagi keputusan-keputusan mahkamah Syariah ke atas semua bidangkuasa negeri; dan

iv) Di bawah Seksyen 51 Akta Pindaan Undang-Undang, semua isu sampingan perlu diselesaikan oleh mahkamah sivil sebelum seorang mualaf dapat berkahwin lain. Mualaf tersebut juga mestilah dibenar memfailkan petisyen di bawah Seksyen 51 untuk bantuan perceraian dan bantuan sampingan.

Maklumbalas:

Mengenai kes-kes Syariah, cadangan sedang diteliti untuk menyeragamkan Undang-undang Islam. Masalah ketidakseragaman dapat diatasi setelah undang-undang ini diwartakan.

9.4 Perkahwinan yang Tidak Berdaftar

Syor SUHAKAM:

i) Perkahwinan mengikut adat yang tidak didaftarkan – untuk menyebarkan maklumat bagi meningkatkan kesedaran awam mengenai *illegality* perkahwinan sedemikian untuk mengelakkannya daripada berlaku;

ii) Perkahwinan syariah yang tidak didaftarkan – untuk menyebarkan maklumat bagi meningkatkan kesedaran awam mengenai bahayanya perkahwinan sebegini untuk mengelakkannya daripada berlaku;

Maklumbalas:

Maklumat lanjut mengenai isu ini sedang dikumpul dan akan diteliti. Program kesedaran akan dilaksanakan bagi membantu wanita-wanita yang ingin berkahwin semula.

9.5 *Gender Sensitization Training*

Syor SUHAKAM:

i) Memperkenalkan latihan *gender sensitization* bagi semua penggubal dasar dan pegawai Kerajaan, dengan keutamaan diberikan kepada pegawai-pegawai dan peguam-peguam mahkamah syariah dan sivil.

Maklumbalas:

Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga telah merangka modul untuk latihan *gender sensitization* yang meliputi dasar dan program wanita, perancangan projek gender, bajet gender, pembinaan kapasiti (*capacity building*), struktur organisasi dan sebagainya. Empat siri latihan memperdanakan gender akan dilaksanakan pada tahun 2003. Pada tahun 2001 dan 2002, KPWK dengan kerjasama UNDP telah mengadakan latihan untuk para pegawai dari Kementerian-Kementerian mengenai bajet gender, pembinaan kapasiti serta program-program memperdanakan gender.

10. KANAK-KANAK

10.1 Rumah-rumah Anak Yatim dan *Shelter Homes*

Syor SUHAKAM:

i) Pembantu (*caregivers)* di rumah-rumah anak yatim perlulah dilatih dalam penjagaan dan pembangunan kanak-kanak:

Maklumbalas:

Jabatan Kebajikan Masyarakat sudah mula memberi latihan kepada pembantu (*caregivers)* di rumah kanak-kanak semenjak tahun 1990an dan latihan sampingan terus diberikan dari masa ke semasa. Dua latihan/subjek berhubung penjagaan kanak-kanak dan pembangunan kanak-kanak telah dirancang bagi tahun 2003 di mana ianya akan dapat membantu meningkatkan kualiti pembantu-pembantu (*caregivers)* ini.

10.2 *Children in Court*

Syor SUHAKAM:

i) Mahkamah perlu mengkaji semula prosedur yang sedia ada apabila mengendalikan kanak-kanak untuk meminimakan *trauma* mereka sewaktu mengikuti prosedur di mahkamah;
ii) *Evidence Act* 1950 harus dipinda bagi membolehkan kanak-kanak memberi keterangan tanpa bersemuka dengan pendakwanya (yang mungkin bapa atau saudara terdekat); dan
iii) Kes-kes yang melibatkan kanak-kanak perlulah diselesaikan dengan segera.

Maklumbalas:

Projek Pembaharuan Pemberian Keterangan Kanak-Kanak di Mahkamah telah diperkenalkan bagi menangani masalah-masalah yang telah diketengahkan oleh SUHAKAM. Projek ini merupakan satu inisiatif baru untuk memperkenalkan pembaharuan di dalam sistem pentadbiran keadilan Negara bagi membolehkan kanak-kanak

memberi keterangan di Mahkamah dalam suasana yang selesa dan "mesra kanak-kanak".

2. Pembaharuan-pembaharuan yang akan diperkenalkan meliputi:-

2.1 penggunaan kaedah rakaman video keterangan saksi kanak-kanak yang akan digunakan sebagai bukti di mahkamah;
2.2 penggunaan litar televisyen tertutup (CCTV) untuk saksi kanak-kanak memberi keterangan di mahkamah;
2.3 mengkaji pindaan kepada Akta Keterangan 1950;
2.4 Khidmat Saksi; dan
2.5 Konsep Dokumen Kerjasama (*Working Together Document)* di antara agensi-agensi yang terlibat di dalam memberi perlindungan kepada kanak-kanak.

Projek ini bermodelkan sistem yang digunapakai oleh Kerajaan Britain yang mempunyai 12 tahun pengalaman di dalam perlaksanaan Mahkamah Mesra Kanak-kanak.

3. Susulan dari ini, satu Bengkel Untuk Pegawai-Pegawai Polis (Siasatan) dan Ceramah dan Dialog untuk pegawai-pegawai perundangan dan kehakiman telah diadakan. Ini diikuti dengan Seminar bertemakan "Khidmat Sokongan Saksi – Satu Pendekatan Baru di Dalam Sistem Pentadbiran Keadilan" yang telah dihadiri dengan jayanya oleh wakil dari badan-badan bukan Kerajaan dan pegawai-pegawai kebajikan masyarakat.

4. Buat masa ini, pelaksanaan fasa pertama projek, yang merangkumi Suite Rakaman Video Keterangan Kanak-kanak, Khidmat Sokongan, Latihan kepada Polis DI Raja Malaysia dan Penyediaan Dokumen Kerjasama, telah berjalan dengan lancar dan menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan.

5. Selain daripada itu, Pekeliling Ketua Pendaftar Mahkamah Bil. 2 Tahun 2002 telah mengarahkan semua majistret untuk menyelesaikan kes-kes yang melibatkan kanak-kanak yang ditahan reman seboleh-bolehnya dalam tempoh 3 bulan.

10.4 Pendidikan

Syor SUHAKAM:

i) Pemantuan perlulah dilakukan oleh Kerajaan, sektor swasta dan NGO bagi meminimakan unsur-unsur negatif;

ii) Kementerian Pendidikan haruslah membuka lebih banyak sekolah-sekolah teknik untuk kanak-kanak yang tidak minat kepada akedemik. Bidang-bidang yang diajar juga perlulah dipertambah;

iii) Pendidikan wajib haruslah diperpanjangkan hingga umur 17 tahun, atau sekurang-kurangnya sehingga 15 tahun, memandangkan kanak-kanak di bawah umur 15 tahun adalah terlalu muda untuk bekerja;

iv) Selaras dengan Artikel 28 *Convention on The Rights of The Child (CRC)* yang menetapkan bahawa semua kanak-kanak mempunyai hak kepada pendidikan, sekolah-sekolah haruslah menerima kanak-kanak yang tidak mempunyai sijil beranak;

v) Selaras dengan Artikel 31 CRC, pihak berkuasa tempatan haruslah mewujudkan lebih banyak peluang bagi kanak-kanak (termasuklah kanak-kanak kurang upaya dan *teenager*) untuk menyertai aktiviti-aktiviti mainan, riadah, artistik dan kebudayaan; dan

vi) Kementerian Pendidikan, pihak media, ibubapa dan masyarakat harus menumpukan perhatian kepada perkembangan *spiritual* kanak-kanak, dan tidak kepada kelulusan akademik semata-mata.

Maklumbalas:

Kementerian Pendidikan menawarkan 22 mata pelajaran vokasional (MPV) berperingkat-peringkat di sekolah menengah akademik harian untuk tingkatan 4 dan tingkatan 5 mulai tahun 2002. MPV ini adalah bagi memenuhi permintaan terhadap pekerja teknikal dan vokasional terutamanya kumpulan mahir dan separa mahir yang semakin meningkat hasil daripada kepesatan ekonomi Negara.

2. MPV memberi peluang kepada murid terutamanya yang berpotensi dalam ketukangan tangan memilih mata pelajaran mengikut minat dan bakat mereka. Dengan ini MPV dapat meluaskan

akses dan meningkatkan ekuiti penglibatan murid kepada bidang vokasional dan teknikal yang diperlukan Negara.

3. MPV adalah peluasan kepada mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di tingkatan 1 hingga tingkatan 3 sekolah menengah rendah. Bertitik tolak daripada mata pelajaran tersebut, kurikulum MPV digubal dan ditokok tambah dengan kemahiran-kemahiran yang menjurus kepada bidang yang lebih khusus. Pelaksanaan mata pelajaran berperingkat-peringkat dan pemilihan sekolah mengambil kira pelbagai factor seperti keupayaan prasarana, kesediaan guru dan juga kesesuaian lokasi mengikut persekitaran.

4. Pelaksanaan 22 mata pelajaran ini dijadualkan mengikut empat fasa mulai 2002 hingga 2005 seperti berikut:

4.1	Tahun 2002 (Fasa 1)	-	8 MPV ditawarkan di 104 buah sekolah;
4.2	Tahun 2003 (Fasa 2)	-	2 MPV ditawarkan di 100 buah sekolah;
4.3	Tahun 2004 (Fasa 3)	-	8 MPV ditawarkan di 100 buah sekolah;
4.4	Tahun 2003 (Fasa 4)	-	8 MPV ditawarkan di 100 buah sekolah.

5. Senarai MPV adalah seperti berikut:

5.1 Pembinaan Domestik;
5.2 Membuat Perabot;
5.3 Seni Reka Tanda;
5.4 Menservis Peralatan Elektrik Domestik;
5.5 Rekaan dan Jahitan Pakalan;
5.6 Katering dan Penyajian;
5.7 Landskap dan Nurseri;
5.8 Tanaman Makanan;
5.9 Akuakultur dan Haiwan Rekreasi;
5.10 Produksi Bahan Multimedia;
5.11 Grafik Berkomputer;
5.12 Pendawaian Domestik;
5.13 Menservis Automobil;
5.14 Menservis Peralatan Penyejukan dan Penyaman Udara;
5.15 Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak;

5.16 Hiasan Dalam Asas;
5.17 Penjagaan Muka dan Dandanan Rambut;
5.18 Kerja Paip Domestik;
5.19 Kimpalan Arka dan Gas;
5.20 Mengetuk dan Mengecat Kereta;
5.21 Perkhidmatan Penjagaan Geriatrik.

10.5 Penganiayaan Kanak-kanak (fizikal, psikologi dan *sexual)*

Syor SUHAKAM:

i) Ibubapa haruslah dilatih dalam aspek pembangunan kanak-kanak dan *parenting skills* bagi membolehkan mereka menjadi ibubapa yang lebih mantap. Majikan perlu menganjurkan kursus *parenting* bagi pekerja-pekerja mereka;

ii) Perlaksanaan perkhidmatan kaunseling untuk penganiaya kanak-kanak dan pesalahlaku seks, terutama sekali mereka yang kini di dalam penjara, perlulah dipercepatkan;

iii) Laporan wajib mengenai kes-kes aniaya kanak-kanak perlulah merangkumi guru-guru tadika dan sekolah bagi memberi perlindungan yang lebih luas dan perkhidmatan bantuan bagi lebih ramai kanak-kanak teraniaya;

iv) Selaras dengan Artikel 17, 24 dan 28 CRC, akses kepada maklumat dan pendidikan yang wajar, terutama rawatan perubatan, kaunseling dan khidmat bantuan, perlulah tersedia untuk ibu-ibu bawah umur; dan

v) Penyelidikan mengenai penganiayaan kanak-kanak mestilah dibuat supaya strategi, program-program pembendungan, penjagaan dan rawatan serta khidmat bantuan adalah berdasarkan data *empirical.*

Maklumbalas:

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 10.5 i) dan ii):

Cadangan tersebut diambil maklum.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 10.5 iii):

Buat masa ini, laporan wajib hanyalah tertakluk kepada pelatih perubatan, ahli keluarga dan penjaga kanak-kanak sahaja.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 10.5 iv):

Akta Kanak-Kanak 2001 dengan jelas menyatakan bahawa kanak-kanak di bawah umur 18 tahun yang mengandung akan diberi perkhidmatan sewajarnya. Bagi mereka yang berumur 18 tahun ke atas, mereka ini akan dirujuk kepada pertubuhan bukan kerajaan bagi mendapatkan perkhidmatan yang sewajarnya.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 10.5 v):

Kajian bertajuk *"Prevalence of Child Sexual Abuse Amongst School-Going Children in Malaysia"* sedang dijalankan oleh sebuah pertubuhan bukan kerajaan, PS dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. lanya ditanggung sepenuhnya oleh UNICEF di mana kosnya dianggarkan berjumlah RM203,400.00

10.6 Penjagaan kanak-kanak

Syor SUHAKAM:

i) Insentif pengecualian cukai yang menarik haruslah diberi bagi menggalakkan sektor swasta menyediakan khidmat penjagaan kanak-kanak dan penjagaan selepas sekolah bagi pekerja-pekerja mereka:

Maklumbalas:

Galakan cukai kepada syarikat yang menyediakan kemudahan penjagaan kanak-kanak (child care facilities) bagi pekerjanya telah diberi. Galakan tersebut adalah dalam bentuk elaun bangunan industri sebanyak 10% setahun atas kos pembinaan atau pembelian bangunan bagi tujuan kemudahan penjagaan kanak-kanak.

10.7 *Juvenile Justice*

Syor SUHAKAM:

i) Pusat reman yang berasingan perlulah disediakan bagi pesalah-pesalah juvenil (Artikel 40 CRC);
ii) Pesalah juvenil yang meminta untuk dibicarakan perlulah digolongkan dalam *fast track* supaya mereka tidak perlu menunggu lama dari yang sepatutnya (Artikel 40 CRC);
iii) Hukuman ke atas juvenil haruslah dimulakan dari hari penangkapan, dan bukannya dari hari dijatuhkan hukuman;
iv) Program *intervention* haruslah disediakan untuk pesalah juvenil bagi membina kembali maruah diri, melatih mereka dalam kemahiran hidup, membantu mereka membuat pilihan dan membantu mengawal perasaan marah; dan
v) Hukuman sebatan dalam semua rumah-rumah reman juvenil/sekolah-sekolah yang dikhususkan perlulah dihapuskan dan khidmat kaunseling dipertingkatkan.

Maklumbalas:

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 10.7 i):

Buat masa kini, kanak-kanak yang dituduh akan ditahan reman di institusi-institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat, kecuali jika ada permohonan oleh pihak pendakwaraya, Pegawai Kebajikan atau pihak yang berkenaan supaya kanak-kanak tersebut di hantar ke lain-lain tempat.

2. Perkara ini sedang diteliti, terutama sekali dengan adanya Akta Kanak-Kanak 2001.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 10.7 ii):

Perkara ini telah dilaksanakan. Surat Pekeliling Ketua Pendaftar Bil. 2/2002 bertajuk "Kanak-Kanak Dalam Tahanan Reman" telah dikeluarkan kepada semua Mahkamah Majistret pada 26 Julai 2002, di mana Mahkamah telah diingatkan bahawa kes-kes yang melibatkan kanak-kanak yang ditahan reman perlu diselesaikan dalam tempoh 3 bulan. Kegagalan berbuat demikian akan membawa kepada tuntutan surat penjelasan oleh Badan Kehakiman.

2. Ketua Hakim Malaysia juga telah mengeluarkan Arahan Amalan Ketua Hakim Negara 2/2003 (yang telah berkuatkuasa dari 2 Januari 2003) bertajuk "Kes-Kes Keutamaan" di mana semua mahkamah telah diarah untuk memberi keutamaan kepada, antara lainnya, kes-kes reman dan kes-kes yang melibatkan kanak-kanak. Kes-kes tersebut haruslah diselesaikan dalam tempoh 3 bulan.

3. Badan Kehakiman juga sedang mencari cara-cara alternatif bagi menyelesaikan kes-kes yang melibatkan tahanan muda, terutamanya kanak-kanak, dalam tempoh 3 bulan. Salah satu langkah yang telah diambil termasuklah menganjurkan program-program atau kursus khusus bagi majistret di Mahkamah Kanak-Kanak. Program tersebut akan memberi penekanan khusus kepada Akta Kanak-Kanak 2001. Beberapa majistret telah menghadiri kursus-kursus yang diadakan.

4. Mahkamah Kanak-Kanak telah membuat pindaan yang sewajarnya kepada tarikh-tarikh perbicaraan.

5. Lanjutan dari Pekeliling Ketua Pendaftar Bil. 2/2002, prosiding yang melibatkan kanak-kanak telah dapat diselesaikan dengan kadar segera.

6. Keberkesanan surat pekeliling ini dapat dilihat dalam perangkaan semasa yang menunjukkan pengurangan bukan sahaja pada tempoh tahanan reman kanak-kanak yang dituduh melakukan kesalahan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001, tetapi juga pada jumlah kanak-kanak yang ditahan reman.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 10.7 iii):

Badan Kehakiman akan menimbangkan cadangan ini.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 10.7 iv):

Perkara ini memang dipertimbang memandangkan Akta Kanak-Kanak 2001 telah menyatakan perlunya *Interactive Workshops* bagi membincang isu-isu seperti *self-esteem, motivations, parental skills* dan sebagainya.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 10.7 v):

Hukuman sebatan hanya akan digunakan sebagai jalan penyelesaian terakhir.

2. Hukuman sebatan diperuntukkan di bawah Seksyen 92 Akta Kanak-Kanak 2001 dan seksyen ini juga memperuntukkan beberapa garispanduan yang perlu dipatuhi dalam menjalankan perintah sebatan tersebut agar tidak memudaratkan kanak-kanak, seperti menentukan tahap kesihatan kanak-kanak tersebut, jenis rotan yang digunakan, bahagian badan kanak-kanak yang boleh dikenakan sebatan dan cara sebatan tertentu untuk memastikan kanak-kanak tidak cedera.

10.8 Khidmat *Social Welfare*

Syor SUHAKAM:

i) Sumber manusia dalam khidmat *welfare* haruslah ditambah, terutama sekali dalam perkhidmatan *specialized* seperti perlindungan kanak-kanak, *juvenile justice, domestic violence,* perkhidmatan untuk warga tua dan kurang upaya. Mewujudkan *smart partnerships* dengan NGO bagi pentadbiran sumber manusia lebih efisyen; dan

ii) Mengambil *welfare officers* dan kakitangan yang mempunyai kelulusan dalam khidmat sosial di tahap sijil, diploma atau ijazah bagi perkhidmatan yang lebih mantap.

Maklumbalas:

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 10.8 i):

Jabatan Kebajikan Masyarakat telah merangka satu plan strategik di dalam proses penyusunan semula Jabatan dan ianya dibincangkan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam. Penyusunan semula peringkat fasa 1 telah dijalankan pada tahun 2002 di mana 461 jawatan baru telah diwujudkan dan yang paling penting ialah kenaikan semua Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah ke Gred S3.

2. Pada Fasa 2, proses kenaikan bagi Jabatan Kebajikan Masyarakat di ibu pejabat, Negeri dan institusi hanya akan diadakan selepas perlaksanaan Sistem Saraan Malaysia (SSM).

3. Dalam melaksanakan perkongsian bijak dengan pertubuhan bukan kerajaan, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat sedang bekerjasama rapat dengan Majlis Pembangunan Kebajikan dan Sosial Malaysia di mana sejumlah RM2 juta diperuntukkan bagi memberi latihan kepada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan ini. Institut Sosial Malaysia (ISM) juga sedia memberi kerjasama serupa.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 10.8 ii):

Sudah menjadi amalan Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi mengambil pegawai atau kakitangan yang mempunyai kelulusan di dalam bidang kerja-kerja kebajikan. Walaubagaimanapun, Jabatan ini ada mengambil kakitangan dari bidang-bidang yang lain seperti kaunseling, sains sosial, IT, sumber manusia, sastera dan juga pembangunan manusia.

11. GOLONGAN ISTIMEWA

11.1 *Testing*

Syor SUHAKAM:

i) *Code of* Practice Kementerian Sumber Manusia berkenaan *Prevention and Management of HIV/AIDS in the Workplace*, yang tidak mewajipkan *testing* sebelum atau semasa kerja, haruslah digalakkan; dan

ii) Maklumat berhubung keputusan ujian hanyalah boleh diberikan kepada pihak ketiga atas dasar perlu tahu dan dengan kerelaan orang yang diuji.

Maklumbalas:

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 11.1 i):

Penyaringan di tempat kerja sebagai pra-syarat tidak digalakkan kerana:-

11.1 terdapatnya *window period* untuk tempoh pengeraman di antara 2 hingga 4 minggu, di mana pada tempoh ini virus tidak dapat dikesan. Oleh itu, adalah sukar untuk menentukan bila saringan perlu dibuat. Walau bagaimanapun, ujian saring secara sukarela adalah digalakkan dan majikan boleh menyediakan kemudahan untuk pekerja menjalankan saringan secara sukarela;

11.2 orang yang dijangkiti virus HIV boleh menjalankan kehidupan biasa dan bekerja seperti orang lain. Oleh itu, ia tidak sepatutnya menjadi pra-syarat untuk pekerjaan, kenaikan pangkat atau mendapat faedah pekerjaan. Tindakan hanya perlu diambil jika orang tersebut mengancam kesihatan pekerja-pekerja lain.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 11.1 ii):

Adalah ditegaskan salah satu etika pengamal perubatan ialah tidak boleh memberitahu keputusan perubatan kepada orang ketiga tanpa kebenaran orang yang berkenaan.

11.2 Penswastaan Khidmat Perubatan

Syor SUHAKAM:

i) Penswastaan khidmat perubatan, sekiranya dilakukan, perlulah dibuat dengan bantuan kewangan dari Kerajaan yang secukupnya dan mestilah dibawah kuasa efektif kerajaan.

Maklumbalas:

Cadangan ini telah diambil maklum.

11.3 Insuran

Syor SUHAKAM:

i) Akta Insuran perlulah dipinda bagi meliputi golongan istimewa ini dengan premium yang lebih baik;
ii) Tidak ada pengecualian yang tidak adil, umpamanya, kerana kesakitan mental atau umur; dan
iii) Mempercepatkan *national health care financing scheme* yang *community-rated* dan memastikan bahawa semua pihak *marginalized* turut sama dalam skim ini.

Maklumbalas:

Cadangan ini merupakan cadangan yang baik. Walau bagaimanapun, buat masa ini, perlindungan bagi Orang Kurang Upaya dimana ianya dihadkan kepada kematian, hilang keupayaan secara *total* dan pengurusan pengebumian sedang disediakan dengan kerjasama Takaful Malaysia.

11.4 Pekerjaan

Syor SUHAKAM:

i) *pre-employment questionnaires* haruslah hanya mengandungi soalan-soalan berkaitan dengan pekerjaan; dan

ii) kesedaran kesihatan awam perlulah diberikan kepada semua di tempat kerja.

Maklumbalas:

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 11.4 i):

Pre-employment questionnaires boleh mengandungi sebarang soalan yang dirasakan relevan oleh majikan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk memilih calon-calon yang sesuai dengan kriteria yang telah ditetapkan. Unsur diskriminasi hendaklah dielakkan.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 11.4 ii):

Tempat kerja boleh dijadikan satu platform untuk menyampaikan maklumat melalui kempen atau ceramah kesedaran yang dijalankan oleh majikan secara sukarela. Ini dapat membantu Kerajaan menyebarkan maklumat dan meningkatkan kesedaran kesihatan awam.

12. PEKERJA

12.1 Pekerja Ladang

Syor SUHAKAM:

i) Merangka dan menguatkuasa undang-undang mengenai gaji bulanan bagi pekerja ladang yang menjamin:-
   - Skim Gaji Bulanan sebanyak RM750 sebulan;
   - Kenaikan tahunan sebanyak RM50;
   - Bonus tahunan – minima sebulan gaji; dan
   - Faedah persaraan sebanyak RM1000 bagi setiap tahun bekerja;

ii) Merangka dan menguatkuasa undang-undang mengenai perumahan bagi memberi:-
   - Kemudahan yang sesuai di kawasan perumahan baru bagi tujuan beribadat, taman mainan dan dewan serbaguna; dan
   - Hak pekerja untuk tinggal di ladang dengan kemudahan yang sedia ada diberikan kepada mereka, sehingga rumah mereka siap dibina.

Maklumbalas:

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 12.1 i):

Pekerja-pekerja sektor perladangan di negara ini yang berkesatuan secara umumnya diliputi di bawah perjanjian kolektif antara MAPA (Malayan Agricultural Producers Association) yang mewakili pihak majikan dan NUPW (National Union of Plantation Workers) yang mewakili pihak pekerja. Kadar upah, faedah kewangan dan bukan kewangan, terma dan syarat pekerjaan serta sistem bayaran di sektor perladangan ditentukan melalui proses rundingan bersama secara terus antara NUPW dan MAPA. Campur tangan Kerajaan dalam proses rundingan ini adalah minimum iaitu apabila diminta oleh pihak berkenaan.

2. Pada masa ini MAPA dan NUPW telah pun mencapai persetujuan melaksanakan pendapatan minima RM 325.00 sebulan di samping elaun-elaun insentif yang lain untuk pekerja-pekerja yang bekerja di ladang kelapa sawit. Kedua-dua pihak ini digalakkan

untuk mengadakan perundingan dan mencapai persetujuan supaya kebajikan pekerja-pekerja ladang dapat dipertingkatkan.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 12.1 i):

Isu upah dan kualiti kehidupan bagi pekerja ladang kerap dibangkitkan oleh NUPW sebagai wakil sah pekerja-pekerja ladang yang menganggotai kesatuan tersebut dengan MAPA, malahan Kementerian Sumber Manusia telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan pekerja-pekerja ladang menikmati kualiti hidup yang sempurna. Langkah-langkah ini termasuklah menguatkuasakan Akta Standard-Standard Minima Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 dan program-program berbentuk pembangunan perumahan dan kemudahan asas.

2. Program-program tertentu dan penguatkuasaan undang-undang akan terus dilaksanakan bagi melindungi kepentingan, kebajikan dan kesejahteraan pekerja-pekerja ladang, tidak kira sama ada mereka diwakili oleh kesatuan sekerja atau sebaliknya dalam usaha untuk memperbaiki taraf dan kualiti hidup pekerja di sektor tersebut.

12.2 Pekerja Asing

Syor SUHAKAM:

i) Untuk melaksanakan penalti lebih berat ke atas majikan dan agen pengimpot sumber manusia yang terlibat dengan *trafficking of human beings;*

ii) Untuk membenarkan pekerja asing mencari pekerjaan lain sewaktu menunggu pampasan perundangan apabila terdapatnya *labour dispute;* dan

iii) Mengambil langkah bagi memastikan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Majistret dan Mahkamah Industri dikuatkuasakan.

Maklumbalas:

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 12.2 i):

Pindaan telah dibuat ke atas Akta Imigresen 1659/63 bagi meningkatkan hukuman ke atas kesalahan yang berkaitan dengan pendatang tanpa izin (PTI). Akta Imigresen (Pindaan) 2002 telah mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2002. Seksyen-seksyen yang berkaitan dengan hukuman terhadap majikan dan pelindung PTI adalah seperti berikut:

1.1 Seksyen 55A memperuntukkan mana-mana orang yang membawa masuk orang lain bertentangan dengan Akta ini, apabila sabit kesalahan, didenda di antara RM10,000 dan RM50,000, dan dipenjara di antara 2 hingga 5 tahun, dan disebat tidak lebih 6 sebatan;

1.2 Seksyen 55B telah dipinda di mana majikan yang menggaji PTI, apabila sabit kesalahan, boleh didenda di antara RM10,000 hingga RM50,000 atau dipenjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya bagi setiap PTI yang diambil bekerja. Sekiranya didapati majikan tersebut menggaji lebih daripada 5 orang PTI pada masa yang sama, sabit kesalahan, majikan tersebut akan dipenjara di antara 6 bulan hingga 5 tahun dan disebat tidak melebihi 6 sebatan;

1.3 Seksyen 56(1)(d) telah dipinda di mana mana-mana orang yang melindungi PTI boleh didenda di antara RM10,000 hingga RM50,000 atau dipenjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya bagi setiap PTI yang diambil bekerja. Sekiranya didapati majikan tersebut menggaji lebih daripada 5 orang PTI pada masa yang sama, sabit kesalahan, majikan tersebut akan dipenjara di antara 6 bulan hingga 5 tahun dan disebat tidak melebihi 6 sebatan.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 12.2 ii):

Dasar yang berkuat kuasa sekarang hanya membenarkan pekerja asing bekerja di negara ini untuk tempoh 3 tahun. Majikan boleh memohon untuk melanjutkan pekerja asing tersebut untuk tempoh 2 tahun lagi atas dasar 3 + 1 + 1. Lanjutan selepas tahun kelima hanya

dibenarkan bagi pekerja asing yang disahkan mahir oleh CIDB atau MLVK sahaja.

2. Sekiranya pekerja asing tersebut diberhentikan kerja (*retrenched*) dan permit kerjanya masih sah, beliau boleh memohon untuk bekerja dengan majikan yang lain. Sekiranya permit kerja beliau telah tamat dan tempoh bekerja yang dibenarkan juga sudah tamat, maka beliau tidak dibenarkan bekerja.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 12.2 i):

Dalam keadaan biasa, sekiranya perintah Mahkamah Majistret dan Mahkamah Industri tidak dipatuhi, pihak yang terlibat boleh memohon kepada Mahkamah untuk apa-apa perintah selanjutnya.

13. LAPORAN MAKLUMBALAS LAWATAN SUHAKAM KE PENJARA SUNGAI BULOH DAN PENJARA WANITA KAJANG

13.1 Kategori banduan muda, juvana, orang muda dan kanak-kanak

Pemerhatian SUHAKAM:

Terdapat perselisihan dalam definisi "orang muda" dan "kanak-kanak" dalam Akta Penjara dan Peraturan Penjara 2000, menyebabkan mereka yang berumur diantara 18-20 tahun tidak dibezakan dengan mereka yang berumur di bawah 18 tahun.

Maklumbalas:

Seksyen 2(1) Akta Penjara dan Peraturan 34(1)(c) Peraturan Penjara 2000, metarifkan "banduan muda" sebagai seseorang banduan yang di bawah umur 21 tahun. Memandangkan bahawa ini akan menimbulkan kekeliruan bagi tahanan yang berumur antara 18-20 tahun, Akta dan Peraturan ini akan dipinda agar selaras dengan keperluan Akta Kanak-Kanak 2001 dan Seksyen 82 Kanun Keseksaan.

13.2 Penempatan juvana di penjara

Pemerhatian SUHAKAM:

SUHAKAM mendapati bahawa terdapat seramai 251 orang banduan muda lelaki ditahan di Penjara Sg. Buloh dan 123 banduan muda wanita ditahan di Penjara Wanita Kajang. Mereka ditempatkan di penjara tersebut tanpa mengira sama ada mereka sedang menjalani hukuman ataupun belum lagi disabitkan ("banduan reman muda"). Walau bagaimanapun, banduan-banduan muda ini diasingkan dari banduan dewasa.

Maklumbalas:

Menurut Seksyen 49(3) Akta Penjara 1995 "seseorang banduan muda hendaklah setakat yang dibenarkan oleh keadaan tempat, ditempatkan berasingan daripada orang dewasa dalam tahanan." Buat masa ini, Jabatan Penjara masih belum ada penjara khas untuk Tahanan Juvana (Reman). Walau bagaimanapun, banduan muda yang disabitkan kesalahan akan dipindahkan ke Penjara Sungai

Petani untuk menjalani hukuman. Jabatan Penjara telahpun mewartakan sebuah bilik/dormitory di 21 buah Institusi Penjara mengikut Seksyen 18(1) Akta Mahkamah Juvana 1947 sebagai tempat Tahanan Reman Juvana.

Selanjutnya, cadangan Jabatan Penjara membina Tempat Tahanan Juvana telah diluluskan dan dimasukkan dalam projek RMK-8

13.3 Masalah kesesakan di penjara

Pemerhatian SUHAKAM:

SUHAKAM mendapati bahawa pada hari lawatan, Penjara Sg. Buloh mempunyai 3,539 orang penghuni, iaitu lebihan 41.56% daripada jumlah yang boleh ditampung di penjara tersebut (2,500 orang). Penjara Wanita Kajang pula, yang mempunyai keupayaan seramai 450 orang, mempunyai seramai 787 orang penghuni.

Salah satu sebab mengapa perkara ini berlaku adalah kerana pihak penjara terpaksa menerima banduan-banduan muda yang tidak sepatutnya ditahan di penjara.

Maklumbalas:

Jabatan Penjara telah mengambil langkah-langkah sesuai dalam mengawal kesesakan dalam penjara dari Institusi Penjara yang mengalami kesesakan ke penjara yang kurang kesesakan. Di samping itu, pengkategorian semula penjara dibuat bagi menangani masalah ini.

Selain daripada itu, Penjara baru Pokok Sena dan Tapah dijangka mula beroperasi pada pertengah tahun 2003 dan beberapa buah penjara baru seperti di Kuching dan Limbang, Sarawak, serta di Kluang, Johor, sedang dalam pembinaan. Ia dijangka mampu mengurangkan masalah kesesakan semasa.

13.4 Khidmat Nasihat Guaman

Pemerhatian SUHAKAM:

SUHAKAM mendapati bahawa terdapat banduan reman muda yang ditahan di penjara tetapi masih belum mendapat khidmat nasihat atau perwakilan guaman.

Maklumbalas:

Setiap banduan yang diterima masuk termasuk banduan muda akan diberitahu haknya untuk mendapatkan khidmat guaman, di samping itu adalah menjadi tugas rutin pada setiap bulan Institusi Penjara akan menyenaraikan nama-nama banduan yang memerlukan khidmat guaman kepada Biro Bantuan Guaman.

Bagi memastikan perkara ini tidak berulang, Jabatan Penjara akan mengeluarkan risalah mengenai hak asasi banduan, tatatertib dan S.O.P. kepada setiap orang banduan termasuk banduan muda.

13.5 Hubungan dengan Ibu Bapa atau Saudara

Pemerhatian SUHAKAM:

Terdapat beberapa banduan reman muda di Penjara Sg. Buloh yang masih belum berhubung dengan ahli keluarga atau saudara mengenai keadaan mereka. Ini tidak sepatutnya berlaku memandangkan terdapatnya peruntukan di bawah Akta Mahkamah Juvana 1947 yang menetapkan kewajipan bagi seorang pegawai polis atau seorang lain yang melakukan penangkapan untuk memberitahu ibu bapa atau penjaga seorang juvana yang telah ditangkap mengenai penangkapan tersebut.

Maklumbalas:

Jabatan Penjara amat peka dengan keperluan Peraturan 87(1) Peraturan Penjara 2000 yang menetapkan bahawa seorang banduan berhak menulis satu surat penerimaan. Oleh itu setiap banduan yang diterima atau dipindah masuk akan diberi peluang untuk menghubungi keluarganya melalui surat, sekiranya tidak dapat dihubungi, pihak penjara akan menghubungi keluarganya atau Pegawai Kebajikan Penjara.

Sebagai langkah tambahan, Jabatan Penjara sedang merancang untuk memperkenalkan *video conferencing* yang akan memudahkan keluarga banduan mengadakan perjumpaan dengannya di penjara yang berhampiran.

13.6 Banduan warga asing

Pemerhatian SUHAKAM:

SUHAKAM berpendapat bahawa adalah amat penting pihak kedutaan dimaklumkan mengenai penahanan warganegara mereka lebih-lebih lagi tidak semua di kalangan mereka boleh berkomunikasi terus dengan pegawai penjara kerana tidak memahami Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

Maklumbalas:

Setiap banduan warga asing akan diterima masuk ke penjara sama ada atas perintah pihak mahkamah atau pihak berkuasa yang kompeten. Segala *procedure* adalah tertakluk kepada Akta Penjara dan Peraturan Penjara 2000. Jabatan Penjara Malaysia telahpun mengeluarkan pekeliling mengenai keperluan Pegawai yang Menjaga Institusi Penjara memaklumkan kemasukan banduan Warga Asing ke penjara. Perkara ini dibuat melalui pekeliling bertarikh 9 April 1998.

13.7 Kemudahan-kemudahan pendidikan dan rekreasi, pemulihan dan kaunseling.

Pemerhatian SUHAKAM:

SUHAKAM berpendapat bahawa kemudahan-kemudahan tersebut juga perlu disediakan oleh pihak penjara, terutama sekali bagi banduan muda.

Maklumbalas:

Setakat ini Jabatan Penjara telah melatih seramai 249 orang kaunselor yang terdiri daripada 1 orang Penguasa Penjara, 27 orang Timbalan Penguasa Penjara, 62 orang Penolong Penguasa Penjara dan 159 orang Inspektor Penjara. Daripada jumlah tersebut, serama 41 orang mempunyai Diploma Kaunseling dan baki 208 orang telah

menghadiri kursus kaunseling yang dianjurkan oleh Maktab Penjara Malaysia.

Jabatan Penjara telah melaksanakan Skim Usahasama untuk memberikan peluang kepada syarikat-syarikat swasta menggunakan khidmat banduan untuk bekerja di kilang-kilang mereka sama ada di dalam penjara atau di luar penjara. Setakat ini, sebanyak 13 buah syarikat usahasama terdapat di penjara di mana 11 daripadanya beroperasi di luar penjara dengan menggunakan tenaga banduan yang telah dipilih.

Selain daripada itu, Jabatan Penjara sedang merancang untuk memberikan kursus kaunseling kepada kakitangan khususnya kaunseling kanak-kanak, *sex offenders* dan psikologi dengan kerjasama Institusi Pendidikan Tinggi Awam tempatan.

Jabatan Penjara sedang berusaha untuk mengembangkan skim usahasama ini kepada banduan muda dan penghuni Sekolah Henry Gurney.

13.10 Banduan Wanita yang mengandung mempunyai/mengasuh anak

Pemerhatian SUHAKAM:

SUHAKAM mendapati bahawa tiada diet khusus bagi banduan wanita yang mengandung dan baru melahirkan anak.

Maklumbalas:

Jabatan Penjara amat prihatin dengan masalah ini, walaupun peruntukkan khas untuk banduanita yang mengandung tiada, tetapi Jabatan Penjara telah mengusahakannya melalui peruntukan tambahan lain di samping sumbangan dari pertubuhan sukarela. Sebagai tambahan, Jabatan Penjara telah menyemak semula skala diet baru bagi banduan, banduan muda, penghuni Sekolah Henry Gurney, banduanita yang mengandung, pesakit HIV dan banduan vegetarian, draf skala diet berkenaan sedang disemak oleh Pejabat Peguam Negara untuk diwartakan.

14. LAPORAN LAWATAN TEMPAT TAHANAN BALAI POLIS KAPAR KELANG, SELANGOR

Pemerhatian dan syor SUHAKAM:

14.1 SUHAKAM dimaklumkan bahawa **balai polis Kapar** hanya diwartakan pada tahun 1975 untuk :

- satu orang tahanan sahaja;
- orang tahanan dewasa sahaja;dan
- tahanan orang wanita bagi daerah Kelang.

SUHAKAM telah dimaklumkan bahawa balai polis Kapar pernah menahan lebih daripada 20 orang tahanan;malah paling ramai yang pernah ditahan pada suatu ketika ialah 26 orang.

SUHAKAM juga difahamkan bahawa sewaktu insiden Lebuhraya KESAS, di antara 11 orang wanita yang ditahan, terdapat seorang juvana. Dalam kes ini, tiada ulasan negataif dibuat kerana juvana tersebut ditahan bersama ibunya.

Cadangan SUHAKAM adalah:

i) Warta balai polis Kapar perlu dipinda atau diperbaharui bagi mengelakkan penahanan di balai polis ini diperkatakan sebagai di luar bidang kuasa polis

Maklumbalas:

Langkah-langkah sewajarnya akan diambil bagi memperbaharui warta tersebut supaya tindakan polis adalah berlandaskan Undang-undang Malaysia.

Pemerhatian SUHAKAM:

ii) Tempat tahanan yang berasingan dibina untuk penahanan juvana wanita

Maklumbalas:

Cadangan ini telah diambil maklum dalam perancangan pembangunan polis. Sebagai langkah pendekatan pendek, pihak

polis akan dimaklumkan supaya juvana diasingkan daripada orang tahanan dewasa.

14.2 Pemeriksaan orang tahanan

Pemerhatian dan syor SUHAKAM:

Seorang saksi insiden Lebuhraya Kesas mengadu bahawa pemeriksaan 100% yang dijalankan ke atas beliau adalah keterlaluan seperti disuruh mencakung.

SUHAKAM berpendapat bahawa cara pemeriksaan tersebut adalah keterlaluan dan menyalahi peruntukan antarabangsa seperti Universal Declaration of Human Rights.

Cadangan SUHAKAM adalah:

i) cara pemeriksaan yang dijalankan ke atas orang tahanan hendaklah bergantung kepada kesalahan orang tahanan tersebut.

Maklumbalas:

Polis menjalankan pemeriksaan seragam ke atas semua orang tahanan sebagai satu prosedur keselamatan biasa. Prosedur ini tidak melibatkan sebarang penyiksaan atau penderaan yang boleh mendatangkan kecederaan fizikal, mental dan psikologi. Sekiranya melibatkan tahanan wanita, hanya pegawai polis wanita yang dibenarkan untuk menjalankan pemeriksaan.

15. LAPORAN PEMBAHARUAN PERUNDANGAN AKTA BUANG NEGERI 1959

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Memansuhkan Akta Buang Negeri 1959 yang tidak dipakai.

Maklumbalas:

Kementerian Dalam Negeri tidak bersetuju dengan cadangan supaya Akta Buang Negeri 1959 dimansuhkan oleh kerana kemungkinan Akta tersebut diperlukan pada masa hadapan.

16. LAPORAN PEMBAHARUAN PERUNDANGAN HAK TAHANAN REMAN

Maklumbalas berhubung perkara ini telah dibuat di dalam perenggan terdahulu mengenai Hak Tahanan Reman.

17. RATIFIKASI INSTRUMEN HAK ASASI MANUSIA DAN TINDAKAN YANG BERKAITAN.

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

SUHAKAM mencadangkan supaya Malaysia meratifikasi instrumen berikut dengan secepat mungkin:-

i) Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik;
ii) Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya; dan
iii) Konvensyen Antarabangsa Menentang Penyeksaan.

Maklumbalas:

Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik dan Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya telah mencapai tahap minima tandatangan negara-negara ahli pada tahun

1976. Oleh itu, Malaysia hanya boleh menjadi negara ahli kepada Kovenan-Kovenan ini dengan menyertainya (*accede to*), dan tidak dengan cara meratifikasikannya.

2. Perbincangan berhubung untuk menimbangkan sama ada Malaysia boleh menyertai Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politikal, Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya serta Konvensyen Antarabangsa Menentang Penyeksaan buat masa ini berada di peringkat akhir.

18. PENGGABUNGAN PERUNTUKAN ANTARABANGSA DALAM UNDANG-UNDANG NEGARA

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

SUHAKAM mencadangkan supaya Kerajaan mengambil langkah menggubal undang-undang baru bagi menggabungkan peruntukan Konvensyen yang sudah diratifikasikan supaya menjadi sebahagian daripada undang-undang domestik.

Maklumbalas:

Malaysia telah menjadi pihak kepada Konvensyen Hak Asasi Kanak-Kanak (CRC) pada 17 Februari 1995 dan Konvensyen Menghapuskan Segala Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) yang telah diratifikasi pada 5 Julai 1995. Akta Kanak-Kanak 2001 yang telah dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2002 adalah berdasarkan prinsip-prinsip yang terkandung dl dalam CRC.

2. Selain itu, Artikel 8(2) Perlembagaan Persekutuan juga telah dipinda bagi memasukkan faktor jantina sebagai faktor yang tidak boleh didiskriminasikan bagi memenuhi tanggungjawab dan obligasi Malaysia terhadap CEDAW.

19. PENYELARASAN UNDANG-UNDANG NEGARA DENGAN KONVENSYEN

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

SUHAKAM mencadangkan supaya Kerajaan mengkaji semula undang-undang, peraturan dan arahan pentadbiran yang sedia ada supaya selaras dengan Konvensyen yang telah diratifikasi.

Maklumbalas:

Dari masa ke semasa kajian semula dilakukan ke atas undang-undang, peraturan dan arahan pentadbiran yang sedia ada supaya selaras dengan konvensyen yang telah diratifikasi. Misalnya, pemansuhan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991, Akta Mahkamah Juvana 1947 dan Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 kerana Akta Kanak-Kanak 2001 yang digubal berdasarkan prinsip-prinsip di dalam CRC telah dikuatkuasakan. Akta-Akta tersebut sudah tidak relevan memandangkan Akta Kanak-Kanak 2001 sudah merangkumi segala peruntukan di dalam Akta-Akta tersebut.

20. CADANGAN SUPAYA BADAN KEHAKIMAN LEBIH BERSIFAT TERBUKA

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Badan Kehakiman Malaysia haruslah bersikap lebih terbuka dalam pentafsiran takrif "hak asasi manusia" dalam Perlembagaan Persekutuan. Sekiranya hak asasi manusia tidak terpisah dan sejagat, maka ia wujud sebagai tunggak paling penting Hak *Common Law* Malaysia dan harus dikuatkuasakan sewajarnya.

Maklumbalas:

Cadangan ini telah diambil maklum.

21. PENGKAJIAN SEMULA RESERVASI KE ATAS KONVENSYEN-KONVENSYEN

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Kerajaan haruslah dari masa ke semasa mengkaji semula reservasi kepada Konvensyen yang telah diratifikasinya dengan tujuan menarik balik reservasi itu akhirnya.

Maklumbalas:

Selepas Malaysia menjadi ahli kepada sesuatu Konvensyen, kajian dibuat dari masa ke semasa berhubung keperluan reservasi yang telah dibuat dan jika didapati ianya tidak diperlukan, reservasi tersebut akan ditarik balik.

22. RUJUKAN RANG UNDANG-UNDANG KEPADA PAKAR

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Rang Undang-Undang hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Parlimen atau Dewan Undang Negeri selepas bacaan pertama. Dengan ini, dapatlah pakar-pakar, kumpulan kepentingan awam dan individu lain yang prihatin berpeluang menyumbang pandangan dan fikiran terhadap Rang Undang-Undang yang akan secara langsung menyentuh kehidupan mereka.

Maklumbalas:

Perkara-perkara berkaitan prosedur meluluskan suatu rang undang-undang adalah tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan dan peraturan-peraturan Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Setiap rang undang-undang melalui proses pembacaan kali pertama, kedua dan ketiga dan tertakluk kepada pandangan pelbagai pihak yang diwakili oleh wakil-wakil rakyat dan senator bagi mewakili semua lapisan masyarakat dan pihak-pihak berkepentingan.

23. UNDANG-UNDANG YANG DIGUBAL SEBAGAI RAHSIA RASMI

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Pihak berkuasa hendaklah menghentikan kebiasaan mengumumkan undang-undang yang sedang digubal sebagai rahsia rasmi sebelum dibentang kepada badan perundangan.

Maklumbalas:

Sebarang rahsia rasmi tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88). Undang-undang yang sedang digubal perlu dianggap sebagai rahsia rasmi Kerajaan kerana banyak isu yang masih dalam perbincangan dan konsultasi masih dilaksanakan dengan agensi-agensi yang terlibat sebelum rang undang-undang itu dibahaskan. Undang-undang yang digubal juga mestilah tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Undang-undang Negeri dan hak fundamental individu adalah seperti di dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan.

24. PERBINCANGAN BERSAMA SEBELUM PENGGUBALAN UNDANG-UNDANG

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Undang-undang yang penting patutlah digubal selepas perbincangan dengan kumpulan-kumpulan awam yang berkepentingan serta mengambil manfaat daripada perbincangan terbuka yang bernas.

Maklumbalas:

Perkara-perkara berkaitan prosedur meluluskan suatu rang undang-undang adalah tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan dan peraturan-peraturan Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Setiap rang undang-undang melalui proses pembacaan kali pertama, kedua dan ketiga dan tertakluk kepada pandangan pelbagai pihak yang diwakili oleh wakil-wakil rakyat dan senator bagi mewakili semua lapisan masyarakat dan pihak-pihak berkepentingan.

25. LAPORAN LEBUHRAYA KESAS

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Satu Panel Penyiasat telah ditubuhkan oleh SUHAKAM bagi meneliti sama ada terdapat pencabulan hak asasi manusia sewaktu insiden di Lebuhraya KESAS. Panel tersebut telah mendapati bahawa:-

i) pihak polis telah bersikap tidak adil dalam menghalang demonstrasi yang telah diadakan. Demonstrasi oleh penduduk Jalan Kebun untuk menghalang *rally* yang dicadangkan tidak diendahkan oleh pihak polis dan tiada penangkapan dibuat. Panel juga berpendapat jika pihak polis telah membenarkan *rally* tersebut diadakan di Stadium Bukit Jalil sepertimana permohonan asal pihak penganjur, kejadian-kejadian yang tidak diingini boleh dielakkan;

ii) Sekatan jalanraya polis telah menyebabkan kesesakan lalulintas. Panel Penyiasat berpendapat bahawa sekatan jalanraya sedemikian tidak patut digunakan bagi tujuan menghalang perhimpunan;

iii) Amaran untuk bersurai dan masa yang diberikan terlalu suntuk serta pihak polis telah mengejar mereka yang cuba meninggalkan tempat tersebut. Panel mencadangkan supaya amaran lantang diberikan sebanyak tiga kali dengan jangkamasa 10 minit antara setiap amaran, orangramai diberi masa yang cukup untuk bersurai dari tempat tersebut, dan pihak polis tidak sepatutnya mengejar mereka yang cuba bersurai; dan

iv) Pihak polis telah menggunakan kekerasan yang melampaui batas sehinggakan seorang saksi telah mengalami kecederaan di kepala. Panel mencadangkan supaya pihak polis tidak menggunakan kekerasan yang melampau dalam menjalankan tugas mereka, tidak merampas atau merosakkan harta benda persendirian dalam pelaksanaan tugas dan tidak menarik turun tudung kepala wanita semasa proses penyuraian perhimpunan tersebut.

Maklumbalas:

Pada 5 November 2000, satu perhimpunan di Lebuhraya Kesas, off Jalan Kebun telah diadakan. Perhimpunan ini diadakan secara

haram kerana penganjur gagal mendapat kebenaran dari pihak polis atas beberapa sebab.

2. Pihak penganjur telah menyatakan bahawa kebenaran pihak polis tidak diperlukan memandangkan perhimpunan ini diadakan di tempat persendirian. Walau bagaimanapun, tempat tersebut adalah tempat awam dan ia adalah terbuka dan boleh disertai oleh orang awam. Pernyataan ini adalah sejajar dengan Akta Interpretasi 1948 dan 1967.

3. Tempat penganjuran perhimpunan ini dipercayai tidak dapat menampung sejumlah 100,000 orang yang ingin menyertai perhimpunan tersebut. Pihak penganjur telahpun dimaklumkan berhubung perkara ini. Pihak polis terpaksa menahan beberapa orang yang disyaki terbabit untuk menjayakan perhimpunan ini. Pihak polis juga telah mengadakan sekatan jalanraya ke tempat perhimpunan ini.

4. Perhimpunan haram ini telah menyebabkan kesesakan lalulintas yang teruk di mana seramai 100,000 orang telah berkumpul di tempat yang dinyatakan. Pihak polis terpaksa menyuraikan perhimpunan ini bagi memastikan keadaan terkawal. Dalam menyuraikan perhimpunan ini, pihak polis telah menggunakan kaedah 'total denial dan domination', di mana kaedah ini digunakan oleh pasukan keselamatan di seluruh dunia.

5. Di dalam penggunaan kaedah ini, beberapa orang anggota polis dan awam telah tercedera. Orang yang ditahan dituduh di Mahkamah berasaskan kesalahan yang telah dilakukan.

6. Beberapa pertuduhan yang tidak berasas telah dibuat berhubung pengendalian kes ini. Satu jawatankuasa yang diketuai oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Peguamcara Negara, Ketua Polis Negara, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri dan pegawai-pegawai atasan Kerajaan telah ditubuhkan bagi membincangkan laporan yang dikemukakan oleh SUHAKAM.

7. Jawatankuasa ini, yang akhirnya telah diketuai oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Utama Rais Yatim, telahpun mengemukakan keputusan mereka kepada Kabinet di mana Jawatankuasa ini telah mendapati bahawa tindakan yang diambil

oleh pihak polis adalah betul. Jawatankuasa tersebut juga telah mendapati bahawa laporan yang disediakan oleh SUHAKAM mengenai insiden tersebut tidak menggambarkan keadaan sebenar dan berat sebelah.

****

93

LAMPIRAN XX

MAKLUMBALAS KERAJAAN KEPADA LAPORAN SUHAKAM PADA TAHUN 2002

Diterima pada 22 Disember 2003

LAMPIRAN 1

MAKLUM BALAS KERAJAAN BERHUBUNG PEMERHATIAN DAN SYOR-SYOR SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)

No.	Perkara	m/s
1.	**Laporan SUHAKAM mengenai Lebuhraya KESAS**	1
2.	**Laporan Hak Kebebasan Berhimpun**	1
3.	**Cadangan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan**	2
4.	***International Covenant on Civil and Political Rights***	2
5.	***International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights***	2
6.	***Convention Against Torture and Other Cruel, Inhuman or Degrading Treatment or Punishment***	3
7.	**Majlis Antara Agama**	3
8.	**Isu-Isu Dalam Islam**	5
9.	**Kajian Semula Akta Keselamatan Dalam Negeri**	6
10.	**Siasatan Awam Ke Atas Keadaan Tempat Tahanan ISA**	
10.1	Keadaan Tahanan Di Bawah Seksyen 73 ISA	
10.1.1	Layanan Sewaktu Ditahan Selama 60 Hari	8
10.1.2	Keadaan Tempat Tinggal	11
10.1.3	Pertemuan Dengan Ahli Keluarga	12
10.1.4	Perjumpaan Dengan Peguam dan Majistret Dalam Tempoh 24 Jam	12

No.	Perkara	m/s
10.2	Keadaan Tahanan Di Bawah Seksyen 8 ISA	
10.2.1	Peluang Memperbaiki Diri	13
10.2.2	Implikasi Kewangan	14
10.2.3	Keadaan Blok-blok Tahanan	15
10.2.4	Makanan	15
10.2.5	Perubatan	16
10.2.6	Lawatan Oleh Keluarga	16
11.	**Lawatan Ke Rumah Kebajikan, Kem Tahanan dan Hospital**	
11.1	Lawatan ke Lokap Polis di Balai Polis Ampang, Wad Tahanan Reman di Hospital Putrajaya, Balai Polis Brickfields, Balai Polis Putrajaya, Balai Polis Klang, Balai Polis Karamunsing, Kota Kinabalu, Balai Polis Kota Kinabalu dan Balai Polis Tanjung Aru, Kota Kinabalu (untuk wanita)	17
11.2	Pusat- pusat Tahanan Imigresen Sementara Pekan Nanas (Johor), Menggatal (Sabah), Sandakan (Sabah) dan Tawau (Sabah)	18
11.3	Pusat - pusat pemulihan di Jabatan Penjara Simpang Renggam (Johor) dan di Jabatan Penjara Muar (Johor)	20
11.4	Lawatan ke Penjara Miri (Sarawak) dan Penjara Sungai Buloh (Selangor)	21
11.5	Lawatan ke Rumah Ehsan Kuala Kubu Bahru (Selangor)	22
11.6	Lawatan ke Hospital Permai Tampoi (Johor) dan Hospital Bukit Padang Kota Kinabalu (Sabah)	24

No.	Perkara	m/s
12.	**Kebebasan Pihak Media**	
	12.1 Kajian Semula ke atas Akta Percetakan dan Penerbitan 1984	27
	12.2 Seksyen PPPA yang Patut Dikaji Semula	27
	12.3 Kajian Semula OSA	28
	12.4 Penubuhan Majlis Media	28
	12.5 Penentuan pampasan oleh Mahkamah	28
	12.6 Akta Kebebasan Infomasi	28
	12.7 Judicial Review	28
	12.8 Lencana akreditasi wartawan	28
	12.9 Pembaharuan lesen secara otomatik	28
13.	**Kajian Semula Ke atas Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999**	32
14.	**Hak-hak Orang Asli**	32
15.	**Masyarakat Rohingya di Malaysia**	32
16.	**Pendidikan Kepada Kanak-Kanak Dari Kaum Terpinggir**	34
	16.1 Kurikulum dan perancangan	35
	16.2 Latihan kepada tenaga pengajar	39
	16.3 Hak mendapatkan maklumat	40
17.	**International Convention Against Apartheid in Sports**	41
18.	**Optional Protocol to the Convention of the Rights of the Child on the Sale of Children, Child Prostitution and Child Pornography**	41
19.	**Optional Protocol to the Convention on the Rights of the Child on the Involvement of Children in Armed Conflicts**	41

No.	Perkara	m/s
20.	**Convention on the Prevention and Punishment on the Crime of Genocide**	42
21.	**Convention on the Rights of The Child**	42
22.	**Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women**	43
23.	**Memorandum**	
	23.1 Kematian tahanan sewaktu ditahan reman	46
	23.2 Penebangan pokok di tanah adat di Sarawak	47

akses dan meningkatkan ekuiti penglibatan murid kepada bidang vokasional dan teknikal yang diperlukan Negara.

3. MPV adalah peluasan kepada mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di tingkatan 1 hingga tingkatan 3 sekolah menengah rendah. Bertitik tolak daripada mata pelajaran tersebut, kurikulum MPV digubal dan ditokok tambah dengan kemahiran-kemahiran yang menjurus kepada bidang yang lebih khusus. Pelaksanaan mata pelajaran berperingkat-peringkat dan pemilihan sekolah mengambil kira pelbagai factor seperti keupayaan prasarana, kesediaan guru dan juga kesesuaian lokasi mengikut persekitaran.

4. Pelaksanaan 22 mata pelajaran ini dijadualkan mengikut empat fasa mulai 2002 hingga 2005 seperti berikut:

4.1	Tahun 2002 (Fasa 1)	-	8 MPV ditawarkan di 104 buah sekolah;
4.2	Tahun 2003 (Fasa 2)	-	2 MPV ditawarkan di 100 buah sekolah;
4.3	Tahun 2004 (Fasa 3)	-	8 MPV ditawarkan di 100 buah sekolah;
4.4	Tahun 2003 (Fasa 4)	-	8 MPV ditawarkan di 100 buah sekolah.

5. Senarai MPV adalah seperti berikut:

5.1 Pembinaan Domestik;
5.2 Membuat Perabot;
5.3 Seni Reka Tanda;
5.4 Menservis Peralatan Elektrik Domestik;
5.5 Rekaan dan Jahitan Pakaian;
5.6 Katering dan Penyajian;
5.7 Landskap dan Nurseri;
5.8 Tanaman Makanan;
5.9 Akuakultur dan Haiwan Rekreasi;
5.10 Produksi Bahan Multimedia;
5.11 Grafik Berkomputer;
5.12 Pendawaian Domestik;
5.13 Menservis Automobil;
5.14 Menservis Peralatan Penyejukan dan Penyaman Udara;
5.15 Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak;

5.16 Hiasan Dalam Asas;
5.17 Penjagaan Muka dan Dandanan Rambut;
5.18 Kerja Paip Domestik;
5.19 Kimpalan Arka dan Gas;
5.20 Mengetuk dan Mengecat Kereta;
5.21 Perkhidmatan Penjagaan Geriatrik.

10.5 Penganiayaan Kanak-kanak (fizikal, psikologi dan *sexual)*

Syor SUHAKAM:

i) Ibubapa haruslah dilatih dalam aspek pembangunan kanak-kanak dan *parenting skills* bagi membolehkan mereka menjadi ibubapa yang lebih mantap. Majikan perlu menganjurkan kursus *parenting* bagi pekerja-pekerja mereka;

ii) Perlaksanaan perkhidmatan kaunseling untuk penganiaya kanak-kanak dan pesalahlaku seks, terutama sekali mereka yang kini di dalam penjara, perlulah dipercepatkan;

iii) Laporan wajib mengenai kes-kes aniaya kanak-kanak perlulah merangkumi guru-guru tadika dan sekolah bagi memberi perlindungan yang lebih luas dan perkhidmatan bantuan bagi lebih ramai kanak-kanak teraniaya;

iv) Selaras dengan Artikel 17, 24 dan 28 CRC, akses kepada maklumat dan pendidikan yang wajar, terutama rawatan perubatan, kaunseling dan khidmat bantuan, perlulah tersedia untuk ibu-ibu bawah umur; dan

v) Penyelidikan mengenai penganiayaan kanak-kanak mestilah dibuat supaya strategi, program-program pembendungan, penjagaan dan rawatan serta khidmat bantuan adalah berdasarkan data *empirical.*

Maklumbalas:

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 10.5 i) dan ii):

Cadangan tersebut diambil maklum.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 10.5 iii):

Buat masa ini, laporan wajib hanyalah tertakluk kepada pelatih perubatan, ahli keluarga dan penjaga kanak-kanak sahaja.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 10.5 iv):

Akta Kanak-Kanak 2001 dengan jelas menyatakan bahawa kanak-kanak di bawah umur 18 tahun yang mengandung akan diberi perkhidmatan sewajarnya. Bagi mereka yang berumur 18 tahun ke atas, mereka ini akan dirujuk kepada pertubuhan bukan kerajaan bagi mendapatkan perkhidmatan yang sewajarnya.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 10.5 v):

Kajian bertajuk *"Prevalence of Child Sexual Abuse Amongst School-Going Children in Malaysia"* sedang dijalankan oleh sebuah pertubuhan bukan kerajaan, PS dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. lanya ditanggung sepenuhnya oleh UNICEF di mana kosnya dianggarkan berjumlah RM203,400.00

10.6 Penjagaan kanak-kanak

Syor SUHAKAM:

i) Insentif pengecualian cukai yang menarik haruslah diberi bagi menggalakkan sektor swasta menyediakan khidmat penjagaan kanak-kanak dan penjagaan selepas sekolah bagi pekerja-pekerja mereka:

Maklumbalas:

Galakan cukai kepada syarikat yang menyediakan kemudahan penjagaan kanak-kanak (child care facilities) bagi pekerjanya telah diberi. Galakan tersebut adalah dalam bentuk elaun bangunan industri sebanyak 10% setahun atas kos pembinaan atau pembelian bangunan bagi tujuan kemudahan penjagaan kanak-kanak.

10.7 *Juvenile Justice*

Syor SUHAKAM:

i) Pusat reman yang berasingan perlulah disediakan bagi pesalah-pesalah juvenil (Artikel 40 CRC);

ii) Pesalah juvenil yang meminta untuk dibicarakan perlulah digolongkan dalam *fast track* supaya mereka tidak perlu menunggu lama dari yang sepatutnya (Artikel 40 CRC);

iii) Hukuman ke atas juvenil haruslah dimulakan dari hari penangkapan, dan bukannya dari hari dijatuhkan hukuman;

iv) Program *intervention* haruslah disediakan untuk pesalah juvenil bagi membina kembali maruah diri, melatih mereka dalam kemahiran hidup, membantu mereka membuat pilihan dan membantu mengawal perasaan marah; dan

v) Hukuman sebatan dalam semua rumah-rumah reman juvenil/sekolah-sekolah yang dikhususkan perlulah dihapuskan dan khidmat kaunseling dipertingkatkan.

Maklumbalas:

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 10.7 i):

Buat masa kini, kanak-kanak yang dituduh akan ditahan reman di institusi-institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat, kecuali jika ada permohonan oleh pihak pendakwaraya, Pegawai Kebajikan atau pihak yang berkenaan supaya kanak-kanak tersebut di hantar ke lain-lain tempat.

2. Perkara ini sedang diteliti, terutama sekali dengan adanya Akta Kanak-Kanak 2001.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 10.7 ii):

Perkara ini telah dilaksanakan. Surat Pekeliling Ketua Pendaftar Bil. 2/2002 bertajuk "Kanak-Kanak Dalam Tahanan Reman" telah dikeluarkan kepada semua Mahkamah Majistret pada 26 Julai 2002, di mana Mahkamah telah diingatkan bahawa kes-kes yang melibatkan kanak-kanak yang ditahan reman perlu diselesaikan dalam tempoh 3 bulan. Kegagalan berbuat demikian akan membawa kepada tuntutan surat penjelasan oleh Badan Kehakiman.

2. Ketua Hakim Malaysia juga telah mengeluarkan Arahan Amalan Ketua Hakim Negara 2/2003 (yang telah berkuatkuasa dari 2 Januari 2003) bertajuk "Kes-Kes Keutamaan" di mana semua mahkamah telah diarah untuk memberi keutamaan kepada, antara lainnya, kes-kes reman dan kes-kes yang melibatkan kanak-kanak. Kes-kes tersebut haruslah diselesaikan dalam tempoh 3 bulan.

3. Badan Kehakiman juga sedang mencari cara-cara alternatif bagi menyelesaikan kes-kes yang melibatkan tahanan muda, terutamanya kanak-kanak, dalam tempoh 3 bulan. Salah satu langkah yang telah diambil termasuklah menganjurkan program-program atau kursus khusus bagi majistret di Mahkamah Kanak-Kanak. Program tersebut akan memberi penekanan khusus kepada Akta Kanak-Kanak 2001. Beberapa majistret telah menghadiri kursus-kursus yang diadakan.

4. Mahkamah Kanak-Kanak telah membuat pindaan yang sewajarnya kepada tarikh-tarikh perbicaraan.

5. Lanjutan dari Pekeliling Ketua Pendaftar Bil. 2/2002, prosiding yang melibatkan kanak-kanak telah dapat diselesaikan dengan kadar segera.

6. Keberkesanan surat pekeliling ini dapat dilihat dalam perangkaan semasa yang menunjukkan pengurangan bukan sahaja pada tempoh tahanan reman kanak-kanak yang dituduh melakukan kesalahan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001, tetapi juga pada jumlah kanak-kanak yang ditahan reman.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 10.7 iii):

Badan Kehakiman akan menimbangkan cadangan ini.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 10.7 iv):

Perkara ini memang dipertimbang memandangkan Akta Kanak-Kanak 2001 telah menyatakan perlunya *Interactive Workshops* bagi membincang isu-isu seperti *self-esteem, motivations, parental skills* dan sebagainya.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 10.7 v):

Hukuman sebatan hanya akan digunakan sebagai jalan penyelesaian terakhir.

2. Hukuman sebatan diperuntukkan di bawah Seksyen 92 Akta Kanak-Kanak 2001 dan seksyen ini juga memperuntukkan beberapa garispanduan yang perlu dipatuhi dalam menjalankan perintah sebatan tersebut agar tidak memudaratkan kanak-kanak, seperti menentukan tahap kesihatan kanak-kanak tersebut, jenis rotan yang digunakan, bahagian badan kanak-kanak yang boleh dikenakan sebatan dan cara sebatan tertentu untuk memastikan kanak-kanak tidak cedera.

10.8 Khidmat *Social Welfare*

Syor SUHAKAM:

i) Sumber manusia dalam khidmat *welfare* haruslah ditambah, terutama sekali dalam perkhidmatan *specialized* seperti perlindungan kanak-kanak, *juvenile justice, domestic violence,* perkhidmatan untuk warga tua dan kurang upaya. Mewujudkan *smart partnerships* dengan NGO bagi pentadbiran sumber manusia lebih efisyen; dan

ii) Mengambil *welfare officers* dan kakitangan yang mempunyai kelulusan dalam khidmat sosial di tahap sijil, diploma atau ijazah bagi perkhidmatan yang lebih mantap.

Maklumbalas:

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 10.8 i):

Jabatan Kebajikan Masyarakat telah merangka satu plan strategik di dalam proses penyusunan semula Jabatan dan ianya dibincangkan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam. Penyusunan semula peringkat fasa 1 telah dijalankan pada tahun 2002 di mana 461 jawatan baru telah diwujudkan dan yang paling penting ialah kenaikan semua Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah ke Gred S3.

2. Pada Fasa 2, proses kenaikan bagi Jabatan Kebajikan Masyarakat di ibu pejabat, Negeri dan institusi hanya akan diadakan selepas perlaksanaan Sistem Saraan Malaysia (SSM).

3. Dalam melaksanakan perkongsian bijak dengan pertubuhan bukan kerajaan, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat sedang bekerjasama rapat dengan Majlis Pembangunan Kebajikan dan Sosial Malaysia di mana sejumlah RM2 juta diperuntukkan bagi memberi latihan kepada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan ini. Institut Sosial Malaysia (ISM) juga sedia memberi kerjasama serupa.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 10.8 ii):

Sudah menjadi amalan Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi mengambil pegawai atau kakitangan yang mempunyai kelulusan di dalam bidang kerja-kerja kebajikan. Walaubagaimanapun, Jabatan ini ada mengambil kakitangan dari bidang-bidang yang lain seperti kaunseling, sains sosial, IT, sumber manusia, sastera dan juga pembangunan manusia.

11. GOLONGAN ISTIMEWA

11.1 *Testing*

Syor SUHAKAM:

i) *Code of* Practice Kementerian Sumber Manusia berkenaan *Prevention and Management of HIV/AIDS in the Workplace*, yang tidak mewajipkan *testing* sebelum atau semasa kerja, haruslah digalakkan; dan

ii) Maklumat berhubung keputusan ujian hanyalah boleh diberikan kepada pihak ketiga atas dasar perlu tahu dan dengan kerelaan orang yang diuji.

Maklumbalas:

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 11.1 i):

Penyaringan di tempat kerja sebagai pra-syarat tidak digalakkan kerana:-

11.1 terdapatnya *window period* untuk tempoh pengeraman di antara 2 hingga 4 minggu, di mana pada tempoh ini virus tidak dapat dikesan. Oleh itu, adalah sukar untuk menentukan bila saringan perlu dibuat. Walau bagaimanapun, ujian saring secara sukarela adalah digalakkan dan majikan boleh menyediakan kemudahan untuk pekerja menjalankan saringan secara sukarela;

11.2 orang yang dijangkiti virus HIV boleh menjalankan kehidupan biasa dan bekerja seperti orang lain. Oleh itu, ia tidak sepatutnya menjadi pra-syarat untuk pekerjaan, kenaikan pangkat atau mendapat faedah pekerjaan. Tindakan hanya perlu diambil jika orang tersebut mengancam kesihatan pekerja-pekerja lain.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 11.1 ii):

Adalah ditegaskan salah satu etika pengamal perubatan ialah tidak boleh memberitahu keputusan perubatan kepada orang ketiga tanpa kebenaran orang yang berkenaan.

11.2 Penswastaan Khidmat Perubatan

Syor SUHAKAM:

i) Penswastaan khidmat perubatan, sekiranya dilakukan, perlulah dibuat dengan bantuan kewangan dari Kerajaan yang secukupnya dan mestilah dibawah kuasa efektif kerajaan.

Maklumbalas:

Cadangan ini telah diambil maklum.

11.3 Insuran

Syor SUHAKAM:

i) Akta Insuran perlulah dipinda bagi meliputi golongan istimewa ini dengan premium yang lebih baik;
ii) Tidak ada pengecualian yang tidak adil, umpamanya, kerana kesakitan mental atau umur; dan
iii) Mempercepatkan *national health care financing scheme* yang *community-rated* dan memastikan bahawa semua pihak *marginalized* turut sama dalam skim ini.

Maklumbalas:

Cadangan ini merupakan cadangan yang baik. Walau bagaimanapun, buat masa ini, perlindungan bagi Orang Kurang Upaya dimana ianya dihadkan kepada kematian, hilang keupayaan secara *total* dan pengurusan pengebumian sedang disediakan dengan kerjasama Takaful Malaysia.

11.4 Pekerjaan

Syor SUHAKAM:

i) *pre-employment questionnaires* haruslah hanya mengandungi soalan-soalan berkaitan dengan pekerjaan; dan

ii) kesedaran kesihatan awam perlulah diberikan kepada semua di tempat kerja.

Maklumbalas:

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 11.4 i):

Pre-employment questionnaires boleh mengandungi sebarang soalan yang dirasakan relevan oleh majikan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk memilih calon-calon yang sesuai dengan kriteria yang telah ditetapkan. Unsur diskriminasi hendaklah dielakkan.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 11.4 ii):

Tempat kerja boleh dijadikan satu platform untuk menyampaikan maklumat melalui kempen atau ceramah kesedaran yang dijalankan oleh majikan secara sukarela. Ini dapat membantu Kerajaan menyebarkan maklumat dan meningkatkan kesedaran kesihatan awam.

12. PEKERJA

12.1 Pekerja Ladang

Syor SUHAKAM:

i) Merangka dan menguatkuasa undang-undang mengenai gaji bulanan bagi pekerja ladang yang menjamin:-
   - Skim Gaji Bulanan sebanyak RM750 sebulan;
   - Kenaikan tahunan sebanyak RM50;
   - Bonus tahunan – minima sebulan gaji; dan
   - Faedah persaraan sebanyak RM1000 bagi setiap tahun bekerja;

ii) Merangka dan menguatkuasa undang-undang mengenai perumahan bagi memberi:-
   - Kemudahan yang sesuai di kawasan perumahan baru bagi tujuan beribadat, taman mainan dan dewan serbaguna; dan
   - Hak pekerja untuk tinggal di ladang dengan kemudahan yang sedia ada diberikan kepada mereka, sehingga rumah mereka siap dibina.

Maklumbalas:

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 12.1 i):

Pekerja-pekerja sektor perladangan di negara ini yang berkesatuan secara umumnya diliputi di bawah perjanjian kolektif antara MAPA (Malayan Agricultural Producers Association) yang mewakili pihak majikan dan NUPW (National Union of Plantation Workers) yang mewakili pihak pekerja. Kadar upah, faedah kewangan dan bukan kewangan, terma dan syarat pekerjaan serta sistem bayaran di sektor perladangan ditentukan melalui proses rundingan bersama secara terus antara NUPW dan MAPA. Campur tangan Kerajaan dalam proses rundingan ini adalah minimum laitu apabila diminta oleh pihak berkenaan.

2. Pada masa ini MAPA dan NUPW telah pun mencapai persetujuan melaksanakan pendapatan minima RM 325.00 sebulan di samping elaun-elaun insentif yang lain untuk pekerja-pekerja yang bekerja di ladang kelapa sawit. Kedua-dua pihak ini digalakkan

untuk mengadakan perundingan dan mencapai persetujuan supaya kebajikan pekerja-pekerja ladang dapat dipertingkatkan.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 12.1 i):

Isu upah dan kualiti kehidupan bagi pekerja ladang kerap dibangkitkan oleh NUPW sebagai wakil sah pekerja-pekerja ladang yang menganggotai kesatuan tersebut dengan MAPA, malahan Kementerian Sumber Manusia telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan pekerja-pekerja ladang menikmati kualiti hidup yang sempurna. Langkah-langkah ini termasuklah menguatkuasakan Akta Standard-Standard Minima Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 dan program-program berbentuk pembangunan perumahan dan kemudahan asas.

2. Program-program tertentu dan penguatkuasaan undang-undang akan terus dilaksanakan bagi melindungi kepentingan, kebajikan dan kesejahteraan pekerja-pekerja ladang, tidak kira sama ada mereka diwakili oleh kesatuan sekerja atau sebaliknya dalam usaha untuk memperbaiki taraf dan kualiti hidup pekerja di sektor tersebut.

12.2 Pekerja Asing

Syor SUHAKAM:

i) Untuk melaksanakan penalti lebih berat ke atas majikan dan agen pengimpot sumber manusia yang terlibat dengan *trafficking of human beings;*

ii) Untuk membenarkan pekerja asing mencari pekerjaan lain sewaktu menunggu pampasan perundangan apabila terdapatnya *labour dispute;* dan

iii) Mengambil langkah bagi memastikan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Majistret dan Mahkamah Industri dikuatkuasakan.

Maklumbalas:

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 12.2 i):

Pindaan telah dibuat ke atas Akta Imigresen 1659/63 bagi meningkatkan hukuman ke atas kesalahan yang berkaitan dengan pendatang tanpa izin (PTI). Akta Imigresen (Pindaan) 2002 telah mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2002. Seksyen-seksyen yang berkaitan dengan hukuman terhadap majikan dan pelindung PTI adalah seperti berikut:

1.1 **Seksyen 55A memperuntukkan mana-mana orang yang membawa masuk orang lain bertentangan dengan Akta ini, apabila sabit kesalahan, didenda di antara RM10,000 dan RM50,000, dan dipenjara di antara 2 hingga 5 tahun, dan disebat tidak lebih 6 sebatan;**

1.2 **Seksyen 55B telah dipinda di mana majikan yang menggaji PTI, apabila sabit kesalahan, boleh didenda di antara RM10,000 hingga RM50,000 atau dipenjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya bagi setiap PTI yang diambil bekerja. Sekiranya didapati majikan tersebut menggaji lebih daripada 5 orang PTI pada masa yang sama, sabit kesalahan, majikan tersebut akan dipenjara di antara 6 bulan hingga 5 tahun dan disebat tidak melebihi 6 sebatan;**

1.3 **Seksyen 56(1)(d) telah dipinda di mana mana-mana orang yang melindungi PTI boleh didenda di antara RM10,000 hingga RM50,000 atau dipenjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya bagi setiap PTI yang diambil bekerja. Sekiranya didapati majikan tersebut menggaji lebih daripada 5 orang PTI pada masa yang sama, sabit kesalahan, majikan tersebut akan dipenjara di antara 6 bulan hingga 5 tahun dan disebat tidak melebihi 6 sebatan.**

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 12.2 ii):

Dasar yang berkuat kuasa sekarang hanya membenarkan pekerja asing bekerja di negara ini untuk tempoh 3 tahun. Majikan boleh memohon untuk melanjutkan pekerja asing tersebut untuk tempoh 2 tahun lagi atas dasar 3 + 1 + 1. Lanjutan selepas tahun kelima hanya

dibenarkan bagi pekerja asing yang disahkan mahir oleh CIDB atau MLVK sahaja.

2. Sekiranya pekerja asing tersebut diberhentikan kerja (*retrenched*) dan permit kerjanya masih sah, beliau boleh memohon untuk bekerja dengan majikan yang lain. Sekiranya permit kerja beliau telah tamat dan tempoh bekerja yang dibenarkan juga sudah tamat, maka beliau tidak dibenarkan bekerja.

Berkenaan dengan cadangan SUHAKAM 12.2 i):

Dalam keadaan biasa, sekiranya perintah Mahkamah Majistret dan Mahkamah Industri tidak dipatuhi, pihak yang terlibat boleh memohon kepada Mahkamah untuk apa-apa perintah selanjutnya.

78

13. LAPORAN MAKLUMBALAS LAWATAN SUHAKAM KE PENJARA SUNGAI BULOH DAN PENJARA WANITA KAJANG

13.1 Kategori banduan muda, juvana, orang muda dan kanak-kanak

Pemerhatian SUHAKAM:

Terdapat perselisihan dalam definisi "orang muda" dan "kanak-kanak" dalam Akta Penjara dan Peraturan Penjara 2000, menyebabkan mereka yang berumur diantara 18-20 tahun tidak dibezakan dengan mereka yang berumur di bawah 18 tahun.

Maklumbalas:

Seksyen 2(1) Akta Penjara dan Peraturan 34(1)(c) Peraturan Penjara 2000, metarifkan "banduan muda" sebagai seseorang banduan yang di bawah umur 21 tahun. Memandangkan bahawa ini akan menimbulkan kekeliruan bagi tahanan yang berumur antara 18-20 tahun, Akta dan Peraturan ini akan dipinda agar selaras dengan keperluan Akta Kanak-Kanak 2001 dan Seksyen 82 Kanun Keseksaan.

13.2 Penempatan juvana di penjara

Pemerhatian SUHAKAM:

SUHAKAM mendapati bahawa terdapat seramai 251 orang banduan muda lelaki ditahan di Penjara Sg. Buloh dan 123 banduan muda wanita ditahan di Penjara Wanita Kajang. Mereka ditempatkan di penjara tersebut tanpa mengira sama ada mereka sedang menjalani hukuman ataupun belum lagi disabitkan ("banduan reman muda"). Walau bagaimanapun, banduan-banduan muda ini diasingkan dari banduan dewasa.

Maklumbalas:

Menurut Seksyen 49(3) Akta Penjara 1995 "seseorang banduan muda hendaklah setakat yang dibenarkan oleh keadaan tempat, ditempatkan berasingan daripada orang dewasa dalam tahanan." Buat masa ini, Jabatan Penjara masih belum ada penjara khas untuk Tahanan Juvana (Reman). Walau bagaimanapun, banduan muda yang disabitkan kesalahan akan dipindahkan ke Penjara Sungai

Petani untuk menjalani hukuman. Jabatan Penjara telahpun mewartakan sebuah bilik/dormitory di 21 buah Institusi Penjara mengikut Seksyen 18(1) Akta Mahkamah Juvana 1947 sebagai tempat Tahanan Reman Juvana.

Selanjutnya, cadangan Jabatan Penjara membina Tempat Tahanan Juvana telah diluluskan dan dimasukkan dalam projek RMK-8

13.3 Masalah kesesakan di penjara

Pemerhatian SUHAKAM:

SUHAKAM mendapati bahawa pada hari lawatan, Penjara Sg. Buloh mempunyai 3,539 orang penghuni, iaitu lebihan 41.56% daripada jumlah yang boleh ditampung di penjara tersebut (2,500 orang). Penjara Wanita Kajang pula, yang mempunyai keupayaan seramai 450 orang, mempunyai seramai 787 orang penghuni.

Salah satu sebab mengapa perkara ini berlaku adalah kerana pihak penjara terpaksa menerima banduan-banduan muda yang tidak sepatutnya ditahan di penjara.

Maklumbalas:

Jabatan Penjara telah mengambil langkah-langkah sesuai dalam mengawal kesesakan dalam penjara dari Institusi Penjara yang mengalami kesesakan ke penjara yang kurang kesesakan. Di samping itu, pengkategorian semula penjara dibuat bagi menangani masalah ini.

Selain daripada itu, Penjara baru Pokok Sena dan Tapah dijangka mula beroperasi pada pertengah tahun 2003 dan beberapa buah penjara baru seperti di Kuching dan Limbang, Sarawak, serta di Kluang, Johor, sedang dalam pembinaan. Ia dijangka mampu mengurangkan masalah kesesakan semasa.

13.4 Khidmat Nasihat Guaman

Pemerhatian SUHAKAM:

SUHAKAM mendapati bahawa terdapat banduan reman muda yang ditahan di penjara tetapi masih belum mendapat khidmat nasihat atau perwakilan guaman.

Maklumbalas:

Setiap banduan yang diterima masuk termasuk banduan muda akan diberitahu haknya untuk mendapatkan khidmat guaman, di samping itu adalah menjadi tugas rutin pada setiap bulan Institusi Penjara akan menyenaraikan nama-nama banduan yang memerlukan khidmat guaman kepada Biro Bantuan Guaman.

Bagi memastikan perkara ini tidak berulang, Jabatan Penjara akan mengeluarkan risalah mengenai hak asasi banduan, tatatertib dan S.O.P. kepada setiap orang banduan termasuk banduan muda.

13.5 Hubungan dengan Ibu Bapa atau Saudara

Pemerhatian SUHAKAM:

Terdapat beberapa banduan reman muda di Penjara Sg. Buloh yang masih belum berhubung dengan ahli keluarga atau saudara mengenai keadaan mereka. Ini tidak sepatutnya berlaku memandangkan terdapatnya peruntukan di bawah Akta Mahkamah Juvana 1947 yang menetapkan kewajipan bagi seorang pegawai polis atau seorang lain yang melakukan penangkapan untuk memberitahu ibu bapa atau penjaga seorang juvana yang telah ditangkap mengenai penangkapan tersebut.

Maklumbalas:

Jabatan Penjara amat peka dengan keperluan Peraturan 87(1) Peraturan Penjara 2000 yang menetapkan bahawa seorang banduan berhak menulis satu surat penerimaan. Oleh itu setiap banduan yang diterima atau dipindah masuk akan diberi peluang untuk menghubungi keluarganya melalui surat, sekiranya tidak dapat dihubungi, pihak penjara akan menghubungi keluarganya atau Pegawai Kebajikan Penjara.

Sebagai langkah tambahan, Jabatan Penjara sedang merancang untuk memperkenalkan *video conferencing* yang akan memudahkan keluarga banduan mengadakan perjumpaan dengannya di penjara yang berhampiran.

13.6 Banduan warga asing

Pemerhatian SUHAKAM:

SUHAKAM berpendapat bahawa adalah amat penting pihak kedutaan dimaklumkan mengenai penahanan warganegara mereka lebih-lebih lagi tidak semua di kalangan mereka boleh berkomunikasi terus dengan pegawai penjara kerana tidak memahami Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

Maklumbalas:

Setiap banduan warga asing akan diterima masuk ke penjara sama ada atas perintah pihak mahkamah atau pihak berkuasa yang kompeten. Segala *procedure* adalah tertakluk kepada Akta Penjara dan Peraturan Penjara 2000. Jabatan Penjara Malaysia telahpun mengeluarkan pekeliling mengenai keperluan Pegawai yang Menjaga Institusi Penjara memaklumkan kemasukan banduan Warga Asing ke penjara. Perkara ini dibuat melalui pekeliling bertarikh 9 April 1998.

13.7 Kemudahan-kemudahan pendidikan dan rekreasi, pemulihan dan kaunseling.

Pemerhatian SUHAKAM:

SUHAKAM berpendapat bahawa kemudahan-kemudahan tersebut juga perlu disediakan oleh pihak penjara, terutama sekali bagi banduan muda.

Maklumbalas:

Setakat ini Jabatan Penjara telah melatih seramai 249 orang kaunselor yang terdiri daripada 1 orang Penguasa Penjara, 27 orang Timbalan Penguasa Penjara, 62 orang Penolong Penguasa Penjara dan 159 orang Inspektor Penjara. Daripada jumlah tersebut, serama 41 orang mempunyai Diploma Kaunseling dan baki 208 orang telah

menghadiri kursus kaunseling yang dianjurkan oleh Maktab Penjara Malaysia.

Jabatan Penjara telah melaksanakan Skim Usahasama untuk memberikan peluang kepada syarikat-syarikat swasta menggunakan khidmat banduan untuk bekerja di kilang-kilang mereka sama ada di dalam penjara atau di luar penjara. Setakat ini, sebanyak 13 buah syarikat usahasama terdapat di penjara di mana 11 daripadanya beroperasi di luar penjara dengan menggunakan tenaga banduan yang telah dipilih.

Selain daripada itu, Jabatan Penjara sedang merancang untuk memberikan kursus kaunseling kepada kakitangan khususnya kaunseling kanak-kanak, *sex offenders* dan psikologi dengan kerjasama Institusi Pendidikan Tinggi Awam tempatan.

Jabatan Penjara sedang berusaha untuk mengembangkan skim usahasama ini kepada banduan muda dan penghuni Sekolah Henry Gurney.

13.10 Banduan Wanita yang mengandung mempunyai/mengasuh anak

Pemerhatian SUHAKAM:

SUHAKAM mendapati bahawa tiada diet khusus bagi banduan wanita yang mengandung dan baru melahirkan anak.

Maklumbalas:

Jabatan Penjara amat prihatin dengan masalah ini, walaupun peruntukkan khas untuk banduanita yang mengandung tiada, tetapi Jabatan Penjara telah mengusahakannya melalui peruntukan tambahan lain di samping sumbangan dari pertubuhan sukarela. Sebagai tambahan, Jabatan Penjara telah menyemak semula skala diet baru bagi banduan, banduan muda, penghuni Sekolah Henry Gurney, banduanita yang mengandung, pesakit HIV dan banduan vegetarian, draf skala diet berkenaan sedang disemak oleh Pejabat Peguam Negara untuk diwartakan.

14. LAPORAN LAWATAN TEMPAT TAHANAN BALAI POLIS KAPAR KELANG, SELANGOR

Pemerhatian dan syor SUHAKAM:

14.1 SUHAKAM dimaklumkan bahawa **balai polis Kapar** hanya diwartakan pada tahun 1975 untuk :

- satu orang tahanan sahaja;
- orang tahanan dewasa sahaja;dan
- tahanan orang wanita bagi daerah Kelang.

SUHAKAM telah dimaklumkan bahawa balai polis Kapar pernah menahan lebih daripada 20 orang tahanan;malah paling ramai yang pernah ditahan pada suatu ketika ialah 26 orang.

SUHAKAM juga difahamkan bahawa sewaktu insiden Lebuhraya KESAS, di antara 11 orang wanita yang ditahan, terdapat seorang juvana. Dalam kes ini, tiada ulasan negataif dibuat kerana juvana tersebut ditahan bersama ibunya.

Cadangan SUHAKAM adalah:

i) Warta balai polis Kapar perlu dipinda atau diperbaharui bagi mengelakkan penahanan di balai polis ini diperkatakan sebagai di luar bidang kuasa polis

Maklumbalas:

Langkah-langkah sewajarnya akan diambil bagi memperbaharui warta tersebut supaya tindakan polis adalah berlandaskan Undang-undang Malaysia.

Pemerhatian SUHAKAM:

ii) Tempat tahanan yang berasingan dibina untuk penahanan juvana wanita

Maklumbalas:

Cadangan ini telah diambil maklum dalam perancangan pembangunan polis. Sebagai langkah pendekatan pendek, pihak

polis akan dimaklumkan supaya juvana diasingkan daripada orang tahanan dewasa.

14.2 Pemeriksaan orang tahanan

Pemerhatian dan syor SUHAKAM:

Seorang saksi insiden Lebuhraya Kesas mengadu bahawa pemeriksaan 100% yang dijalankan ke atas beliau adalah keterlaluan seperti disuruh mencakung.

SUHAKAM berpendapat bahawa cara pemeriksaan tersebut adalah keterlaluan dan menyalahi peruntukan antarabangsa seperti Universal Declaration of Human Rights.

Cadangan SUHAKAM adalah:

i) cara pemeriksaan yang dijalankan ke atas orang tahanan hendaklah bergantung kepada kesalahan orang tahanan tersebut.

Maklumbalas:

Polis menjalankan pemeriksaan seragam ke atas semua orang tahanan sebagai satu prosedur keselamatan biasa. Prosedur ini tidak melibatkan sebarang penyiksaan atau penderaan yang boleh mendatangkan kecederaan fizikal, mental dan psikologi. Sekiranya melibatkan tahanan wanita, hanya pegawai polis wanita yang dibenarkan untuk menjalankan pemeriksaan.

15. **LAPORAN PEMBAHARUAN PERUNDANGAN AKTA BUANG NEGERI 1959**

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Memansuhkan Akta Buang Negeri 1959 yang tidak dipakai.

Maklumbalas:

Kementerian Dalam Negeri tidak bersetuju dengan cadangan supaya Akta Buang Negeri 1959 dimansuhkan oleh kerana kemungkinan Akta tersebut diperlukan pada masa hadapan.

16. **LAPORAN PEMBAHARUAN PERUNDANGAN HAK TAHANAN REMAN**

Maklumbalas berhubung perkara ini telah dibuat di dalam perenggan terdahulu mengenai Hak Tahanan Reman.

17. **RATIFIKASI INSTRUMEN HAK ASASI MANUSIA DAN TINDAKAN YANG BERKAITAN.**

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

SUHAKAM mencadangkan supaya Malaysia meratifikasi instrumen berikut dengan secepat mungkin:-

i) Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik;
ii) Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya; dan
iii) Konvensyen Antarabangsa Menentang Penyeksaan.

Maklumbalas:

Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik dan Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya telah mencapai tahap minima tandatangan negara-negara ahli pada tahun

1976. Oleh itu, Malaysia hanya boleh menjadi negara ahli kepada Kovenan-Kovenan ini dengan menyertainya (*accede to*), dan tidak dengan cara meratifikasikannya.

2. Perbincangan berhubung untuk menimbangkan sama ada Malaysia boleh menyertai Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politikal, Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya serta Konvensyen Antarabangsa Menentang Penyeksaan buat masa ini berada di peringkat akhir.

18. PENGGABUNGAN PERUNTUKAN ANTARABANGSA DALAM UNDANG-UNDANG NEGARA

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

SUHAKAM mencadangkan supaya Kerajaan mengambil langkah menggubal undang-undang baru bagi menggabungkan peruntukan Konvensyen yang sudah diratifikasikan supaya menjadi sebahagian daripada undang-undang domestik.

Maklumbalas:

Malaysia telah menjadi pihak kepada Konvensyen Hak Asasi Kanak-Kanak (CRC) pada 17 Februari 1995 dan Konvensyen Menghapuskan Segala Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) yang telah diratifikasi pada 5 Julai 1995. Akta Kanak-Kanak 2001 yang telah dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2002 adalah berdasarkan prinsip-prinsip yang terkandung di dalam CRC.

2. Selain itu, Artikel 8(2) Perlembagaan Persekutuan juga telah dipinda bagi memasukkan faktor jantina sebagai faktor yang tidak boleh didiskriminasikan bagi memenuhi tanggungjawab dan obligasi Malaysia terhadap CEDAW.

19. PENYELARASAN UNDANG-UNDANG NEGARA DENGAN KONVENSYEN

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

SUHAKAM mencadangkan supaya Kerajaan mengkaji semula undang-undang, peraturan dan arahan pentadbiran yang sedia ada supaya selaras dengan Konvensyen yang telah diratifikasi.

Maklumbalas:

Dari masa ke semasa kajian semula dilakukan ke atas undang-undang, peraturan dan arahan pentadbiran yang sedia ada supaya selaras dengan konvensyen yang telah diratifikasi. Misalnya, pemansuhan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991, Akta Mahkamah Juvana 1947 dan Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 kerana Akta Kanak-Kanak 2001 yang digubal berdasarkan prinsip-prinsip di dalam CRC telah dikuatkuasakan. Akta-Akta tersebut sudah tidak relevan memandangkan Akta Kanak-Kanak 2001 sudah merangkumi segala peruntukan di dalam Akta-Akta tersebut.

20. CADANGAN SUPAYA BADAN KEHAKIMAN LEBIH BERSIFAT TERBUKA

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Badan Kehakiman Malaysia haruslah bersikap lebih terbuka dalam pentafsiran takrif "hak asasi manusia" dalam Perlembagaan Persekutuan. Sekiranya hak asasi manusia tidak terpisah dan sejagat, maka ia wujud sebagai tunggak paling penting Hak *Common Law* Malaysia dan harus dikuatkuasakan sewajarnya.

Maklumbalas:

Cadangan ini telah diambil maklum.

21. PENGKAJIAN SEMULA RESERVASI KE ATAS KONVENSYEN-KONVENSYEN

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Kerajaan haruslah dari masa ke semasa mengkaji semula reservasi kepada Konvensyen yang telah diratifikasinya dengan tujuan menarik balik reservasi itu akhirnya.

Maklumbalas:

Selepas Malaysia menjadi ahli kepada sesuatu Konvensyen, kajian dibuat dari masa ke semasa berhubung keperluan reservasi yang telah dibuat dan jika didapati ianya tidak diperlukan, reservasi tersebut akan ditarik balik.

22. RUJUKAN RANG UNDANG-UNDANG KEPADA PAKAR

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Rang Undang-Undang hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Parlimen atau Dewan Undang Negeri selepas bacaan pertama. Dengan ini, dapatlah pakar-pakar, kumpulan kepentingan awam dan individu lain yang prihatin berpeluang menyumbang pandangan dan fikiran terhadap Rang Undang-Undang yang akan secara langsung menyentuh kehidupan mereka.

Maklumbalas:

Perkara-perkara berkaitan prosedur meluluskan suatu rang undang-undang adalah tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan dan peraturan-peraturan Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Setiap rang undang-undang melalui proses pembacaan kali pertama, kedua dan ketiga dan tertakluk kepada pandangan pelbagai pihak yang diwakili oleh wakil-wakil rakyat dan senator bagi mewakili semua lapisan masyarakat dan pihak-pihak berkepentingan.

23. UNDANG-UNDANG YANG DIGUBAL SEBAGAI RAHSIA RASMI

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Pihak berkuasa hendaklah menghentikan kebiasaan mengumumkan undang-undang yang sedang digubal sebagai rahsia rasmi sebelum dibentang kepada badan perundangan.

Maklumbalas:

Sebarang rahsia rasmi tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88). Undang-undang yang sedang digubal perlu dianggap sebagai rahsia rasmi Kerajaan kerana banyak isu yang masih dalam perbincangan dan konsultasi masih dilaksanakan dengan agensi-agensi yang terlibat sebelum rang undang-undang itu dibahaskan. Undang-undang yang digubal juga mestilah tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Undang-undang Negeri dan hak fundamental individu adalah seperti di dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan.

24. PERBINCANGAN BERSAMA SEBELUM PENGGUBALAN UNDANG-UNDANG

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Undang-undang yang penting patutlah digubal selepas perbincangan dengan kumpulan-kumpulan awam yang berkepentingan serta mengambil manfaat daripada perbincangan terbuka yang bernas.

Maklumbalas:

Perkara-perkara berkaitan prosedur meluluskan suatu rang undang-undang adalah tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan dan peraturan-peraturan Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Setiap rang undang-undang melalui proses pembacaan kali pertama, kedua dan ketiga dan tertakluk kepada pandangan pelbagai pihak yang diwakili oleh wakil-wakil rakyat dan senator bagi mewakili semua lapisan masyarakat dan pihak-pihak berkepentingan.

25. LAPORAN LEBUHRAYA KESAS

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

Satu Panel Penyiasat telah ditubuhkan oleh SUHAKAM bagi meneliti sama ada terdapat pencabulan hak asasi manusia sewaktu insiden di Lebuhraya KESAS. Panel tersebut telah mendapati bahawa:-

i) pihak polis telah bersikap tidak adil dalam menghalang demonstrasi yang telah diadakan. Demonstrasi oleh penduduk Jalan Kebun untuk menghalang *rally* yang dicadangkan tidak diendahkan oleh pihak polis dan tiada penangkapan dibuat. Panel juga berpendapat jika pihak polis telah membenarkan *rally* tersebut diadakan di Stadium Bukit Jalil sepertimana permohonan asal pihak penganjur, kejadian-kejadian yang tidak diingini boleh dielakkan;

ii) Sekatan jalanraya polis telah menyebabkan kesesakan lalulintas. Panel Penyiasat berpendapat bahawa sekatan jalanraya sedemikian tidak patut digunakan bagi tujuan menghalang perhimpunan;

iii) Amaran untuk bersurai dan masa yang diberikan terlalu suntuk serta pihak polis telah mengejar mereka yang cuba meninggalkan tempat tersebut. Panel mencadangkan supaya amaran lantang diberikan sebanyak tiga kali dengan jangkamasa 10 minit antara setiap amaran, orangramai diberi masa yang cukup untuk bersurai dari tempat tersebut, dan pihak polis tidak sepatutnya mengejar mereka yang cuba bersurai; dan

iv) Pihak polis telah menggunakan kekerasan yang melampaui batas sehinggakan seorang saksi telah mengalami kecederaan di kepala. Panel mencadangkan supaya pihak polis tidak menggunakan kekerasan yang melampau dalam menjalankan tugas mereka, tidak merampas atau merosakkan harta benda persendirian dalam pelaksanaan tugas dan tidak menarik turun tudung kepala wanita semasa proses penyuraian perhimpunan tersebut.

Maklumbalas:

Pada 5 November 2000, satu perhimpunan di Lebuhraya Kesas, off Jalan Kebun telah diadakan. Perhimpunan ini diadakan secara

haram kerana penganjur gagal mendapat kebenaran dari pihak polis atas beberapa sebab.

2. Pihak penganjur telah menyatakan bahawa kebenaran pihak polis tidak diperlukan memandangkan perhimpunan ini diadakan di tempat persendirian. Walau bagaimanapun, tempat tersebut adalah tempat awam dan ia adalah terbuka dan boleh disertai oleh orang awam. Pernyataan ini adalah sejajar dengan Akta Interpretasi 1948 dan 1967.

3. Tempat penganjuran perhimpunan ini dipercayai tidak dapat menampung sejumlah 100,000 orang yang ingin menyertai perhimpunan tersebut. Pihak penganjur telahpun dimaklumkan berhubung perkara ini. Pihak polis terpaksa menahan beberapa orang yang disyaki terbabit untuk menjayakan perhimpunan ini. Pihak polis juga telah mengadakan sekatan jalanraya ke tempat perhimpunan ini.

4. Perhimpunan haram ini telah menyebabkan kesesakan lalulintas yang teruk di mana seramai 100,000 orang telah berkumpul di tempat yang dinyatakan. Pihak polis terpaksa menyuraikan perhimpunan ini bagi memastikan keadaan terkawal. Dalam menyuraikan perhimpunan ini, pihak polis telah menggunakan kaedah 'total denial dan domination', di mana kaedah ini digunakan oleh pasukan keselamatan di seluruh dunia.

5. Di dalam penggunaan kaedah ini, beberapa orang anggota polis dan awam telah tercedera. Orang yang ditahan dituduh di Mahkamah berasaskan kesalahan yang telah dilakukan.

6. Beberapa pertuduhan yang tidak berasas telah dibuat berhubung pengendalian kes ini. Satu jawatankuasa yang diketuai oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Peguamcara Negara, Ketua Polis Negara, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri dan pegawai-pegawai atasan Kerajaan telah ditubuhkan bagi membincangkan laporan yang dikemukakan oleh SUHAKAM.

7. Jawatankuasa ini, yang akhirnya telah diketuai oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Utama Rais Yatim, telahpun mengemukakan keputusan mereka kepada Kabinet di mana Jawatankuasa ini telah mendapati bahawa tindakan yang diambil

oleh pihak polis adalah betul. Jawatankuasa tersebut juga telah mendapati bahawa laporan yang disediakan oleh SUHAKAM mengenai insiden tersebut tidak menggambarkan keadaan sebenar dan berat sebelah.

****

LAMPIRAN XX

MAKLUMBALAS KERAJAAN KEPADA LAPORAN SUHAKAM PADA TAHUN 2002

Diterima pada 22 Disember 2003

LAMPIRAN 1

MAKLUM BALAS KERAJAAN BERHUBUNG PEMERHATIAN DAN SYOR-SYOR SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)

No.	Perkara	m/s
1.	**Laporan SUHAKAM mengenai Lebuhraya KESAS**	1
2.	**Laporan Hak Kebebasan Berhimpun**	1
3.	**Cadangan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan**	2
4.	***International Covenant on Civil and Political Rights***	2
5.	***International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights***	2
6.	***Convention Against Torture and Other Cruel, Inhuman or Degrading Treatment or Punishment***	3
7.	**Majlis Antara Agama**	3
8.	**Isu-Isu Dalam Islam**	5
9.	**Kajian Semula Akta Keselamatan Dalam Negeri**	6
10.	**Siasatan Awam Ke Atas Keadaan Tempat Tahanan ISA**	
10.1	Keadaan Tahanan Di Bawah Seksyen 73 ISA	
10.1.1	Layanan Sewaktu Ditahan Selama 60 Hari	8
10.1.2	Keadaan Tempat Tinggal	11
10.1.3	Pertemuan Dengan Ahli Keluarga	12
10.1.4	Perjumpaan Dengan Peguam dan Majistret Dalam Tempoh 24 Jam	12

No.	Perkara	m/s
10.2	Keadaan Tahanan Di Bawah Seksyen 8 ISA	
10.2.1	Peluang Memperbaiki Diri	13
10.2.2	Implikasi Kewangan	14
10.2.3	Keadaan Blok-blok Tahanan	15
10.2.4	Makanan	15
10.2.5	Perubatan	16
10.2.6	Lawatan Oleh Keluarga	16
11.	**Lawatan Ke Rumah Kebajikan, Kem Tahanan dan Hospital**	
11.1	Lawatan ke Lokap Polis di Balai Polis Ampang, Wad Tahanan Reman di Hospital Putrajaya, Balai Polis Brickfields, Balai Polis Putrajaya, Balai Polis Klang, Balai Polis Karamunsing, Kota Kinabalu, Balai Polis Kota Kinabalu dan Balai Polis Tanjung Aru, Kota Kinabalu (untuk wanita)	17
11.2	Pusat- pusat Tahanan Imigresen Sementara Pekan Nanas (Johor), Menggatal (Sabah), Sandakan (Sabah) dan Tawau (Sabah)	18
11.3	Pusat - pusat pemulihan di Jabatan Penjara Simpang Renggam (Johor) dan di Jabatan Penjara Muar (Johor)	20
11.4	Lawatan ke Penjara Miri (Sarawak) dan Penjara Sungai Buloh (Selangor)	21
11.5	Lawatan ke Rumah Ehsan Kuala Kubu Bahru (Selangor)	22
11.6	Lawatan ke Hospital Permai Tampoi (Johor) dan Hospital Bukit Padang Kota Kinabalu (Sabah)	24

No.	Perkara	m/s
12.	**Kebebasan Pihak Media**	
	12.1 Kajian Semula ke atas Akta Percetakan dan Penerbitan 1984	27
	12.2 Seksyen PPPA yang Patut Dikaji Semula	27
	12.3 Kajian Semula OSA	28
	12.4 Penubuhan Majlis Media	28
	12.5 Penentuan pampasan oleh Mahkamah	28
	12.6 Akta Kebebasan Infomasi	28
	12.7 Judicial Review	28
	12.8 Lencana akreditasi wartawan	28
	12.9 Pembaharuan lesen secara otomatik	28
13.	**Kajian Semula Ke atas Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999**	32
14.	**Hak-hak Orang Asli**	32
15.	**Masyarakat Rohingya di Malaysia**	32
16.	**Pendidikan Kepada Kanak-Kanak Dari Kaum Terpinggir**	34
	16.1 Kurikulum dan perancangan	35
	16.2 Latihan kepada tenaga pengajar	39
	16.3 Hak mendapatkan maklumat	40
17.	**International Convention Against Apartheid in Sports**	41
18.	**Optional Protocol to the Convention of the Rights of the Child on the Sale of Children, Child Prostitution and Child Pornography**	41
19.	**Optional Protocol to the Convention on the Rights of the Child on the Involvement of Children in Armed Conflicts**	41

No.	Perkara	m/s
20.	**Convention on the Prevention and Punishment on the Crime of Genocide**	42
21.	**Convention on the Rights of The Child**	42
22.	**Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women**	43
23.	**Memorandum**	
	23.1 Kematian tahanan sewaktu ditahan reman	46
	23.2 Penebangan pokok di tanah adat di Sarawak	47

MAKLUM BALAS KEPADA PEMERHATIAN DAN SYOR-SYOR SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM) DI DALAM LAPORAN TAHUNAN 2002

1. LAPORAN SUHAKAM MENGENAI LEBUHRAYA KESAS

***Pemerhatian SUHAKAM*:**

SUHAKAM mendakwa bahawa Kerajaan belum memberi maklum balas kepada Laporan SUHAKAM mengenai Lebuhraya KESAS yang dimajukan kepada Kerajaan pada 2 April 2001. (m/s 13 Laporan Tahun 2002 SUHAKAM)

***Maklum balas* :**

Maklum balas kepada Laporan SUHAKAM mengenai Insiden Lebuhraya KESAS telah dimajukan kepada SUHAKAM melalui 'Maklum Balas Kerajaan Berhubung Pemerhatian dan syor-syor Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)' pada 18 Mei 2003.

2. LAPORAN HAK KEBEBASAN BERHIMPUN

Pemerhatian SUHAKAM:

SUHAKAM mendakwa bahawa Kerajaan belum memberi maklum balas kepada Laporan SUHAKAM mengenai Hak Kebebasan Berhimpun yang dimajukan kepada Kerajaan pada 24 Julai 2002. (m/s 13 Laporan Tahun 2002 SUHAKAM)

***Maklum balas* :**

Maklumbalas kepada Laporan SUHAKAM Mengenai Hak Kebebasan Berhimpun telah dimajukan kepada SUHAKAM melalui 'Maklum Balas Kerajaan Berhubung Pemerhatian dan syor-syor Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)' pada 18 Mei 2003.

3. CADANGAN PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN

Pemerhatian SUHAKAM:

SUHAKAM mendakwa bahawa Kerajaan belum memberi maklum balas kepada cadangan SUHAKAM pada 25 Februari 2002 supaya diadakan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan. (m/s 14 Laporan Tahun 2002 SUHAKAM)

***Maklum balas* :**

Malaysia tidak memerlukan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan memandangkan hak-hak asasi manusia di Malaysia telah sedia terjamin di bawah peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang sedia ada.

4. INTERNATIONAL COVENANT ON CIVIL AND POLITICAL RIGHTS (ICCPR)

Pemerhatian SUHAKAM:

Kerajaan belum memberi maklum balas mengenai cadangan supaya Malaysia menyertai *International Covenant on Civil and Political Rights* (ICCPR). (m/s 14 Laporan Tahun 2002 SUHAKAM)

5. INTERNATIONAL COVENANT ON ECONOMIC, SOCIAL AND CULTURAL RIGHTS (ICESCR)

Pemerhatian SUHAKAM:

Kerajaan belum memberi maklum balas mengenai cadangan supaya Malaysia menyertai *International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights (ICESCR)*. (m/s 14 Laporan Tahun 2002 SUHAKAM)

6. CONVENTION AGAINST TORTURE AND OTHER CRUEL, INHUMAN OR DEGRADING TREATMENT OR PUNISHMENT (CAT)

Pemerhatian SUHAKAM:

Kerajaan belum memberi maklum balas mengenai cadangan supaya Malaysia menyertai *Convention Against Torture and Other Cruel, Inhuman or Degrading Treatment or Punishment (CAT).* (m/s 14 Laporan Tahun 2002 SUHAKAM)

Maklum balas: (Perkara 4, 5 dan 6 dijawab bersama)

Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik dan Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya telah mencapai tahap minima tandatangan negara-negara ahli pada tahun 1976. Oleh itu, Malaysia hanya boleh menjadi negara ahli kepada Kovenan-Kovenan ini dengan menyertai (accede to), dan tidak dengan cara meratifikasikannya.

Perbincangan berhubung untuk menimbangkan sama ada Malaysia boleh menyertai Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politikal, Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya serta Konvensyen Antarabangsa Menentang Penyeksaan telah mencapai peringkat akhir. Berdasarkan perbincangan yang diadakan, adalah jelas bahawa terdapat beberapa peruntukan di dalam ketiga-tiga instrumen ini yang tidak selari dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan perundangan Syariah. Memandangkan permasalahan ini timbul ke atas peruntukan-peruntukan yang membentuk asas kepada instrumen-instrumen ini, ia kelihatan seperti agak mustahil untuk Malaysia membuat reservasi ke atas peruntukan-peruntukan ini kerana ini adalah bertentangan dengan *Vienna Law of Treaties*.

7. MEWUJUDKAN MAJLIS ANTARA AGAMA (*INTER-RELIGIOUS COUNCIL*)

SUHAKAM telah menganjurkan dua Dialog Antara Agama pada tahun 2002 yang disertai, antara lainnya, oleh *National Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hindu and Sikhism*, JAKIM dan IKIM. Tujuan dialog tersebut adalah untuk meningkatkan pemahaman antara lain-lain agama di Malaysia bagi menjamin kestabilan dan keamananan negara. (m/s 15 Laporan Tahun 2002 SUHAKAM)

Pemerhatian dan Syor:

SUHAKAM telah mencadangkan kepada Ketua Setiausaha Negara supaya Kerajaan mewujudkan satu Majlis Antara Agama bagi memupuk sifat toleransi dan rasa hormat terhadap agama-agama di Malaysia.

Maklum balas:

Cadangan SUHAKAM untuk memupuk sifat toleransi dan meningkatkan pemahaman antara lain-lain agama di Malaysia adalah dihargai. Walau bagaimanapun, Kerajaan berpendapat bahawa penubuhan Majlis Antara Agama bukanlah satu-satunya cara bagi memupuk sifat toleransi dan rasa hormat terhadap agama-agama di Malaysia. Kerajaan sentiasa mempromosikan sifat ini melalui tingkah laku dan dasar yang digubal. Kerajaan sedar bahawa sifat ini perlu dipupuk bukan sahaja di peringkat Kerajaan, tetapi juga oleh badan-badan bukan Kerajaan.

Pada peringkat kementerian pula, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (KPNPM) dan Jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini, umpamanya, turut melibatkan *National Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hindu and Sikhism* dalam perbincangan/konsultasi bagi isu-isu yang berkaitan. Ini termasuklah:

(i) perbincangan menerusi dua bengkel iaitu Bengkel Nilai-nilai Murni Agama dan Kepercayaan yang telah diadakan pada tahun 2001 dan 2002 yang bertujuan mengenalpasti nilai-nilai murni yang boleh diterimapakai oleh semua kaum, agama dan lapisan masyarakat; dan

(ii) pembentukan modul pendidikan seksualiti di mana pandangan pelbagai agama turut diperolehi.

Selain daripada itu, Program Khidmat Negara yang dilaksanakan oleh Kerajaan juga bertujuan untuk mendekatkan lagi kaum-kaum lain di Malaysia dan sekaligus memupuk persefahaman dan rasa hormat kepada perbezaan agama dan keturunan.

Dari aspek Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pula, JAKIM berpendapat bahawa belum sesuai Majlis Antara Agama diwujudkan, kerana pada masa ini hubungan baik antara agama-agama di negara ini telah sedia terjalin, semua agama saling hormat menghormati, masing-masing dapat mengamalkan agamanya dengan aman damai tanpa gangguan

selaras dengan semangat Perlembagaan Persekutuan yang memberi hak dan kebebasan kepada semua agama diamalkan dengan bebas dan aman damai.

8. PENJELASAN MENGENAI ISU-ISU DALAM ISLAM

Pemerhatian dan Syor SUHAKAM:

SUHAKAM mencadangkan supaya Kerajaan mengambil tindakan untuk memperjelaskan lagi isu murtad dan deklarasi Malaysia sebagai negara Islam. (m/s 15 Laporan Tahun 2002 SUHAKAM)

Maklum balas:

Isu murtad bukanlah isu baru. Kerajaan telah mengambil langkah yang sesuai dan harmoni menanganinya dan Kerajaan telah berusaha memperjelaskan isu ini termasuk undang-undang yang ada kepada pelbagai pihak melalui pelbagai aktiviti yang dirancang supaya mereka memahami dan mengelak diri daripada murtad. Mengikut ajaran Islam, orang yang memeluk Islam adalah wajib mematuhi peraturan dan hukum hakam yang ditetapkan. Murtad adalah satu kesalahan mengikut Islam, dan wajib dikenakan hukuman.

Malaysia adalah sebuah negara Islam berdasarkan ciri-ciri berikut:-

i. **Negara Malaysia telah ditubuhkan oleh orang Islam;**

ii. **Ketua Negara dan Kerajaan dipegang oleh orang Islam;**

iii. **Majoriti rakyat Malaysia beragama Islam dan kebanyakan unsur-unsur budaya dan sosial mereka dipengaruhi oleh budaya Islam;**

iv. **Umat Islam bebas menunaikan amalan syariat Islam, malah dibantu oleh Kerajaan;**

v. **Sistem mempertingkatkan ibadah munakahat dan mualamat dilaksanakan di serata Negara;**

vi. **Pendidikan Islam diajar dari peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat institusi pengajian tinggi dan senantiasa ditingkatkan mutunya;**

vii. **Kewujudan Mahkamah-mahkamah Syariah dan Undang-undang Syariah; dan**

viii. **Kewujudan institusi-institusi Islam lain yang mengembangkan syiar Islam.**

Selain daripada itu, Malaysia juga memenuhi beberapa kriteria tertentu yang menunjukkan bagawa ia adalah Negara Islam iaitu:-

i. **Peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan agama Islam sebagai agama Persekutuan [Perkara 3(1)], Ketua Negara sebagai ketua agama Islam [Perkara 3(2), (3) dan (5)] dan urusan pentadbiran Islam sebagai tanggungjawab Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan [Perkara 74];**

ii. **Pengiktirafan dunia bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam; dan**

iii. **Kebanyakan peruntukan dalam Perlembagaan tidak bertentangan dengan Islam.**

9. KAJIAN SEMULA KE ATAS AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (ISA) 1960

Pemerhatian SUHAKAM:

SUHAKAM melahirkan rasa sangsi mengenai penggunaan ISA dan aplikasinya. Peruntukan-peruntukan di bawah ISA yang didapati melanggar hak asasi manusia adalah Seksyen 73 dan Seksyen 8, iaitu SUHAKAM berpendapat seksyen-seksyen ini mencabuli Artikel 3,9,10 dan 11(1) UDHR.

SUHAKAM juga berpendapat bahawa terdapat penderaan ke atas tahanan-tahanan ISA sewaktu dalam tahanan polis. Masalah utama ISA, menurut SUHAKAM, ialah tiadanya prinsip *accountability* dan *safeguards* yang sesuai bagi memastikan penyalahgunaan kuasa tidak berlaku. (m/s 25 Laporan Tahun 2002 SUHAKAM)

Syor SUHAKAM:

SUHAKAM telah mencadangkan pemansuhan ISA dan digantikan dengan undang-undang baru yang lebih berlandaskan kepada prinsip hak asasi manusia, selain dari kajian semula ke atas *Lockup Rules* 1953 dan *Internal Security (Detained Persons) Rules* 1960.

Maklum balas:

Kajian ke atas ISA dijalankan secara berterusan dan ini dapat dilihat melalui pindaan-pindaan yang telah dibuat ke atas ISA untuk mengemaskinikan Akta tersebut.

Dalam mempertimbangkan pemansuhan ISA, Kerajaan ingin menekankan bahawa penggunaan ISA adalah sah dari segi undang-undang kerana ISA dibuat di bawah Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa mana-mana peruntukan undang-undang yang diperkenalkan untuk membasmi mana-mana tindakan oleh kumpulan orang yang mengancam keselamatan sama ada dari dalam atau luar Persekutuan adalah sah walaupun bertentangan dengan perkara-perkara 5, 9, 10 atau 13 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan hak serta kebebasan individu.

10. SIASATAN AWAM KE ATAS KEADAAN TEMPAT TAHANAN ISA

Susulan dari memorandum yang diserahkan oleh Gerakan Mansuhkan ISA (GMI) dan mogok lapar yang dilancarkan oleh sebahagian tahanan ISA, SUHAKAM telah mengadakan siasatan awam ke atas keadaan tempat tahanan ISA. Walaupun Panel Penyiasatan mendapati tiada penganiayaan fizikal atau psikologikal yang serius, terdapat beberapa insiden dimana hak asasi manusia telah dicabuli. (m/s 33 Laporan Tahun 2002 SUHAKAM)

10.1 Keadaan Tahanan di bawah Seksyen 73 ISA

10.1.1 Layanan Sewaktu Ditahan Selama 60 Hari

Pemerhatian SUHAKAM:

Terdapat dakwaan dari tahanan ISA bahawa penganiayaan telah berlaku di mana:

(i) Tahanan disepak sebanyak lima kali sewaktu dalam tahanan polis kerana pegawai penyiasat tidak mempercayai jawapan yang diberikan;

(i) Tahanan wanita telah dua kali dipaksa untuk menanggalkan bajunya oleh pegawai polis lelaki;

(ii) Tahanan yang ditahan kerana disyaki terlibat dengan gerakan Jemaah Islamiah telah dibogelkan dan dihina sewaktu disoal siasat oleh pegawai Cawangan Khas di Pusat Reman Polis;

(iii) Berlakunya intimidasi psikologi sewaktu soal siasat, umpamanya polis mengugut akan menghantar anak dan isteri tahanan ke rumah kebajikan sekiranya beliau enggan bekerjasama; dan

(iv) Soal siasat sewaktu malam, terutama sekali dalam tempoh tiga minggu pertama penahanan, dan di dalam satu kes, seorang tahanan mengadu bahawa telah disoal siasat pada waktu malam sebanyak dua kali dalam seminggu.

Maklum balas:

Adalah tidak benar bahawa semua tahanan ISA ditahan selama 60 hari di bawah Seksyen 73 ISA. Tempoh tahanan bergantung kepada sejauh mana pembabitan seseorang dalam aktiviti yang mengancam keselamatan negara serta proses penyiasatan pihak polis. Dari tahun 1960 hingga 2002, 387 tahanan ISA telah dibebaskan sebelum tamat tempoh 60 hari ditahan. 46 daripadanya telah dibebaskan setelah ditahan antara 1-10 hari. Raja Petra Raja Kamaruddin, umpamanya, telah dibebaskan 52 hari selepas ditahan di bawah ISA.

Bagi setiap dakwaan yang dikemukakan oleh SUHAKAM dalam laporan ini, pihak polis telahpun mengadakan siasatan berhubung perkara ini dan mendapati bahawa:

(i) Ramdi Abdullah, seorang ahli Al-Maunah, mendakwa bahawa beliau telah disepak sebanyak lima kali sewaktu dalam tahanan. Siasatan yang dibuat menunjukkan bahawa pegawai-

pegawai penyiasat tidak mengkasari tahanan seperti yang didakwa;

(ii) Ng Chooi Chun (p) telah ditahan kerana penglibatannya dalam sindiket pemalsuan. Beliau mendakwa telah dua kali dipaksa menanggalkan baju oleh dua pegawai polis lelaki. Siasatan yang dijalankan oleh Pegawai Cawangan Khas Bukit Aman tidak menjumpai sebarang bukti untuk menyokong dakwaan beliau. Kesemua dokumen-dokumen yang berkaitan dan diari di stesen di mana beliau ditempatkan menunjukkan tiada pegawai polis lelaki yang telah memasuki sel Ng Chooi Chun.

Seramai sembilan pegawai polis wanita yang ditugaskan untuk menjaga Ng Chooi Chun juga tidak melihat pegawai polis lelaki memasuki sel penjara beliau. Selain daripada itu, gambar pegawai polis telah ditunjukkan kepada tahanan bagi tujuan siasatan lanjut. Tahanan tidak mahu siasatan diteruskan dan melahirkan rasa puas hati dengan layanan yang diberikan pihak polis;

(iii) Abdul Nassir bin Anwarul adalah seorang warga Singapura yang mendapat status tetap di Malaysia. Tahanan mendakwa telah dibogelkan dan dihina sewaktu soal siasat. Siasatan yang dijalankan mendapati bahawa dakwaan ini tidak berasas. Lagipun, tahanan telah mengaku dalam kenyataannya yang beliau tidak pernah dikasari oleh pihak polis;

(iv) Abdullah Minyak bin Silam, seorang warga Indonesia dengan status tetap di Malaysia, telah mendakwa bahawa pihak polis mengugut akan menghantar anak dan isterinya ke rumah kebajikan sekiranya beliau enggan bekerjasama. Dakwaan ini telah didapati tidak benar, dan sewaktu siasatan ini dijalankan, pihak polis dapat merasakan bahawa beliau berpuas hati dengan layanan yang diberikan polis sewaktu ditahan reman;

(v) Dr. Abdullah bin Daud, pensyarah UTM, telah ditahan kerana penglibatannya dalam JI. Beliau mendakwa seringkali dikejutkan pada waktu malam untuk soal siasat, terutama sekali dalam tiga minggu pertama penahanan beliau. Siasatan yang dibuat mendapati bahawa Pegawai Penyiasat telah mengaku melawat tempat tahanan Dr. Abdullah pada waktu malam. Walau bagaimanapun, perjumpaan ini adalah atas permintaan tahanan sendiri yang mahukan makanan, minuman dan ubat diberikan pada waktu malam. Oleh itu, dakwaan yang dibuat oleh tahanan ini adalah tidak berasas.

9

Syor SUHAKAM:

(i) pihak polis mengambil langkah yang perlu bagi memastikan hak-hak asasi sepertimana terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan UDHR terjamin;

(ii) Tahanan di bawah ISA hanya dibuat sekiranya terlibat dalam aktiviti yang mengancam keselamatan negara;

(iii) Semua dakwaan penderaan dan penganiayaan disiasat dan tindakan tatatertib di ambil ke atas pegawai polis yang melakukan perkara tersebut; dan

(iv) Latihan diberikan kepada semua kakitangan penguatkuasa bagi meningkatkan kesedaran mengenai kesalahan penderaan dan penganiayaan.

Maklum balas:

(i) Anggota-anggota polis sentiasa diingatkan akan kewajipan memastikan tidak berlaku penyalahgunaan kuasa ketika menahan orang untuk siasatan di bawah ISA. Ini adalah untuk memastikan hak-hak asasi manusia yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan tidak dicabuli. Perlu diingatkan di sini bahawa UDHR adalah bersifat *declaratory* sahaja dan tidak bertindak seperti konvensyen;

(ii) ISA hanya akan digunakan ke atas mereka yang merupakan ancaman kepada keselamatan negara;

(iii) Segala tuduhan penderaan dan penganiayaan sama ada oleh orang perseorangan, SUHAKAM atau badan-badan bukan kerajaan lain akan disiasat dengan sewajarnya dan tindakan undang-undang dan tatatertib akan diambil ke atas pegawai yang bertanggungjawab sekiranya tuduhan-tuduhan tersebut didapati benar;

(iv) Semua kakitangan yang terlibat di dalam penangkapan dan penahanan orang di bawah ISA iaitu meliputi PDRM dan Penjara adalah terlatih dan mengetahui akan batas-batas perundangan dalam menjalankan tugas-tugas mereka. Mereka menyedari akan kesalahan menganiaya atau melakukan penderaan ke atas individu-individu terbabit.

10.1.2 Keadaan Tempat Tinggal

Pemerhatian SUHAKAM:

Beberapa tahanan telah mengadu bahawa mereka telah dipaksa tidur di atas kain cadar kotor tanpa diberi tilam atau bantal.

Syor SUHAKAM:

(i) Langkah-langkah diambil bagi memastikan tahanan diberi tempat tidur yang bersih dan sewajarnya;
(ii) Pengudaraan dan tingkap yang sepatutnya dipastikan; dan
(iii) Sumber kewangan yang cukup disediakan bagi menambah lagi bilangan lokap di balai polis tertentu

Maklum balas:

(i) Secara amnya, tahanan disediakan tempat tidur yang berupa pentas yang ditinggikan dengan kayu setebal tiga inci di atasnya. Lingkaran ubat nyamuk, selipar, selimut dan sejadah (untuk yang beragama Islam) juga disediakan. Ini adalah melebihi apa yang dikehendaki oleh Peraturan Lokap;

(ii) Kesemua lokap polis dan sel penjara diwartakan dan dipastikan pengudaraan yang secukupnya. Sebelum diwartakan, tempat-tempat ini diperiksa terlebih dahulu oleh pihak-pihak berkuasa seperti bomba, kesihatan dan JKR bagi memastikan tempat tersebut memenuhi peraturan dan sesuai untuk didiami; dan

(iii) Sebanyak RM4.4 juta telah diperuntukkan bagi tujuan penambahbaikan dan pemulihan lokap-lokap di seluruh Malaysia bagi tahun 2002. Memandangkan peruntukan kewangan adalah terhad, Kerajaan mengambil tindakan secara progresif bagi memastikan keadaan lokap sentiasa terjaga.

10.1.3 Pertemuan Dengan Ahli Keluarga

Pemerhatian SUHAKAM:

Tahanan mendakwa tidak dapat bertemu ahli keluarga selama 2 minggu selepas ditahan. Apabila ahli keluarga dibenarkan melawat, perjumpaan tersebut terpaksa dilakukan di hadapan pegawai polis.

Syor SUHAKAM:

(i) Ahli keluarga dibenarkan melawat tahanan lebih awal dari 2 minggu selepas ditahan;
(ii) Memastikan bahawa perjumpaan tahanan dan ahli keluarga dibuat di hadapan pegawai polis adalah bertentangan dengan Artikel 12 UDHR; dan
(iii) Peraturan 22(8) *Lockup Rules* perlu dikaji semula.

Maklum balas:

Keluarga tahanan tidak dilarang daripada melawat tahanan langsung. Walau bagaimanapun, tahanan hanya dibenarkan menerima lawatan dari keluarga pada hari dan masa yang ditentukan oleh pihak polis bagi memastikan proses penyiasatan tidak tergendala. Perjumpaan tahanan dengan ahli keluarga atau peguam adalah dengan kehadiran polis bagi memastikan siasatan polis tidak terjejas dengan sesetengah perbuatan tahanan.

10.1.4 Perjumpaan Dengan Peguam dan Majistret Dalam Tempoh 24 jam

Pemerhatian SUHAKAM:

SUHAKAM dimaklumkan bahawa tahanan ISA tidak dibenarkan berjumpa dengan peguambela mereka atau dihadapkan di hadapan majistret sehingga surat kuasa menahan mereka di bawah Seksyen 8 ditandatangani.

Syor SUHAKAM:

(i) tahanan dihadapkan di hadapan majistret dalam tempoh 24 jam selepas ditahan, selaras dengan Artikel 5 Perlembagaan Persekutuan; dan

(ii) Tahanan dibenarkan berjumpa dengan peguambela sewaktu dihadapkan ke majistret.

Maklum balas:

(i) Artikel 5 Perlembagaan Persekutuan tidak digunapakai bagi tahanan-tahanan yang ditahan di bawah undang-undang pencegahan, berdasarkan peruntukan Artikel 149 Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, tahanan tidak perlu dihadapkan di hadapan majistret;

(ii) Semua tahanan ISA dibenarkan berjumpa dengan peguambela semasa tahanan 60 hari, tertakluk kepada pengawasan pihak polis dan pada hari dan masa yang ditentukan tanpa menjejaskan penyiasatan pihak polis.

10.2 Keadaan tahanan di bawah Seksyen 8 ISA

10.2.1 Peluang Memperbaiki Diri

Pemerhatian SUHAKAM:

Tahanan mengadu bahawa mereka tidak diberikan peluang untuk menambah ilmu sewaktu dalam tahanan. Di Kamunting, umpamanya, tahanan mendakwa bahawa ustaz yang dihantar jauh lebih rendah pengetahuan akedemia Islamnya berbanding tahanan yang berada di situ.

Syor SUHAKAM:

(i) Tempoh tahanan di bawah Seksyen 8 tidak melebihi 2 tahun melainkan mempunyai justifikasi yang kuat;
(ii) Tahanan perlulah diberi peluang untuk menimba ilmu bagi membolehkan mereka diterima oleh masyarakat setelah dibebaskan;
(iii) Ustaz yang dihantar ke Kamunting mestilah pada tahap yang memuaskan bagi membolehkan tahanan mempelajari ilmu dari ustaz tersebut; dan
(iv) Tahanan beragama lain harus dibenarkan mendapat tunjuk ajar dalam agama mereka

Maklum balas:

(i) Seksyen 8 Akta Keselamatan Dalam Negeri membenarkan Menteri Dalam Negeri untuk menahan seseorang selama 2 tahun. Walau bagaimanapun, Menteri boleh menggantung tempoh penahanan tersebut sekiranya laporan keselamatan menunjukkan individu tersebut tidak lagi menimbulkan ancaman keselamatan terhadap negara;

(ii) Tahanan ISA tidak dilarang akses kepada buku, makalah, majalah dan bahan bacaan yang lain. Walau bagaimanapun, perkara ini adalah bergantung kepada stok yang ada;

(iii) Tahanan diberi peluang untuk menambah ilmu agama sewaktu dalam tahanan. Ini kerana Kerajaan telah menempatkan pegawai agama di semua pusat tahanan termasuk penjara di mana pegawai bertugas mengadakan program kepada tahanan-tahanan di pusat-pusat tahanan di seluruh Malaysia.

Program-program yang dirancang itu termasuklah ceramah, dialog, perbincangan dan mengajar, samada oleh pegawai itu sendiri atau oleh penceramah-penceramah luar mengikut kesesuaian. Program yang dibuat itu dikaji dan dinilai dari semasa ke semasa bagi memastikan tahanan mendapat ilmu agama yang secukupnya.

(iv) Jawapan yang diberikan dalam (iii) juga meliputi syor SUHAKAM dalam (iv).

10.2.2 Implikasi Kewangan

Pemerhatian SUHAKAM:

Beberapa tahanan telah memberitahu Panel Penyiasat mengenai kesusahan kewangan yang dihadapi oleh keluarga mereka. Dalam sesetengah kes, tahanan tersebut merupakan satu-satunya pencari nafkah dalam keluarga.

Syor SUHAKAM:

SUHAKAM mencadangkan supaya tahanan diberikan peluang bekerja dengan upah supaya wang tersebut dapat dimasukkan ke dalam satu skim penyimpanan untuk hari mereka dibebaskan kelak.

14

Maklum balas:

Tahanan di bawah ISA tidak seperti tahanan biasa memandangkan mereka ini telah ditahan kerana terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang mengancam negara. Sungguhpun cadangan SUHAKAM adalah bernas, namun ia adalah sukar untuk diaplikasikan dalam kes sebegini.

10.2.3 Keadaan Blok-blok Tahanan

Pemerhatian SUHAKAM:

SUHAKAM mendapati bahawa blok-blok dimana tahanan ditempatkan telah usang.

Syor SUHAKAM:

SUHAKAM mencadangkan supaya:

(i) blok-blok tersebut digantikan atau dibina baru;

(ii) Pihak berkuasa Kamunting mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah sistem longkang.

Maklum balas:

Kerajaan sedar bahawa keadaan blok-blok tahanan tidak begitu memuaskan. Walau bagaimanapun, perancangan dibuat bagi memperbaiki keadaan blok-blok tahanan tersebut apabila keadaan kewangan mengizinkan, memandangkan buat masa ini, terdapat aspek-aspek lain yang perlu diberi penekanan yang melibatkan peruntukan perbelanjaan yang banyak.

10.2.4 Makanan

Pemerhatian SUHAKAM:

Tahanan mengadu yang mereka tidak dibenarkan menjamah makanan yang telah dibawa oleh keluarga masing-masing. Mereka juga mengadu bahawa ketulan ayam yang diberikan kepada mereka terlalu kecil.

Maklum balas

Tahanan hanya dibenarkan menjamah makanan yang telah dibeli oleh keluarga di kantin penjara sahaja. Ini adalah untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku.

10.2.5 Perubatan

Pemerhatian SUHAKAM:

Tahanan ISA tidak puas hati dengan tiadanya pegawai perubatan atau doktor gigi di kem tersebut bagi merawat mereka.

Syor SUHAKAM:

Walaupun Panel Penyiasat mendapati bahawa tahanan diberikan rawatan perubatan yang diperlukan, SUHAKAM mencadangkan supaya Pegawai Perubatan memaklumkan tahanan mengenai ubat yang diberikan dan kesan-kesannya.

Maklum balas:

Pegawai Perubatan akan memaklumkan kepada orang tahanan akan jenis rawatan beserta dengan ubatan yang diberikan.

10.2.6 Lawatan Oleh Keluarga

Pemerhatian SUHAKAM:

Tahanan mengadu bahawa wayar pemisah menyukarkan perjumpaan mereka dengan keluarga. Ramai tahanan tidak berpuashati dengan masa 45 minit seminggu yang dibenarkan untuk perjumpaan dengan keluarga.

Syor SUHAKAM:

(i) Kerajaan mengkaji semula Peraturan 81 *Internal Security (Detained Persons)Rules* 1960 bagi membolehkan tahanan meluangkan lebih banyak masa dengan keluarga;

(ii) Tahanan tidak dipisahkan secara fizikal sewaktu perjumpaan dengan keluarga; dan

(iii) Tahanan dibenarkan berjumpa dengan keluarga mereka di bilik yang dikhususkan, dan tidak di hadapan pegawai polis.

Maklum balas:

Kerajaan sedang menjalankan kajian bagi melanjutkan masa melawat orang tahanan oleh ahli keluarga. Atas tujuan keselamatan orang tahanan dan sebagai mematuhi peruntukan di dalam *Internal Security (Detained Persons) Rules* 1960, perjumpaan dengan kehadiran pegawai penjara adalah masih diperlukan. Kajian terhadap cadangan supaya orang tahanan tidak dipisahkan ketika lawatan oleh ahli keluarga juga sedang dijalankan.

Tahanan dipisahkan secara fizikal bagi mengelakkan berlakunya penyeludupan atau sebarang perbuatan yang boleh mengancam keselamatan orang tahanan atau tempat tahanan tersebut.

11. LAWATAN KE KEM TAHANAN, RUMAH KEBAJIKAN DAN HOSPITAL (m/s 38 Laporan Tahun 2002 SUHAKAM)

11.1 Lawatan ke Lokap Polis di:

(i) Balai Polis Ampang;
(ii) Wad Tahanan Reman di Hospital Putrajaya;
(iii) Balai Polis Brickfields;
(iv) Balai Polis Putrajaya
(v) Balai Polis Klang
(vi) Balai Polis Karamunsing, Kota Kinabalu
(vii) Balai Polis Kota Kinabalu
(viii) Balai Polis Tanjung Aru, Kota Kinabalu (untuk wanita)

Pemerhatian SUHAKAM:

SUHAKAM mendapati masalah utama di tempat-tempat tersebut adalah terdapatnya terlalu ramai tahanan dalam satu-satu masa. SUHAKAM juga mendapati bahawa:

(i) tahanan lelaki hanya memakai seluar dalam, bertentangan dengan Peraturan 17 *Standard Minimum Rules for Treatment of Prisoners* (SMR) yang menghendaki tahanan diberikan pakaian sesuai dengan iklim tempat tahanan atau memakai baju mereka sendiri;

(ii) tahanan tidak diberikan selimut atau tilam, bertentangan dengan Peraturan 13 *Lockup Rules* 1953; dan

(iii) sesetengah tahanan ditahan lebih lama dengan penggunaan seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah dan *Emergency (Public Order and Prevention of Crimes) Ordinance* 1969, yang membenarkan penahanan sehingga 60 hari.

Syor SUHAKAM:

SUHAKAM mencadangkan supaya:

(i) Peraturan Lokap 1953 diikut atau dipinda supaya selaras dengan UN *Standard Minimum Rules for Prisoners;*

(ii) Waris terdekat tahanan yang menjalani rawatan di hospital dimaklumkan segera mengenai keadaannya; dan

(iii) Keluarga tahanan mestilah dimaklumkan dalam masa 24 jam selepas tahanan tersebut dimasukkan ke dalam hospital.

Maklum balas:

Peraturan Lokap 1953 adalah dalam proses kajian semula bagi memastikan ia sesuai dengan keadaan semasa. Bagi orang-orang tahanan yang dibawa bagi menjalani rawatan di hospital, ahli keluarga atau waris terdekat akan dimaklumkan mengenai perkara berikut dan pada kebiasaannya, ia dilakukan dalam tempoh 24 jam kecuali mereka tidak dapat dihubungi.

11.2 Pusat Tahanan Imigresen Sementara atau Depot yang dilawat oleh SUHAKAM:

(i) Pusat Tahanan Imigresen Sementara Pekan Nenas, Johor;
(ii) Pusat Tahanan Imigresen Sementara Menggatal, Sabah;
(iii) Pusat Tahanan Imigresen Sementara Sandakan, Sabah; dan
(iv) Pusat Tahanan Imigresen Sementara Tawau, Sabah.

Syor SUHAKAM:

(i) pihak berkuasa perlu memberi tumpuan lebih kepada masalah kesesakan tahanan di depot-depot tersebut;

(ii) pihak berkuasa mestilah peka dengan kekosongan ruang di depot-depot sewaktu menjalankan operasi; dan

(iii) Jabatan Kebajikan Masyarakat perlulah dihubungi apabila ada operasi yang melibatkan kanak-kanak atau yang telah berumur.

Maklum balas:

Pada mana-mana ketika, terdapat sekurang-kurangnya setengah juta pendatang tanpa izin di Malaysia. Sungguhpun Kerajaan memandang berat akan masalah kesesakan di pusat tahanan imigresen, perkara ini tidak dijadikan faktor utama kepada jadual operasi menangkap pendatang tanpa izin.

Pusat-pusat Tahanan Imigresen ini merupakan sebahagian daripada institusi-institusi di seluruh Malaysia yang menempatkan pendatang-pendatang tanpa izin. Jumlah pendatang tanpa izin (PTI) yang ditahan semenjak tahun 2001 telah menurun terutamanya selepas pindaan kepada Akta Imigresen 1959/63 pada tahun 2002. Selain daripada mengenakan hukuman yang berat kepada pendatang tanpa izin, Akta tersebut juga bertujuan untuk mengurangkan jumlah pendatang tanpa izin di pusat-pusat tahanan imigresen seluruh negara melalui proses mahkamah yang lebih cepat. Jumlah PTI yang paling besar adalah daripada Indonesia. Pecahan adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Besar	Jumlah warga Indonesia
2001	163,635	103,875 (63.47%)
2002	136,605	74,929 (54.85%)
Setakat Jun 2003	50,929	27,699 (54.38%)

Jumlah tahanan PTI di Pusat Tahanan Imigresen Pekan Nenas pada 7.11.2003 adalah sebanyak 406 orang manakala di Menggatal pula, kesemua PTI yang ada telah dihantar pulang atau dijatuhkan hukuman. Ini bermaksud ia adalah kosong buat masa ini. Adalah tidak dinafikan bahawa ada di sesetengah pusat-pusat tahanan imigresen yang kekurangan ruang bagi menampung jumlah PTI yang ramai, namun ia adalah bersifat sementara disebabkan proses dokumentasi, penghantaran pulang atau menunggu proses mahkamah. Namun demikian, masalah PTI di Malaysia semakin berjaya dikurangkan dan justeru itu, masalah kesesakan akan dapat diatasi. Adalah perlu difahami bahawa operasi yang dijalankan oleh pihak imigresen bagi menangkap adalah dijalankan berdasarkan kepada

keadaan semasa iaitu apabila terdapat maklumat berkenaan kehadiran PTI dan ancaman keselamatan sekiranya tidak diambil sebarang tindakan.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pula bersedia memberikan kerjasama dengan pihak imigresen sekiranya bantuan JKM diperlukan. Walau bagaimanapun, JKM tidak dapat menempatkan tahanan-tahanan ini di rumah perlindungan untuk orang tua atau kanak-kanak memandangkan rumah perlindungan telah diwartakan untuk warganegara Malaysia sahaja.

11.3 SUHAKAM juga mebuat lawatan ke beberapa pusat pemulihan seperti berikut:

(i) Pusat pemulihan di Jabatan Penjara Simpang Renggam, Johor; dan
(ii) Pusat pemulihan di Jabatan Penjara Muar, Johor.

Pemerhatian SUHAKAM:

(i) Pada waktu lawatan, terdapat 1,480 orang tahanan di Pusat Pemulihan Simpang Renggam dan 117 orang di Pusat Pemulihan Muar. Keberkesanan program pemulihan didapati kurang berkesan kerana jumlah tahanan yang terlalu ramai;
(ii) Tidak semua tahanan di kedua-dua pusat pemulihan tersebut dapat mengikuti latihan kemahiran yang diperlukan; dan
(iii) Pusat-pusat pemulihan tersebut tidak dapat memberikan latihan vokasional yang sewajarnya kepada tahanan yang berminat disebabkan masalah kesesakan.

Syor SUHAKAM:

SUHAKAM mencadangkan supaya:

(i) latihan vokasional yang diberikan perlu dipelbagai bagi menarik minat tahanan; dan
(ii) pihak berkuasa meningkatkan usaha untuk bekerjasama dengan sektor awam bagi memberikan latihan yang sewajarnya kepada tahanan.

Maklum balas:

Pusat Pemulihan Simpang Renggam digunakan bagi menempatkan tahanan-tahanan yang telah dikenakan perintah tahanan selama 2 tahun sama ada di

bawah Ordinan Darurat (Pencegahan Jenayah dan Ketenteraman Awam) atau Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas). Sehubungan dengan itu, pendekatan yang diambil ke atas mereka adalah lebih daripada pemulihan akhlak mereka bagi mengelakkan mereka daripada mengulangi kesalahan mereka. Pendekatan yang diambil merangkumi sesi kaunseling, kelas-kelas sivik dan latihan kemahiran ringan. Pemilihan bagi menjalani latihan kemahiran adalah berdasarkan kepada kelakuan orang tahanan semasa berada di pusat tersebut. Pendekatan yang diambil ini sentiasa dikaji semula akan keberkesanannya bagi tujuan diperbaiki akan kelemahan yang ada.

11.4 Lawatan ke Penjara

11.4.1 Penjara Bahagian Miri, Sarawak

SUHAKAM mengadakan lawatan ke Penjara Bahagian Miri sebagai susulan kepada laporan pelanggaran hak asasi kepada seorang tahanan, Encik Jalen @ Jalan ak Anton, yang dipenjarakan atas tuduhan membunuh. Encik Jalen berusia 87 tahun dan menghadapi masalah penglihatan.

Pemerhatian SUHAKAM:

SUHAKAM mendapati bahawa Encik Jalen diberi layanan dan rawatan perubatan yang sewajarnya. SUHAKAM kini memantau keadaan beliau dan usaha peguam Encik Jalen bagi membebaskan beliau sementara menunggu rayuan didengar oleh Mahkamah Rayuan.

11.4.2 Penjara Sungai Buloh, Selangor

Lawatan SUHAKAM ke penjara ini adalah sebagai susulan kepada tahanan muda berumur antara 18 hingga 21 tahun.

Pemerhatian SUHAKAM:

(i) Sewaktu lawatan, terdapat 357 tahanan reman muda dan 28 yang lain yang sedang menjalani hukuman;
(ii) Keadaan di penjara semakin baik dan tiada lagi tahanan juvana (di bawah 18 tahun); dan
(iii) Tiadanya khidmat guaman bagi tahanan muda.

Syor SUHAKAM:

SUHAKAM mencadangkan supaya Jabatan Penjara memastikan tahanan dimaklumkan mengenai hak-hak mereka dan diberi peluang mendapatkan khidmat Biro Guaman atau Pusat Guaman Majlis Peguam.

Maklum balas:

Orang-orang banduan serta tahanan yang memasuki institusi penjara akan dimaklumkan akan hak-hak mereka serta peraturan penjara yang harus dipatuhi. Ini termasuklah hak mereka untuk mendapatkan khidmat guaman daripada Biro Bantuan Guaman. Sekiranya terdapat permintaan sedemikian, nama-nama mereka akan dihantar kepada Pengarah Negeri Biro Bantuan Guaman bagi tindakan selanjutnya oleh pihak tersebut.

11.5 Rumah Kebajikan

11.5.1 Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu

Rumah ini diwujudkan bagi menjaga mereka yang sakit tenat. Kebanyakan penghuni adalah dari warga tua, tetapi terdapat beberapa penghuni muda yang menghidapi penyakit *Parkinson*.

Syor SUHAKAM:

(i) Lebih banyak lagi peruntukan yang diterima oleh rumah tersebut digunakan bagi kebajikan penghuni;

(ii) Kementerian Kesihatan, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Agama Islam Selangor lebih terlibat dalam urusan pentadbiran rumah ehsan ini, termasuklah untuk:

a. Kementerian Kesihatan memberikan perkhidmatan kesihatan sewajarnya kepada penghuni;

b. Jabatan Kebajikan Masyarakat memberikan khidmat kaunseling dan dorongan mental dan emosional yang sewajarnya kepada penghuni; dan

c. Jabatan Agama Islam Selangor memberikan pendidikan agama kepada penghuni.

Maklum balas:

KPNPM sememangnya memberi perhatian kepada aspek kebajikan penghuni semua institusi –institusi di bawah pentadbiran JKM. Institusi-institusi yang dilawati oleh SUHAKAM itu hanyalah 3 daripada 52 buah institusi JKM yang memberi khidmat jagaan, perlindungan dan pemulihan kepada penghuni-penghuninya. Ini bermakna perhatian bukan sahaja perlu diberi kepada ketiga-tiga institusi tersebut, tetapi kepada semua institusi-institusi yang terlibat. Berhubung dengan peruntukan kewangan kepada JKM, belanja mengurus yang diperuntukkan oleh Kerajaan sentiasa meningkat, misalnya dari RM102.9 juta pada tahun 2000 kepada RM134.5 juta pada tahun 2002.

Bagi memastikan kebajikan penghuni institusi terpelihara, tumpuan bukan sahaja diberikan kepada aspek fizikal (bangunan dan kemudahan) yang disediakan, tetapi juga kepada aspek pembangunan sumber manusia. Dalam hal ini, Kerajaan telah meluluskan pertambahan jawatan Pembantu dan Pegawai Kebajikan Masyarakat termasuklah 34 orang Kaunselor.

Unit Dakwah dan Penerangan Jabatan Agama Islam Daerah Hulu Selangor telah mengadakan sesi ziarah ilmiah ke Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu. Program ziarah ini sebenarnya menggantikan program kelas agama untuk penghuni muslim di Rumah Ehsan ini. Namun begitu, cadangan awal ini telah diubah memandangkan keadaan penghuni yang kebanyakannya telah terlalu uzur, disamping ziarah dilakukan terhadap penghuni muslim dan *non-muslim.* Kehadiran pihak Jabatan dalam sesi-sesi ziarah ternyata diberi sambutan yang baik dengan kerjasama dan komitmen oleh pihak pentadbiran Rumah Ehsan. Malah yang lebih mengharukan ialah ramai kalangan warga emas ini ketika ditemui begitu gembira dan ceria dengan kehadiran wakil-wakil dari Jabatan ini.

Program ziarah Ilmiah Rumah Ehsan telah dapat dijalankan dengan lancar seperti berikut:

APRIL 2003

MINGGU	TARIKH	PEMBIMBING	MASA
	07/04/03	Semua Pembimbing	0900-1000
2	14/04/03	Ust. Zulkhairi & Ustz. Hanifah	0900-1000
2	16/04/03	Ust. Sukri & Ustz. Mazlinawati	0900-1000
3	21/04/03	Ust.Nasaruddin &Ustz. Anis Erlina	0900-1000

3	23/04/03	Ust. Zulkhairi & Ustz. Mazlinawati	0900-1000
4	28/04/03	Ust. Sukri & Ustz. Anis Erlina	0900-1000
4	30/04/03	Ust. Nasaruddin & Ustz. Hanifah	0900-1000

MEI 2003

MINGGU	TARIKH	PEMBIMBING	MASA
1	05/05/03	Ust. Zulkhairi & Ustz. Anis Erlina	0900-1000
1	07/05/03	Ust. Sukri & Ustz. Hanifah	
2	12/05/03	Ust.Nasaruddin &Ustz. Mazlinawati	0900-1000
2	14/05/03	Ust. Zulkhairi & Ustz. Hanifah	0900-1000
3	19/05/03	Ust. Sukri & Ustz. Mazlinawati	0900-1000
3	21/05/03	Ust.Nasaruddin &Ustz. Anis Erlina	0900-1000
4	26/05/03	Ust. Zulkhairi & Ustz. Mazlinawati	0900-1000

11.6 Hospital

11.6.1 Hospital Permai, Tampoi, Johor

Pemerhatian SUHAKAM:

SUHAKAM mendapati bahawa penghuni-penghuni tersebut tidak diberikan perhatian perubatan yang secukupnya.

Syor SUHAKAM:

SUHAKAM mencadangkan supaya langkah-langkah diambil bagi memujuk keluarga penghuni yang menghidap penyakit mental untuk menjaga mereka setelah selesai menjalani rawatan.

Maklum balas:

Peranan keluarga dalam menjaga pesakit mental dan mereka yang sakit tidak dapat dinafikan dan akan meringankan beban Kerajaan. Walau bagaimanapun, usaha untuk memujuk kaum keluarga mengambil tanggungjawab penjagaan tersebut tidak seharusnya bergantung kepada Kerajaan sahaja. Badan-badan bukan kerajaan, termasuk SUHAKAM perlu memainkan peranan dalam memujuk kaum keluarga pesakit.

Dalam sesetengah kes pula, pesakit-pesakit ini tidak boleh tinggal di rumah kerana mungkin akan memudaratkan orang awam atau mengancam keselamatan kaum keluarga sendiri.

Semasa SUHAKAM mengadakan lawatan ke Hospital Permai, Johor Bahru pada 1 Julai 2002, hanya terdapat 4 orang Pakar sahaja. Walau bagaimanapun pada 11 Jun 2003, bilangan Pakar Psikiatri telah bertambah kepada 8 orang. Dengan penempatan tambahan 4 orang Pakar Psikiatri, isu ini telah diatasi.

Hospital Permai telah mengamalkan 3 langkah bagi isu di atas seperti berikut:-

a. ***Intensive Community Psychiatric Nursing***

   Aktiviti ini telah dimulakan sejak tahun 1998 dan tujuan aktiviti ini adalah untuk memberi rawatan kepada pesakit di rumah.

b. ***Assertive Discharge Policy***

   Polisi ini melibatkan Program *Pre-discharge Psychoeducation* dan *Psychosocial Rehabilitation* di mana sebelum pesakit discaj pelibatan keluarga pesakit melalui perbincangan diadakan dengan Pakar Psikaitri.

c. ***Mental Health Promotion and Awareness of Mental Disorder Campaign:***

   Aktiviti ini telah dijalankan setiap tahun terutama semasa '*World Mental Health Day*' pada 10 Oktober setiap tahun

   Melalui aktiviti ini telah dapat menurunkan stigma pesakit sedia ada dengan secara tidak langsung telah menggalakkan mereka yang mempunyai sakit mental yang kurang scrius untuk menerima rawatan di Hospital atau Klinik-klinik berkaitan.

11.6.2 Hospital Bukit Padang, Kota Kinabalu, Sabah

Pemerhatian SUHAKAM:

SUHAKAM mendapati terdapat kesesakan di hospital tersebut memandangkan semua pesakit mental di Sabah ditempatkan di Hospital Bukit Padang. Terdapat kekurangan katil di wad-wad hospital, dan ini menyebabkan sesetengah pesakit tidak dapat menerima rawatan yang sewajarnya.

Maklum balas:

Kesesakan yang dimaksudkan adalah lebih tertumpu di wad pesakit lelaki sahaja, sedangkan masalah ini tidak berlaku di wad pesakit perempuan. Ini dapat dilihat daripada Lampiran *Bed Occupancy Ratio (B.O.R.)* hospital sepanjang tahun 2002. Kesesakan yang berlaku ini juga hanya terjadi pada masa-masa tertentu dan tidak sepanjang tahun (sila rujuk lampiran 1)

Hospital Mesra Bukit Padang mempunyai 10 wad yang mempunyai 30 buah katil setiap wad tetapi 2 (dua) daripadanya tidak dapat digunakan untuk merawat pesakit psikiatri. Satu wad telah digunakan sebagai Wad *Tuberculosis (Medical Extension* kepada Hospital Queen Elizabeth) dan satu lagi wad terpaksa dikosongkan kerana disahkan tidak selamat untuk dihuni. Selebihnya (iaitu 8 buah wad) telah dibahagikan kepada 5 buah wad lelaki dan 3 wad untuk pesakit perempuan. Jumlah katil yang dapat digunakan untuk pesakit psikiatri pada satu-satu masa berjumlah 242 buah.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-8, Hospital Mesra Bukit Padang telah pun dikenalpasti untuk dinaik taraf dengan pembinaan wad baru bagi menggantikan wad yang terpaksa dikosongkan. Dengan adanya wad baru ini, maka hospital ini akan mempunyai 30 katil tambahan bagi menampung keperluan pesakit lelaki.

Untuk menampung keperluan pesakit psikiatri di Negeri Sabah terutama di sebelah pantai timur Sabah, maka 2 buah wad Psikiatri baru (1 lelaki dan 1 perempuan berjumlah 28 buah katil) sedang dalam pembinaan di Hospital Tawau dan Hospital Duchess of Kent, Sandakan. Dengan adanya wad bagi rawatan pesakit dalam ini, maka diharapkan rujukan ke Hospital Mesra Bukit Padang, Kota Kinabalu akan dapat

(a) Seksyen 12(1) – mengenai tempoh maksimum lesen yang diberi;
(b) Seksyen 13 – kuasa kepada Menteri untuk menarik balik lessen atas dasar kepentingan negara;
(c) Seksyen 13A – tiada *judicial review;* dan
(d) Seksyen 13B – tiada hak untuk didengari.

(iii) Peruntukan-peruntukan di bawah OSA mengenai "rahsia rasmi" dikaji semula;
(iv) Majlis Media yang bebas ditubuhkan dengan kadar segera bagi menyediakan Kod Etika untuk meningkatkan standard kewartawanan;
(v) Mahkamah mengambil kira hak kebebasan bersuara apabila menentukan pampasan dibawah *Defamation Act;*
(vi) Diwujudkan Akta Kebebasan Informasi bagi meningkatkan kebebasan pihak media dan penyebaran maklumat di Malaysia;
(vii) Mewujudkan *judicial review* ke atas keputusan-keputusan yang diambil berhubung kebebasan pihak media;
(viii) Mewujudkan *tag* atau lencana akreditasi bagi semua wartawan sah di Malaysia;
(ix) Mengadakan satu sistem pembaharuan lesen percetakan dan penerbitan yang automatik, serta sistem demerit untuk penerbit yang tidak mematuhi arahan.

Maklum balas:

(i) **Kerajaan berpendapat peruntukan-peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan 1987) yang dibangkitkan adalah masih relevan dan diperlukan dalam suasana sosio-politik masakini yang dipengaruhi oleh kemajuan teknologi maklumat (IT) dan globalisasi.**

Kerajaan sentiasa meneliti keberkesanan Akta ini dan sekiranya terdapat keperluan untuk meminda atau mengubah mana-mana peruntukan yang dianggap tidak relevan dengan keperluan dan keadaan semasa di dalam industri percetakan dan penerbitan, tindakan sewajarnya akan diambil.

Sistem pemantauan permit penerbitan dan lesen mesin cetak buat masa ini adalah berkesan serta tidak menjejaskan peluang

dikurangkan dan masalah kesesakan yang berlaku akan dapat dikurangkan.

Kementerian Kesihatan Malaysia sedang dalam usaha untuk mengembangkan dan meluaskan lagi Perkhidmatan Psikiatri di peringkat komuniti. Langkah ini diambil sesuai dengan matlamat kerajaan untuk menggalakkan pesakit psikiatri berada di pangkuan keluarga dan masyarakat. Selain dari penyediaan rawatan psikiatri dapat dijalankan di rumah, pesakit juga akan boleh mendapatkan rawatan susulan di klinik-klinik kesihatan. Adalah diharapkan dengan terlaksananya perkhidmatan ini, maka jumlah kemasukkan pesakit yang *"relapse"* akan dapat dikurangkan dan masalah kesesakan di hospital akan dapat diatasi.

Kerajaan telah meningkatkan peruntukan bagi pembelian ubat-ubatan psikotropik tradisional. Ini bukan sahaja akan meningkatkan kepatuhan memakan ubat dikalangan pesakit psikiatri *(medication compliance)* tetapi juga akan menyebabkan lebih ramai pesakit psikiatri berada dalam keadaan *"remission"* dan mempunyai kualiti kehidupan yang lebih baik dan bermakna.

12. KEBEBASAN PIHAK MEDIA

Pemerhatian SUHAKAM:

SUHAKAM mengulangi pendiriannya bahawa kebebasan bersuara dan mengembangkan maklumat adalah penting dalam sesebuah negara demokratik. Sehubungan itu, SUHAKAM telah menganjurkan satu bengkel bertajuk "Kebebasan Pihak Media" pada 1 Ogos 2002. (m/s 43 Laporan Tahun 2002 SUHAKAM)

Syor SUHAKAM:

SUHAKAM mencadangkan supaya:

(i) peruntukan-peruntukan Akta Percetakan dan Penerbitan (PPPA) 1984 dikaji semula, terutama sekali yang berkaitan dengan *judicial review* dan keputusan Menteri untuk membenarkan atau tidak pengeluaran permit bagi percetakan;

(ii) Seksyen-seksyen PPPA yang dicadang untuk dikaji semula adalah:

masyarakat untuk menceburi bidang percetakan dan penerbitan.

(ii) a) Cadangan SUHAKAM terhadap Seksyen 12(1) bagi mengkaji semula tempoh 12 bulan iaitu tempoh sah sesuatu permit dan lesen boleh dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, perlulah ditegaskan bahawa ianya adalah hak mutlak Menteri untuk tidak meluluskan permohonan lesen atau permit. Kebebasan bercakap dan bersuara adalah diperuntukkan di bawah Artikel 10 Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, Parlimen boleh melalui undang-undang mengenakan apa-apa sekatan yang perlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan persekutuan atau mana-mana bahagiannya. Dalam hal ini pemberian lesen di bawah Akta Percetakan dan Penerbitan (PPPA) adalah satu keistimewaan (privilege) yang diberikan kepada penerbit dan pencetak dan bukanlah bersifat hak (right) penerbit dan pencetak. Ini jelas apabila kita meneliti seksyen-seksyen 3(3), 6(1)(a) dan (b) dan 12(1) dan (2). Ini diperkuatkan lagi dengan penggunaan perkataan "grant" di dalam seksyen-seksyen tersebut yang menurut Black's Law Dictionary membawa konotasi "to permit, agree to, to approve, warrant or order" yang membawa maksud hak mutlak Menteri dalam urusan meluluskan lesen dan permit di bawah Akta ini.

b) Seksyen 13 perlulah dikekalkan kerana bagi menentukan sama ada sesuatu perkara itu adalah melibatkan ketenteraman awam dan keselamatan negara, pihak eksekutif adalah pihak yang sepatutnya mempunyai kuasa menentukan perkara tersebut tanpa campur tangan pihak lain.

c) Seksyen 13A memperuntukkan bahawa apa-apa keputusan Menteri berhubungan sesuatu lesen atau permit adalah muktamad. Menteri mempunyai kuasa untuk membatal dan menggantung lesen penerbit dan pencetak jika penerbitan itu dianggap "prejuducial" kepada ketenteraman awam dan keselamatan negara. Seksyen 13B pula menyingkirkan hak untuk didengar dalam perkara permohonan untuk mendapatkan, atau pembatalan atau penggantungan, sesuatu lesen atau permit.

Seksyen 13A dan 13B perlulah dikekalkan kerana kuasa muktamad yang diberikan kepada Menteri dibuat kerana kerapkali maklumat yang diberi kepadanya jika didedahkan kepada orang ramai dikhuatiri akan mendatangkan kesan buruk kepada keselamatan dan kepentingan negara. Jika Menteri menyalahgunakan kuasa yang diberikan kepadanya, rakyat akan menentukan tindakan terhadapnya melalui saluran demokrasi yang diamalkan di Malaysia.

(iii) Rahsia rasmi didefinisikan sebagai dokumen yang dirujuk di dalam jadual Akta Rahsia Rasmi dan segala maklumat dan dokumen yang diklasifikasikan sebagai "Rahsia Besar", "Rahsia", "Sulit" dan "Terhad" oleh Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri. Pihak eksekutif adalah pihak sewajarnya menentukan sama suatu dokumen itu boleh dianggap sebagai rahsia rasmi atau tidak.

(iv) Majlis Media yang dicadangkan adalah terlalu luas dan umum bagi merangkumi pelbagai jenis media. Sekiranya SUHAKAM hanya berminat untuk meningkatkan mutu kewartawanan, adalah lebih wajar supaya satu Majlis Kewartawanan yang mengkhusus ke bidang kewartawanan sahaja diwujudkan berbanding dengan penubuhan Majlis Media. Dalam pada itu, sama ada Majlis Kewartawanan atau Majlis Media yang akan diwujudkan, kajian yang terperinci perlu dibuat bagi memastikan Majlis tersebut mematuhi segala garis panduan perundangan dan peraturan yang sedia ada bagi menjamin kebebasan majlis tersebut tidak disalahgunakan.

(v) Badan Kehakiman berpendapat bahawa cadangan oleh SUHAKAM supaya Mahkamah mengambil kira hak kebebasan bersuara perlulah dibaca bersama Artikel 10(2) dan (4) Perlembagaan Persekutuan. Dari kes-kes yang telahpun di selesaikan, Mahkamah telah mengambil kira prinsip-prinsip yang digunapakai dalam menentukan jumlah pampasan dalam kes-kes fitnah. Oleh itu, cadangan yang diutarakan oleh SUHAKAM haruslah selaras dengan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang seperti Akta Defamasi 1957.

(vi) Di bawah Perkara 4 Perlembagaan Persekutuan, kebebasan bersuara adalah merupakan suatu kebebasan yang diperakui

30

oleh Perlembagaan Persekutuan tetapi tertakluk kepada undang-undang bertulis. Kebebasan bersuara juga merangkumi kebebasan untuk mendapatkan informasi dan pengaliran informasi.

Di antara undang-undang sedia ada yang mengawal kebebasan penyebaran maklumat adalah Akta Rahsia Rasmi, Akta Komunikasi dan Multimedia, Akta Penapisan Filem dan lain-lain. Sebagai contoh, Kerajaan telah memperkenalkan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang menyatukan semua perihal berkaitan dengan komunikasi dan multimedia di bawah Akta tersebut dan dikuatkuasakan oleh Kementerian Telekomunikasi dan Multimedia.

Jadi, cadangan supaya diperkenalkan Akta Kebebasan Informasi berkemungkinan akan bertindih dengan Akta Komunikasi dan Multimedia yang sedia ada. Oleh itu, kajian yang terperinci dari setiap sudut undang-undang, pentadbiran dan penguatkuasaan hendaklah dibuat bagi menentukan sama ada perlu atau tidak Akta Kebebasan Informasi diwujudkan dan memastikan supaya ianya tidak bertentangan dengan peruntukan perundangan-perundang bertulis yang sedia ada.

(vii) **Pendirian Kerajaan telah dinyatakan dalam (ii)(c).**

(viii) **Daripada amalan yang sedia ada, Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia telah memperkenalkan sistem *tag* atau lencana kepada wartawan-wartawan yang terlibat dalam membuat liputan bagi majlis-majlis yang dianjurkan oleh Kerajaan sejak dari dulu lagi. Sehingga ke hari ini bagi mana-mana majlis yang dianjurkan oleh Kerajaan, setiap wartawan yang ingin membuat liputan ke atas majlis tersebut hendaklah terlebih dahulu mendapatkan *tag* atau lencana yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia.**

(ix) **Sistem pembaharuan lesen percetakan dan penerbitan sedia ada adalah memuaskan buat masa kini dan peruntukan undang-undang sedia ada dalam Akta Percetakan dan Penerbitan juga mencukupi bagi mengambil tindakan ke atas penerbit atau pencetak yang tidak bertanggungjawab.**

13. Kajian Semula Ke atas Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999

SUHAKAM mencadangkan supaya Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 dipinda dan memberikan beberapa cadangan mengenai seksyen-seksyen yang perlu dipinda. (m/s 46 Laporan Tahun 2002 SUHAKAM)

Maklum balas:

Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 seperti yang sedia termaktub, memberi kuasa yang luas kepada SUHAKAM. Sekiranya Akta ini difikirkan perlu untuk dikaji semula, maksud dan kuasa yang diberikan oleh Akta ini akan difokuskan lagi.

14. Hak-Hak Orang Asli

SUHAKAM mengulangi pemerhatian-pemerhatian yang telah diutarakan melalui Laporan Tahunan 2000 dan 2001. (m/s 49 Laporan Tahun 2002 SUHAKAM)

Maklum balas:

Maklum balas Kerajaan kepada hak-hak orang asli telah dimajukan kepada SUHAKAM melalui 'Maklum balas Kerajaan Berhubung Pemerhatian dan Syor-syor Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)' pada 18 Mei 2003.

15. Masyarakat Rohingya di Malaysia

SUHAKAM telah menganjurkan perjumpaan pada 18 Julai 2002 bagi membincangkan masalah yang dihadapi oleh masyarakat Rohingya di Malaysia. Dianggarkan terdapat seramai 7,000 hingga 10,000 orang Rohingya di Malaysia, meskipun tiada kem-kem khusus bagi pelarian ini. (m/s 52 Laporan Tahun 2002 SUHAKAM)

Pemerhatian SUHAKAM:

(i) Kemungkinan ditangkap oleh pihak berkuasa memandangkan kaum Rohingya ini tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah. Sekiranya ditangkap, orang Rohingya berkemungkinan dihantar balik ke Myanmar;

(ii) Kaum Rohingya mengadu susah untuk mereka mendapat kerja di Malaysia. Ini mungkin kerana ramai majikan tidak mahu menggaji orang Rohingya kerana tidak mempunyai dokumen perjalanan;

(iii) Anak-anak kaum Rohingya juga tidak didaftarkan kerana ibu bapa mereka khuatir untuk berurusan dengan pihak Kerajaan.

Syor SUHAKAM:

(i) Pihak yang berkenaan mewujudkan satu mekanisma untuk mendaftar orang Rohingya bagi menentukan jumlah sebenar masyarakat tersebut di Malaysia;

(ii) Majikan dibenarkan menggaji orang Rohingya yang telah berada di Malaysia; dan

(iii) Kerajaan menimbangkan supaya anak-anak dari kaum Rohingya diberikan pendidikan formal di sekolah-sekolah Kerajaan.

Maklum balas:

Pergerakan keluar masuk orang di negara ini adalah dikawal oleh Akta Imigresen 1959/63 di mana setiap orang asing yang masuk ke negara ini perlu mengemukakan dokumen perjalanan yang sah sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 6 Akta tersebut. Sekiranya orang-orang Rohingya tersebut memasuki negara ini berlawanan dengan Akta Imigresen, maka tindakan sewajarnya akan diambil termasuk didakwa dan dihantar pulang ke negara asal mereka.

Kemasukkan orang Rohingya secara tidak sah adalah berlawanan dengan Akta Imigresen 1959/63. Oleh itu tidak timbul isu untuk mendaftar orang Rohingya yang berada di negara ini atau membenarkan majikan menggaji mereka. Setiap kemasukan orang asing hendaklah mengikut undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.

16. Pendidikan kepada kanak-kanak dari kaum terpinggir (m/s 61 Laporan Tahun 2002 SUHAKAM)

Pemerhatian SUHAKAM:

SUHAKAM mendapati pendidikan yang sama tidak diberikan kepada:

(i) Kanak-kanak orang asli
(ii) Orang kurang upaya
(iii) Kanak-kanak pelacur
(iv) Kanak-kanak yang hidup dalam belenggu HIV/AIDS
(v) Kanak-kanak dari keluarga miskin
(vi) Kanak-kanak yang lemah dari segi akademik

Pendidikan tidak dapat diberikan kerana:

(i) Akses kepada pendidikan terhad. Banyak sekolah yang tidak mempunyai kemudahan bagi orang kurang upaya;
(ii) Saiz kelas yang besar menyukarkan tugas guru untuk memberi perhatian lebih kepada mereka yang lemah;
(iii) Guru-guru tidak dilatih untuk mengendalikan kanak-kanak kurang upaya;
(iv) Kurikulum pembelajaran terlalu berlandaskan peperiksaan dan tidak sesuai bagi mereka yang kurang keuayaan mental;
(v) Kemudahan pendidikan di pendalaman Sabah dan Sarawak seringkali tidak memuaskan;
(vi) Kemudahan infrastruktur, seperti hostel, di kawasan pendalaman tidak mencukupi;
(vii) Ramai di kalangan guru-guru yang tidak mahu ditempatkan di kawasan pendalaman kerana kemudahan yang tidak mencukupi.

Selain daripada itu, SUHAKAM mendapati bahawa pendidikan mengenai hak asasi manusia tidak diberikan kerana pihak yang berkenaan khuatir pelajar-pelajar akan menuntut hak yang lebih untuk mereka, dan guru-guru khuatir pendidikan ini akan menambahkan beban tugas mereka.

Syor SUHAKAM:

16.1 Kurikulum dan perancangan

(i) Kajian dibuat untuk menentukan sama ada kurikulum pendidikan, kegiatan ko-kurikulum, peraturan sekolah atau buku-buku teks bercanggah dengan peruntukan CRC dan UDHR;

(ii) Strategi kebangsaan digubal untuk pendidikan hak asasi manusia di sekolah-sekolah;

(iii) Persekitaran sekolah seharusnya menggalakkan pembelajaran, termasuklah kesediaan guru untuk mendengar;

(iv) Penilaian kebolehan pelajar perempuan dan lelaki mestilah *gender neutral* supaya tiada diskriminasi;

(v) *Pre-set ideas* mengenai kebolehan dan keupayaan pelajar perempuan dan pelajar lelaki haruslah dihapuskan kerana ini merupakan diskriminasi seks;

(vi) Pendidikan harus mengambil kira keperluan pelajar kurang upaya; dan

(vii) Kurikulum yang disediakan mestilah fleksibel dan membenarkan pelajar membuat pilihan sendiri.

Maklum balas:

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil perhatian yang serius terhadap cadangan-cadangan SUHAKAM yang berkaitan dengan pendidikan khususnya aspek perancangan, kurikulum, peperiksaan, latihan guru dan hak mendapat maklumat seperti yang dibangkitkan dalam laporan. Pada keseluruhannya cadangan-cadangan ini sememangnya dititikberatkan oleh KPM.

(i) Falsafah pendidikan yang menjadi tunjang kepada segala dasar pendidikan adalah bermatlamat untuk memberikan pengetahuan, kemahiran, dan menerapkan nilai-nilai mulia kepada semua murid tanpa mengira kaum, jantina, lokasi, status, sosio ekonomi dan lain-lain. Dalam konteks Malaysia, keutamaan pendidikan juga ke arah mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat yang berbilang kaum. KPM dalam merancang dan mengurus sistem pendidikan, sentiasa peka akan hak kanak-kanak seperti yang dinyatakan dalam CRC dan UDHR. Sehubungan dengan itu, pada dasarnya segala perancangan dan pelaksanaan pendidikan yang melibatkan kurikulum,

pelaksanaan program, peraturan sekolah dan buku teks mengambil kira semua hak-hak tersebut.

(ii) Bagi menjamin hak kanak-kanak mendapat perhatian, KPM telah memperkenalkan Dasar Pendidikan Wajib bermula pada tahun 2003. Dasar ini mewajibkan setiap kanak-kanak yang mencapai umur enam tahun mengikuti persekolahan tanpa mengira kaum, jantina, lokasi dan status sosio ekonomi. Kegagalan mematuhi undang-undang ini boleh menyebabkan ibubapa/penjaga kanak-kanak tersebut dikenakan tindakan undang-undang. Namun begitu, KPM lebih mengutamakan pendekatan bimbingan dan kaunseling serta memberi bantuan kewangan bagi menggalakkan kanak-kanak belajar di sekolah termasuk murid perempuan dan dari golongan miskin dan kaum-kaum asli.

Dalam masa yang sama KPM sentiasa mengawasi dan menilai semua pelaksanaan kurikulum dan program tersebut dari semasa ke semasa dan akan membuat pembetulan dan penambahbaikan apabila perlu. Untuk tujuan ini, sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan yang dikenali sebagai Jawatankuasa Kurikulum Pusat yang bertanggungjawab untuk menimbang, menilai dan membuat keputusan-keputusan penting berkaitan dengan kurikulum.

Dalam aspek pembangunan dan pelaksanaan kurikulum, elemen hak-hak kemanusiaan telah digabungkan dalam subjek-subjek yang merentasi kurikulum seperti Pendidikan Moral, Sejarah, Kajian Tempatan, Pengajian Bahasa dan Pendidikan Alam Sekitar.

Beberapa aktiviti ko-kurikulum yang dijalankan di sekolah turut sama menerapkan nilai-nilai murni ini melalui aktiviti unit beruniform seperti Persatuan Bulan Sabit Merah, Persatuan Pengakap, Kadet Bomba, Kadet Remaja, Kadet Tentera, Kadet Polis dan Pembimbing Rakan Sebaya. Pada peringkat sekolah berbagai aktiviti dijalankan yang bertujuan menerapkan nilai-nilai kasih sayang, hormat-menghormati seperti sambutan hari-hari perayaan utama, hari guru dan lain-lain.

(iii) Bagi mewujudkan persekitaran sekolah yang penyayang dan berlaku adil kepada semua pelajar, KPM telah memperkenalkan beberapa program seperti perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, program sekolah selamat, sekolah penyayang, program kebersihan, keselamatan dan keceriaan (3K).

36

Secara lebih terperinci, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah menyediakan program-program yang membolehkan guru dan murid mempamerkan rasa sayang, mengambil berat dan keprihatinan terhadap murid-murid yang memerlukan pertolongan. Beberapa pendekatan telah dilaksanakan bagi mencapai matlamat ini seperti:

a. **Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) : Konsep rakan membantu rakan. PRS mengenalpasti dan mendampingi rakan mereka yang bermasalah serta memberi pertolongan yang wajar seperti mendengar, memberi perhatian serta merujuk mereka kepada guru;**

b. **Kaunseling Individu: Guru Kaunseling memberi khidmat kaunseling individu kepada murid yang bermasalah;**

c. **Kaunseling Kelompok: Setelah mengenalpasti bilangan murid yang mempunyai masalah serupa, guru kaunseling akan mengadakan kaunseling berkelompok untuk membantu mereka berkembang serta membina sikap, nilai dan sahsiah yang positif.**

(iv) **Dasar pentaksiran KPM adalah menggunakan pelbagai kaedah yang meliputi kertas dan pensel sehinggalah kepada pentaksiran berasaskan sekolah dalam usaha untuk menilai kebolehan murid tanpa dipengaruhi oleh faktor *gender*. Dengan cara ini, KPM bermatlamat untuk mengekalkan kebebasan *gender* (*gender free*) dalam pentaksiran pada semua peringkat peperiksaan.**

(v) **KPM sentiasa mengamalkan dasar dan pendekatan pendidikan yang tidak mendiskriminasikan murid-murid berasaskan jantina, status sosio-ekonomi, bangsa dan agama. Setiap warganegara adalah dijamin untuk mendapat akses, ekuiti dan kualiti pendidikan yang sama seperti termaktub dalam Pembangunan Pendidikan 2001-2010.**

Bagi menjayakan dasar ini, beberapa strategi telah dilaksanakan, antaranya meningkatkan kadar penyertaan dan kadar transisi di semua peringkat sekolah, kenaikan kelas secara automatik ke sekolah menengah dan ke tingkatan empat, mengadakan pendidikan percuma di setiap peringkat persekolahan tanpa batasan dari segi kaum, jantina dan lokasi, membina sekolah-sekolah di luar bandar bagi

memastikan murid-murid dari kawasan ini mendapat peluang pendidikan yang sama dengan murid-murid di bandar, memberi biasiswa dan bantuan kepada murid yang kurang berada tetapi baik dalam prestasi akademik, mewujudkan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin yang bertujuan untuk membantu murid-murid dari keluarga berpendapatan rendah meneruskan persekolahan dan mengadakan program pemulihan untuk murid orang Asli.

Secara lebih khusus bagi memberikan kemudahan pendidikan yang sempurna dari segi prasarana asas pendidikan, suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif, dan meningkatkan penyertaan dan kecemerlangan murid-murid di pendalaman khususnya Sabah dan Sarawak, KPM telah memperkenalkan konsep sekolah berpusat. Projek rintis bagi program ini telah dilaksanakan iaitu pembinaan Sekolah Kebangsaan Mata Parang di Sarawak dan Sekolah Bum Bum di Sabah. Konsep ini akan diperluaskan dari semasa ke semasa dengan tumpuan di Sabah dan Sarawak.

(vi) Pada masa kini tanggungjawab menyediakan pendidikan untuk murid-murid khas adalah dikongsi bersama oleh KPM dan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Secara khusus, KPM bertanggungjawab untuk menyediakan pendidikan bagi murid-murid yang menghadapi masalah penglihatan, pendengaran dan ketidakupayaan belajar tetapi mampu mengurus diri sendiri tanpa bantuan orang lain.

KPM bersetuju bahawa murid-murid khas mempunyai hak untuk memperolehi pendidikan tanpa dihalang oleh kekurangan yang dihadapi. Sehubungan dengan itu, KPM sentiasa berusaha untuk memberikan peluang pendidikan kepada kumpulan murid ini selaras dengan sistem pendidikan yang ada. Pada masa ini KPM mempunyai tiga program Pendidikan Khas iaitu (i) Sekolah Khas, (ii) Program Integrasi dan (iii) Program Inklusif dimana setiap ibubapa bebas memilih mana-mana program untuk anak-anak mereka.

KPM sentiasa sedar tentang keperluan murid-murid khas ini untuk belajar bersama-sama dengan mruid-murid normal. Sehubungan dengan itu bagi mereka yang memilih program integrasi, mereka akan diberi pilihan sama ada (i) belajar secara berasingan daripada murid-murid normal, atau (ii) belajar bersama-sama dengan murid normal bagi beberapa mata pelajaran tertentu, atau (iii) belajar bersama-sama sepenuhnya dengan murid-murid normal. Bagi murid-

murid yang bermasalah pendengaran di peringkat menengah, hampir kesemua mereka belajar bersama-sama murid-murid normal yang lain.
KPM berpendapat sistem pendidikan murid-murid khas yang diamalkan sekarang adalah sistem terbaik yang boleh disediakan oleh KPM. Namun begitu, usaha secara berterusan akan dilakukan untuk meningkatkan kemudahan semasa bagi memastikan tahap pendidikan khas di negara ini setaraf dengan negara-negara maju.

(vii) **KPM sentiasa fleksibel dan memberikan pilihan dan peluang kepada murid-murid dalam proses pendidikan. Ini diterjemahkan dalam beberapa strategi pelaksanaan seperti mengadakan pengajaran Bahasa Kaum Asli (Kadazan Dusun, Iban dan Semai) di sekolah-sekolah jika didapati munasabah dan praktikal berbuat demikian. Begitu juga bagi pengajaran bahasa Cina, Tamil, Bahasa Arab. Dalam aspek pembangunan kurikulum, kandungan kurikulum bagi subjek-subjek adalah berasaskan persekitaran dan bahan-bahan tempatan seperti sejarah, budaya, bahasa, adat-resam amalan harian dan lain-lain.**

16.2 Latihan kepada Tenaga Pengajar

(i) Pendidikan hak asasi manusia perlu diserapkan dalam kurikulum sekolah pra-rendah, rendah dan menengah;
(ii) Kursus hak asasi manusia di kolej dan universiti terutama sekali dalam kerjaya yang melibatkan kerja sosial, perundangan, perubatan dan pentadbiran; dan
(iii) Latihan dalam perkhidmatan atau sebelum perkhidmatan bagi penjawat awam, terutama sekali bagi polis, pegawai penjara, badan kehakiman dan pegawai imigresen.

Maklum balas:

Hak-hak kemanusiaan merupakan salah satu faktor penting dalam menentukan pembangunan kurikulum untuk guru-guru pelatih maktab. Pelaksanaan kurikulum menekankan keperluan guru-guru pelatih untuk peka dan bertanggungjawab terhadap hak-hak murid dan pihak-pihak yang berkepentingan, termasuk ibu bapa. Sehubungan dengan itu, guru-guru pelatih adalah dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai yang akan membolehkan mereka menjalankan tanggungjawab profesional mereka dengan berkesan.

KPM sentiasa peka dan sedar tentang kepentingan hak-hak kemanusiaan dimasukkan ke dalam kursus-kursus yang ditawarkan pada peringkat kolej dan universiti terutama kursus-kursus di mana kerjayanya mempunyai hubungan langsung dengan hak-hak kemanusiaan. Sehubungan dengan itu subjek seperti etika dan undang-undang dimasukkan dalam kursus seperti pengurusan perniagaan, perubatan, perundangan dan pengurusan dan sains sosial.

16.3 Hak mendapatkan maklumat

(i) Penyediaan kursus-kursus ICT yang peka kepada etika, etiket dan keselamatan;
(ii) Meningkatkan kesedaran orang awam mengenai tanggungjawab melaporkan masalah keselematan kepada pihak yang berkenaan;
(iii) Pengiklan dan agensi pengiklanan perlu menghadiri kursus etika pengiklanan bagi mengelakkan penipuan konsumer;
(iv) Pendidikan kepada orang ramai mengenai hak mereka sebagai pengguna;
(v) Penyelidikan terperinci mengenai bahaya tabiat merokok perlu dijalankan bagi meningkatkan kesedaran dikalangan warga Malaysia; dan
(vi) Para wartawan perlu diberi pendidikan mengenai etika kewartawanan supaya pembaca tidak tersalah tafsir.

Maklum balas:

KPM dalam menyediakan pembelajaran ICT kepada murid-murid telah meletakkan satu landasan yang kukuh dengan memperkenalkan visi ICT pendidikan yang berhasrat untuk melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran ICT serta dapat menggunakan teknologi untuk tujuan kebaikan kepada diri, masyarakat dan negara.

40

17. ***International Convention Against Apartheid in Sports*** (m/s 89 Laporan Tahun 2002 SUHAKAM)

Syor SUHAKAM:

SUHAKAM mencadangkan supaya Malaysia meratifikasi konvensyen ini.

Maklum balas:

Kementerian Belia dan Sukan akan menubuhkan sebuah kumpulan kerja yang melibatkan semua agensi yang berkaitan dengan sukan bagi mencadangkan tindakan-tindakan yang perlu diambil untuk meratifikasi peruntukan konvensyen ini dalam Kertas Jemaah Menteri yang akan dikemukakan kepada Kabinet.

18. ***Optional Protocol to the Convention for the Rights of the Child (CRC) on the Sale of Children, Child Prostitution and Child Pornography*** (m/s 89 Laporan Tahun 2002 SUHAKAM)

Syor SUHAKAM:

SUHAKAM mencadangkan supaya Malaysia menyertai *Optional Protocol* ini.

Maklum balas:

Cadangan ini sedang dikaji. Besar kemungkinan Memorandum kepada Jemaah Menteri supaya Malaysia menyertai *Optional Protocol* ini akan dimajukan sebelum penghujung 2003.

19. ***Optional Protocol to the CRC on the Involvement of Children in Armed Conflicts*** (m/s 89 Laporan Tahun 2002 SUHAKAM)

Syor SUHAKAM:

SUHAKAM mencadangkan supaya Malaysia menyertai *Optional Protocol* ini.

Maklum balas:

Cadangan ini sedang dikaji. Besar kemungkinan Memorandum kepada Jemaah Menteri supaya Malaysia menyertai *Optional Protocol* ini akan dimajukan sebelum penghujung 2004.

20. ***Convention on the Prevention and Punishment of the Crime of Genocide*** (m/s 89 Laporan Tahun 2002 SUHAKAM)

Syor SUHAKAM:

SUHAKAM mencadangkan supaya Malaysia menarik balik reservasi yang dibuat ke atas Konvensyen ini.

Maklum balas:

Malaysia telah membuat reservasi ke atas Artikel 9 Konvensyen dengan menyatakan bahawa sebarang rujukan kepada International Court of Justice berkaitan dengan apa-apa pertikaian berhubung dengan peruntukan Konvensyen yang mana Malaysia adalah pihak kepada pertikaian tersebut hanya boleh dilakukan dengan persetujuan khusus (specific consent) Malaysia.

Reservasi ini hendaklah dikekalkan untuk menjaga kepentingan negara kerana ia akan melindungi Malaysia dari kemungkinan dibawa ke *International Court of Justice* secara *unilateral* dan tanpa persetujuan Malaysia.

21. ***Convention on the Rights of the Child*** (m/s 91 Laporan Tahun 2002 SUHAKAM)

Syor SUHAKAM:

SUHAKAM mencadangkan supaya Malaysia menarik balik reservasi yang dibuat ke atas Konvensyen ini.

Maklum balas:

Malaysia telah membuat reservasi terhadap Artikel 1, 2, 7, 13, 14, 15, 22, 28, 37, 40 perenggan 3 dan 4, 44 dan 45 Konvensyen pada 17 Februari 1995. Pada tahun 1998, Malaysia telah menarik balik reservasi ke atas Artikel 22, 28 perenggan 1 (b), (c), (d) dan (e) dan perenggan 2 dan 3, 40 perenggan 3 dan 4, 44 dan 45. Dalam masa yang sama, Malaysia masih mengekalkan reservasi terhadap Artikel 1, 2, 7, 13, 14, 15, 28 perenggan 1 (a) dan 37 kerana Artikel-artikel tersebut tidak selari dengan peruntukan Perlembagaan, Undang-undang dan Dasar negara sedia ada. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan memantau Artikel-artikel yang reservasinya masih dikekalkan dari semasa ke semasa dan akan mengambil tindakan menarik balik reservasi tersebut jika perlu.

22. ***Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW)*** (m/s 91 Laporan Tahun 2002 SUHAKAM)

Syor SUHAKAM:

SUHAKAM mencadangkan supaya Malaysia menarik balik reservasi yang dibuat ke atas Konvensyen ini.

Maklum balas:

Malaysia telah menyetujui CEDAW pada 5 Julai 1995 dengan membuat penjelasan seperti berikut:

> ***"The Government of Malaysia declares that Malaysia's accession is subject to the understanding that the provisions of the Convention do not conflict with the provision of the Islamic Syaria' law and the Federal Constitution of Malaysia. With regard thereto, further, the Government of Malaysia does not consider itself bound by the provisions of Article 2(f), 5(a), 7(b), 9 and 16 of the aforesaid Convention.***
>
> ***In relation to Article 11, Malaysia interprets the provisions of this Article as a reference to the prohibition of discrimination on the basis of equality between men and women only."***

Malaysia telah membuat reservasi terhadap Artikel 2(f), 5(a), 7(b), 9 dan 16 Konvensyen. Pada tahun 1997, Malaysia telah menarik balik reservasi ke atas Artikel 2(f), 9(1), 16(b), (d), (e) dan (h) manakala reservasi ke atas

Artikel 16(1)(a), (c), (f) dan (g) Konvensyen masih dikekalkan sementara deklarasi telah dibuat bagi Artikel 5(a), 7(b), 9(2) dan Artikel 16(1)(a) dan 16(2) Konvensyen. Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (KPWK) telah mengadakan mesyuarat pada 29 Oktober 2003 untuk mengkaji semula reservasi ke atas Artikel 5(a), Artikel 7(b), Artikel 9(2) dan Artikel 16(a), (c), (f) dan (g). Selain KPWK, agensi lain yang turut hadir pada mesyuarat tersebut adalah Jabatan Peguam Negara, Kementerian Luar Negeri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Agensi yang dijemput tetapi tidak hadir ialah Kementerian Dalam Negeri.

Setelah mengkaji semula reservasi ke atas CEDAW, mesyuarat tersebut memutuskan supaya reservasi terhadap Artikel 5(a), Artikel 7(b), Artikel 9(2), Artikel 16 (a), (c), (f) dan (g) dikekalkan memandangkan artikel-artikel tersebut tidak selari dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Syariah.

PENJELASAN KE ATAS KEPUTUSAN

Artikel 5(a):

***State Parties shall take all appropriate measures*:**

(a) ***To modify the social and cultural patterns of conduct of men and women, with a view to achieving the elimination of prejudices and customary and all other practices which are based on the idea of the inferiority or the superiority of either sexes or on stereotyped roles for men and women.***

Asas Reservasi:

Reservasi telah dibuat ke atas Artikel 5(a) dengan deklarasi oleh Malaysia bahawa Artikel tersebut tidak harus bercanggah dengan Undang-Undang Syariah terutama sekali yang berkenaan dengan pembahagian harta pusaka. Selain itu, reservasi ini dikekalkan memandangkan kenyataan "...achieving the elimination of prejudices and customary and all other practices..." menyentuh perkara sensitif yang berhubungkait dengan masyarakat pribumi Sabah dan Sarawak. Tiada mekanisme yang dapat menghapuskan "prejudices and customary and all other practices" melainkan sesebuah masyarakat itu sendiri.

Artikel 7(b):

State Parties shall take all appropriate measures to eliminate discrimination against women in the political and public life of the country and, in particular, shall ensure to women, on equal terms with men, the right:

(b) To participate in the formulation of government policy and the implementation thereof and to hold public office and perform all public functions at all levels of government.

Asas Reservasi:

Malaysia membuat reservasi ke atas Artikel 7(b) dengan deklarasi bahawa pelaksanaan Artikel tersebut tidak harus bercanggah dengan Undang-Undang Syariah berkenaan isu perlantikan ke jawatan sektor awam seperti Mufti, Hakim Mahkamah Syariah dan Imam. Dalam hal ini, Undang-Undang Syariah membenarkan kaum wanita dilantik sebagai hakim di Mahkamah Syariah tetapi tidak membolehkan mereka menjadi Mufti dan Imam.

Artikel 9(2):

State Parties shall grant women equal rights with men with respect to the nationality of their children.

Asas Reservasi:

Malaysia membuat reservasi ke atas Artikel 9(2) kerana ia tidak selari dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang berhubung dengan isu kewarganegaraan. Penarikan balik reservasi ke atas Artikel ini akan melibatkan proses pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan dan adalah tertakluk kepada kelulusan Parlimen.

Artikel 16:

1. State Parties shall take all appropriate measures to eliminate discrimination against women in all matters relating to marriage and family relations and in particular shall ensure, on a basis of equality of men and women:

(a) The same right to enter into marriage;

(c) The same rights and responsibilities during marriage and at its dissolution;

(f) The same rights and responsibilities with regard to guardianship, ward ship, trusteeship and adoption of children, or similar institutions where these concepts exist in national legislation; in all cases the interests of the children shall be paramount;

(g) The same personal rights as husband and wife, including the right to choose a family name, a profession and an occupation;

2. The betrothal and the marriage of a child shall have no legal effect, and all necessary action, including legislation, shall be taken to specify a minimum age for marriage and to make the registration of marriages in an official registry compulsory.

Asas Reservasi:

Malaysia membuat reservasi ke atas Artikel 16(1)(a) dan perenggan 2 kerana ia tidak selari dengan peruntukan dalam undang-undang sivil dan undang-undang Syariah berkenaan dengan had umur minima wanita dan lelaki untuk berkahwin. Malaysia membuat deklarasi bahawa had umur wanita dan lelaki untuk berkahwin masing-masing adalah enam belas (16) tahun dan lapan belas (18) tahun di sisi undang-undang sivil dan undang-undang Syariah. Peruntukan ini terpakai di semua negeri kecuali Perak dan Terengganu di mana akil baligh dijadikan had umur minima untuk berkahwin.

Di samping itu, Malaysia juga membuat reservasi ke atas Artikel 16(1)(c) , (f) dan (g) kerana terdapat percanggahan dengan peruntukan dalam undang-undang Syariah mengenai hak dan tanggungjawab sama rata untuk lelaki dan wanita.

23. Memorandum-memorandum yang diterima oleh SUHAKAM yang memerlukan tindakan oleh pihak Kerajaan (m/s 99 Laporan Tahun 2002 SUHAKAM)

SUHAKAM telah menerima sebanyak 24 Memorandum sepanjang tahun 2002. Dari jumlah tersebut, hanya 2 memerlukan tindakan lanjut dari pihak Kerajaan:

23.1 Memorandum dari SUARAM mengenai penahanan reman orang perseorangan di bawah seksyen 117 Kanun Jenayah, serta kematian tahanan sewaktu dalam kawalan polis. Perkara ini sedang dalam siasatan polis dan SUHAKAM akan memantau hasil siasatan tersebut.

Maklum balas:

Kerajaan tidak dapat memberi maklum balas kepada perkara ini kerana Memorandum yang dimaksudkan tidak dimajukan kepada Kementerian/agensi yang terlibat.

23.2 Memorandum dari penduduk Rumah Martin Nyuran mengenai penebangan pokok di tanah adat mereka oleh Ta Ann Plywood Sdn. Bhd. Perkara ini telah dibawa ke perhatian Jabatan Tanah dan Pemantauan Negeri Sarawak. SUHAKAM akan memantau perkembangan kes ini.

Maklum balas:

Kerajaan tidak dapat memberi maklum balas kepada perkara ini kerana Memorandum yang dimaksudkan tidak dimajukan kepada Kementerian/agensi yang terlibat.

LAMPIRAN XXI

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003

Penyata kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2003 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.

3. Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia pada 31 Disember 2003, hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

(FATIMAH BINTI MAMAT)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
17 Februari 2004

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

PENYATA OLEH SURUHANJAYA

Kami, TAN SRI ABU TALIB BIN OTHMAN dan TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA SIMON SIPAUN, yang merupakan Pengerusi dan Naib Pengerusi SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Suruhanjaya, lembaran imbangan pada 31 Disember 2003, penyata pendapatan, penyata perubahan dana serta penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota-nota yang disertakan, adalah disediakan menurut piawaian perakaunan yang diluluskan yang berkenaan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA pada 31 Disember 2003 dan hasil kendaliannya, perubahaan dana serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Suruhanjaya

TAN SRI ABU TALIB BIN OTHMAN

Pengerusi

Kuala Lumpur

Tarikh: 17 FEB 2004

Bagi pihak Suruhanjaya

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA SIMON SIPAUN

Naib Pengerusi

Kuala Lumpur

Tarikh: 17 FEB 2004

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SUHAKAM

Saya, KAMARUDDIN BIN MOHAMED BARIA, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA, dengan ikhlasnya mengakui bahawa lembaran imbangan pada 31 Disember 2003, penyata pendapatan, penyata perubahan dana serta penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota-nota yang disertakan, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas, KAMARUDDIN BIN MOHAMED BARIA di Kuala Lumpur pada

17 FEB 2004

Di hadapan saya,

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2003

	Nota	2003 RM	2002 RM
ASET TETAP	3	2,417,388	2,698,425
ASET SEMASA			
Pelbagai penghutang, deposit dan prabayar	4	79,714	117,197
Simpanan tetap	5	3,000,000	3,021,248
Wang tunai dan baki di bank	6	634,768	383,443
		3,714,482	3,521,888
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai pemiutang dan akruan	7	98,364	168,350
		98,364	168,350
ASET SEMASA BERSIH		3,616,118	3,353,538
ASET BERSIH		6,033,506	6,051,963
Dibiayai oleh:			
DANA TERKUMPUL		6,033,506	6,051,963

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003

	2003 RM	2002 RM
PENDAPATAN		
Geran	6,822,600	9,695,000
PENDAPATAN LAIN		
Hibah	27,246	60,722
Faedah ke atas simpanan tetap	108,347	21,248
Keuntungan dari pelunasan aset tetap	9,596	-
Mudharabah	2,913	-
	6,970,702	9,776,970
PERBELANJAAN		
Emolumen	987,432	785,426
Perjalanan dan sara-hidup	590,132	586,762
Pengangkutan barang	2,002	2,127
Perhubungan dan utiliti	187,568	139,617
Sewaan	924,461	971,289
Bekalan makanan dan minuman	5,391	5,266
Alat ganti dan pembaikan	75,306	40,158
Bekalan dan bahan-bahan lain	236,670	191,329
Peyelenggaran dan pembaikan kecil	169,122	124,822
Perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti	3,222,465	2,552,817
Susutnilai	587,930	181,409
Ganjaran	17,989	75,000
Perbelanjaan lain	2,000	1,878
	7,008,468	5,657,900
(Kurangan)/lebihan pada tahun	(37,766)	4,119,070

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

PENYATA PERUBAHAN DALAM DANA TERKUMPUL
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003

	Nota	Dana terkumpul RM
Pada 1 Januari 2002		1,932,893
Lebihan pada tahun		4,119,070
Pada 31 Disember 2002/1 Januari 2003		6,051,963
Pelarasan tahun lepas	8	19,309
Kurangan pada tahun		(37,766)
Pada 31 Disember 2003		6,033,506

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003

	2003 RM	2002 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI		
Penerimaan	6,862,996	10,280,954
Pembayaran untuk perbelanjaan	(6,527,054)	(5,397,160)
Tunai bersih dari aktiviti operasi	335,942	4,883,794
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN		
Hibah	27,246	60,722
Faedah diterima dari simpanan tetap	129,595	21,248
Simpanan tetap	-	(3,021,248)
Belian aset tetap	(336,458)	(2,672,216)
Hasil dari pelunasan aset tetap	95,000	-
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan	(84,617)	(5,611,494)
Peningkatan/(penurunan) bersih dalam tunai dan bersamaan tunai	251,325	(727,700)
Tunai dan bersamaan tunai dibawa kehadapan	383,443	1,111,143
Tunai dan bersamaan tunai dihantar kehadapan	634,768	383,443

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2003

1: SUHAKAM

1.1 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malayisa (SUHAKAM) di tubuhkan oleh Parlimen di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, Akta 597. Akta ini telah diwartakan pada 9 September 1999.

1.2 Fungsi utama SUHAKAM adalah:

1.2.1 Untuk memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berhubungan dengan hak asasi manusia.

1.2.2 Untuk menasihati dan membantu Kerajaan dalam merumuskan perundangan dan arahan dan tatacara pentadbiran dan mengesyorkan langkah-langkah yang perlu diambil.

1.2.3 Untuk mengesyor kepada Kerajaan berkenaan dengan penandatanganan atau penyertaan dalam perjanjian triti dan suratcara antarabangsa yang lain dalam bidang hak asasi manusia.

1.2.4 Untuk menyiasat aduan berkenaan dengan pelanggaran hak asasi manusia.

1.3 Dana SUHAKAM

Bagi tahun 2003, SUHAKAM telah menerima peruntukan melalui Kementerian Luar Negeri berjumlah RM 6,822,600 bagi perbelanjaan mengurus.

(Samb.)

2: DASAR PERAKAUNAN PENTING

2.1 Asas Perakaunan

Penyata kewangan ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan yang berkenaan.

2.2 Kumpulan Wang Mengurus

Kumpulan Wang Mengurus adalah peruntukan yang diterima melalui Kementerian Luar Negeri untuk menjalankan aktiviti dan operasi SUHAKAM bagi mencapai objektif dan matlamat penubuhan SUHAKAM.

2.3 Aset Tetap dan Susutnilai

Aset tetap dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai.

Aset tetap yang dibeli bernilai kurang daripada RM500 diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan.

Susutnilai diperuntukkan atas kos setiap aset dengan ansuran tahunan yang sama sepanjang anggaran kegunaannya.

Kadar susutnilai tahunan adalah seperti berikut:

Buku, peralatan dan kelengkapan	20%
Komputer	20%
Kenderaan	20%
Pengubahsuaian	20%

2.4 Tunai dan Bersamaan Tunai

Tunai dan bersamaan tunai adalah merangkumi wang tunai di tangan, dan baki di bank serta simpanan tetap yang tidak dicagarkan untuk sebarang tujuan.

(Samb.)

3: **ASET TETAP**

2003	Buku, peralatan dan kelengkapan	Komputer	Kenderaan	Peng-ubahsuaian	Jumlah
	RM	**RM**	**RM**	**RM**	**RM**
Kos					
Pada 1 Januari	357,176	37,048	2,163,071	324,012	2,881,307
Tambahan	114,207	103,355	100,416	55,010	372,988
Pelunasan	-	-	(100,381)	-	(100,381)
Pelarasan	22,013	-	-	-	22,013
Pada 31 Disember	493,396	140,403	2,163,106	379,022	3,175,927
Susutnilai terkumpul					
Pada 1 Januari	46,572	5,421	92,335	38,554	182,882
Dikenakan pada tahun	79,612	8,848	435,128	64,342	587,930
Pelunasan	-	-	(14,977)	-	(14,977)
Pelarasan	2,704	-	-	-	2,704
Pada 31 Disember	128,888	14,269	512,486	102,896	758,539
Nilai buku bersih					
Pada 31 Disember	364,508	126,134	1,650,620	276,126	2,417,388

2002	Buku, peralatan dan kelengkapan	Komputer	Kenderaan	Peng-ubahsuaian	Jumlah
	RM	**RM**	**RM**	**RM**	**RM**
Kos					
Pada 1 Januari	124,344	21,158	-	124,800	270,302
Tambahan	232,832	15,890	2,163,071	199,212	2,611,005
Pada 31 Disember	357,176	37,048	2,163,071	324,012	2,881,307
Susutnilai terkumpul					
Pada 1 Januari	1,429	44	-	-	1,473
Dikenakan pada tahun	45,143	5,377	92,335	38,554	181,409
Pada 31 Disember	46,572	5,421	92,335	38,554	182,882
Nilai buku bersih					
Pada 31 Disember	310,604	31,627	2,070,736	285,458	2,698,425

(Samb.)

7: PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

	2003 RM	2002 RM
Jumlah terhutang kepada pelbagai pemiutang	36,530	26,851
Akruan	61,834	141,499
	98,364	168,350

8: PELARASAN TAHUN LEPAS

Pelarasan tahun lepas terdiri daripada:

	2003 RM
Pelarasan:	
Kos aset tetap yang diambilkira sebagai perbelanjaan sebelum ini diperbetulkan	22,013
Susutnilai dikira sebagai kurangan peruntukan	(2,704)
	19,309

9: MAKLUMAT KAKITANGAN

Jumlah kakitangan SUHAKAM (termasuk Ahli Suruhanjaya) pada akhir tahun adalah 68 (2002: 56).

(Samb.)

4. PELBAGAI PENGHUTANG, DEPOSIT DAN PRABAYAR

	2003 RM	2002 RM
Jumlah terhutang oleh Kementerian Luar Negeri	4,221	4,221
Bayaran balik gaji dari Kementerian Kebudayaan dan Kementerian Pertahanan	6,647	15,131
Bayaran balik dari MAS	15,422	-
Bayaran balik dari Jabatan Akauntan Negara	1,242	-
Deposit-sewa pejabat-Sabah dan Sarawak	34,038	34,038
Deposit-elektrik-Sarawak	9,000	9,000
Deposit-air-Sarawak	360	360
Deposit-letak kereta	2,200	2,200
Deposit-sewa pokok bunga	767	767
Wang pendahuluan seminar di Geneva-Wisma Putra	-	28,319
Wang pendahuluan kakitangan	5,577	3,182
Wang pendahuluan "Roadshow" di Sabah	240	19,979
	79,714	117,197

5: SIMPANAN TETAP

	2003 RM	2002 RM
Simpanan dengan bank berlesen	3,000,000	3,021,248

6: WANG TUNAI DAN BAKI DI BANK

	2003 RM	2002 RM
Tunai di tangan	4,730	5,000
Tunai di bank	630,038	378,443
	634,768	383,443

ISSN 1675-1159